

PENDETA
ZA'BA
dalam
KENANGAN

ABDULLAH HUSSAIN
KHALID M. HUSSAIN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2000

Cetakan Pertama 1974
Edisi Kedua Cetakan Pertama 2000
© Abdullah Hussain dan Khalid M. Hussain 1974

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dan apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Pendeta Za'ba dalam kenangan /

Abdullah Hussain, Khalid Hussain. - Ed. ke-2.

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-6951-7

I. Za'ba, 1895-1974. 2. Authors, Malay-Biography.

I. Khalid Hussain. II. Judul.

928.9923

Dicetak oleh
Percetakan Watan Sdn. Bhd.
26, Jalan Daud
Kampung Baru
50300 Kuala Lumpur

M
1150260

*Perpustakaan Negara
Malaysia*

KANDUNGAN

<i>Prakata Edisi Kedua</i>	vii
<i>Prakata Edisi Pertama</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xi
I. Kedudukan Za'ba dalam Masyarakat Melayu	1
II. Riwayat Hidup	16
III. Artikel-artikelnya yang Penting	188
1. Jalan Keselamatan bagi Orang-orang Melayu	188
2. Kemiskinan Orang Melayu	209
3. Guna Kekayaan	224
4. Teguran dan Jawapan	234
5. <i>Modern Development of Malay Literature</i>	242
6. <i>Recent Malay Literature</i>	270
7. <i>Malay Journalism in Malaya</i>	295
IV. Bibliografi	303
1. Karya-karyanya Zainal Abidin yang Telah Diterbitkan Berbentuk Buku	303
Karya-karya yang Tidak Tercetak	305
Cita-citanya yang Gagal	305
2. Karya-karyanya yang Berupa Artikel dalam Surat-surat Khabar dan Majalah	305
3. Tulisan-tulisan Mengenai Dirinya	312
<i>Lampiran</i>	315
<i>Indeks</i>	349

PRAKATA

EDISI KEDUA

NAMA Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad) telah terukir dalam sejarah persuratan dan kebudayaan Melayu baharu sebagai tokoh bahasa, sastera, ekonomi, agama dan juga politik. Dalam bidang bahasa, jasanya cukup besar sebagai Bapa Tatabahasa Melayu di Malaysia dengan karya besarnya *Pelita Bahasa Melayu*, di samping karyanya tentang sistem ejaan Jawi dan Rumi, serta retorik.

Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah mengungkapkan jasa bakti Za'ba kepada dunia persuratan Melayu dengan kata-kata "Dialah pemukul rebana kalbu masyarakat kita dalam Dewan Persuratan dan nyaring debarannya masih terdengar ke hari ini!" (Pidato Umum Pengurniaan Ijazah Doktor Persuratan kepada Za'ba oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973).

Dalam bidang agama dan ekonomi, pandangannya cukup kritis dan berani. Za'ba dapat dianggap salah seorang yang mendukung islah atau reformasi dalam masyarakat Melayu sebelum kemerdekaan. Malah dalam bidang politik, penglibatannya dalam menentang gagasan *Malayan Union* anjuran penjajah Inggeris membuktikan iltizam Za'ba dalam perjuangan meletakkan asas pembinaan negara.

Atas kesedaran akan besarnya sumbangan Za'ba itulah DBP, bersempena dengan pelancaran Kursi Za'ba oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 29 April 2000, menerbitkan semula buku ini dalam bentuk yang lebih berprestij untuk tatapan masyarakat, khususnya generasi

PRAKATA EDISI KEDUA

muda. Semoga pengorbanan Za'ba dalam meningkatkan pemikiran, ilmu, dan tamadun bangsa dapat dijadikan teladan oleh anak bangsanya.

Haji A. Aziz Deraman

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka

2000

PRAKATA

EDISI PERTAMA

SAYA bagi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka berasa gembira kerana dapat menyembahkan kepada masyarakat Malaysia sebuah buku penting tentang seorang tokoh besar tanah air, Prof. Pendeta Tan Sri Zainal Abidin Ahmad yang lebih dikenali dengan nama Za'ba.

Kebesaran Za'ba dalam masyarakat Malaysia terutama sekali dalam masyarakat Melayu, tidak sahaja terletak dalam bidang bahasa dan sastera yang umum, tetapi beliau juga terkenal dalam bidang politik dan agama. Ia termasuk seorang yang radikal pada zamannya. Ia tidak sahaja membawa idea-idea baharu ke dalam masyarakat Melayu yang pada waktu itu masih tebal dengan kekolotannya tetapi juga ia dengan berani menulis tentang penyakit-penyakit kelemahan orang Melayu serta dengan ubat dan penawarnya sekali.

Ia dapat dianggap orang Melayu yang pertama melalui penanya membawa kesedaran politik kepada kaum bangsanya dan dialah pula pengerusi jawatankuasa yang telah menyebabkan UMNO wujud sebagai parti politik yang kuat.

Dewan Bahasa dan Pustaka bersyukur kerana dapat menerbitkan buku ini yang berisi dengan riwayat hidupnya, artikel-artikelnya yang penting, bibliografi yang dapat dianggap paling lengkap. Dewan Bahasa dan Pustaka

PRAKATA EDISI PERTAMA

memberi penghargaan yang tinggi kepada Sdr. Abdullah Hussain dan Sdr. Khalid M. Hussain yang telah berusaha mendapatkan riwayat hidup beliau semasa hidupnya.

Haji Sujak Rahiman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
1974

PENGHARGAAN

KAMI mengucapkan terima kasih banyak terutama kepada anak-anak Pendeta Za'ba: Raihanah, Zaharah, Zamrud, Ahmad Murtadza, Mohd. Redha dan Zaitun; dan kemudian kepada Rashidah Ismail, Cikgu Mahmud Ahmad, Ibu Hajah Zain Sulaiman, Puan Azah Aziz, Cik Zakiah Hanum dari Arkib Negara; Dalam Press, Singapura; The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad; Utusan Melayu (Malaysia) Berhad; *JMBRAS*; *Malay Weekly Mail*; *Al-Ikhwan*, Pulau Pinang; Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur kerana bantuan yang mereka berikan kepada kami dalam melengkapi buku biografi ini.



I

KEDUDUKAN ZA'BA DALAM MASYARAKAT MELAYU

PENDETA Za'ba, sudah tidak asing lagi bagi peminat, peneliti serta pengkaji bahasa, persuratan dan kebudayaan Melayu. Malahan boleh dikatakan bahawa setiap orang yang ingin mempelajari bahasa Melayu tidak dapat tidak pada satu ketika terpaksa membaca karva-karva beliau mengenai bahasa Melayu yang hingga kini masih dianggap standard oleh setengah-setengah golongan tradisionalis dan kalau ditinjau dari sudut ilmu linguistik moden ternyata terdapat beberapa kelemahan dan kepincangan yang dilakukan oleh beliau dengan tidak sengaja kerana pada zaman beliau giat menulis, ilmu linguistik umum pun belum dikenali di kalangan penggemar dan peneliti bahasa Melayu.

Ilmu linguistik moden adalah salah satu cabang dari ilmu sains sosial dan kemanusiaan dan baru sahaja diterapkan dalam pengkajian bahasa Melayu baik di Malaysia mahupun di Indonesia. Dari itu bukanlah suatu perkara aneh jika kita masih dapati buku-buku tatabahasa Melayu dan Indonesia yang bersifat tradisional itu masih digunakan dengan luas hingga kini. Yang kami maksudkan dengan istilah tradisional ialah tulisan-tulisan, baik oleh sarjana-sarjana Barat mahupun Timur, mengenai tatabahasa Melayu dan Indonesia yang didasarkan pada sistem tatabahasa Yunani dan Romawi, tanpa ditinjau daripada bahasa yang sedang dikaji itu sendiri. Pendeta Za'ba bukan merupakan pengarang tatabahasa Melayu yang terkecuali tetapi kelebihan Pendeta Za'ba ialah beliau memasukkan juga

tatabahasa Arab yang banyak pengaruhnya terhadap perbendaharaan kata dan tatabahasa Melayu.

Dari itu jugalah maka bukan suatu perkara aneh kalau kita dapat seorang sarjana muda, Sulaiman Masri, pernah berkata:

- 1.1 Umumnya kata-kata dalam apa bahasa pun bisa digolongkan berdasarkan kepada dua kriteria; makna dan struktur. Misalnya *noun* dalam bahasa Inggeris itu diertikan sebagai kata yang menunjukkan kepada nama benda yang bernyawa atau tidak bernyawa. Dan *verb* diertikan sebagai kata yang menunjukkan perbuatan. Manakala sifat atau *adjective* pula diertikan sebagai kata yang menunjukkan sifat sesuatu benda.
- 1.2 Perlakuan yang sedemikian rupa (seperti yang terdapat dalam buku tatabahasa Inggeris) dicedok bulat-bulat oleh ahli-ahli tatabahasa bahasa Melayu. Za'ba sendiri termasuk dalam golongan ini.¹

Seorang tokoh tradisional, ahli hukum, sarjana, sasterawan serta budayawan, Sutan Takdir Alisjahbana yang juga seorang *language engineer* telah mencabar para linguist yang berkecimpung dalam bidang linguistik moden supaya membuktikan bahawa teori mereka itu benar agak bisa menghasilkan lebih banyak lagi karya ilmiah mengenai tatabahasa Melayu dan Indonesia.² Besar harapan kami agar para linguist di tanah air akan menerima cabaran ahli fikir Sutan Takdir Alisjahbana dan meneruskan lagi usaha dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu yang batu asasnya telah pun diletakkan oleh Pendeta Za'ba.

1 Sulaiman Masri: "Perbandingan Za'ba dengan Dr. Asmah Hj. Omar dalam perlakuan terhadap golongan kata" dlm. *Devan Bahasa* 5:xvi, hlm. 205, Mei 1972.

2 Pidato pengukuhanannya di Universiti Malaya pada 22 Disember, 1964, berjudul: 'The Failure of Modern Linguistics in the Face of Linguistic Problems of the Twentieth Century'. Juga termuat dalam *Indo-Pacific Linguistic Studies*, Part II, Special Number of *Langua*, Jil. 15, 1965, di bawah redaksi G.B. Milner dan E.J.A. Henderson: 'New National Language: A Problem of Modern Linguistics has Failed to Solve'.

Sudah pasti kita akan melakukan suatu ketidakadilan andai kata kita akan mengukur Pendeta Za'ba dalam konteks dan kaca mata dewasa ini, ketika perkembangan ilmu pengetahuan meluas dengan begitu pesat sekali. Winston Churchill pernah pada suatu ketika mengatakan: *'the radicals of today are the conservatives of tomorrow'* dan Pendeta Za'ba memang pada zaman kegemilangannya ialah seorang tokoh yang cukup radikal.³ Beliau ialah seorang tokoh bahasa Melayu dan tahu bahasa Arab dan mempunyai pengetahuan tentang agama Islam. Dari itu tidak hairanlah kalau kita dapati bahawa Pendeta Za'ba tergolong dalam kaum muda pada zamannya serta memakai bahasa Melayu yang semi klasik dan yang sangat memperlihatkan sifat kearabannya dalam bahasa Melayu yang dipakainya itu. Di sini bukanlah maksud kami untuk melakukan satu analisis tentang karya-karya beliau, tetapi sekadar menurunkan apa yang beliau telah usahakan dalam bidang bahasa, kesusasteraan, agama, ekonomi dan pendidikan baik yang telah tercetak mahupun yang masih tersimpan dalam bentuk *scroll* dan sebagainya. Pernah dalam satu wawancara dengan kami, beliau mengatakan bahawa beliau sekarang ini sudah tua dan sangat uzur sekali dan tidak bisa meneruskan lagi dengan penyelidikan. Beliau juga mengatakan bahawa nasib bahasa dan bangsa Melayu pada masa hadapan adalah terserah kepada angkatan muda dan para intelektual Melayu yang terdidik dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan untuk menyambung lagi perjuangan yang tidak dapat beliau teruskan itu. Salah satu watak dalam drama Christopher Fry pernah mengatakan: *'We have no grasp of anything except the present, which alters as we grasp it.'* Isterinya berkata: *'We must freely admit the future, and leaves the room to give birth to a son.'*

Pendeta Za'ba ialah seorang intelektual Melayu dalam erti kata yang seluas-luasnya. Beliau ialah seorang yang terbuka, dapat memberi dan menerima dan cukup tekad untuk menegakkan kebenaran serta tidak ragu-ragu dan bimbang untuk mengaku kesalahannya kalau memang ternyata adanya kesalahan dan kelemahan beliau. Pernah

3 William R. Roff, 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur dan Singapura: University of Malaya Press. Lihat bab 3.

pada ketika beliau menerima bintang anugerah gelar Datuk (Tan Sri) dalam upacara yang gilang-gemilang dan detik peristiwa yang beriwayat dan bersejarah dalam hidup beliau, dengan secara lantang dan terus terang beliau mengakui bahawa buku-buku tatabahasa Melayu yang beliau usahakan itu bukan semuanya betul, lebih banyak kelemahan dan jauh dari kesempurnaan. Kalau dahulu beliau ialah seorang puris yang cukup fanatik tentang kemurnian bahasa Melayu dan menentang habis-habisan kemasukan kata-kata Indonesia yang berkembang sebegitu pesat dan meluas sekali di Nusantara, maka pada upacara tersebut, untuk pertama kali dalam hidup beliau, dengan segala keikhlasan dan kejujuran beliau telah mengaku kalah dan tidak menentang lagi, malahan beliau mengatakan bahawa bahasa Melayu pun harus ikut berkembang seperti bahasa Indonesia kalau kita mahu bahasa Melayu menjadi bahasa yang maju, moden dan bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Dengan ini jugalah maka beliau dengan secara tidak langsung menarik kembali kata-kata beliau pada pendahuluan buku A.H. Edrus, *Persuratan Melayu I*, Qalam, Singapura, yang berbunyi antara lain:

"... Akhirnya bersama-sama kita berdoa moga-moga diperbanyak Tuhan penulis-penulis dan pengarang-pengarang kita yang mempunyai kebolehan mencipta karangan-karangan Melayu yang tidak akan lapuk dan basi hingga abadul abidin *supaya bahasa Melayu bertambah mulia dan terpelihara daripada pengaruh-pengaruh kacukan yang menghodoh dan merosakkan dan supaya perbendaharaan Sastra Melayu bertambah kaya dan tinggi nilainya di antara sastra-sastra dunia. Amin!*"

Satu abad yang silam, Abdullah Munshi, pernah mengkritik dalam karangan-karangannya mengenai kepercayaan, pendidikan dan ekonomi penduduk peribumi dan memperbandingkan penduduk peribumi dengan orang-orang Inggeris yang secara kebetulan sekali terdiri dari golongan sarjana, cendekia, pendidik dan mubaligh-mubaligh yang datang ke Tanah Melayu pada zamannya. Pendeta Za'ba pun membuat kajian tentang masalah yang sama tetapi bidangnya lebih luas dan kritik-kritiknya bersifat konstruktif. Malahan beliau membuat perbandingan yang lebih objektif dan memperbandingkan penduduk peribumi dengan

pendatang khususnya dari golongan Cina. Walaupun Abdullah tidak diikuti oleh suatu angkatan yang tertentu, tetapi jejak langkah beliau diikuti oleh Muhammad Ibrahim Munsyi. Pendeta Za'ba pula walaupun mempunyai beberapa orang putera dan puteri yang mempunyai pendidikan tinggi, tetapi tidak seorang pun antara mereka yang ikut jejak langkahnya dan memilih bidang lain yang pernah pada suatu ketika beliau lakukan. Dari itu Pendeta Za'ba bukan sahaja tidak mempunyai angkatan tetapi juga keturunan yang mahu menyambung apa yang pernah beliau perjuangkan. Persamaan antara Abdullah Munsyi dengan Pendeta Za'ba bukan sahaja tidak mempunyai angkatan tetapi juga keturunannya yang mahu menyambung apa yang pernah beliau perjuangkan itu. Perbezaan antara Abdullah Munsyi dengan Pendeta Za'ba ialah Abdullah Munsyi hanya menerangkan tentang penyakit-penyakit sosial di kalangan masyarakat peribumi tanpa mengusulkan penawarnya, tetapi sebaliknya Pendeta Za'ba bukan sahaja dapat mendedahkan penyakit-penyakit tersebut malahan beliau juga dapat memikirkan penawarnya yang didasarkan pada ajaran agama Islam.

Untuk membuktikan bahawa beliau ialah seorang intelektual Melayu dalam erti kata yang seluas-luasnya, maka di sini kami turunkan inti pati buah fikiran, renungan serta tinjauan dan pendapat beliau mengenai masalah orang Melayu sebagaimana yang terdapat dalam karangan-karangan beliau yang terkenal *The Poverty of the Malays* dan *The Salvation of The Malays*.

SIFAT-SIFAT KEMISKINAN ORANG MELAYU

(A) Kemiskinan Keperangaian Tinggi dan Mulia

1. Kemiskinan orang Melayu mengelilingi mereka pada segala pihaknya.
2. Lucuh dengan menjamu kesedapan syahwat dan hawa nafsu kebinatangan dan hendak bersedap-sedap sahaja.
3. Tidak mempunyai iman yang teguh dan percaya kepada kekuatan ghaib dan guna-guna semata-mata.

4. Ajaran guru-guru agama yang kolot walaupun yang tidak pernah pergi ke Makkah.
5. Tidak mempunyai kepercayaan pada diri sendiri.
6. Kekurangan sifat-sifat yang seperti berikut:
 - (a) teguh cita-cita (*perseverance*)
 - (b) tanggungjawab sendiri (*sense of responsibility*)
 - (c) kewajipan yang patut dilakukan (*sense of duty*)
 - (d) menepati masa (*sense of punctuality*)
 - (e) kerja kuat (*industrious*)
 - (f) rela korban (*self sacrifice*)
 - (g) kebajikan umum (*public spirit*)
 - (h) *hubb'l-wathan*, cinta tanah air (*love for one's country*)

(B) Kemiskinan Ilmu Pengetahuan

1. Walaupun sudah 600 tahun memeluk agama Islam, orang Melayu masih mengelirukan pengaruh taklid dengan ajaran tauhid.
2. Agama dan bidaah dicampuradukkan di kampung-kampung Melayu. Umpamanya waktu menanam padi, upacara korban, guna-guna, tangkal dan sebagainya.
3. Ajaran agama hanya terbatas kepada membaca Qur'an, sembahyang dan niat puasa.
4. Ilmu pengetahuan ditolak bulat-bulat.
5. Perbezaan besar antara sekolah Inggeris dengan sekolah Melayu.

(C) Kemiskinan Cita-cita Tinggi dan Kemahuan untuk Maju

1. Ajaran Tuk Guru yang bersifat *katak di bawah tempurung*.
2. Kurang percaya pada diri sendiri, usaha diri sendiri dan bukan usaha orang lain.
3. Cita-cita hanya untuk menjadi kerani dan tuan kecil sahaja.
4. Sesuatu bangsa itu tidak akan besar sekiranya perniagaan dan perusahaan tidak dijalankan oleh bangsa itu sendiri.

5. Ungkapan-ungkapan seperti:
Niat hati hendak peluk gunung, tetapi apakan daya tangan tidak sampai, harus diganti dengan Ada kemahuan ada jalan. Hati hendak semua jadi. Kalau hendak seribu daya.

(D) Kemiskinan Harta dan Kekayaan

1. Kekurangan perangai yang mulia tinggi, ketiadaan ilmu pelajaran, kehampaan cita-cita tinggi.
2. Nama sahaja negeri Melayu tetapi bilangan yang mempunyai kekayaan dan tanah perniagaan sangat sedikit.
3. Harta itu tidak berfaedah, kekayaan itu adalah daki dunia dan apa hendak ikut Cina kerana mereka kafir dan tidak ada akhirat.
4. Adapun pokok kemajuan sesuatu bangsa ialah tahu menggunakan waktu dan bangsa yang tidak mengetahui boleh dianggap masih dalam kebodohan.
5. Bangsa Melayu hanya berdasarkan kategori golongan mengikut keturunan dan asal usul. Kekayaan material tidak dipentingkan. Dia membandingkan orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina.

JALAN KESELAMATAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU

(A) Asuhan Hati dan Budi Pekerti

1. Seseorang itu hanya beroleh tempat barang di mana ia sendiri menempatkan dirinya.
2. Rupa tidak dapat diubah, tetapi fiil dapat, perangai kebangsaan yang teguh, kemajuan dan ketinggian bangsa.
3. Kejayaan dapat dicapai dengan
 - (a) dasar akhlak yang luhur
 - (b) iman percaya benar akan Allah
 - (c) membuat amal soleh
 - (d) tolong-menolong, membuat kebenaran mewujudkan kebesaran.

4. Kelemahan: iman lemah, tidak berusaha dan rajin berikhtiar, tidak percaya kepada diri sendiri, tidak sayangkan harta benda, enggan memberi kepada jalan-jalan kebajikan, malas membuat baik tanpa balasan dan tanpa cita-cita hendak maju.
5. Jalan selamat: kewajipan kepada diri sendiri, kepada orang lain dan kepada Allah. Dengan tenaga ikhtiar sendiri hingga berjaya. Darjat tinggi harus didasarkan kepada agama, mencari pengetahuan yang berguna, meluaskan pengenalan, membesarkan lapangan timbang rasa, menghilangkan sifat-sifat perangai yang keji dan ilmu yang membaiki hati.
6. Nabi Muhammad s.a.w., 'Bahawasanya aku hanya telah dibangkitkan jadi rasul kepada manusia kerana tujuan supaya memberi sempurna sifat kemuliaan jiwa'.

(B) Didikan dan Pelajaran kepada Anak-anak

1. Memberi didikan yang baik pada masa kecil anak-anak itu adalah seperti memahat lukisan atau tulisan pada batu.
2. Bagaimana lenturan yang dibentuk kepada anak-anak itu dari teladan dan ajaran ibu bapanya, maka begitulah mereka akan jadi.
3. Rumah itulah yang pertama kepada anak-anak bagi pelajaran bagaimana melakukan dirinya dalam kehidupan dunia ini.
4. Bahawa syurga itu terletak di bawah kaki ibu.
5. Kejayaan atau kekecewaan masyarakat Melayu terletak atas cara didikan dan pelajaran yang diberi kepada anak-anak Melayu.

(C) Memperluas Alam Persuratan

1. Bahasalah yang akan dapat menambahkan kepandaian ilmu bangsanya kerana hanya bahasa yang boleh menjadikan manusia berilmu dan berakal.
2. Membaca dan mengambil teladan karangan-karangan pengarang-pengarang besar atau memerhatikan

- orang-orang yang bijak bercakap. Dengan tidak disedari, karangan-karangan kita akan dipengaruhi.
3. Bahasa Barat sebagai satu bandingan serta disifatkan sebagai alat menyiasat dan menghalusi pengajian-pengajian dalam bahasa sendiri.
 4. Pelajar-pelajar yang tahu bahasa asing menggemarkan diri kepada pengajian bahasa Melayu, menilai dan membongkar karangan-karangan mengenai bahasa Melayu yang dibuat oleh orang Barat.
 5. Kedudukan bahasa: pelajaran dan ilmu pengetahuan tidak cukup, akhbar hidup dan mati, sambutan pasif, kegemaran membaca kurang.
 6. Buku-buku syair yang sebenarnya elok membawa kita kepada perasaan mengenal perkara-perkara yang cantik dan juga menghembuskan semangat gemarkan kecantikan.

(D) Berjimat Cermat

1. Perangai boros, tidak tahu berjimat cermat itu adalah satu daripada sifat kekurangan kaum kita Melayu yang terbesar sekali.
2. Sifat-sifat lain:
Hidup mati tiada tentu, baiklah dirasai nikmatnya sementara ada nyawa sekarang. Kalau bukan rezeki, dalam mulut pun jatuh keluar. Jadi apa guna di-simpan kerana semuanya adalah dalam kiraan Allah.
3. Kecenderungan berhutang-hutang oleh sebab mengikut hati hendak berlebih-lebihan menyaingi atau menyamai kawan-kawan sampai kadang-kadang berjual bergadai manakala hendak mengadakan kenduri-kendara. Ada sesetengahnya yang sampai hilang tanah, kebun, harta benda.
4. Gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar, sungguhpun terkeluar isi perut.
5. Barang siapa boros membuang-buang harta dengan sia-sia Allah Taala jadikan dia papa. Janganlah kamu membuang-buang belanja membazirkan harta benda dengan sia-sia; orang yang membazir pada belanjanya ialah saudara syaitan.

6. Tindakan baik:
 Bantuan kepada rancangan kemajuan, menolong fakir miskin, cacat, mewakaf, mewasiatkan kekayaan untuk umum. Membuka syarikat perniagaan dengan menjual syer-syer dan seterusnya mengadakan syarikat untuk menjual dan membeli barang serta pinjam-meminjam wang.

Dari inti pati penanya yang kami sebutkan di atas, maka nyatalah bahawa Pendeta Za'ba ialah seorang intelektual Melayu pada zamannya. Satu faktor lagi yang perlu diperturunkan di sini ialah tanggapan beliau mengenai norma-norma dan sistem nilai (*value system*). Beliau sering sahaja membandingkan orang Melayu dengan orang Cina sedangkan Abdullah Munsyi membandingkan orang Melayu dengan orang Inggeris. Kegagalan dan kekalahan orang Melayu di tangan orang Cina menurut beliau adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (a) Orang Cina rajin kerana keadaan hidupnya payah.
- (b) Orang Melayu hidup dalam iklim yang tidak mengizinkan mereka bekerja keras.
- (c) Falsafah orang Melayu telah menyeleweng dari iktisad Islam.
- (d) Kehidupan orang tua-tua yang tertakluk oleh raja-raja.
- (e) Tuk-tuk guru di surau-surau telah merosakkan masyarakat Melayu di kampung-kampung.
- (f) Pemerintah asing dan pemerintah dalam negeri tidak menggalakkan anak negeri maju dan sebaliknya kehidupan golongan peribumi adalah seperti sebuah muzium yang memelihara adat-adat dan upacara-upacara kuno.

Pendeta Za'ba di samping terkenal sebagai seorang intelektual Melayu yang ulung juga sangat dihormati sebagai seorang pakar bahasa, pujangga dan seorang yang tahu bahasa Arab dan agama Islam. Sejak beliau masih muda lagi, beliau sangat kritis terhadap keadaan masyarakatnya dan sering mengadakan polemik dalam majalah dan akhbar

mengenai bahasa, agama, iktisad dan pendidikan. Oleh kerana suasana menjadi begitu panas pada masa itu, maka beliau terpaksa memakai nama samaran seperti *Zai Penjelmaan*, *Patriot* dan *Za'ba*.

Sebagai contoh kita dapati bahawa dalam majalah *Lembaga Melayu*, 1917, 'Zai Penjelmaan' telah bertikam lidah dengan 'Prokok' mengenai masalah agama di samping 'Penasihat' dan 'Panglima Kakap'. Selain daripada itu, dalam *Lembaga Melayu* dan *Majalah Pengasuh*, 'Patriot' sekali lagi membentangkan buah fikirannya tentang pelajar-pelajar yang pulang dari England yang lupa daratan, agama dan bangsanya serta pejabat-pejabat pelajaran dengan pegawai-pegawai Inggerisnya. Pokok pembicaraan yang dibincangkan oleh Za'ba pada masa itu ialah mengenai sikap kerani-kerani Melayu, kewajiban berpengetahuan, latihan pelajaran agama pada umat Melayu dan mengenai bahasa dan persuratan Melayu umumnya. Beliau terkenal dengan julukan *Pengarang yang Termasyhur Tuan Za'ba* setelah tersiar karangan beliau yang berjudul *Poverty of the Malays* dan *Salvation of The Malays* yang termuat dalam *The Malay Weekly Mail*, Disember, 1923. Karangannya dalam bahasa Melayu mengenai pokok pembicaraan yang sama turut dimuat dalam majalah *Al-Ikhwan*, Jilid I dan II dari bulan Ogos hingga bulan November, 1927. Di samping ini semua, beliau juga menulis mengenai sejarah, pendidikan dan bahasa yang tersiar dalam *Majalah Guru*, kesihatan akhlak dalam *Istana Al-Hambra*, ilmu kesihatan kaum ibu dalam majalah *Bulan Melayu* dan mengenai bahasa dan persuratan Melayu dalam *Majalah Malaya*.

Pernah dalam salah satu wawancara dengan kami, beliau telah menyatakan bahawa beliau bukan sahaja menulis secara serius sejak tahun 1930 lagi, malahan beliau juga telah pernah menulis sejak tahun 1924. Beliau juga pernah menegaskan bahawa beliau tidak pernah tertarik dengan penulisan cerita seperti roman dan sebagainya, sebagaimana yang sering dilakukan oleh penulis-penulis kreatif yang lain. Pada mulanya beliau hanya memetik beberapa karangan sahaja dari *Hikayat Indera Mengindera* yang telah ditambah dan dibetulkan, *Hikayat Bakhtiar*, *Hikayat Isma Yatim* yang kemudiannya diberi nama *Dewa Derma Dewa* dan *Dewi Derma Dewi* dan yang disiarkan untuk pertama kalinya dalam kitab

yang diberi nama *Chanai Bachaan* guna keperluan murid-murid Sekolah Melayu dalam Darjah Empat (sebelum perang) iaitu dalam tahun 1924.

Pada tahun 1926, maka muncul pula *Ilmu Bahasa Melayu* Penggal I dan II untuk dijadikan buku pegangan bagi guru dan pengarang pada waktu itu. Kira-kira pada pertengahan tahun 1930, maka kita dapati pula kitab *Rahasia Ejaan Jawi* yang diterbitkan oleh *Malayan Publishing House*, Singapura. Malangnya buku ini hanya tercetak baru separuh sahaja oleh kerana mendapat halangan dan tentangan dari Tuan O.T. Dussek yang pada waktu itu menjadi Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Kira-kira pada waktu yang sama, maka terbitlah karya beliau yang berjudul *Falsafah Takdir* (Syaukat Al-Azali dalam Islam). Kitab ini terdiri dari kira-kira 300 halaman tetapi apabila baru sahaja sepertiga tercetak, maka Pejabat Agama Perak telah melarang penerbitannya, kononnya bertentangan dengan ajaran agama di Perak pada waktu itu.

Pada tahun 1927, maka terbit pula sebuah lagi buah tangan beliau yang diberi nama *Pendapatan Perbahasaan Ulama Berkenaan dengan Kada dan Kadar* yang terdiri kira-kira 60 halaman. Buku ini dicetak di Pulau Pinang tetapi dilarang keras di Perak kerana beliau kononnya telah dianggap membuat suatu pembaharuan dalam ajaran Islam dan beliau telah dicap sebagai seorang kafir. Ini ialah semata-mata kerana beliau telah memasukkan aliran *Muktazillah* yang bertentangan dengan ajaran Mufti di Negeri Perak pada masa itu.

Dalam tahun 1934, maka muncul pula karya beliau yang berjudul *Ilmu Mengarang Melayu* (suatu pembaharuan dari *Ilmu Bahasa Melayu*) yang terdiri dari dua bahagian. Bahagian pertama terdiri dari tatabahasa dan bahagian kedua terdiri dari teknik mengarang. Sesudah itu dengan bantuan guru-guru di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, maka beliau telah terhasil mengumpul kata-kata Melayu untuk dijadikan kamus dan dijangka akan siap dalam masa lima tahun. Sekali lagi rancangan ini mendapat tentangan yang hebat dari Tuan O.T. Dussek. Kemungkinan besar bahawa beliau tersangat iri hati terhadap segala usaha membina yang dilakukan oleh anak negeri sendiri. Kamus yang dimimpi-mimpikan itu tetap tidak muncul. Namun demikian,

beliau tetap tabah dan mulai mengusahakan yang lain pula dan pada tahun 1938 maka muncullah buah tangan beliau yang diberi judul *Daftar Ejaan Melayu Jawi/Rumi* yang terdiri dari 700 halaman dan baru diterbitkan dalam tahun 1941.

Dalam tahun yang sama beliau telah mengusahakan *Ilmu Bahasa Melayu* yang diperbaiki dan diberi nama *Pelita Bahasa Melayu I* yang pada mulanya tercetak dalam huruf Jawi. Dalam zaman pemerintahan Jepun, beliau tidak begitu giat menulis buku kecuali beberapa terjemahan sahaja: umpamanya buku yang diberi nama *Qoloquil Japanese* (Permulaan Pelajaran Bahasa Jepun). Buku ini diterjemahkan atas perintah Kolonel Ogawa dan satu naskhah lagi disimpan oleh beliau sendiri. Buku ini tidak pernah dicetak.

Pada akhir tahun 1949, maka muncullah *Pelita Bahasa Melayu III* (teknik mengarang dengan secara senang). Ini merupakan lanjutan daripada kitab-kitab *Panduan Mengarang I* dan *Panduan Mengarang II*, sedangkan *Pelita Bahasa Melayu III* merupakan kitab karang-mengarang yang agak lebih lengkap lagi.

Beliau pernah menerangkan kepada kami bahawa beliau telah menterjemahkan *Alif Laila Wa Laila* (Hikayat 1001 Malam) yang pernah tersiar dalam majalah *Al-Ikhwān*. Karya terjemahan ini tidak pernah dibukukan. Antara tahun 1930 dan 1931 beliau pernah menterjemahkan karya-karya Shakespeare edisi Charles dan Mary Lamb antaranya ialah: *Cerita Prince Hamlet, King Lear, Othello* dan *Macbeth*.

Pada tahun 1937, beliau telah menterjemahkan karya Mark Twain *The Prince and The Pauper* yang diberi judul *Anak Raja dengan Anak Papa*. Terjemahan ini baru sahaja dibukukan sesudah dua puluh tahun kemudian iaitu pada tahun 1957, atas inisiatif Prof. Ungku Aziz yang pada ketika itu menjadi pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Demikian pula dengan karya beliau *Asuhan Budi* yang telah diusahakan sejak tahun 1951 baru sahaja tercetak pada tahun 1957.

Pada tahun 1963 dan 1964 karya beliau yang berjudul *Kalong Bunga I* dan *Kalong Bunga II* telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau pernah menyatakan hasratnya akan menyambung siri *Kalong Bunga* ini dengan kumpulan syair pula, tetapi kerana keadaan beliau yang uzur itu maka hasrat tersebut tidak dapat dilaksanakannya. Kedua-

dua buah buku ini dengan sendirinya telah merupakan hasil karya beliau yang terakhir semasa hayatnya.

Banyak juga orang yang telah menulis tentang diri beliau, tentang usaha-usahanya, tetapi kebanyakan tulisan itu, kecuali oleh Zabidah Awang Ngah, yang membuat latihan ilmiah mengenai tulisan-tulisannya, maka tulisan-tulisan tersebut adalah secara sambil lalu. Riwayat beliau yang kami tuliskan dalam buku ini dapat dianggap sebagai riwayat hidup dari sumber utama (*primary sources*) iaitu daripada beliau sendiri.

Mulai pertengahan tahun 1965, setelah kami mendapat izin dari beliau untuk menulis riwayat hidupnya, maka pada tiap-tiap Sabtu tengah hari, atau Ahad pagi kami akan ke rumahnya membuat interviu. Kadang-kadang waktu kami sampai di rumahnya itu, beliau sedang mengajar cucu-cucunya membaca Qur'an di dalam biliknya. Beliau berbaring di katilnya mendengar bacaan cucu-cucunya itu. Beliau yang sedang uzur itu telah meluangkan waktunya menerima kami guna bercerita secara formal dari hati ke hati. Kesan yang kami peroleh ialah bahawa beliau itu di samping seorang tokoh bahasa, pujangga, pendidik, ulama, juga seorang tokoh bangsa Melayu yang besar dengan kewibawaan yang besar pula. Daya ingatan beliau amat baik, tidak sahaja nama orang, tempat malah ejaannya juga beliau berikan kepada kami. Beliau ingat dengan baik tarikh dan suasana pada hari itu tanpa ragu-ragu sedikit pun, sehingga tersusunlah riwayat hidup beliau ini dalam satu warna-warni yang menarik hati.

Untuk mengenang dan mengabadikan segala jasa dan derma baktinya terhadap bangsa dan negara, maka kami dengan segala rendah hati mempersembahkan buku yang tidak seperti ini.

BACAAN

- Brian Harrison, 1954. *South-East Asia - A Short History*. London: Macmillan & Co. Ltd. hlm. 235.
- Brian Harrison, 1954. "The Acquisitive Immigrants" dlm. *South-East Asia - A Short History*. London: Macmillan & Co. Ltd.

KEDUDUKAN ZA'BA DALAM MASYARAKAT MELAYU

- Dartford, E.P. , 1958. *The Modern Malaya*. London: Longmans, hlm. 169.
- Dartford, E.P., 1958. "Malay Reservation" dlm. *The Modern Malaya*, Longmans, London.
- Ishak Ahmad, 1941. "Malay Fishermen's Superstitions" dlm. *JMBRAS*, Jil. XIX, hlm. 131.
- Maxwell, W.G., 1925. "Pelajaran dalam Tanah Melayu (faedah pelajaran dalam bahasa anak negeri sendiri)". dlm. *Majalah Guru*, Bil. 6, hlm. 114.
- Muhammad Ali Al-Hamidi, 1953. "Berusaha dan Bertenaga Sendiri Itulah Ajaran Islam" dlm. *Qalam*, Bil. 40, hlm. 29.
- Wheeler, L.R., 1928. *The Modern Malay*. London: George Allen and Unwin Ltd., hlm. 153.
- Wilkinson, R.J., 1906. "Malay Beliefs" dlm. *The Peninsular Malays I*. London: Luzac & Co.; Leiden: Late E.J. Brill.
- Za'ba, 1926. "Rajin Orang Cina" dlm. *Al-Ikhwani*, Pulau Pinang, Jil. 1, hlm. 74.
- Za'ba, 1958. *Asuhan Budi*. Kuala Lumpur: H.M. Shah.

II

RIWAYAT HIDUP

PADA penghujung abad ke-19 di pinggir Sungai Jempol, Negeri Sembilan terdapat sebuah kampung yang ramai penduduknya. Kampung itu bernama Batu Kikir. Letaknya tiga setengah batu dari sebuah pekan yang bernama Kuala Jempol.

Sungai Jempol yang panjangnya lebih kurang 15 batu itu bermuara ke Sungai Muar. Kebanyakan penduduk di sepanjang sungai itu berasal dari Minangkabau. Mereka itu sudah beberapa keturunan bermastautin di sana, sehingga bahasanya juga sudah banyak yang berubah dari bahasa asalnya. Kebanyakan mereka bekerja tani.

Di Kampung Batu Kikir ini tinggal seorang yang berasal dari Linggi bernama Ahmad Ibrahim. Ia biasa dipanggil dengan nama Cik Mat oleh orang-orang di kampungnya itu.

Pekan Linggi tempat asal Cik Mat letaknya di bahagian pesisir 65 batu di sebelah barat Kuala Jempol. Pekan kecil yang terletak di pinggir Sungai Linggi ini terkenal dalam sejarah Melayu ketika terjadi peperangan antara orang-orang Bugis dengan Raja Kecil yang bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah yang memerintah Johor, Pahang, Riau dan Linggi pada tahun 1717.

Sejak orang-orang Bugis dari Selangor yang dikepalai oleh Daeng Perani lima bersaudara dengan tiga puluh buah perahu perangnya melangar dan mengalahkan Linggi, maka banyaklah orang-orang Bugis yang bermastautin di sana. Cik Ahmad ialah salah seorang daripada keturunan orang-orang Bugis itu.

Kerana bersemenda dengan gadis dari Batu Kikir yang bernama Intan Awaluddin dalam tahun 1890 maka Cik Ahmad pun menetap tinggal di Kampung Batu Kikir dan sebagai mata pencariannya ia bertani dan menjadi pemborong membuka jalan-jalan baharu. Ketika itu, jalan-jalan yang menghubungkan Kuala Pilah, Batu Kikir, Jelebu ke Bentong Pahang, mula dibuka. Ia terkenal dalam kampungnya kerana pengetahuan agamanya dan dialah pula satu-satunya penduduk kampung itu yang tahu membaca dan menulis huruf Melayu yang tidak berbaris.

Waktu di Linggi Cik Ahmad telah mengaji Qur'an dan belajar hukum-hukum agama di pondok seorang alim yang terkenal, sebab itu ia menjadi seorang yang warak. Orang yang warak dalam zaman itu, dengan mudah menjadi orang yang terkemuka dalam masyarakatnya.

Lima tahun kemudian iaitu pada 16 hari bulan September tahun 1895, lahirlah seorang anak lelaki bagi keluarga ini. Anak lelaki itu diberi nama Zainal Abidin.)

Apabila anak ini berumur lima tahun ia telah diajar oleh bapanya membaca Qur'an terus-menerus siang dan malam. Tiga tahun kemudian ia telah tamat Qur'an dan juga sudah mahir dengan rukun-rukun sembahyang. Setelah itu ia diajar pula berzanji.

Walaupun di kampung itu tidak ada sekolah tetapi orang-orang yang pandai agama banyak juga. Mereka belajar agama di pondok-pondok di Kedah, Kelantan dan Patani dan ketika pulang ke kampungnya mereka menjadi lebai. Ada antaranya yang mengajar agama di surau-surau, kepada anak-anak dan juga penduduk-penduduk kampung yang dewasa. Tetapi Zainal Abidin belajar agama daripada bapanya yang juga mengajar Qur'an di surau kepada beberapa orang lain.

"Sampai umur saya 12 tahun barulah saya masuk sekolah."

Memang pada waktu itu sekolah yang paling dekat dengan Batu Kikir ialah sebuah sekolah Melayu di Kuala Jempol, tiga setengah batu jauhnya. Sekolah inilah pula tempat Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Agong Pertama belajar ketika baginda tinggal di Serting bersama-sama bondanya. Semua anak lelaki di sekitar Kampung Batu Kikir tidak ada yang bersekolah, selain daripada letak sekolahnya itu jauh, pun

pada masa itu di sekitar kampung-kampung itu masih penuh dengan hutan rimba tebal, dan setiap penduduk kampung itu sering kali melihat harimau berkeliaran di pinggir hutan itu, pemuda Zainal Abidin juga pernah melihatnya.

Cuma yang ganjilnya harimau-harimau itu belum pernah menangkap manusia, yang selalu menjadi mangsanya ialah kambing-kambing penduduk. Begitu jinaknya harimau-harimau itu, para penduduk tidak pernah menganggapnya sebagai satu musuh yang berbahaya, malah kambing-kambing yang sering kali menjadi mangsanya itu pun tidak pula takut kepadanya.

Orang-orang Jempol percaya bahawa ada antara harimau tersebut berasal daripada famili yang tertentu dari penduduk-penduduk di kampung itu. Setelah beberapa hari orang itu mati maka datanglah beberapa ekor harimau mengorek kuburnya itu dan membawa mayatnya ke suatu tempat yang jauh lalu kemudiannya hilang. Orang itu dipercayai menjelma menjadi harimau. Ia akan kembali ke kampungnya apabila ada antara familinya yang sakit, maka berlegar-legarlah ia di sekeliling rumah itu.

Orang-orang di kampung itu mengenal harimau itu sebagai harimau jadi-jadian ialah kerana tanda-tanda yang ada pada orang yang sudah mati itu bersesuaian dengan tanda-tanda yang terdapat pada harimau itu, misalnya jarinya kudung satu.

Apabila kawan-kawan sebayanya pulang ke rumahnya masing-masing setelah puas bermain gasing atau layang-layang, maka Zainal Abidin pun mengelana di dalam kebun pisang di belakang rumahnya. Ia sangat suka menulis dan membaca, tetapi tulisan-tulisan jawi yang tidak berbaris belum dapat dibacanya lagi dan bapanya pun belum mahu mengajarnya.

Ia melihat bapanya menulis menggunakan pena yang dibuat dari bilah kabung (segar), maka ia pun meniru membuat pena dari dahan-dahan kecil yang diraut hujungnya bulat tirus seperti pensel. Dengan pena itulah ia menulis pada pelepah-pelepah pisang yang ada di belakang rumahnya. Di belakang pelepah yang masih banyak berkapur itu ia menuliskan segala ayat Qur'an yang diketahuinya, lengkap dengan barisnya sekali. Tiap-tiap pelepah yang dapat dicapai

tanggannya dituliskan belaka.

Apabila ibunya melihat ia tidak ada di atas rumah itu maka ia pun melaung memanggil anaknya.

"Bujang."

"Saya mak," sahutnya dari rumpun pisang di belakang rumah.

"Apa yang engkau buat di dalam kebun pisang tu?"

"Saya bermain-main mak," jawabnya.

"Naik ke rumah," ibunya menyuruh. Zainal Abidin pun naik ke rumah. Tetapi besoknya ia masuk lagi ke dalam hutan pisang itu.

Ibunya hairan, apa gerangan yang dimain-mainkan oleh anaknya seorang diri di dalam kebun pisang itu.

Tidak sahaja ibunya, bapanya pun hairan melihat kelakuan anaknya yang ganjil itu. Pada suatu hari dengan diam-diam ia mengintip kelakuan anaknya. Alangkah kagumnya demi ia melihat pada tiap-tiap pelepah pisang itu penuh dengan ayat-ayat Qur'an bekas tangan anaknya.

"Engkau suka menulis ya?" tanya bapanya.

"Ya, abah."

"Kalau engkau suka menulis nanti abah belikan papan batu kalau abah pergi ke Kuala Pilah."

"Papan batu?" tanya Zainal dengan kehairanan.

"Ya, papan batu. Kau boleh menulis di atasnya dan padam tulisan itu kemudian boleh ditulis lagi."

Bagaimanakah agaknya papan batu yang boleh ditulis dan kemudian boleh dipadamkan itu, Zainal bertanya di dalam hatinya. Ia sangat ingin untuk memiliki papan ajaib yang dikatakan oleh bapanya itu.

"Bapa nanti ajarkan kepadamu tulisan Melayu tidak barbaris," kata bapanya dengan penuh pengertian. Sejak Zainal belum lahir lagi Cik Ahmad telah bercita-cita untuk menjadikan anaknya itu seorang alim dalam agama.

"Aku akan menghantar Zainal ke Makkah," kata Cik Ahmad kepada isterinya pada suatu hari. "Biar dia belajar agama di sana."

"Saya tidak bersetuju, dia masih kecil lagi," jawab isterinya pula. "Di sini pun dia boleh belajar agama juga."

"Tetapi apa akan jadi kalau dia belajar di sini sahaja," Cik Ahmad membantah.

"Tidak mengapa, biarlah dia membawa kereta lembu besok, kan dapat juga dia mencari makan?" jawab isterinya.

Pada suatu hari ketika ia pulang dari Kuala Pilah, dibawanyalah sekeping papan batu dengan beberapa batang kalamnya, serta sebuah buku pelajaran membaca bernama *Pemimpin Pengetahuan* yang dikarang oleh Said Mahmud A. Kadir Al-Hindi. Zainal sangat gembira apabila menerima pemberian bapanya itu.

Bapanya kemudian memandunya menulis huruf Melayu tidak berbaris. Beberapa huruf baharu diajarkan kepadanya. Huruf-huruf itu tidak begitu sukar diingat oleh Zainal, kerana pada huruf-huruf Qur'an telah ada contohnya. *Ca* – hanya ditambah dua titik pada huruf *jim*, *nga* – ditambah dua titik pada huruf *ghen*, *pa* – ditambah dua titik pada huruf *fa*, *ga* – ditambah satu titik pada huruf *kaf* dan *nya* – ditambah dua titik pada huruf *nun* ataupun satu lagi titik pada huruf *ya*.

Sekarang dia sudah dapat menulis perkataan-perkataan Melayu dengan mudahnya. Pengetahuan yang baharu ini sangat sekali menggembirakan hatinya. Beberapa buah kitab-kitab Melayu dan buku-buku Melayu yang ada dalam simpanan bapanya telah dapat dibaca olehnya. Hatinya sedih dan air matanya bercucuran kalau ia membaca *Syair Siti Zubaidah*, ia gembira melihat kepandaian Abu Nawas memperdayakan Sultan Harun al-Rasyid dan ia berasa takut membaca kitab agama yang menceritakan tentang seksa kubur dan sebagainya. Tetapi yang sudah pasti ia tidak gemar membaca ialah *Sejarah Melayu*, kerana banyak nama orang-orang putih di dalamnya, kerana cerita-cerita dalam buku itu tidak menarik hatinya dan *Hikayat Abdullah*.

Setelah ia mahir dengan tulisan Melayu, ia ingin sekali untuk belajar tulisan rumi pula. Pada waktu itu tulisan ini dikenal dengan nama tulisan roman. Bapanya tidak mengetahui tulisan itu, ia hanya belajar menulis tandatangannya saja. "Saya masih ingat huruf 'd' pada namanya itu bengkok hujung di atasnya ke dalam".

Kebetulan pada waktu itu seorang saudara dua pupu bapanya bernama Muhammad telah bertugas sebagai guru pembantu di Sekolah Melayu Kuala Jempol. Ia lepasan Maktab Perguruan di Melaka.

Setiap petang Jumaat ia datang ke rumah Cik Ahmad

dan bermalam di situ.

"Tolonglah ajarkan tulisan roman kepada Zainal," kata Cik Ahmad kepada saudara dua pupunya itu pada suatu hari. "Ia ingin sekali hendak belajar. Aku tidak tahu."

Cik Muhammad, guru muda yang pada waktu itu baru berumur 20 tahun itu pun dengan segala senang hati mengajar anak saudaranya itu. Ia menulis huruf-huruf Rumi itu di atas papan batu itu dan disuruhnya menyalin. Kerana perhatiannya begitu bersungguh-sungguh, maka dengan cepat pula Zainal dapat menguasainya dan kemudian ia diajar menyalin beberapa baris perkataan yang ditulis oleh bapa saudaranya, petikan dari cerita-cerita dalam buku. Zainal menulisnya sampai berpuluh-puluh kali tidak cukup di papan batu ditulisnya pula di dalam buku-buku tulis, tidak lama kemudian ia pun mahirlah sudah, akan tetapi tidak ada buku-buku yang akan dibaca.

Cik Muhammad yang mengajar Zainal menulis dan membaca huruf rumi itu ialah Muhammad Datuk Muda penyusun buku *Tarikh Surat Khabar Melayu* yang terkenal.

Kerana melihat kemajuan anaknya itu Cik Ahmad pun bercita-cita akan mengirimmnya ke Linggi untuk belajar agama pada seorang alim yang bernama Abbas, kemudian melanjutkan pelajarannya itu pada seorang yang lebih alim lagi bernama Mustafa, sebelum ia dikirimmkan ke Makkah.

"Engkau mesti belajar agama dengan bersungguh-sungguh dan menjadi seorang alim, supaya mati nanti engkau masuk syurga," demikian katanya kepada anaknya itu.

"Baiklah," Zainal patuh akan suruhan bapanya.

Tetapi dalam masa itu pula satu kejadian sedih telah menimpa keluarga itu. (Ibu Zainal meninggal) pada 22 Mei, 1907 kerana melahirkan anaknya yang nombor empat. Ia meninggal bersama-sama dengan anaknya. Maka tinggallah Zainal tiga bersaudara, seorang adik lelakinya bernama Muhd. Yusuf dan seorang adik perempuan Siti Hawa. Tanggal yang sedih ini sangat diingat oleh Zainal, kerana tanggal itulah yang menjadi *turning point* dalam hidupnya. Kalau ibunya tidak meninggal tentulah ia tidak jadi ke Linggi, kalau ia tidak jadi ke Linggi maka sudah pastilah ia tidak masuk sekolah Inggeris dan tidak tahu bahasa Arab. Kejadian yang sedih itu ada hikmatnya. Pada waktu itu umurnya sudah

mencapai dua belas tahun. Dan jalan-jalan raya juga sudah banyak yang dibuka sehingga perhubungan dengan tempat-tempat lain telah mulai ada. Sebuah sekolah telah pula didirikan di Batu Kikir itu.

Dua minggu apabila sekolah itu hampir dibuka, maka guru-gurunya pun berjalan dalam kampung-kampung yang berhampiran mencari dan mengumpulkan kanak-kanak lelaki yang akan dimasukkan ke dalam sekolah tersebut. Mereka memberi nasihat kepada ibu bapa anak-anak itu supaya membawa anak-anaknya ke sekolah. Kanak-kanak yang belum melewati umur lima belas tahun dicatat dan disuruh datang ke sekolah untuk belajar kerana dalam usia itu mereka masih dapat dididik, masih mudah menerima pelajaran. Pada waktu itu anak-anak perempuan tidak dibenarkan bersekolah kerana haram.

Ada 82 atau 83 orang yang sudah terkumpul dan antaranya terdapatlah Zainal Abidin bersama adiknya Muhd. Yusuf yang berumur tujuh tahun.

1 Julai, 1907, empat puluh hari sesudah ibunya meninggal dunia, ia pun masuklah ke sekolah itu. Ia seorang ditempatkan dalam darjah tiga, kerana ia sudah pandai membaca dan menulis tulisan Jawi dan juga tulisan Rumi. Kawan-kawannya yang lain dibahagi ke dalam tiga kumpulan dan tiap-tiap satu kumpulan diajar oleh seorang guru. Mereka itu diajar membaca beramai-ramai. Tetapi Zainal Abidin duduk sendirian tidak belajar apa-apa, kerana dalam darjah tiga itu dia sendirian sahaja.

Tidak lama lepas itu datanglah Cikgu Muhammad, Penolong Guru Pelawat dari Kuala Pilah ke sekolah itu.

"Untuk darjah satu ada tiga kumpulan anak-anak, kira-kira 27 orang satu kumpulan," kata guru besar sekolah itu. "Tetapi dalam darjah tiga hanya seorang sahaja."

"Bagaimana boleh jadi begitu?" tanya guru pelawat itu dengan kehairanan. "Anak siapa yang di darjah tiga itu?"

"Anak Cik Mat," jawab guru besar itu.

"Anak Cik Mat? Patutlah," ujar penolong guru pelawat itu. Mereka kenal Cik Ahmad sebagai seorang yang tahu membaca dan menulis serta alim pula. "Baiklah, kita akan pindahkan anak-anak dari sekolah Kuala Jempol yang tinggal berhampiran dengan sekolah ini."

Tidak lama kemudian beberapa orang anak lain yang sudah bersekolah di Sekolah Melayu Kuala Jempol yang tinggal lebih hampir ke Sekolah Batu Kikir dari Kuala Jempol pun dipindahkan menjadi teman kepada Zainal Abidin.

Pada waktu itu ada dua orang guru pelawat yang sering kali datang melawat sekolah itu. Seorang daripadanya dari Seremban bernama Haji Ahmad yang selalu menulis dan menandatangani buku pelawat dengan tulisan Jawi dan di hujung namanya ditulis: *ba ta (visiting teacher)*, sedangkan Cikgu Muhammad dari Kuala Pilah itu menulis pada hujung namanya: *alifbata (assistant visiting teacher)*.

Setelah ibunya meninggal dunia, bapanya membawa isteri mudanya dari Linggi yang bernama Fatimah Mohd. Saad tinggal bersama-sama di Batu Kikir. Dengan ibu tirinya itu bapanya mendapat dua orang anak: Mohd. Makmun meninggal waktu kecil dan Khadijah. Zainal Abidin pada akhir tahun 1907 telah pindah dan bersekolah di Linggi, sesudah dua bulan setengah bersekolah di Batu Kikir, tinggal bersama-sama dengan mak saudara kepada bapanya yang bernama Hajah Halimah, nenek saudaranya itu sudah berumur 60 tahun dan mengajar Qur'an. Waktu itulah ia melihat pakaian orang-orang di Linggi yang berasal dari Bugis itu berbeza daripada pakaian orang-orang kampungnya yang berasal dari Minangkabau. Orang-orang perempuan Minangkabau memakai kain di atas kepalanya tetapi perempuan-perempuan Bugis menggunakan kain sarung sebagai kelubung.

Pada tiap-tiap pagi ia belajar di sekolah dan pada tiap-tiap petang belajar agama pada Tuan Guru Abbas. Ia diajar menghafal nahu.

Cara menghafal nahu serupa itu ditiru dari Makkah yang biasa dipelajari oleh orang-orang Arab. Orang-orang Arab yang sudah faham dengan bahasanya sudah tentu lebih mudah mempelajarinya daripada orang-orang Melayu. Cara itu sangatlah kolot. Sebab itulah berpuluh-puluh tahun orang baru dapat memahaminya. Zainal Abidin sengaja diserahkan bapanya belajar daripada Tuan Guru Abbas itu walaupun di sana ada orang yang lebih alim lagi daripadanya, Syeikh Mustafa yang telah tinggal selama 18 tahun di Makkah. Menurut bapanya lebih baik belajar dari orang yang nombor

dua daripada belajar dengan orang yang nombor satu.

Di Linggi inilah ia dapat membaca lebih banyak lagi buku-buku cerita klasik dan syair-syair Melayu yang ditulis dengan huruf Jawi, yang dapat dipinjam daripada orang-orang tua yang ada menyimpannya. Orang-orang Bugis lelaki dan perempuan pandai membaca. Mereka itu lebih terpelajar daripada orang-orang Minangkabau di Jempol tetapi mereka lebih keras disiplinnya dalam soal pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Tiga tahun kemudian ia pun lulus dalam peperiksaan darjah lima dengan mendapat nombor satu dan dipilih untuk ikut dalam peperiksaan *beradu* yang akan diadakan di Seremban sebagai wakil dari sekolahnya, untuk dipilih masuk ke sekolah Inggeris.

Dari seluruh Negeri Sembilan ada 265 orang anak yang ikut dalam ujian itu. Tiap-tiap seorang anak mestilah menulis di atas kertas ujiannya: apakah ia akan menjadi guru ataupun mahu meneruskan lagi pelajarannya ke sekolah Inggeris - *Malay College* Kuala Kangsar atau *Christian Brothers' School* di Seremban.

Cik Ahmad tidak suka anaknya belajar bahasa Inggeris.

"Nanti kalau nak mati tidak dapat mengucap kalimah syahadat lagi. *No, no, saja,*" katanya. "Jadi kafir, mati masuk neraka jahanam."

Oleh sebab itu Zainal Abidin pun menulis di atas kertas peperiksaannya: mahu menjadi guru. Peperiksaan itu telah diadakan beberapa hari sebelum bulan puasa.

Setelah lepas peperiksaan ia pun terus pulang ke Batu Kikir ke rumah tempat lahirnya. Perjalanan pada waktu itu dilakukan dengan kereta lembu dengan bayaran satu ringgit seorang. Kadang-kadang percuma.

Di kota-kota besar ada padang kereta lembu serupa dengan stesen bas sekarang ini, kereta-kereta lembu itu membawa penumpang-penumpang, membawa barang-barang dari satu tempat ke satu tempat. Perjalanan dari Seremban ke Kuala Pilah sejauh 25 batu itu memakan masa dua malam.

Dalam perjalanan pulang ke Linggi sesudah Hari Raya ia singgah di Seremban untuk bertanya tentang keputusan peperiksaannya kepada guru di sekolah tempat peperiksaan itu diadakan dahulu.

"Engkau dapat nombor satu," kata gurunya itu. "Tetapi engkau bodoh, mengapa engkau meminta mahu menjadi guru? Apa yang engkau dapat?"

Pada waktu itu, menjadi guru mendapat gaji \$6.00 sahaja sebulan.

"Bapa saya tidak izinkan saya belajar bahasa Inggeris, takut saya mati masuk neraka," jawabnya. Tetapi hatinya sendiri ingin hendak mengetahui bahasa itu.

Ia selalu melihat tulisan-tulisan rumi pada kertas-kertas surat khabar yang menjadi pembungkus barang-barang. Huruf-hurufnya ia kenal tetapi ia tidak dapat membacanya. Banyak sekali *the, for, of* dan sebagainya. "Apakah bendanya ini?" fikiran dalam hatinya. Dia cuba menyebut *the* itu *tehe*.

Di Linggi juga ia dimarahi oleh guru besarnya kerana meminta menjadi guru. Pada waktu itu pertentangan fikiran antara golongan muda dengan golongan tua telah ada. Biasanya orang-orang yang menganggap salah itulah yang kalah dalam pertentangan serupa ini dan biasanya yang menghalang itu orang alim, orang yang ada pengetahuan agama.

"Kautulis surat permohonan," kata guru besarnya memberi jalan. "Aku buatkan surat itu dan engkau salin. Tak lama lagi Tuan Alexander Keir, Inspektor Sekolah dan pegawai pelajaran akan datang ke mari, engkau bawa surat itu kepadanya."

Guru besar itu telah menulis sepucuk surat permohonan dan surat itu telah disalin oleh Zainal Abidin. Juga diajar kepadanya cara-cara mahu masuk menjumpai orang putih itu ketika ia akan berangkat pulang nanti.

Walaupun peperiksaannya sudah selesai tetapi ia masih tetap juga datang ke sekolah itu sampai hari pemberian hadiah yang akan dilakukan oleh orang putih dari Seremban itu. Sementara itu pada tiap-tiap petang ia meneruskan pelajaran agamanya.

Hari yang ditunggu-tunggu itu pun tiba. Setelah selesai upacara menyampaikan hadiah, dan setelah orang putih itu selesai menulis di dalam buku catatan tentang lawatannya yang ditulis dalam bahasa Inggeris, Zainal Abidin pun masuk.

Ia memberi tabik seperti yang diajar oleh gurunya. Orang putih itu pun mendongak memandang kepadanya dari atas meja, dan menyambut surat yang dihulurkan kepadanya.

Surat itu dibukanya dan dibaca. Ia mengangguk-angguk beberapa kali.

"Mengapa dahulu minta jadi guru?"

"Bapa saya tidak suka saya belajar bahasa Inggeris, tuan, dia mahu saya belajar agama."

"Itu pun baik juga bukan?"

"Ya, tuan. Belajar agama bila-bila juga boleh. Waktu tua berjanggut juga boleh. Belajar bahasa Inggeris hanya waktu kita masih muda sahaja, sudah tua tidak boleh belajar lagi."

"Ya, itu betul. Belajar agama bila-bila juga boleh. Tetapi saya tidak dapat berjanji. Saya akan berusaha, kalau nasibmu baik ada lagi tempat di sekolah Inggeris di Seremban. Di *Malay College* sudah tidak ada lagi. Walaupun kamu mendapat nombor satu tetapi saya tidak dapat menarik orang lain keluar untuk menempatkan kamu di sana. Tempat sudah dibahagi-bahagi waktu keputusan peperiksaan itu diketahui. Tetapi saya akan cuba bertanya di Seremban."

Orang putih itu berjanji akan memberi khabar dalam masa dua minggu kepadanya. Zainal Abidin sangat mengharap bahawa ia diterima masuk ke sekolah itu. Kebetulan dalam masa belajar agama itu ia mengetahui beberapa doa, salah satu doa ialah:

Ya fardu, ya somadu, ya sanadu, ya manilaihilmustanu, ya man lam yalid walam yulad walam yakun lahu kufuan ahad, ikzi hajati.

Menurut Mukatil Sulaiman orang yang memberi doa itu, ia boleh dikutuk, kalau sekiranya doa itu tidak makbul, demikian kuat keyakinannya. Doa itu mesti dibaca sebanyak 200 kali tiap-tiap hari berturut-turut sesudah sembahyang subuh.

Zainal Abidin pun mengamalkan doa itu. Dengan khusyuk dan ikhlas ia memohon kepada Tuhan agar ia dapat belajar di sekolah Inggeris.

Berita tentang ia meminta masuk ke sekolah Inggeris itu telah disampaikan oleh salah seorang saudaranya kepada bapanya di Batu Kikir dengan telegraf. "Pak cik lekas datang, anak pak cik telah meminta masuk sekolah Inggeris."

Dengan menumpang kereta kuda bapanya pun datang segera ke Linggi untuk menghalang anaknya itu supaya jangan masuk ke sekolah Inggeris. Marahnya amat sangat walaupun demikian ia tidak pernah memukul anaknya itu. Segala kata-kata bapanya tidak dijawab oleh Zainal Abidin.

la diam seribu bahasa.

"Benarkah kau meminta masuk ke sekolah Inggeris?" tanya bapanya.

Setelah reda kemarahan bapanya itu maka ia pun berkata. "Saya tidak akan dapat kerana tempat sudah tidak ada lagi."

"Syukurlah," kata bapanya. "Aku akan berdoa kepada Tuhan supaya engkau jangan diterima masuk ke sekolah Inggeris. Aku akan berdoa siang malam."

Tetapi Zainal Abidin lebih dahulu berdoa kepada Tuhan. Meskipun anak dan bapa itu berdoa kepada Tuhan yang satu, tetapi agaknya doa orang yang lebih dahulu itulah yang diterimanya.

Dua minggu kemudian datanglah berita yang mengatakan bahawa ia telah diterima masuk ke Sekolah Inggeris *Christian Brothers'* di Seremban. Hatinya gembira bukan kepalang, seorang pemuda lain dari Linggi, Shamsuddin Mohd. Attas diterima bersama-sama dengannya. Kerana tidak mempunyai wang mereka berangkat ke Seremban dengan berjalan kaki sejauh 12 batu di bawah panas terik ke Kuala Sawah. Dari sana ada kereta api ke Seremban.

Sekolah Inggeris *Christian Brothers' St. Paul* itu ialah sebuah sekolah misi Kristian Roman Katolik, diurus dan diselenggarakan oleh pengembang-pengembang agama Kristian. Semua gurunya memakai jubah hitam dan dipanggil *brother* dan *father*.

Barangkali juga penentangan tidak akan sebesar itu daripada orang-orang kampung sekiranya sekolah tersebut sekolah Inggeris biasa yang tidak ada sangkut-pautnya dengan agama Kristian, tetapi pada waktu itu hanya sekolah-sekolah misi serupa itu sahajalah yang mengajar bahasa Inggeris.

"Kamu bernasib baik," ujar orang putih ketua pelajaran itu ketika ia datang berjumpa dengan Zainal Abidin.

Setelah ia masuk ke sekolah itu, maka pada malamnya ia pun menulis sepucuk surat yang panjang kepada bapanya, menerangkan bahawa ia sudah masuk ke sekolah Inggeris. "Tidak usahlah bapa marah kepada saya, kerana ini sudah tersurat di lohmahfuz." Dia berjanji dalam surat itu akan sembahyang dan berpuasa supaya ia tidak lupa kalimah

syahadat. Suratnya itu ditulisnya di atas dua keping kertas dan dengan dakwat merah pula.

Tiga tahun lamanya, bapanya tidak mahu menjumpainya, sakit juga tidak dijenguknya, bapanya benar-benar mengotai apa yang dikatakan olehnya. Tetapi di belakang Zainal Abidin, bapanya itu dengan diam-diam bertanya kepada orang-orang yang mengetahui tentang anaknya.

"Apakah ia selalu sembahyang?"

"Oh, anak pak cik itu tidak pernah tinggal sembahyang. Bulan puasa juga walaupun banyak orang tidak puasa tetapi ia terus berpuasa."

Sangat senang hati bapanya itu mendengar tentang keadaan Zainal Abidin yang tidak lupa agama itu. Tetapi hatinya tetap keras, ia terus tidak mahu berjumpa dengan anaknya.

Waktu cuti Zainal pulang ke Linggi, ketika ia bertemu dengan Tuan Guru Abbas, yang mengajar agama kepadanya, tuan guru itu dengan menyindir bertanya kepadanya, "Sudah alimkah kau sekarang, Zainal?"

Di sekolah Inggeris itu ia terus diajar membaca dan ketika dalam darjah tiga baru diajar *grammar*. Pada waktu itu teringatlah ia akan pelajaran nahu Arab yang dihafalnya dahulu dan barulah ia mengerti akan guna nahu itu menurut susunan yang sebenarnya.

Sekolah Inggeris *St. Paul's Institution* di Seremban ialah satu-satunya sekolah Inggeris yang ada di Negeri Sembilan pada zaman itu. Sekolah ini telah didirikan dalam tahun 1906 oleh pengembang-pengembang agama Kristian mazhab Katolik. Kerana sekolah itu diselenggarakan oleh misi *Christian Brothers* maka orang-orang Melayu enggan menghantarkan anak-anak mereka belajar di sekolah tersebut. Daripada 350 orang murid yang belajar di sekolah itu dalam tahun 1910 maka hanya 30 atau 40 orang saja anak-anak Melayu. Selebihnya ialah anak-anak Cina, India dan Serani.

Anak-anak Melayu yang sangat sedikit jumlahnya itu ialah anak-anak dari ibu bapa yang telah menghadapi sindiran, larangan dan kata-kata pedas daripada orang-orang Melayu sendiri yang tidak suka anak-anak itu belajar bahasa Inggeris terutama di sekolah Kristian yang serupa itu, mereka takut anak-anak itu menjadi kafir, mati masuk neraka. Anak-

anak atau ibu bapa yang tidak tabah menghadapi sindiran dan kata-kata itu tidak berani masuk ke sekolah tersebut.

Waktu berumur 14 tahun 3 bulan Zainal Abidin memasuki sekolah ini bersama-sama dengan lima orang pemuda-pemuda Melayu lainnya. Lima orang daripada mereka itu iaitu Shamsi seorang peranakan Jawa dari Kuala Pilah, Mohd. Ali dari Johol, A. Wahab dari Ampangan, Jamal dari Seremban dan Shamsuddin dari Linggi. Mereka berlima kecuali Zainal Abidin sejak mula telah ditentukan belajar di sekolah Inggeris tersebut, mereka telah dipilih setelah lulus dalam peperiksaan yang diadakan di Seremban tidak lama dahulu. Zainal Abidin yang pada mulanya meminta jadi guru, kemudian sahaja meminta dimasukkan ke sekolah itu.

Selama tiga bulan dalam darjah satu mereka diajar oleh seorang guru Serani, kemudian guru itu digantikan oleh Brother Bennedict seorang yang sudah tua. Brother ini suka sekali memukul-mukul rotan pada jubah hitamnya lalu memandang kepada murid-muridnya, dari sebelah atas cermin matanya. Waktu di darjah dua gurunya ialah seorang Irish bernama Brother Hugh ia sangat suka mencubit murid-murid yang datang lambat. Darjah tiga kembali diajar oleh Serani yang mengajar di darjah satu dahulu.

Dari darjah tiga Zainal Abidin telah melompat naik ke darjah lima. Guru di darjah ini ialah orang Burma bernama Brother Peter dan dari darjah lima ia melompat naik ke darjah tujuh. Dalam darjah ini tiap-tiap mata pelajaran diajar oleh guru yang berasingan, Brother Dennis mengajar Matematik, Brother Patrick mengajar Bahasa Inggeris dan Brother Henry mengajar Matematik Tinggi. Dalam tahun 1913 darjah tujuh itu dikenali sebagai darjah *Preliminary Cambridge*, darjah delapan *Junior Cambridge* dan darjah sembilan *Senior Cambridge*.

Sejak dari darjah tujuh sampai darjah sembilan Zainal Abidin telah belajar dari beberapa orang guru, antaranya Brother Patrick, Brother Henry, Brother Andrean dan Brother John. Mereka ialah rahib-rahib dari bangsa Perancis dan Sepanyol yang berkhidmat dengan sukarela untuk mengembangkan agamanya.

Dalam bulan Disember tahun 1915 Zainal Abidin telah memasuki peperiksaan *Senior Cambridge*, ketika itu ia

berumur 20 tahun. Tidak seorang pun daripada kawan-kawannya anak Melayu yang berlima yang bersama-sama dengannya dalam darjah satu itu yang sampai mencapai peperiksaan akhir, ada antara mereka itu yang berhenti sehingga darjah VI atau darjah VII sahaja dan paling tinggi sampai darjah VIII.

Kerana sekolah Inggeris tidak begitu banyak pada waktu itu maka peperiksaan *Senior Cambridge* telah diadakan di Kuala Lumpur, tiap-tiap sekolah mengirinkan murid-muridnya untuk mengambil ujian ini dan jumlah murid-murid itu antara 15 dan 30 orang sahaja.

Serupa dengan keputusan peperiksaan Seberang Laut sekarang ini yang mesti ditunggu sampai tiga bulan, maka demikian juga peperiksaan *Senior Cambridge* pada waktu itu. Keputusan peperiksaan hanya baru dapat diketahui dalam bulan Mac tahun berikutnya. Selama menunggu keputusan itu Zainal Abidin telah menjadi guru sementara di sekolahnya dengan gaji \$25 sebulan.

Meskipun ada tawaran daripada kerajaan untuk bekerja sebagai kerani di sekretariat, tetapi Zainal Abidin tidak berapa tertarik dengan pekerjaan di pejabat yang hanya membuat pekerjaan-pekerjaan yang diarahkan sahaja, ia ingin mencari pekerjaan yang boleh berfikir sendiri.

Setelah berita kelulusannya diterima, ia pun berhenti daripada menjadi guru. Pekerjaan guru di sekolah itu meskipun suatu pekerjaan yang baik tetapi gajinya tidak berapa besar, untuk mendapat gaji lebih ia mesti memasuki Kelas Normal.

Sejak bulan Mac sampai bulan Mei, iaitu sesudah ia berhenti menjadi guru, ia pun sibuk mencari kerja dengan membaca iklan-iklan pekerjaan yang tersiar di dalam surat khabar *Straits Times*.

Pada waktu ini perhubungan dengan bapanya telah pulih semula. Ketika pergi ke Kuala Lumpur untuk mengambil peperiksaan *Senior Cambridge* dahulu bapanya telah memberikan belanja kepadanya.

Pada waktu itu Zainal Abidin belum lagi berani memotong rambut dan memakai tali leher. Memotong rambut dan memakai tali leher adalah perbuatan yang menyerupai orang-orang kafir. Bapanya dan orang-orang Melayu lainnya pada

masa itu semuanya bercukur gondol kepala mereka.

Zainal Abidin juga mencukur kepalanya, tetapi ia telah mulai memakai sapu tangan besar di lehernya (mafla).

"Apa ini, bukan tali leherkah yang kaupakai ini?" tanya bapanya dengan gusar ketika melihat anaknya memakai sapu tangan di leher itu.

"Bukan. Ini hanya alas peluh," jawab Zainal Abidin.

"Kalau bukan tidak mengapa, tetapi jangan pakai tali leher. Haram!"

Orang-orang alim Melayu melarang memakai tali leher dan menggunting rambut kerana mereka mentafsirkan suatu hadis nabi yang berbunyi: *Man tashabbaha biqaumi tahwa minhum*. (Barang siapa yang meniru-niru menyerupai sesuatu kaum maka dia dikira seorang daripada kaum itu.) Mereka menerima maksud hadis itu bulat-bulat tanpa menggunakan akal fikiran yang sihat lagi.

Dua bulan lamanya Zainal tidak bekerja. Ia berusaha mencari pekerjaan apa sahaja sejak mandur sampai kepada *overseer*. Tetapi semua pejabat hanya menerima orang yang sudah ada pengalaman sahaja, orang yang baru tamat dari sekolah walaupun mempunyai ijazah telah ditolak kerana ketiadaan pengalaman dalam pekerjaan.

Pada suatu hari dalam surat khabar *Straits Times* Zainal Abidin membaca sebuah iklan yang menyatakan ada dua pekerjaan kosong sebagai pelatih *Forest Ranger*. Gaji permulaan selama dalam percubaan \$40, setelah enam bulan kalau lulus naik \$60. Maka ia pun menulis surat membuat permohonan.

Tidak lama kemudian datanglah panggilan untuk ditemu duga di Kuala Lumpur, di Pejabat Hutan yang terletak di Bukit Mahkamah.

Ia seorang sahaja yang telah ditemu duga oleh O.C.E. Cubitt, orang Inggeris Kepala Pejabat Kehutanan F.M.S. waktu itu.

Setelah dipandanginya Zainal ke atas dan ke bawah oleh kepala pejabat itu, maka ia pun berkata:

"Salinkan *certificate* dan surat-surat keteranganmu dan tinggalkan sama kerani besar."

Zainal tidak tahu apakah ucapan orang putih itu hanya sebagai satu alasan tidak mahu menerimanya ataupun

memang benar kerja yang kosong itu sudah diisi. Tetapi tidak mungkin kerja yang baru diiklankan itu telah dipenuhi dengan tiba-tiba sedangkan dia yang memohonnya baru sahaja diinterview.

Maka duduklah Zainal Abidin di pejabat itu selama satu jam lebih menyalin *certificate* dan surat-surat keterangannya. Setelah itu ia pun pulang ke Seremban dengan menumpang kereta api.

Di Stesen Seremban secara kebetulan ia bertemu dengan seorang Serani sahabatnya yang sama-sama sekolah bernama G.A. Lopez (kemudian menjadi doktor).

"Kaudatang dari mana, Zainal?"

"Aku datang dari Kuala Lumpur, pergi interview untuk menjadi *Forest Ranger*."

"Apa? Apa buat kau mahu masuk hutan, mahu jumpa harimau? Kau tidak baca *Straits Times*? Di sana ada iklan pekerjaan yang tidak payah tunggu enam bulan. Cuma yang dikehendaki ialah orang Melayu dan Serani sahaja sebanyak 4 orang untuk bekerja jadi guru di Johor. Gaji \$75 sebulan."

"Mana dia surat khabarnya, tengok dahululah."

Pada 28 Mei 1916 Zainal Abidin pun menulis surat memohon jawatan yang dikatakan oleh kawannya itu. Suratnya itu dijawab pada 30 Mei dan disuruh datang ke Johor. Maka pada malam itu juga ia pun berangkat dengan kereta api ke Johor Bahru.

Ia telah diterima bekerja sebagai guru di Bukit Zahrah English School mulai 1 Jun. Sebulan kemudian, tibalah cuti puasa, setelah habis masa cuti itu ia dipindahkan bekerja di *English College*. Murid-murid yang berjumlah sebanyak 60 orang di kolej itu yang kebanyakannya terdiri daripada anak-anak raja dan orang-orang besar, dibahagi ke dalam tiga *form*. *Form* satu ialah darjah 6 dan 7, *form* dua darjah 4 dan 5 dan *form* tiga darjah 1 dan 3. Tiap-tiap satu *form* ini di bawah jagaan seorang guru. Selain daripada dia yang mengajar di situ, ada lagi seorang guru yang lain iaitu seorang Inggeris yang sangat kuat minum arak dan Encik Shukur Haji Ismail. Setahun kemudian datang lagi dua orang Serani sebagai guru tambahan di sekolah tersebut.

Selama di Johor, Zainal tinggal bersama-sama Cikgu Kassim yang dianggap sebagai saudara angkatnya. Cikgu

Kassim mengajar bahasa Melayu walaupun ia tahu juga sedikit-sedikit bahasa Inggeris. Isteri Cikgu Kassim, Cik Piah namanya berumur kira-kira 35 tahun sangat sayang kepada Zainal dan Zainal pun sebaliknya manja pula kepadanya. Cik Piah membuat pakaian-pakaian Johor untuk Zainal dengan menyuruh Zainal membelikan kain-kain untuk pakaian-pakaian itu.

Biasanya pada masa cuti Hari Raya Puasa, cuti yang sedikit panjang masanya Zainal pulang ke Negeri Sembilan. Tetapi pada Hari Raya Haji ia biasa berhari raya di Johor Bahru sahaja bersama-sama dengan keluarga Cikgu Kassim.

Setahun lamanya ia di Johor Bahru. Ketika ia mencapai umur 21 tahun maka Cikgu Kassim dan isterinya pun beruraura untuk mengahwinkannya dengan anak gadis Johor. Pada suatu pagi Hari Raya Haji Zainal pun dibawa oleh Cikgu Kassim mengunjungi rumah kaum keluarga dan sahabat kenalannya. Hanya mereka berdua sahaja yang melakukan kunjungan itu, sedangkan Cik Piah isteri Cikgu Kassim berjalan dengan kawan-kawan perempuannya pula. Orang lelaki dan perempuan tidak berjalan bersama-sama.

Pada sebuah rumah Cikgu Kassim terus meninggalkan Zainal seorang diri di luar, sementara ia terus menghilang ke dapur. Tidak lama kemudian kain langsir pintu tengah pun terkuak dan muncullah seorang anak gadis berumur kira-kira 15 tahun dengan tidak memandang ke atas meletakkan hidangan kuih dan minuman di hadapan Zainal, setelah itu ia lekas-lekas masuk semula ke dalam.

Ada empat lima buah rumah yang berlaku serupa itu. Zainal sedikit pun tidak menyangka akan sesuatu yang berselindung di sebalik kejadian-kejadian itu sehingga mereka pulang semula ke rumahnya ketika sudah menjelang tengah hari.

"Cikgu Zainal ke mana berjalan hari ini?" Cik Piah bertanya ketika mereka telah sampai di rumah.

"Entah, Cikgu Kassim yang bawa saya berjalan tadi."

"Apa yang nampak?"

"Tidak ada nampak apa-apa, cuma budak-budak perempuan ada membawa kuih dan minuman waktu saya duduk sendirian di luar."

"Adakah yang Cikgu Zainal berkenan? Kalau Cikgu

Zainal mahu kahwin, beritahukanlah yang mana yang berkenan di hati."

"Saya belum mahu kahwin," jawab Zainal dengan tidak mengatakan berkenan atau tidak.

Tetapi ketika pulang cuti ke kampungnya kemudian Zainal telah berkahwin dengan seorang perempuan yang menjadi temannya sejak masih kanak-kanak lagi.

Biasanya waktu cuti semasa masih bersekolah dahulu Zainal pulang ke Linggi. Tetapi sesudah tamat sekolah dan semasa dia sedang mencari kerja ia pulang ke Jempol. Tidak jauh dari rumahnya itu ada sebuah rumah teman perempuannya waktu kecil-kecil dahulu. Mereka sudah lama tidak pernah bertemu muka. Dan ketika bertemu kembali sesudah besar itu timbullah perasaan kasih sayang antara satu dengan yang lain.

Sebelum ibunya meninggal dunia, pernah disuruh meminang oleh Zainal. Menurut adat di kampung pertunangan biasa dilakukan sejak anak-anak itu masih kecil lagi. Walaupun ibu Zainal suka dengan anak gadis itu tetapi bapanya tidak. Bapanya ingin ia kahwin dengan seorang gadis yang ia pilih sendiri di kampung itu.

Waktu berumur 15 tahun, Rafeah, demikian nama perempuan itu telah dikahwinkan dengan seorang lelaki yang sudah separuh umur dan untuk beberapa lamanya ia dibawa ke Bentong oleh suaminya. Tidak lama kemudian ia pun bercerai dan kembali semula ke Jempol.

Perhubungan antara Zainal dan Rafeah itu telah tumbuh kembali sejak itu, dan dengan diam-diam mereka selalu bertemu.

"Kalau engkau mahu kahwin dengan aku, tunggulah sampai aku kerja," demikian Zainal berjanji dengan Rafeah waktu mereka bertemu itu.

Maka Rafeah pun menunggu dengan sabarnya.

Setelah setahun bekerja di Johor Bahru, Zainal pun ditunangkan oleh bapanya dengan seorang gadis di Juasseh, daerah Kuala Pilah. Ia menentang pertunangan itu kerana mengingatkan janjinya dengan Rafeah, tetapi bapanya berkeras juga.

"Saya tidak tengok orangnya, bagaimana?" tanyanya kepada bapanya.

"Kau percayalah aku. Orangnyanya elok. Kalau tidak elok kauceraikan," ujar bapanya.

Akhirnya ia pun menerima pertunangan itu, dalam hatinya sendiri berfikir apa salahnya kalau nanti ia kahwin dua.

Setelah bertunang maka dalam masa cuti *Easter* ia pun pulang ke Jempol. Sebagai biasa ia berjumpa dengan Rafeah.

"Aku sudah bertunang," katanya kepada Rafeah.

"Ah, abang sudah mungkir janji. Dahulu abang menyuruh saya menunggu sampai abang mendapat kerja dan kita kahwin, sekarang abang telah bertunang pula dengan orang lain."

"Aku tidak mungkir janji, tetapi bapaku yang memaksa aku bertunang, walaupun begitu apa salahnya kalau aku kahwin dua."

"Saya tidak mahu dimadukan. Kalau abang kahwin dengan saya, dengan sayalah sahaja."

Dalam pertemuan yang romantis itu mereka telah mengatur satu cara betapa mereka dapat menggunakan adat 'mendapatkan' untuk menyampaikan maksud hatinya. Di Kuala Pilah ada suatu adat yang membolehkan seseorang itu berkahwin apabila perempuan, baik janda ataupun gadis datang ke rumah si lelaki dan memberi bukti bahawa mereka sudah ada janji, iaitu sebilah keris.

Dua malam setelah ia berada di rumahnya, maka petang besoknya sedang ia sembahyang maghrib, terdengarlah mak tirinya berleter-leter panjang pendek, kerana Rafeah telah dihantar orang ke rumah mereka. Kemudian bapanya pula yang baru pulang itu meratus-ratus, tetapi bapanya tidak dapat memarahkannya ataupun sampai memukulnya kerana adatnya sudah membolehkan begitu. Mahu tidak mahu mereka terpaksa bermuafakat pada malam itu juga dan melangsungkan perkahwinan antara Zainal Abidin dengan Rafeah.

Perkahwinan itu berlaku pada 10 April 1917.

Setelah habis cuti Zainal pun pulang ke Johor tanpa berpamitan dengan bapanya lagi. Tidak lama kemudian Rafeah pun datang. Kawan kenalan Zainal Abidin di Johor Bahru tidak begitu suka dengan perkahwinannya itu. Menurut anggapan mereka, Zainal seorang anak teruna tidak pantas kahwin dengan seorang janda.

Sementara itu pihak tunangnya di Juasseh telah berusaha untuk memutuskan sahaja pertunangan mereka. Tetapi bapa Zainal dengan sedaya upaya menyabarkannya. Ia terus berusaha untuk menyampaikan maksudnya supaya Zainal kahwin dengan gadis yang dipilihnya.

Dua bulan kemudian Zainal pun pulang ke Jempol. Ia pulang ke rumah isterinya, yang terletak bertentangan dengan rumahnya di seberang jalan raya.

Dua hari kemudiannya Zainal dipanggil bapanya.

"Aku mahu bercakap sedikit," katanya setelah Zainal datang dan duduk di hadapannya. "Kalau kau tidak mahu dengar cakap aku sekali ini putuslah perhubungan kita. Hajat engkau sudah sampai, sekarang aku harap kausampaikan pula hajat aku. Hajat aku ialah kauceraikan isterimu itu dan kahwin dengan tunang kau, kau seorang teruna, tidak patut kahwin dengan seorang janda. Kau boleh ceraikan kerana hajat kau sudah sampai. Bagaimana?"

Lama Zainal berdiam diri, tidak berkata-kata. Kalau ia mahu ia boleh berkeras tetapi ia takut kepada bapanya. Akhirnya ia pun mengaku akan menceraikan isterinya itu.

"Kalau begitu kaupergi ke Seremban, tulis surat kepada kadi dalam surat itu masukkan surat cerai. Kemudian suruh kadi itu berjumpa aku. Kalau tidak aku tidak percaya. Mahukah engkau membuatnya?"

"Baiklah abah," Zainal mengaku.

Waktu pulang ke rumahnya, isterinya telah mendapat firasat bahawa suaminya itu dipanggil bapa mentuanya tentulah ada sangkut-paut dengan dirinya sendiri.

"Mengapa abang dipanggil?" ia bertanya dengan curiga.

"Tidak ada apa-apa," jawabnya berbohong. "Ada soal lain yang kami bicarakan."

Tidak lama kemudian ia pun berangkat ke Seremban. Dua minggu sesudah itu iaitu pada 12 Julai 1917 datanglah surat kepada kadi yang mengatakan Rafeah sudah diceraikannya dengan talak tiga. Berita itu dengan segera dihebahkan oleh bapanya supaya diketahui oleh semua orang di kampung itu bahawa Zainal dan Rafeah sudah berpisah.

Dalam bulan Disember 1917 Zainal berkahwin dengan Fatimah. Gadis yang tidak pernah dilihatnya. Kecuali pada waktu bersanding itu sahaja. Tiga hari sebelum perkahwinan-

nya itu, Rafeah jandanya telah memesan mahu bertemu dengannya. Mereka berjumpa dalam suatu pertemuan yang sangat dramatis. Rafeah datang dengan perut yang sudah sarat mengandung.

"Dahulu abang berjanji akan beristerikan saya sampai mati. Sekarang abang ceraikan saya, dan akan kahwin dengan anak dara pula."

"Aku mengaku salah kerana aku telah mungkir janji. Aku akan berusaha kalau dapat kita balik semula, kalau kita tidak dapat balik juga anak itu aku akan pelihara."

Tetapi setelah kahwin, Zainal terus lupa akan janjinya itu. Ia membawa isterinya yang baharu itu ke Johor Bahru. Orang-orang di Johor Bahru menyambut kedatangan isterinya yang baharu itu dengan gembira, sikap mereka terhadap isterinya yang kedua ini jauh berbeza dengan isterinya yang pertama dahulu. Mereka semua memuji-mujinya kerana kahwin dengan anak dara.

Dalam bulan Mac, Rafeah bekas isterinya bertanya. "Sekarang kalau saya diduakan juga saya terima. Tidak mengapa."

"Aku bersalah. Aku tidak sanggup memelihara dua orang isteri. Aku tidak dapat mengambil kau lagi, kerana aku sudah ada tanggungan. Anak sahaja aku ambil."

"Kalau abang tidak mahu ambil, saya akan kahwin lain," ujar bekas isterinya itu.

Anak perempuan itu diberi nama Raihanah dan setelah berumur lima tahun ia diserahkan oleh ibunya kepada Zainal Abidin untuk dipelihara dan disekolahkan.

Pada suatu petang awal Oktober 1918, antara pukul 5.00 dan 6.00, di perhentian kereta api Johor Bahru ramai murid dan guru *English College* menunggu kereta api mel malam dari Singapura. Mereka datang ke perhentian itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Zainal Abidin dan isterinya Cik Fatimah yang akan bertukar ke *Malay College* Kuala Kangsar.

Pergaulan yang telah terjalin selama dua tahun setengah itu telah menyebabkan Zainal Abidin menjadi salah seorang yang sangat dikasihi oleh kawan kenalannya, dia dan isterinya dianggap sebagai salah seorang keluarga mereka sehingga suasana perpisahan di perhentian kereta api pada malam itu

menjadi satu suasana yang amat dramatis. Kepergian mereka merupakan satu kehilangan yang amat besar, maka banyaklah antara orang yang menghantar itu yang mengeluarkan air mata walaupun ada yang mencuba berkelakar untuk menimbulkan gelak ketawa.

A. Majid Zainuddin seorang guru bahasa Melayu di *Malay College* Kuala Kangsar telah memberitahukan kepada Zainal bahawa dia akan berhenti daripada pekerjaannya itu kerana menerima suatu jawatan lain di Jeddah. Dia menganjurkan supaya Zainal membuat permohonan untuk menggantikan tempatnya, kerana gaji di situ lebih baik daripada gaji yang diterima Zainal di Johor Bahru. Kalau permohonannya di terima maka dia kelak akan diberi gaji permulaan sebanyak \$100 sebulan dan kalau lulus Kelas Normal dia akan mendapat kenaikan sampai \$210. Selain daripada itu ada disediakan pula sebuah rumah untuk tempat tinggal. Selama di Johor Bahru ini Zainal hanya tinggal di salah sebuah menara sekolahnya sahaja. Menara itu dua tingkat, tingkat atas dijadikan tempat tidur dan tingkat bawah tempat tamu.

Zainal sangat tertarik dengan anjuran A. Majid itu, kerana setelah dua tahun setengah dia di Johor Bahru gajinya baru \$85 dan untuk mendapat kenaikan seperti yang disebutkan temannya itu dia terpaksa menunggu beberapa tahun lagi. Kalaupun dia dapat mengikuti Kelas Normal maka Kelas Normal itu hanya ada di Singapura sahaja. Dia terpaksa pergi ke sana. Memikirkan semua ini tambahan pula pada ketika itu *Malay College* Kuala Kangsar lebih terkenal sebagai satu-satunya tempat anak-anak bangsawan dan anak-anak Melayu yang terpilih belajar di Tanah Melayu ini, maka dalam masa cuti di kampungnya, ia pun membuat surat permohonan untuk memenuhi jawatan tersebut.

Surat permohonannya itu tidak mendapat jawapan, maka setelah habis cuti puasa dalam bulan Mei, ia pun kembali semula ke Johor Bahru dengan perasaan harap-harap cemas. Tetapi tidak lama kemudian datanglah jawapan itu dan ia diminta datang segera ke Kuala Kangsar. Itulah makanya ramai kawan kenalannya yang datang menghantarnya ke perhentian kereta api pada malam itu. Mereka meninggalkan Johor Bahru, dengan segala suka dan dukanya.

Pagi-pagi berikutnya setelah singgah sebentar minum dan

makan pagi di perhentian kereta api Kuala Lumpur, mereka pun menyambung semula perjalanannya dengan kereta api yang menuju ke Pulau Pinang. Kira-kira pukul 3.00 petang sampailah mereka di Kuala Kangsar. Di perhentian kereta api itu telah sedia menunggu Muhd. Yusuf, adiknya yang pada masa itu sedang belajar di *Malay College*, Kuala Kangsar. Serupa dengan keadaannya dahulu, Muhd. Yusuf juga dilarang oleh bapanya belajar di sekolah Inggeris, tetapi kerana Zainal memberi pengakuan akan membantunya, maka Muhd. Yusuf pun meninggalkan Kolej Melaka.

Memang benar, untuknya telah disediakan sebuah rumah, tetapi rumah itu kosong sekosong-kosongnya. Dia berasa menyesal kerana tidak membawa barang-barangnya sedikit dahulu. Barang-barangnya telah dikirim melalui kereta api dan sementara menunggu barang-barangnya itu tiba maka duduklah mereka di atas lantai dengan membentangkan tikar sahaja.

Sehari demi sehari barang-barang yang ditunggunya tidak juga sampai, akan dibelikan barang-barang yang baharu wangnya tidak ada, maka dipinjamah barang-barang dari kawan kenalannya, di sana satu di sini satu. Nyamuk juga terlalu banyak. Untunglah mereka hanya berdua sahaja. Dua puluh hari kemudian barulah barang-barangnya itu tiba.

Zainal mulai mengajar di sekolah kecil pada 3 Oktober. Sekolah kecil ialah sekolah *Primary* yang mengandungi kelas enam dan kelas lima, sementara sekolah besar pula ialah Sekolah *Secondary* yang mengandungi kelas empat, tiga, dua dan satu.

Setiap hari Jumaat dan Sabtu ia menghadiri Kelas Normal di Taiping. Ia terpaksa bermalam semalam di sana dan pulang pada petang Sabtu ke Kuala Kangsar. Kalau dalam peperiksaan itu ia lulus maka gajinya akan melompat naik, kalau tidak maka skim gajinya itu akan berjalan seperti biasa. Secara kebetulan guru kepala di Kelas Normal tersebut ialah orang putih yang pernah menolongnya masuk sekolah Inggeris di Seremban dulu, iaitu Tuan Alexander Keir. Selain daripada orang putih ini ada lagi dua orang guru yang mengajarnya iaitu Tuan H.M. Macleod dan Mrs. McGregor (guru di Sekolah King Edward ke-VII).

Dari Kuala Kangsar ada tiga orang yang bersama-sama

mengikuti Kelas Normal itu. Selain daripada Zainal Abidin maka ada seorang Melayu lagi bernama Cikgu Hassan dari *Malay College* Kuala Kangsar, seorang perempuan muda yang berusia kira-kira 15 tahun bernama Miss Koelmeyer dari *Hogan's English School*, Kuala Kangsar dan seorang Serani Fernando namanya. Semua sekali ada 15 orang dalam kelasnya yang terdiri dari orang-orang Cina, India dan Serani.

Dalam kelas itu mereka diajar ilmu Bahasa Inggeris, Sastera Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Alam (*Geography*), Ilmu Kesihatan (*Hygiene*) dan kaedah mengajar. Setiap hujung minggu ia berulang-alik dari Kuala Kangsar ke Taiping. Pulang ke Kuala Kangsar ia membuat karangan-karangan dan mengamalkan semua ajaran-ajaran yang telah dipelajarinya.

Setelah dua tahun belajar di Kelas Normal itu, maka ia pun memasuki peperiksaannya. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam kertas peperiksaannya ialah tentang Bahasa Inggeris, Ilmu Alam, Ilmu Hisab, *Theory and Practical of Teaching*, Kesihatan Umum.

Tetapi anehnya setelah ia lulus peperiksaan itu dalam bulan September 1921 gajinya tidak juga dinaikkan. Setiap kali ditanya ia mendapat jawapan bahawa soal kenaikan gaji itu sedang dalam pertimbangan.

Kiranya penahanan gaji itu ada sangkut-pautnya dengan tulisan-tulisannya dalam surat-surat khabar. Ia telah dimark oleh kerajaan, dituduh menghasut dan menderhaka.

Raja Sir Chulan yang menjadi salah seorang anggota *Board of Governors Malay College* telah memanggilnya dan bertanya tentang kegiatannya menulis artikel-artikel dalam surat-surat khabar Inggeris dan Melayu.

"Patik tidak menulis," jawabnya beralih.

"Tetapi semua orang tahu engkau suka menulis."

Namun demikian ia terus juga menulis kecaman-kecaman terhadap perlakuan yang tidak adil yang dialami dan yang dapat dilihat dengan mata kepalanya sendiri. Ia menulis tentang perbezaan-perbezaan yang diberikan antara sekolah Melayu dengan sekolah Inggeris. Sekolah-sekolah Melayu selain daripada bangunan-bangunannya kecil yang diperbuat daripada papan dan atap, juga isinya kosong, alat-alatnya tidak cukup. Sedangkan sekolah-sekolah Inggeris

bangunan-bangunannya besar dan cantik-cantik, alat-alat kelengkapannya cukup.

Ia menulis dalam surat-surat khabar sejak di Johor Bahru lagi, tetapi Tuan R.O. Winstedt yang menjadi *Asst. Director of Education* yang mengetahui tentang kegiatannya itu tidak mengambil sesuatu tindakan apa-apa terhadapnya. Malah Winstedt sebaliknya menjadi salah seorang sahabatnya yang baik yang pada akhirnya telah mengambil ia bekerja di bawahnya.

Winstedt telah menganjurkan supaya Zainal ditarik bekerja dalam pejabat dan jangan diberikan dia mengajar di sekolah. Maka pada tahun 1923 ia pun dipindahkan ke Kuala Lumpur bekerja di pejabat *Asst. Director of Education S.S.* dan *F.M.S.*

Waktu di Kuala Lumpur ia semakin banyak membaca buku-buku dan perhatiannya pun sudah mulai tajam tentang sesuatu perkara ditambah pula dengan pengalamannya yang makin bertambah. Ia mulai menyedari *bahawa kemunduran orang-orang Melayu bukan hanya semata-mata kerana orang putih tetapi orang-orang Melayu sendiri juga ikut salah.*

Ia telah menulis empat buah artikel yang panjang dalam surat khabar *Malay Weekly Mail*. Dua artikel yang bersambung-sambung tentang *Poverty of the Malays* dan dua artikel yang bersambung-sambung juga tentang *The Salvation of the Malays*. Tulisannya ini telah mendapat tempat yang istimewa dalam bahagian lidah pengarang (di halaman rencana pengarang) dan menarik perhatian banyak orang, tidak sahaja kerana tulisannya itu telah menyimpang daripada caranya yang biasa yang selalu sahaja mengecam pemerintah, tetapi juga kerana cara berfikirannya sudah mulai serius.

"Ini sudah bagus," kata orang-orang yang selama ini menaruh curiga terhadap dirinya, setelah mereka membaca kedua-dua artikel tersebut.

Setelah Winstedt diangkat menjadi *Director of Education* maka ia pun dipindahkan ke ibu pejabat di Singapura, tempatnya di Kuala Lumpur dipangku oleh Tuan Small. Walaupun ia pandai berbahasa Melayu tetapi ia lebih ahli dalam Ilmu Hisab, ia kemudian dipindahkan ke Pejabat Perbendaharaan.

Pejabat tempat Zainal Abidin bekerja di Kuala Lumpur

sudah tidak ada ketuanya lagi, dan walaupun Tuan O.T. Dussek boleh mengepalainya tetapi ia menganjurkan supaya pejabat itu dipindahkan sahaja ke Tanjung Malim. Zainal juga sudah lama tidak menulis dalam surat-surat khabar, baik surat khabar Melayu mahupun surat khabar Inggeris. Kiranya selama satu tahun itu ia telah diperhatikan oleh pihak yang berkuasa. Mereka curiga dengan kegiatannya menulis mengecam kerajaan.

Dalam bulan April, 1924 setelah setahun lamanya Zainal di Kuala Lumpur maka ia pun dipindahkan pula ke Tanjung Malim. Tetapi gajinya belum juga dinaikkan, walaupun sudah berkali-kali membuat surat rayuan.

Di Tanjung Malim kepadanya diberikan sebuah pejabat, dengan seorang kerani dan seorang peon.

Pada suatu hari Dussek memberitahu bahawa ada seorang putih kepala kepolisan yang bernama Hamilton ingin menjumpainya, untuk berkenal-kenalan. Dussek telah mengetahui lebih dahulu akan maksud kedatangan orang putih itu, tetapi tidak dikatakannya apa-apa kepada Zainal.

"Nanti waktu pulang makan tengah hari tidak usahlah kaudatang ke pejabat lagi, ada seorang putih akan datang ke rumahmu," kata Dussek kepadanya.

Tuan Hamilton yang dikatakan oleh Dussek itu sangat pandai berbahasa Melayu, dia Ketua Mata-mata Gelap dan orang Melayu memanggilnya Haji Hamilton. Apakah kerana ia menyimpan seorang perempuan Melayu, apakah ia sudah benar-benar masuk Islam dan naik haji, tidaklah diketahui dengan jelas. (Hamilton ini telah menterjemahkan buku Omar Khayam ke dalam bahasa Melayu dan beberapa buah buku Inggeris yang lain. Ia pandai bercakap dengan dialek Pulau Pinang.)

Zainal tidak sangka dia mahu menguji buah fikirannya. Percakapan Hamilton dengannya berbelit-belit.

"Banyak sekolah yang sudah Encik Zainal mengajar, sekolah manakah yang tidak bagus?" demikian tanyanya memancing.

"Di Johor Bahru bagus, tetapi saya tidak dapat rumah. Sekolahnya pada sebuah bangunan yang lama, tidak elok."

"Ada orang menulis dalam surat khabar memakai nama *Anak Melayu Jati* di Johor, yang mengatakan sekolah orang

putih bagus, sekolah Melayu tidak bagus. Ada Encik Zainal baca karangan itu? Siapakah penulisnya?"

"Saya yang menulisnya," Zainal mengaku berterus terang. "Oh, Encik Zainal. Jadi apa perasaan Encik Zainal kalau sekolah itu tidak baik."

"Kita orang di bawah pemerintah, mestilah terima sahaja."

Menurut keterangan seorang kawannya, Hamilton telah memberikan laporan sulit kepada kerajaan tentang hasil pertemuannya dengan Zainal Abidin. Menurut kawannya itu, Hamilton berpendapat Zainal Abidin seorang yang baik dan jujur, ia mengatakan apa yang tidak baik. Dua bulan kemudian gajinya pun dinaikkan menjadi \$190 sebulan. Tunggakan gaji (*arrears*) sejak tahun 1921 diterima kesemuanya yang berjumlah \$3000 lebih.

Dengan wang *arrears* yang sebanyak itu maka keadaan kehidupannya agak tertolong juga. Ia membeli rumah dan tanah di Kampung Baru, Kuala Lumpur untuk tempat tinggal anak-anaknya yang akan melanjutkan sekolah dan juga dibelinya sebidang kebun.

Waktu di Kuala Kangsar dahulu, anaknya Zaharah dan Zamrud telah lahir dan di Tanjung Malim ini menyusul pula anaknya yang keempat, Mohd. Redza. Murtadza anak yang ketiga lahir di Juasseh, Negeri Sembilan dan Zaitun di Kuala Lumpur.

Dalam tahun 1925 Raihanah anak dengan isterinya yang pertama telah dibawa dan diserahkan kepadanya, menurut janji yang telah diucapkan ketika mereka berpisah dahulu. Bekas isterinya itu pun telah berkahwin lain dan telah mempunyai beberapa orang anak pula.

"Jagalah baik-baik," demikian pesan ibu Raihanah. Dan anak itu pun dijaga dengan baik oleh Zainal. Cik Fatimah isterinya memperlakukannya tidak ubah sebagai anaknya sendiri. Ia tidak dibeza-bezakan sedikit juga. Anak-anak perempuan Zainal yang mula-mula masuk belajar di Sekolah Latihan Tanjung Malim, walaupun pada waktu itu orang-orang Melayu tidak suka anak-anak perempuan disekolahkan. Perbuatannya itu kemudian telah diikuti oleh orang-orang lain, sehingga sebuah sekolah yang khusus terpaksa didirikan untuk menampung anak-anak perempuan guru-guru dan pegawai-pegawai maktab itu, belajar.

Sesudah tiga bulan ia di Tanjung Malim, Dussek pun mengusulkan kepada Winstedt supaya didirikan sebuah Pejabat Karang-Mengarang dan dicari beberapa orang pegawai sekurang-kurangnya lima atau enam orang lagi. Mereka itu diberi latihan dan diajar mengarang buku-buku untuk kegunaan sekolah-sekolah Melayu. Sejak Said Mahmud A. Kadir al-Hindi yang membuat buku pelajaran membaca *Pemimpin Pengetahuan* dalam tahun 1880 dahulu, maka sampai pada waktu Winstedt masih tetap seorang juga yang menyediakan buku-buku itu. Dussek mengusulkan supaya betul-betul didirikan sebuah Pejabat Karang-Mengarang seperti yang telah dilakukan oleh Belanda di Betawi,¹ walaupun dalam keadaan yang kecil-kecil dahulu.

Winstedt telah menolak usulan itu dengan alasan akan memakan belanja. Tetapi Dussek tidak patah hati, ia terus mendesak dengan mengatakan bahawa di sekolah-sekolah Melayu banyak buku yang mesti digunakan, dan tidak sahaja buku-buku pelajaran membaca.

Dussek menarik perhatian Winstedt dengan menyebutkan bahawa Pejabat Karang-Mengarang itu akan dikendalikan oleh satu dewan pengarang yang akan disebut namanya dalam tiap-tiap buku keluarannya. Mereka itu terdiri dari tiga orang. Winstedt sebagai *general editor* sedangkan Dussek dan Zainal Abidin sebagai pembantunya.

Pancingan itu mengena. Winstedt terus menyetujuinya. Maka dibentuklah sebuah Jabatan Karang-Mengarang yang kemudian banyak menerbitkan buku-buku bacaan, walaupun tiga orang yang tersebut namanya sebagai editor tetapi kebanyakan daripada buku itu diedit dan dikerjakan oleh Zainal Abidin.

Tiga tahun kemudian mereka mendapat tambahan pegawai sebanyak enam orang. Pegawai-pegawai ini diambil di kalangan pemuda-pemuda yang telah lulus peperiksaan *Senior Cambridge* dan mereka itu diberi latihan dalam karang-mengarang dan terjemahan selama dua tahun. Lima belas tahun kemudian ketika Zainal Abidin meninggalkan Pejabat Karang-Mengarang itu pegawai-pegawainya telah berjumlah delapan orang.

1 Jakarta.

Ketika di Tanjung Malim iaitu dalam tahun 1928 ia mula-mula mendapat sakit karang. Penyakitnya itu agak teruk juga sehingga ia terpaksa tinggal di rumah sakit di Kuala Lumpur. Walaupun waktu diperiksa tidak kelihatan apa-apa, tetapi doktor mahu membelahnya untuk melihat.

"Kalau tidak ada boleh ditutup kembali," demikian doktor mengatakan kepadanya. "Kalau tidak mahu dibedah pun tak apa."

Zainal tidak mahu dibedah. Setelah diberi ubat ia pun kembali semula ke Tanjung Malim. Penyakitnya itu beransur-ansur baik.

Dalam tahun 1931 ia mendapat penyakit urat saraf pula kerana bekerja tidak berhenti-henti. Ia tidak boleh menulis, kalau menulis lebih sedikit ia menjadi letih. Penyakitnya itu ditambah pula dengan lain penangguhan, antaranya ialah isterinya sendiri selalu pula sakit-sakit.

Zainal kemudian mendapat cuti selama 22 hari, tetapi ketika habis cutinya itu ia tidak juga dapat bekerja. Penyakitnya datang semula ia lalu disuruh cuti lagi.

"Engkau harus beralih angin," demikian doktor di Tanjung Malim berkata kepadanya. "Pergilah ke suatu tempat untuk menukar udara, untuk mendapat pemandangan yang baharu dan keadaan sekeliling yang berlainan. Kau mesti berbuat begitu, kalau tidak engkau akan gila."

Masalahnya sekarang ialah ia tidak mempunyai wang yang cukup. Wangnya hanya ada beberapa ratus ringgit sahaja lagi, kalau ia akan pergi ke Indonesia tempat yang paling dekat, paling kurang ia memerlukan wang kira-kira \$700 lagi, untuk selama tiga bulan.

Tetapi Dussek menyanggupi akan meminjamkan wang kepadanya.

Dalam bulan September tahun 1931 Zainal Abidin pun memulailah lawatannya ke Indonesia. Dengan menumpang kapal dari Singapura ia menuju ke Betawi. Dalam kapal itu ia berkenalan dengan seorang Arab, Syed A. Wahid Jailani namanya, yang belajar di Negeri Jerman dan akan pulang ke Indonesia, selain daripada pandai berbahasa Jerman ia juga tahu berbahasa Inggeris. Tetapi ketika sampai di Tanjung Periuk, mereka telah berpisah dengan tidak sempat bertemu lagi.

Selama 10 hari di Betawi ia tinggal di Hotel Kemajoeran. (Dalam kunjungannya yang kedua pada tahun 1955 ia mencuba mencari hotel ini tetapi sudah tidak ada lagi.) Dari Betawi ia berangkat ke Bogor yang pada waktu itu terkenal dengan nama Belandanya, Buitenzorg, setelah tiga hari di sana maka dengan menumpang bas ia berangkat menuju ke Sukabumi melewati Sidanglaya yang sekarang ini terkenal dengan nama Puncak tempat peranginan penduduk-penduduk Jakarta pada akhir minggu dan dari Cianjur terus ke Sukabumi.

Ia sampai di Bandung dengan menumpang kereta api setelah satu hari satu malam di Sukabumi. Di Bandung ia menginap di Hotel Setia.

"Apa yang tuan mahu *in Paris van nederland Indie*. Apa yang dapat di Paris boleh dapat di sini," kata pengurusnya seorang Sunda.

Selama sepuluh hari di Bandung, Zainal telah berkenalan dengan seorang pemuda Indo yang hanya tahu berbahasa Belanda tetapi tidak tahu berbahasa Inggeris, sedang Zainal tahu berbahasa Inggeris tetapi tidak tahu berbahasa Belanda, akhirnya mereka berbahasa Indonesia. Pemuda Indo itu membawanya ke tempat menari.

Zainal tidak tahu menari, bukan kerana ia tidak mahu belajar tetapi ia memang tidak suka, maka setelah makan duduklah ia minum-minum sambil menjadi penonton orang-orang menari dengan perempuan-perempuan yang cantik-cantik itu.

Waktu di Bandung ini teringatlah ia akan seorang temannya dari Singapura yang bernama Hassan Ahmad yang sudah pindah ke mari. Kerana ia tidak tahu bagaimana akan mencari tempat tinggalnya, maka ia pun menulis surat kepada temannya itu, seminggu kemudian Hassan Ahmad yang lebih terkenal dengan nama A. Hassan Bandung pun muncul di tempat penginapannya dan mengajak ia tinggal di rumahnya.

A. Hassan Bandung ini terkenal kerana pendapatnya dalam agama Islam yang berlainan dari kebiasaan. Majalah *Pembela Islam* yang diterbitkan oleh Persatuan Islam Bandung selalu dibaca oleh Zainal, walaupun ada beberapa perkara daripada pendapatnya itu tidak disetujui olehnya, tetapi

sebagai seorang sahabat ia telah menerima baik jemputan A. Hassan itu.

Selama dalam perjalanan ini Zainal sudah banyak meninggalkan waktu sembahyang, lebih-lebih lagi sembahyang subuh. Maka ketika menginap di rumah Tuan A. Hassan itu pagi-pagi lagi waktu sedang nyenyak tidur, ia telah dikejutkan dengan bang subuh maka ia pun terpaksa bangun dan ikut sembahyang bersama-sama.

Dalam pergaulan Zainal sangat liberal, ia bergaul dengan siapa sahaja tanpa membeza-bezakannya. Ia ikut kawan yang mengajaknya ke tempat dansa dan ia juga boleh mengikut orang yang mengajaknya ke tempat orang belajar agama. Selama tiga hari di rumah A. Hassan Bandung itu ia ikut berbahas tentang berbagai-bagai soal agama, tentang halal dan haram tentang iktikad yang salah dan iktikad yang betul.

Akhirnya ia meminta diri untuk kembali ke hotelnya.

Waktu sampai di hotelnya itu ia menerima sepucuk surat daripada bapa saudaranya Muhammad Datuk Muda.

"Ayahanda sekarang sudah ada di Bandung menginap di Hotel Malabar."

Ia pun segera pergi menemui bapa saudaranya itu. Rupanya Muhammad Datuk Muda juga ingin berjumpa dengan A. Hassan Bandung; maka terpaksa ia melambatkan perjalanannya satu hari lagi. Besoknya mereka berdua pun menaiki bas menuju ke Garut. Sekarang ia sudah mendapat teman dalam perjalanannya itu.

Di Garut mereka menginap di Hotel Merdeka. Kerana mereka ingin membawa oleh-oleh dari tempat perusahaan batik yang terkenal itu maka mereka pun dibawalah oleh pengurus hotel itu mengunjungi sebuah toko batik yang terbesar yang dimiliki oleh seorang perempuan bernama Nyonya Odjo. Di sana masing-masing membeli lima enam helai kain batik seorang. Dari Garut dengan menaiki bas mereka berangkat ke Tasikmalaja.

Mula-mula mereka bercadang akan menaiki kereta api ke Jogja, tetapi mereka tidak dapat tiada akan sampai ke sana pada waktu malam, kerana pada waktu itu sudah tengah hari. Kebetulan ada orang menawarkan teksi, maka mereka berdua pun menumpang teksi itu dan sampai di Borobodur pada pukul 7.00 malam. Mereka menginap semalam di Hotel

Borobodur kerana ingin melihat candinya yang terkenal itu.

Pada pagi-pagi besoknya mereka pun pergi melihat Borobodur yang terkenal itu dan kemudian barulah berangkat ke Jogjakarta dan terus ke Hotel Asiatic yang terletak di hadapan Grand Hotel.

Sesudah jongos hotel itu menunjukkan bilik yang akan ditempati mereka, seorang perempuan muda datang.

"Siapa yang panggil?" ia bertanya.

"Saya tidak panggil" jawab Zainal. Dan memanggil jongos.

"Saya kira tuan-tuan mahu," ujar jongos itu.

Zainal merasa sangat malu kepada bapa saudaranya. Dia khuatir kalau-kalau bapa saudaranya itu menyangka yang bukan-bukan terhadap dirinya. Selama tiga hari di Jogjakarta ini mereka berjalan-jalan kian ke mari dari hujung ke hujung Malioboro, mereka membeli beberapa helai batik lagi.

Muhammad Datuk Muda ingin bertemu dengan Haji Agoes Salim, dan dengan perantaraan Sayuti Malik yang telah mereka ketemui, mereka pun dibawa ke rumah Haji Agoes Salim itu.

"Pak Haji tengah membetulkan basikalnya di belakang," kata isteri Haji Agoes Salim yang menyambut kedatangan mereka. "Duduklah sebentar."

Isteri Haji Agoes Salim lalu menemani mereka bercakap-cakap.

Mereka bercakap-cakap tentang masalah menyekolahkan anak-anaknya. Menurut isteri Tuan Haji Agoes Salim, anak-anaknya tidak dimasukkan ke sekolah. Tuan Haji Agoes Salim sendiri yang mengajar anak-anaknya itu.

Tuan Haji Agoes Salim kemudian keluar dan meminta maaf kerana telah menyebabkan mereka menunggu begitu lama. Dalam masa bercakap-cakap itu Zainal Abidin terpdang pada sebuah buku tentang Ahmadiyah terletak di atas mejanya.

"Bolehkah saya melihatnya?" tanya Zainal Abidin.

"Silakan," jawabnya.

Zainal Abidin pun mengambil buku itu dan dilihatnya tertulis dalam bahasa Belanda. "Saya tidak tahu bahasa Belanda, tetapi buku yang serupa juga dalam bahasa Inggeris ada kepada saya."

"Bagaimana fikiran tuan tentang Ahmadiyah ini? Ada

orang mengatakan jalan yang dilakukan oleh Ahmadiyah ini jalan yang sesat, tetapi pekerjaannya dalam mengembangkan agama amat bagus. Mereka telah mengembangkan agama Islam di mana-mana sahaja," tanya Muhammad Datuk Muda.

"Memang kita tidak dapat menerima pengakuannya sebagai nabi, Mahdi, Isa yang hendak turun di akhir zaman, bukanlah Isa yang sebenarnya tetapi orang seperti dia. Akulah Isa yang dikatakan itu katanya. Dan Mahdi pada akhir zaman juga ialah dia, yang akan menjahanamkan kafir," kata Haji Agoes Salim.

"Kerana Ghulam Ahmad mengatakan semua kepercayaan Isa yang sebenarnya akan datang itu karut dan Isa sudah mati, maka orang mengafirkan dia. Betulkah dia salah, murtad, kafir keluar dari agama Islam, tetapi perbuatannya baik, ia mengembangkan agama Islam?" tambah pula Zainal Abidin.

"Sebelum kita menghukum sesuatu itu hendaklah kita pelajari lebih dahulu apa yang ditulis dalam kitabnya. Kita tidak boleh ikut orang. Mana yang kita tidak tahu kita serahkan kepada Tuhan sahaja. Baiklah kalau kita kata dia salah, tetapi dia banyak pula membuat perkara-perkara yang baik. Tentang pekerjaannya itu dapat kita ibaratkan seperti bunga, dan cara-cara orang menggunakan bunga itu. Lain orang lain caranya. Orang perempuan mengambil bunga itu sebagai hiasan di kepala, lebah mengambil manisannya dan dimasukkan ke dalam sarangnya, monyet pula kalau dapat bunga dikoyak-koyaknya dan kemudian dicampakkan. Jadi kita mestilah berfikir dengan baik-baik," kata lagi Haji Agoes Salim.

"Apa maksud keterangan tuan itu?" tanya Muhammad Datuk Muda.

"Itulah ibaratnya. Masing-masing orang mengambil faedah daripadanya. Tiap-tiap orang dengan caranya masing-masing. Katalah Qadiani itu sesat, tetapi saya tidak menghukumnya sesat, saya serahkan kepada Tuhan. Kerana dari buku-bukunya yang saya baca, saya dapati pekerjaan-pekerjaannya bagus, pengikut-pengikutnya ramai, orang-orangnya itu sangat taat tidak seperti kita ini, yang hanya memandang ringan kepada ajaran-ajaran agama. Mana ada satu mazhab lain yang membuat pekerjaan seperti mereka

itu? Tetapi hendak menghukumkan betul juga saya tidak berani sebab ada banyak perkara besar yang menyalahi hukum-hukum biasa. Tetapi tiap-tiap pekerjaan itu ada baik ada jahatnya seperti juga bunga kepada orang perempuan, lebah dan monyet. Bagi kita eloklah ambil yang baiknya sahaja."

Pada umumnya orang-orang Islam di mana-mana sahaja, di Singapura, Johor, Selangor, India, Makkah, Mesir mengatakan mazhab Qadiani itu sesat, menurut Zainal Abidin dan dia teringat bagaimana pada suatu masa dahulu, orang-orang mengatakan mazhab Wahabi itu salah dan sesat tetapi sekarang orang sudah melihat kebaikannya. Raja yang memerintah Makkah juga Wahabi, dan pemerintahannya baik. Imam Ibn Tamaimah yang banyak mengarang kitab-kitab juga dikatakan kafir, tetapi ia tidak kafir lagi sekarang ini. Begitu juga Imam Ibn Hanbar telah dipenjarakan khalifah kerana ia mengatakan Tuhan itu bertangan. Tetapi sekarang ia diakui salah satu imam yang tepat.

Menurut Zainal Abidin, kita manusia ini sangat mudah terpengaruh untuk menyukai yang satu dan membenci yang lain. Suka mempertahankan yang lama-lama, tetapi apabila sudah tertarik kepada yang baharu maka perhatian kita kepadanya akan menjadi berlebih-lebihan sekali. Sekolah juga pada suatu masa dahulu sangat tidak digemari oleh orang-orang kita Melayu, tetapi sekarang ini ada orang kita yang menyekolahkan anak-anaknya sampai sudah berlebih-lebihan sekali.

Dari Jogjakarta mereka telah menaiki bas ke Solo, di sini mereka menginap di sebuah hotel kepunyaan seorang Islam dan kerana kebetulan hari Jumaat maka mereka pun ikut sembahyang di masjid jamik di kota itu. Mereka beli kain batik lagi.

Ketika sampai di Surabaya, mereka sekali lagi telah melihat Haji Agoes Salim sedang berpidato dalam sebuah rapat besar. Di Surabaya mereka menginap di Hotel Pasuruan kepunyaan seorang Arab dan secara kebetulan Zainal telah bertemu kembali dengan Syed A. Wahab kenalannya di atas kapal dari Singapura ke Betawi dahulu dan dengan perantaraan kenalan itu ia telah banyak mendapat kawan-kawan baharu terutama orang-orang Arab yang terkemuka di kota tersebut.

Sampai di sini ia terpaksa melanjutkan perjalanannya sendirian kembali, kerana Muhammad Datuk Muda terpaksa kembali ke Tanah Melayu sebab cutinya sudah habis. Subuh-subuh lagi Muhammad menaiki kereta api ke Betawi dan dari sana disambung dengan kapal ke Singapura.

Sebelum Zainal meneruskan perjalanannya ke Bali, ia lebih dahulu mengunjungi sebuah tempat peranginan yang tinggi, Tosari namanya. Tingginya dari permukaan laut ada kira-kira 7000 kaki.

Ia menaiki kereta api dari Surabaya ke Pasuruan dan dari Pasuruan menaiki teksi ke Tosari. Sejak dari Pasuruan keadaan udara telah terasa sejuknya. Di Tosari terdapat banyak sekali hotel, tetapi Zainal Abidin telah memilih Hotel Bromo yang letaknya lebih tinggi daripada hotel-hotel yang lain.

Hotel ini merupakan satu kompleks perumahan, ada kira-kira enam atau tujuh buah semuanya. Salah sebuah rumah yang berhampiran dengan rumah yang ditumpangi Zainal ditempati oleh tiga orang lelaki Jerman, sedangkan sebuah rumah lagi oleh dua orang perempuan Jerman, seorang tua dan seorang muda. Lelaki dan perempuan Jerman, seorang tua dan seorang muda. Lelaki dan perempuan Jerman itu tidak kenal mengenali satu sama lain.

Pengurus hotel itu seorang Belanda yang pandai berbahasa Inggeris. Kerana sampainya sudah petang, maka pada malam itu ia tidak ke mana-mana lagi, terus sahaja masuk ke tempat tidur dan tidur menyusup di bawah selimut yang tebal.

Tosari ialah sebuah tempat yang cantik. Dikelilingi oleh gunung-gunung yang tinggi. Pada salah satu bahagian yang tidak bergunung, kelihatan kota Malang. Di lereng gunung itu terdapat orang-orang menggembala lembunya. Pada pagi berikutnya dengan memakai beberapa lapis baju Zainal Abidin berjalan-jalan di pekan sejuk itu, ia kemudian bertemu dengan pengurus hotelnya, yang mengatakan bahawa orang-orang Jerman tetangganya akan melawat Gunung Bromo. Mula-mula Zainal Abidin tidak mahu ikut, ia sudah cukup melihat gunung itu dari jauh sahaja.

Kebanyakan kedai-kedai di Tosari itu dipunyai oleh orang-orang Cina, tetapi mereka itu semuanya bercakap bahasa Jawa, hanya apabila ada orang bercakap bahasa Melayu sahaja

baru mereka bercakap bahasa Indonesia.

Pengurus hotel itu kemudian telah meminjamkan baju *over-coat*nya, kerana ia melihat Zainal Abidin dalam ke-sejukan. Zainal Abidin kemudian berkenalan dengan orang-orang Jerman itu. Mereka hanya tahu bercakap Inggeris sepatah-sepatah sahaja. Perempuan yang muda itu sahaja yang lebih banyak mengetahui bahasa Inggeris walaupun ia selalu mencampuradukkannya dengan bahasa Jerman.

Setelah berkenalan itu timbullah keinginan Zainal Abidin untuk ikut bersama-sama mereka melihat Gunung Bromo yang letaknya kira-kira 7 batu dari hotel itu.

"Dengan apa kita pergi?"

"Naik kuda."

"Saya tidak tahu naik kuda," jawab Zainal Abidin.

"Kalau tidak mahu naik kuda, boleh naik tandu. Perempuan yang tua itu akan naik tandu."

"Kalau begitu biarlah saya cuba naik kuda," jawab Zainal Abidin dan dipesanlah lima ekor kuda.

Pada pukul 4.00 pagi mereka telah dikejutkan.

"Kita mesti pergi pagi-pagi, kita boleh melihat matahari terbit."

Mereka pun berangkat. Tiga orang lelaki Jerman dengan perempuan muda bersama-sama dengan Zainal Abidin telah menunggang kuda, sementara perempuan tua itu diusung dalam tandu oleh empat orang kuli. Kuda mereka itu dituntun oleh tukang kuda masing-masing. Perempuan muda Jerman itu berkawan dengan Zainal Abidin, berjalan bersama-sama dan turun bersama-sama apabila ada parit-parit, kemudian naik semula ke atas kudanya.

Pada anggapan Zainal Abidin ketiga-tiga orang lelaki Jerman itu adalah sarjana dalam sesuatu perkara. Kerana kalau bertemu dengan batu-batu, mereka itu akan mengambil dan memeriksanya.

Sebelum sampai ke tebing kawah Gunung Bromo itu mereka telah melintasi sebuah padang pasir halus. Kaki kuda dan kaki orang-orang yang berjalan semuanya terbenam ke dalam pasir itu. Padang itu luasnya kira-kira satu batu.

Setelah itu barulah mereka berjumpa tangga batu yang tingginya kira-kira 1000 anak sampai di tebing bawah, mereka telah dapat melihat matahari terbit dengan cahaya yang

beraneka warna dari sebalik Gunung Bromo, seperti cahaya petang. Bingkai kawah gunung itu menurut keterangan orang ada kira-kira dua batu jaraknya, dari tebing ke tebing sayup-sayup mata memandang.

Hari ketiga Zainal Abidin pun berangkat meninggalkan Tosari, kembali ke Pasuruan. Kereta api ke Surabaya sudah tidak ada lagi, maka menginaplah ia di Hotel Insulinde. Walaupun hawa di kota Pasuruan itu masih sejuk juga lagi, tetapi ia telah mulai mandi. Dalam hotel itu ada air sejuk dan air panas.

Dari Surabaya ia kemudian menyeberang ke Bali dengan menumpangi kapal yang singgah di Boleleng. Untuk memudahkan perjalanannya di pulau dewata itu maka ia telah mencari ejen pelancongan dan ejen itulah yang telah menguruskan segala-galanya dengan bayaran 60 rupiah untuk selama tiga hari. Ia telah melihat banyak tempat di Pulau Bali dan malah mengunjungi sampai ke Denpasar. Ia telah melihat segala macam berhala yang dipuja di pulau itu. Selama di Bali ini dia menginap di Hotel Satria.

Selama dalam perjalanan ini ia telah lupa sama sekali akan penyakitnya kerana sudah banyak melihat pemandangan-pemandangan yang baharu, bertemu dengan orang-orang baharu, dan udara pun baharu pula. Ia telah sihat benar-benar seperti yang dikatakan oleh doktornya. Sebelum pulang ke Tanah Melayu, Zainal Abidin lebih dahulu mengambil kesempatan melawat Pulau Sumatera. Dengan menumpang kapal *KPM Van over Stragen* ia meninggalkan Jakarta menuju ke Padang.

Di Bangkahulu kapal itu telah berlabuh jauh di tengah laut, untuk memunggah dan memuat barang-barang. Antara barang yang akan dimuat itu terdapatlah tiga ekor kerbau, yang dibawa ke tepi kapal itu dalam sebuah tongkang yang besar. Salah seekor kerbau itu yang masih belum dapat dinaikkan telah menggelupur dan terjatuh ke dalam laut. Orang-orang telah menjadi heboh untuk menolong kerbau yang sedang berenang-renang itu supaya jangan mati lemas, dihempas gelombang.

Beberapa orang telah terjun ke dalam laut untuk mengikat tali, yang disarungkan ke bawah perut kerbau itu dan diangkat beramai-ramai dengan menggunakan kerek.

Di Padang, Zainal Abidin telah tinggal selama tiga hari, kemudian ia pergi melawat Bukit Tinggi, Sawah Luntuh, Danau Singkarak dan Danau Maninjau yang terkenal itu.

Dari Bukit Tinggi ia berangkat ke Kotanopan dengan menaiki bas, dari Kotanopan ke Padangsidempuan.

"Saya mahu berhenti sebentar untuk bertemu dengan seorang kenalan," kata Zainal Abidin kepada supir bas itu.

"Siapa," tanya supir itu.

"Tuan Haji Mahmud Fauzi, dahulu pernah tinggal di Tanjung Malim."

"Oh, saya kenal," jawab supir bas itu. "Biarlah saya hantar ke rumahnya." Bas itu pun membelok masuk ke sebuah jalan kecil dan berhenti di hadapan sebuah rumah.

Dari situ mereka mendapat keterangan bahawa Tuan Haji Mahmud Fauzi tidak ada di rumah, ia pergi ke rumah orang kenduri yang tidak jauh dari tempat itu. Supir bas itu kemudian menghantar Zainal Abidin ke rumah kenduri tersebut.

Orang-orang di rumah kenduri itu hairan tercengang-cengang melihat sebuah bas berhenti di hadapan rumah itu. Setelah mengucapkan terima kasih Zainal Abidin turun dan bertanyakan Tuan Haji Mahmud Fauzi.

Tuan haji itu dengan segera pula mengenalinya, "Oh, Zainal," serunya. "Sila naik."

Tuan Haji Mahmud Fauzi ini dahulunya pernah mengajar nahu di Tanjung Malim dan juga kahwin di sana. Dalam tahun 1927 ia naik haji ke Makkah dan kemudian terus pulang ke Padangsidempuan.

Malam itu Zainal Abidin diajak menginap di rumahnya. Dari Padangsidempuan ia kemudian berangkat ke Balige, singgah sebentar di Sibolga. Malam itu mereka berangkat terus ke Brastagi dan menginap di Java Hotel.

Kota Brastagi amat sejuk, hampir serupa sejuknya dengan Bukit Fraser dan Cameron Highlands di Tanah Melayu.

Waktu di hotel itu, Zainal Abidin mendapat tahu dari taukenya, bahawa ada empat orang India dari Medan akan melawat Gunung Sibayak. Gunung Sibayak itu ialah sebuah gunung berapi yang sudah mati, tetapi masih terus mengeluarkan asapnya. Letaknya kira-kira enam batu dari hotel itu dan tiga batu dari jalan besar yang paling dekat.

"Saya suka mahu ikut sama," kata Zainal Abidin kepada

tauke hotel itu.

Tauke hotel itu pun mengurus dengan orang-orang India itu dan pada pagi-pagi besoknya, pukul 7.00 pagi mereka pun berangkat dengan sebuah bas serta membawa sedikit bekalan makanan. Empat orang India yang bersama-sama dengan Zainal Abidin itu ialah ceti yang tidak tahu bahasa Melayu kecuali seorang sahaja. Dengan yang seorang itulah Zainal Abidin berkawan.

Mereka berjanji dengan supir bas itu supaya datang menjemputnya kira-kira pukul 2.00 petang nanti. Seorang Batak telah menjadi pemandu mereka, tetapi apabila sampai ke puncak gunung itu, kira-kira 12.00 tengah hari orang Batak pemandu itu telah pulang lebih dahulu, kerana mereka itu sudah tahu jalan pulang.

Hutan di sekitar gunung itu besar juga. Kebanyakannya ditumbuhi dengan pokok kayu yang besar-besar.

Di puncak gunung itu terdapat banyak kawah, di sana satu di sini satu, air di dalam kawah itu masih menggelegak, panas dan mengeluarkan asap. Sesudah makan tengah hari, maka mereka pun bersiap-siap akan turun.

Zainal Abidin berjalan dengan India yang pandai berbahasa Melayu itu. Kerana terlalu asyiknya mereka bercakap-cakap, tidak disedarinya bahawa kawan mereka yang tiga orang lagi itu sudah tidak ada di belakang. Pada waktu itu hari hujan renyai-renyai. Sampai pukul 3.30 petang mereka masih juga belum sampai ke jalan besar tempat bas dijanjikan menunggunya. Di tempat itu hutannya tidak berapa tebal. Di situ terdapat banyak lorong-lorong kecil dan mereka telah terturut lorong yang salah. Setelah setengah jam menunggu tidak juga kelihatan kawan-kawannya yang bertiga itu.

"Apa akal kita?" tanya Zainal Abidin.

"Tidak tahulah," jawab India itu.

Mereka lalu melaung. Sekali dua tidak juga ada balasan apa-apa. Hari sudah pukul empat. Mereka melaung lagi. Kalau tidak bertemu dengan kawan-kawannya itu tentulah mereka terpaksa bermalam di dalam hutan itu. Tidur di atas pokok kayu dengan mengikatkan badannya. Kemudian mereka melaung lagi. Laungan itu telah mendapat jawapan yang sayup-sayup. Tetapi mereka tidak mengetahui arah mana suara itu datang. Lalu mereka pun berjalan sambil

melaung menuju ke arah suara itu. Setengah jam kemudian barulah mereka bertemu semula. Rupanya sama-sama tidak sedar yang mereka itu sudah berpecah jalan.

Nasib mereka agak baik, sebab walaupun sudah pukul 5.00 petang bas itu masih juga menunggu di sana.

"Kalau sampai pukul 6.00 tuan-tuan tidak datang," kata supir bas itu. "Saya akan pergi panggil orang menolong mencari tuan-tuan. Saya telah sangka tuan-tuan sudah sesat, kerana tidak sampai ke mari pada waktu yang dijanjikan."

Menurut keterangan orang itu, memang banyak orang yang telah sesat di hutan itu. Ada orang Belanda yang hanya dijumpai mayatnya sahaja. Orang di situ percaya ada hantu yang menyesatkannya.

Dari Brastagi ia turun ke Medan dan setelah menginap satu malam ia pun menaiki kapal dari Belawan belayar ke Pulau Pinang.

Zainal Abidin telah mendapat sakit kuat untuk yang kedua kalinya, sesudah penyakit karangnya yang pertama dalam tahun 1928 dahulu. Ia lalu dimasukkan ke dalam *Malay Hospital* di Kampung Baru, Kuala Lumpur untuk diperiksa tentang penyakitnya.

"Semua gigi Cik Zainal mesti dicabut," demikian diterangkan oleh Dr. Hussain, setelah tiga minggu Zainal Abidin masuk ke hospital itu. Doktor menyangka penyakitnya itu berpunca daripada pundi-pundi kencingnya. Tetapi setelah diperiksa dengan teliti, tidak terdapat sesuatu apa di dalam pundi-pundi itu. Malah setelah diberi ubat penyakitnya pun beransur-ansur sembuh.

Dr. Hussain berpendapat penyakit itu disebabkan oleh gigi. Gigi Zainal Abidin tidak baik, gusinya selalu berdarah. Gigi itu mesti dicabut kesemuanya sekali.

Tanggal 3 September Zainal keluar dari hospital, iaitu sehari sesudah Hitler melancarkan serangannya di Eropah. Ia mendapat khabar bahawa ia akan dipindahkan bekerja di Singapura pada *Department of Information* yang menumpang pada *Malay Broadcasting Corporation*, sebagai pinjaman dari Pejabat Pelajaran. Gajinya akan terus dibayar oleh Pejabat Pelajaran. Ia mesti berangkat ke tempat pekerjaannya yang baharu itu dalam masa satu dua minggu itu juga, sedangkan pada pagi itu ia baru sahaja mencabut dua batang giginya

pada seorang doktor gigi Jepun.

Zainal berangkat ke Singapura hanya berdua dengan isterinya sahaja. Kesemua anak-anaknya ditinggalkan di Kuala Lumpur kerana mereka itu masih bersekolah. Mereka sampai di Singapura pada tanggal 22 September.

Kerana belum mendapat rumah maka mereka pun tinggal di Hotel Miyako sebuah hotel Jepun. Dari doktor gigi Jepun di Kuala Lumpur dahulu ia diperkenalkan dengan seorang doktor gigi Jepun lain di Singapura. Pada doktor gigi inilah ia mencabut giginya setiap minggu satu batang.

Pada suatu petang ketika ia membuang air kecil ia merasa pedih. Ia memicit sedikit-sedikit dan lama-lama keluar suatu benda kecil sebesar padi tetapi lembut, benda itu hancur ketika dipicit. Ia sudah yakin bahawa itulah batu yang tidak kelihatan ketika digambarkan oleh doktor dalam tahun 1928 dahulu.

Setelah satu minggu ia tinggal di Hotel Miyako itu maka pada suatu hari ia ditanya oleh kepala pejabatnya, tentang tempat tinggalnya.

"Jangan duduk di hotel Jepun. Kita tidak baik dengan Jepun, nanti ditanya berbagai-bagai rahsia." kata tuan itu.

Pada masa itu Jepun belum lagi masuk dalam peperangan, tetapi Jepun ialah sahabat baik Jerman dan memandang serong dengan Inggeris, yang sedang berperang di Eropah.

Zainal dan isterinya pun pindah ke Hotel Langka, iaitu sebuah hotel kepunyaan orang Ceylon.

Dua bulan kemudian semua giginya pun habis dicabut dan doktor gigi Jepun itu pun mengukur untuk membuat gigi palsu. Pada fikirannya gigi palsu itu akan dipasang dengan membuat lubang-lubang pada gusinya ataupun ditempel dengan menggunakan getah. Tetapi ternyata gigi-gigi palsu itu dipasang sahaja begitu. Mula-mula ia merasa tidak begitu selesa dengan gigi baharunya itu, untuk meludah juga susah, untuk makan jangan dikatakan lagi.

Gigi palsu itu terpaksa disesuaikan sedemikian rupa, di tempat-tempat yang bergeser dikikis-kikis oleh doktor itu dan lama-kelamaan gigi itu pun sudah seperti gigi yang sebenarnya, makan dan meludah sudah seperti sedia kala.

Apabila motokarnya dari Kuala Lumpur sampai di

Singapura mereka pun mulai mencari rumah untuk disewa. Mereka mendapat sebuah rumah di Katong. Sejak pindah ke rumah sendiri itu, kedudukannya di Singapura pun sudah mulai teratur, apalagi pekerjaannya pula menyenangkan hati. Sebulan sekali isterinya pulang ke Kuala Lumpur untuk melihat anak-anaknya.

Setelah setahun mereka tinggal menyewa rumah di Katong itu maka dalam bulan Oktober tahun 1940 rumah kerajaan yang didirikan di Geylang itu pun siaplah. Mereka lalu pindah ke rumah baharu tersebut.

Menurut Mahmud Ahmad, di rumahnya di Powlie Road itulah buku *Daftar Ejaan* (Jawi dan Rumi) yang sedang dicetak di M.P.H. (*Malay Publishing House*) itu disemak profunya. Mahmud Ahmad yang pada masa itu menjadi guru Sekolah Melayu di Teluk Kurau telah datang tiap-tiap malam untuk menolongnya. Buku ini dikarang pada 16 September 1938, dan Zainal Abidin sangat menghormat tarikh tersebut, kerana itu adalah tarikh ia mencapai umur 43 tahun.

Zainal Abidin dan Mahmud Ahmad telah bekerja sampai jam 12.00 malam. "Di East Coast Road (Tanjung Katong) masih ramai orang berjual beli, kedai kopi masih terbuka," kata Mahmud Ahmad, tetapi Zainal tidak pernah mengajak keluar minum kopi atau serbat walaupun lapar. Sebagai helah untuk melupakan perut yang berkeroncongan itu Zainal Abidin bercerita tentang kisah-kisah masa kecilnya di kampung, masa dia menjadi guru di Johor Bahru, dan di *Malay College*, Kuala Kangsar.

Kadang-kadang dalam masa bercerita itu dia bertanyakan tentang perkataan-perkataan yang aneh bunyinya. Seperti *narwastu*, *tahi gundel* dan paku *bercerokeh* di dinding perkataan-perkataan yang pernah dibacanya di dalam hikayat-hikayat lama dan di dalam cerpen Ishak Haji Muhammad. Perkataan-perkataan ini ditulis di dalam buku catatannya.

Kerana bantuan Mahmud Ahmad itu, maka di dalam kata pendahuluan buku *Daftar Ejaan* tersebut ada ditulis antara lain: ucapan terima kasih... kepada Encik Mahmud Ahmad, guru Sekolah Melayu Teluk Kurau, Singapura yang telah berpenat-penat berulang datang menolong membaca prof hingga jauh-jauh malam, beberapa bulan lamanya, masa

kitab ini tengah dicap, serta memberi beberapa banyak fikiran pula yang sangat dihargakan....

Tugas Zainal Abidin sebagai juruhebah perang di Radio Malaya Singapura pada waktu itu telah dilakukannya dengan bersungguh-sungguh siang dan malam. Ia menterjemah berita-berita perang, ucapan-ucapan Gabenor untuk siaran. Dia selalu menghadapi kesukaran dalam melaksanakan tugasnya itu kerana ia tidak pandai menaip dan jurutaip Melayu yang khusus untuknya tidak ada.

Dalam pembacaan warta berita Zainal Abidin selalu mengelak daripada melibatkan dirinya dengan membuat kata penutup: *wallahu a'lam*. Dia tahu bahawa berita-berita itu banyak yang tidak benar, semuanya propaganda perang untuk mempengaruhi fikiran rakyat.

Pada 7 Disember 1941, anak-anak Zainal dari Kuala Lumpur semuanya turun ke Singapura, sebab sekolah telah mulai cuti setelah selesai peperiksaannya. Hari itu selesai, hari itu juga mereka berangkat.

Pada malam itu ramailah di rumahnya. Anak-beranak semuanya telah berkumpul dan mereka pun tidur dalam suasana riang gembira.

Kira-kira pukul 4.00 pagi mereka semua telah dikejutkan bunyi letupan yang bertalu-talu dan rumahnya pun bergegar bagai ada gempa bumi yang besar. Letupan itu berbunyi di sana sini.

Kami tidak tahu bunyi letupan apa itu? Tidak sangka Jepun menyerang Singapura. Kami sangka tentera Inggeris praktis mengadakan latihan perang-perangan. Kami nampak tembakan meriam ke udara kepada kapal terbang.

Subuh-subuh itu orang-orang di sebelah-menyebelah rumah memberitahu bahawa peperangan telah meletus. Battery Road dan beberapa tempat lain telah kena bom. Jepun telah menyerang Singapura.

Ketika itu timbullah kekhuatiran di dalam hati Zainal tentang nasibnya pada masa hadapan. Pekerjaannya sebelum peperangan itu sampai ke Singapura ialah sebagai *Information Officer*. Ia selalu berucap di dalam radio tentang kebagusan orang-orang Inggeris, tentang kepandaian orang-orang Inggeris yang melebihi orang-orang Jerman serta tentang kekalahan orang-orang Jerman dalam pertempuran-

pertempuran melawan Inggeris.

Sejak bulan September 1939 sampai tahun 1941 ia bekerja menterjemahkan semua berita dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu untuk siaran radio, surat khabar dan untuk dijadikan *pamphlet*. Berita kemenangan Inggeris yang sedikit itu dibesar-besarkan sedemikian rupa. Orang-orang Jepun selalu diperbodoh-bodohkan sebagai bangsa yang bodoh dan suka meniru-niru kepandaian orang lain.

Pada 2 Disember, enam hari sebelum Jepun melancarkan serangannya ke atas Singapura, Inggeris telah membawa dua buah kapal perangnya yang besar *Prince of Wales* dan *Repulse* ke Singapura. Para wartawan surat khabar dan radio telah dijemput untuk menyaksikan kedua-dua buah kapal itu di *Navel Base* Singapura. Waktu pulang mereka menceritakan betapa gagahnya kedua-dua buah kapal itu, lompong meriamnya sebesar batang kelapa. Kedua-dua kapal itu kemudian belayar ke Kuantan, Pahang.

Pada 11 Disember, tiga hari sesudah Jepun mengebom Singapura kedua-dua kapal itu telah ditenggelamkan oleh Jepun. Orang-orang Inggeris menjadi kecut. Mereka tidak menyangka bahawa Jepun akan memulakan serangannya dari sebelah utara. Kapal yang diharap akan dapat menahan serangan itu telah tenggelam, sementara kapal perangnya yang lain tidak pula ada. Dua bulan kemudian Jepun pun sampai di Singapura.

Semua orang-orang Melayu sangat suka kerana kedatangan Jepun itu, mereka menyangka Jepun itu baik, sebab Jepun-Jepun yang pernah mereka kenal selalu bersikap hormat, membongkok-bongkok memberi hormat kepada orang-orang yang memasuki kedai mereka. Tetapi setelah dua hari mulailah ketara baik buruknya Jepun-Jepun yang datang itu.

Waktu Jepun menyerang tanah besar Semenanjung Tanah Melayu, Zainal telah pindah ke rumah Ahmad Johari, seorang jururawat kanan di Rumah Sakit Kandang Kerbau. Encik Ahmad ini selain daripada bekas muridnya waktu di Johor Bahru dahulu, juga menjadi seorang sahabat yang karib.

"Kalau Pak Za'ba mahu tinggal di rumah saya, saya akan mengambil anak dan isteri saya ke mari," katanya.

Anak dan isterinya yang telah pulang ke Johor itu pun dipanggil kembali ke Singapura.

Encik Ahmad tinggal di sebuah rumah kerajaan untuk pegawai-pegawai kanan yang terletak di Balister Road. Rumah itu ialah rumah *compound* yang mempunyai dua buah bilik. Rumah yang serupa itu hanya ada empat buah sahaja di situ, sementara rumah-rumah yang lain ialah rumah *terrace* dua tingkat untuk pegawai rendah.

Sejak dalam keadaan bahaya ini semua rumah sudah tidak pernah memasang lampu lagi pada waktu malam hari, kerana takut kelihatan kepada kapal-kapal terbang Jepun, yang setiap masa berdengung-dengung di angkasa Singapura. Tiap-tiap kali kapal-kapal terbang itu lewat, siren tanda bahaya pun dibunyikan. Semua orang berlari masuk ke dalam lubang perlindungan dan keluar semula apabila telah dibunyikan siren tanda aman.

Zainal tidak mahu menggali lubang. Entah kerana apa maka sekali ini ia berserah kepada nasib sahaja: kalau mahu mati biar di mana pun mati juga. Jadi ia pun kumpulkan anak-anak dan isterinya di bawah katil pada waktu ada siren tanda bahaya. Waktu itu sangat banyak doa yang dibaca. Benar-benar ingatkan Tuhan. Pada pendapatnya kalau rumah itu runtuh kerana kena bom atau peluru meriam, katil besi itu akan dapat menahan kayu-kayu atau batu bata rumah itu daripada menimpa mereka. Ia pernah mendengar orang-orang yang melarikan diri dari serangan bom itu mati dipatuk ular di dalam tempat perlindungannya. Jadi kalau mati pun biarlah kami mati bersama-sama serupa ini. Anaknya Murtadza pada waktu itu tidak ada bersama-sama mereka, ia telah pergi ke Muar untuk menjemput kakaknya Zaharah yang telah mengungsi dari Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka. Dahulu Zaharah belajar di Kelas Normal Taiping, kemudian ia pindah ke Melaka. Waktu Jepun sampai di Seremban ia mengirim telegram menyuruh mengambilnya, kerana ia mahu bersama-sama dengan gurunya.

Dalam bas yang mahu ditumpangi Murtadza ke Melaka itu ia berjumpa dengan seorang sarjan polis bernama Abdul Latif yang mahu menghantar isterinya ke Alor Gajah. Zainal meminta kepada sarjan itu supaya ikut melihat anaknya.

Tetapi pada pagi besoknya waktu di pejabat ia mendapat khabar bahawa tentera Jepun telah sampai ke Gemas, Batu Enam, Melaka dan Muar. Perjalanan antara Muar dan Singapura sudah terputus. Khabar berita tentang Murtadza dan kakaknya pun tidak didengar lagi. Mereka semua bersusah hati. Dua hari kemudian secara kebetulan ia berjumpa dengan Sarjan Abdul Latif yang memberitahunya bahawa Murtadza dan Zaharah ada di Parit Jawa. Lega sedikit perasaannya demi mendengar berita tersebut, walaupun kerisauan hatinya masih ada.

"Tetapi bagaimana sarjan dapat balik ke Singapura?" tanya Zainal agak kehairanan.

"Saya masih dalam tugas, jadi dengan menyamar-nyamar saya mencari jalan balik ke Singapura," katanya.

Waktu tentera Jepun sampai ke Johor, Ahmad Johari dan keluarganya telah pindah ke rumah sakit. Maka tinggallah mereka anak-beranak di rumah itu.

Pada suatu malam di dalam gelap itu mereka mendengar banyak sekali tentera yang bergerak di sekeliling rumahnya itu. Zainal menutup pintu dan tingkap kerana takut tentera-tentera itu mengganggu. Sering kali mereka mendengar berita bahawa tentera-tentera Jepun itu suka mengganggu orang-orang perempuan, maka mereka pun berdiam diri dengan ketakutan.

Sebentar lagi terdengarlah orang memanggil di dekat tangga. Mereka terus juga berdiam diri.

"Saya tahu tuan ada di dalam rumah," ujar suara yang memanggil itu.

Mereka tetap mendiamkan diri.

Tiba-tiba Zainal mendengar motokarnya ditolak orang. Besar sangkaannya bahawa tentera itu mahu mencuri motokarnya yang sudah buruk itu. Lalu ia pun bangun perlahan-lahan membuka tingkap. Malangnya daun tingkap itu berbunyi kuat.

"*There you are! Come out, we don't mean any harm. We are friends*", kata orang yang berdiri di hadapan tangga itu. Zainal pun membuka pintu dan mereka pun naik ke beranda.

Orang yang memanggilnya tadi ialah orang putih yang masih muda benar, kira-kira 25 tahun umurnya. Ia memberitahukan kepadanya bahawa mereka adalah dari pasukan

meriam yang akan membuat pertahanan di sekitar tempat itu. Ia menyuruh Zainal memasak air dan mereka memberikan kopi, gula serta beberapa tin biskut.

Mereka telah menempatkan dua buah meriam di hadapan rumah tersebut yang muncungnya menghala ke Pasir Panjang, dua buah di belakang rumah yang menghala ke Kampung Melayu dan dua buah lagi yang menghala ke Bukit Timah. Di belakang rumah itu ada sebuah tanah lapang yang biasa dibuat kebun kecil untuk menanam sayur-sayuran. Di situ mereka meletakkan sebuah lori yang penuh dengan ubat bedil dan minyak benzin.

Kira-kira pukul 11.00 malam orang putih itu memberitahukan mereka bahawa tentera akan memasang meriam itu, disuruhnya Zainal menjaga anak-anak kecil kalau ada dan menutup telinga. Bunyi meriam itu menggegarkan seluruh sendi rumah itu. Tingkap yang ditutup terbuka sendiri dan besi-besi jerejak tingkap itu telah bengkok-bengkok. Kira-kira tiga puluh kali mereka itu memasang meriamnya dalam masa selang setengah jam sekali, lalu berhenti. Tetapi tidak sampai setengah jam reda, datanglah balasan. Pong! Pong! Pong! Tiga kali berturut-turut. Peluru meriam Jepun itu jatuh tidak jauh dari rumah Zainal.

Malam ketiga Jepun telah mengetahui arah datangnya tembakan meriam Inggeris itu, maka salah satu peluru meriamnya tepat kena lori yang terletak di belakang rumah. Lori itu terus meletup dan apinya menyala terlalu hebat. Untung di antara lori itu dengan rumah Zainal terdapat suatu tembok besi yang kuat, yang agak susah dimakan api. Pasukan pemadam api pun segera datang. Zainal sudah macam orang gila, ia mahu lari dari rumah itu.

"Tidak usah khuatir, nanti api itu padam sendiri apabila bahan-bahan letupan itu habis," kata orang putih itu memujuknya.

Tetapi mereka telah membungkus semua kain baju, mana yang dapat dipakai terus dipakai. Anak-anaknya tertawa melihat bapanya memakai baju berlapis-lapis.

Zainal memberi perintah, kalau api itu mencapai bumbung rumah ini, lekas turun. Apa yang dapat dicapai sahaja yang dibawa.

Tidak lama kemudian api itu pun padam.

Apabila keadaan sudah semakin genting, orang Inggeris itu menyuruh mereka pindah kerana tentera akan menggunakan rumah itu sebagai tempat pertahanannya.

"Lebih baik tuan-tuan pindah. Kalaupun tuan tidak mati nanti Jepun akan menuduh tuan-tuan memberi bantuan kepada kami."

"Ke mana kami mesti pindah? Di mana ada tempat yang selamat?"

"Pada waktu ini tidak ada seinci pun tempat yang selamat. Saya tidak dapat memberi nasihat kepada tuan."

Encik Ahmad menyuruh Zainal pindah ke rumah sakit dan tinggal bersama-sama keluarganya. Tetapi Zainal mahu pindah ke rumah Encik Othman Kalam di Bussorah Street, kerana rumahnya itu berhampiran dengan masjid.

Masjid Sultan dan masjid-masjid lain di Singapura pada waktu itu telah pun penuh sesak dengan orang-orang yang mengungsi yang ingin mati di dalam rumah Tuhan. Rumah Othman Kalam telah penuh sesak dengan kaum keluarganya, tetapi ia masih mahu menerima kedatangan Zainal.

Zainal pun mulailah mengangkat barang-barangnya sedikit demi sedikit. Beras satu guni, kayu api, kelapa dibawa dahulu. Dalam perjalanan ke Bussorah Street itu beberapa kali mereka disuruh masuk lubang perlindungan. Peluru berterbangan di atas kepala. Mayat bergelimpangan di merata-rata tempat, di tepi motokar, di atas kaki lima, di tengah jalan dan di dalam parit. Tidak seorang pun yang mengendahkan itu semua, masing-masing cuba menyelamatkan dirinya sendiri-sendiri sahaja. Kalau tidak ditahan tentera, anaknya Redza akan mengatakan ada kapal terbang di atas kepala dan mereka lari ke dalam parit. Rumah yang tadinya dalam keadaan baik ketika mereka lewat, sekarang telah runtuh menjadi puing. Sekali berpaling ke belakang, sudah berubah tempat itu.

Dalam masa mereka membongkar-bongkar mengumpul barang-barang mahu pindah itu, mereka bertemu dengan barang-barang emas kepunyaan Encik Ahmad yang diletakkan di bawah tilam. Ia sendiri agaknya sudah tidak ingat lagi kerana terlalu tergesa-gesa pindah dahulu. Encik Ahmad menyuruh Zainal menyerahkan barang-barang tersebut kepada Encik Malik saudara sepupunya yang juga

menjadi jururawat di Hospital Tan Tock Seng. Encik Ahmad meminta Zainal membawa radionya bersama-sama, kerana ia terlalu sayang pada radionya itu.

Isteri Zainal tahu tentang sayangnya ia kepada buku-buku. Buku-bukunya ada dalam sebuah almari kecil. Kalau akan dibawa juga penuh sebuah kereta dan di mana pula mereka akan duduk. Zainal tidak sanggup berpisah dengan buku-buku itu, ia lalu menangis.

"Tidak usah susah," ujar orang putih yang melihat keadaannya itu. "Saya juga meninggalkan anak dan isteri saya di Scotland. Tinggalkan sahaja buku-buku ini biar saya jaga."

Isteri Zainal telah membuka almari itu dan diambalnya buku-buku seberapa yang dapat dibawa. Bagi Zainal semua buku-buku itu berguna belaka, ia tidak tahu yang mana mesti dibawa dan yang mana mesti ditinggalkan.

Waktu mereka sedang bersiap-siap akan berangkat, terdengarlah suara orang bersorak-sorak. Kedengaran bunyinya sebagai *surrender*. Orang putih itu menyuruh salah seorang kawannya pergi bertanya. Kira-kira sepuluh minit kemudian ia pun kembali dan mengatakan benarlah mereka disuruh menyerah. Berita itu mereka dengar kira-kira pukul tiga setengah petang. Zainal pun tidak jadi pindah.

"Well, we have tried our best to defend your country and we have not succeeded," ujar orang putih itu dengan mengangkat bahu dan membuka kedua-dua belah tapak tangannya.

Sepatah perkataan *defend your country* itu benar-benar melekat di dalam hati Zainal. "Bagus benar hatimu ini," kata hatinya. "Apakah tidak ada apa-apanya maka kamu mahu bermatian-matian mempertahankan negeri kami." Hampir sahaja ia mengeluarkan rasa hatinya itu, tetapi untunglah ia teringat bahawa pada masa itu negeri dalam keadaan bahaya, ia tentu akan mati kelak. Zainal tidak akan marah kalau orang putih itu mengatakan ia mempertahankan empayarnya.

Dengan muka munafik Zainal berkata. "Terima kasihlah!"

Tentera sudah bersiap sedia akan menghancurkan meriamnya. Zainal dan keluarganya disuruh masuk ke dalam lubang perlindungan. Orang-orang di sekitar tempat itu telah dikumpulkan pada suatu tempat. Kesemua meriam itu diletakkan di suatu tempat dan disambung-sambung

dengan kawat elektrik dan dari dalam lubang diletupkan supaya jangan jatuh ke tangan Jepun.

Kira-kira pukul 10.00 malam sudah tidak ada tembak-menembak lagi. Pada malam itu barulah mereka mendengar bunyi nyamuk.

Encik Ahmad telah kembali ke rumahnya dengan membawa kawan-kawannya yang tidak dapat pulang ke rumah mereka, termasuk seorang Serani bersama-sama isterinya. Berkumpullah mereka seramai 17 orang di dalam rumah itu. Walaupun beras, kelapa dan kayu api sudah tidak ada lagi, tetapi makanan pada waktu itu amat mewah. Makanan tentera di dalam tin. Encik Ahmad masih ada menyimpan beras.

Air paip kelihatan bersih tetapi berbau bangkai. Air itu diminum juga setelah direbus. Semua orang-orang yang datang bersama-sama dengan Encik Ahmad itu bergembira belaka kerana perang sudah selesai, makan minum dengan sebanyak-banyaknya. Tetapi sekarang satu masalah baharu timbul. Di mana mahu buang air besar?

Maka mulailah mereka mencangkul menggali lubang. Orang Serani yang tidak pernah memegang cangkul itu pun ikut memegang cangkul dan mengangkat tong kotor. Tetapi petang-petang tong itu penuh kembali. Digali lubang lagi. Demikianlah keadaannya selama tiga hari berturut-turut.

Keesokan harinya sesudah *surrender* itu – *surrender* 15 Februari 1942 – Zainal pun pergi ke pejabat dengan membawa motokar buruknya. Motokar Humber kecil itu walaupun sudah tua tetapi telah dibawa ke mana-mana. Minyak sudah tidak susah, disedut sahaja dari motokar-motokar yang banyak tersadai di sepanjang jalan.

Pagi itu telah banyak kelihatan orang-orang Jepun dengan pakaian yang koyak-rabak, dengan topi yang ditutup dengan daun kayu, berjanggut dan berjambang, berkeliaran di jalan raya. Zainal menjalankan motokarnya perlahan-lahan. Tiba-tiba motokarnya itu meluncur sahaja ke depan, disorong dari belakang. Ia melihat seorang Jepun. "Eh, jahat juga Jepun ini rupanya!" kata hatinya yang selama ini percaya Jepun itu baik.

Ia terus ke *Fullerton Building* untuk berjumpa dengan ketuanya. Di sana telah berkumpul orang-orang putih dari

pejabat pelajaran di seluruh Malaya.

Mereka itu belum dikumpulkan lagi. Antaranya ialah *Director of Education* Dr. W. Linehan dan Tuan Cheeseman. Semua orang putih sudah mulai takut.

Zainal Abidin bertanya kepada mereka itu tentang sikapnya yang perlu diambil sesudah orang Inggeris tidak ada lagi.

"Saya tidak mahu bekerja dengan Jepun. Kalau Zainal Abidin mahu bekerja boleh bekerja, tetapi kalau saya orang Melayu, saya tidak mahu," kata Dr. Linehan.

"Boleh bekerja tetapi jangan maki-maki orang putih," jawab pula Cheeseman.

Zainal Abidin pun pulang ke rumahnya. Kepadanya dibekali gaji selama tiga bulan. Di sekeliling rumahnya sekarang ini telah penuh dengan tentera Jepun.

Tiap-tiap hari seorang paling tidak antara tentera itu akan datang ke rumahnya. Bahasa mereka itu tidak dimengerti. Akhirnya mereka pun mengungsi ke rumah seorang teman, tetapi teman itu kemudian telah meninggalkan rumahnya mengungsi ke rumah sakit di Balister Road.

Pada suatu hari seorang tentera Jepun datang ke rumah itu dan dia membuat isyarat dengan tangannya. Pada pengertian Zainal Jepun itu mencari perempuan. Anak-anaknya semuanya telah disuruh bersembunyi di dalam sebuah bilik.

Zainal menjawab tidak tahu. Tetapi mata Jepun itu liar memandang berkeliling. Pandangannya kemudian tertuju kepada mesin jahit.

"Arimasu," pekiknya. Ia pun menerpa ke dekat mesin itu lalu duduk menjahit bajunya yang koyak.

Zainal Abidin memasang bendera Jepun di hadapan rumahnya. Bendera itu dibuat dari sapu tangan putih, dengan bulatan merah yang dibuat dari dakwat. Apabila datang hujan, maka tinggallah kain putihnya terlambai-lambai, dakwat merahnya telah meleleh jatuh. Jepun-Jepun ketawa melihatnya.

"Marei ka?" mereka bertanya.

"Marei!" jawabnya. Jepun-Jepun suka. Orang Melayu mendapat manja daripada Jepun.

Tidak lama kemudian mereka pun pulang semula ke

rumahnya di Geylang. Pada masa itu ada seorang anak perempuan Cina yang bekerja dengannya. Mereka menyuruh anak Cina itu memakai pakaian Melayu walaupun ia tidak tahu bercakap Melayu.

Dalam perjalanan pulang itu mereka berjumpa dengan Jepun. Di hadapan sentri Jepun itu bertanya "Marei ka?"

Setelah dijawab, "Marei!" Mereka pun selamat sampai ke rumahnya.

Seminggu sesudah Jepun datang, Zainal Abidin telah bertemu dengan Ibrahim Haji Yaakub salah seorang muridnya waktu di Maktab Sultan Idris Tanjung Malim dahulu. Pada waktu itu Ibrahim telah bekerjasama dengan Jepun.

"Cikgu hendak kerjakah?" tanya Ibrahim.

"Yalah!"

"Tetapi gaji tidak sama dengan masa orang putih dahulu, setengah sahaja."

Zainal Abidin telah dibawa oleh Ibrahim bekerja di dalam Syonan Sinbun bekas (Straits Times). Dua bulan kemudian iaitu dalam bulan Mac 1942, orang-orang radio pun sampai-lah dari Tokyo. Semua orang yang pernah bekerja dalam jabatan radio dahulunya telah dipanggil balik. Mereka diinterview oleh seorang jurubahasa.

"Saya bekerja sebagai juruhebah," kata Zainal ketika sampai gilirannya diinterview. "Saya tidak menulis. Orang tulis saya baca."

"Siapa nama?"

"Zainal Abidin."

"Zainal Abidin?"

"Ya tuan."

Lalu dibukanya sebuah buku. Semua nama terdapat di dalam buku tersebut.

"Zainal Abidin Ahmadkah? Dahulu ada bekerja di Tanjung Malim, betulkah?"

"Betul, tuan."

"Sebelum itu ada bekerja di Kuala Kangsar, betulkah?"

"Betul, tuan."

"Dari Tanjung Malim datang ke Singapura, maki-maki Jepun?"

"Betul, tuan."

"Tidak baiklah. Potong kepala."

"Tetapi saya makan gaji tuan, apa yang disuruh orang saya buat."

"Ya, betul juga. Sekarang kalau Jepun suruh apa mahu buat jugakah?"

"Saya mahu tuan."

"Baiklah."

Zainal insaf, bahawa kalau ia menolak tentulah ia ditembak mati oleh Jepun. Ada antara kawan-kawannya yang sudah mati ditembak.

Pekerjaannya pada masa itu membetulkan terjemahan bahasa Inggeris, kemudian dibahagi-bahagikan kepada masing-masing bahagian: Melayu, Tamil, Cina dan Hindustani. Antara orang yang bekerja bersama-sama dengannya pada masa itu ialah Narayanan, Cik Muhammad, Ahmad Tarmizi dan kemudian Ahmad Hussain sebagai penterjemahnya.

Masa pekerjaannya dibahagi dua. Sebelah pagi ia bekerja di Bunkyoka (*Department of Education*, Malaya dan Sumatera) untuk membuat buku-buku sekolah. Dari radio ia mendapat setengah gaji sebanyak \$150 sementara dari Bunkyoka pula ia mendapat \$100.

Dalam masa pemerintahan Jepun itulah anaknya yang sulung dari isterinya Cik Fatimah dikahwinkan. Upacara perkahwinan itu telah dilangsungkan dalam keadaan yang amat sederhana sekali. Para tetamu yang kira-kira 10 orang bersama-sama dengan tuan kadi itu telah dijamu dengan mi dan pada besok paginya pula beberapa orang tetamu Jepun, antaranya Mejar Takarada, Pengarah Radio telah dijamu dengan mi juga.

Zaharah anaknya itu telah kahwin dengan Adnan seorang pemuda yang lahir di Rawang, Selangor, tetapi bekerja di Singapura setelah mereka berkenalan satu sama lain. Adnan juga menjadi pegawai radio pada masa itu.

Dalam masa pemerintahan Jepun itu, dua tiga kali Zainal Abidin mendapat sakit. Pada awal tahun 1944 ia mendapat sakit sekali lagi, penyakitnya itu sembuh setelah diubat lebih kurang sahaja, akhir tahun 1944 penyakitnya itu kumat lagi sehingga ia terpaksa meminta cuti.

Pada masa itu ubat-ubat tidak cukup dan doktor untuk membelanya juga tidak ada. Doktor-doktor yang ada ke-

semuanya mementingkan tentera Jepun dan ubat-ubat pun dikhaskan kepada orang-orang Jepun sahaja. Selain daripada penyakit batu di dalam buah pinggang (ginjal) itu ia juga menghidap penyakit biri-biri, kerana kekurangan vitamin B. Badannya kurus kerana kekurangan makanan.

Dalam bulan Jun 1945 rumah sebelah yang bersambung dengan rumahnya itu ditempati oleh seorang Jepun, bernama Yoshikawa, ia sangat suka kepada Zainal Abidin dan keluarganya, berbeza daripada Jepun-Jepun yang lain. Walaupun ia ada menyimpan seorang perempuan Cina di rumah itu tetapi ia jarang-jarang pulang, kadang-kadang ia menghilangkan diri sampai dua tiga minggu. Ia bekerja di dalam Angkatan Laut.

Ia pernah menyerahkan wang sampai \$10 000 banyaknya kepada Zainal untuk disimpan dan Zainal pun tanpa mengira lagi bungkusan wang itu disimpannya baik-baik sehingga diminta kembali oleh Yoshikawa. Zainal sendiri tidak mengerti mengapa wang itu diserahkan kepadanya, apakah ia mahu menguji akan kejujurannya ataupun ada hal-hal yang lain.

Pada suatu hari Yoshikawa yang pandai berbahasa Melayu ini bertanya, "Zainal Abidin bekerja di mana?"

"Syonan Hosokyoku," jawab Zainal.

Setelah diam sejenak ia pun berkata, "Lebih baik minta berhenti, pulang ke kampung sendiri dan duduk diam-diam di sana. Dalam peperangan ini Nippon nanti kalah dan Amerika akan datang mengebom Syonan-to. Pada waktu itu semua orang Jepun masuk bawah tanah. Sekarang ini Amerika sedang membuat sebuah padang terbang yang besar di Balik Papan."

Yoshikawa juga memberitahukan Zainal Abidin bahawa apabila padang kapal terbang itu siap Syonan akan dibom setiap hari. Tokyo juga selalu kena bom sekarang ini, katanya.

"Saya tidak tahu apakah Nippon akan kalah sebelum atau sesudah padang terbang itu siap, tetapi lebih baiklah Zainal Abidin pulang ke kampung, masuk dalam hutan lagi bagus, bawa beras, ikan kering dan diam di sana," demikian nasihatnya.

Mendengar keterangannya itu, Zainal Abidin pun bermuafakat dengan isteri dan anak-anaknya. Isterinya itu

bersetuju untuk pulang ke Kuala Lumpur.

Besoknya Zainal pun menjumpai ketuanya dan menyatakan bahawa ia mahu meminta berhenti. Tetapi malangnya permintaannya itu telah ditolak. Dengan menangis ia meminta jua supaya ia diperkenankan berhenti.

"Apa sudah takutkah?" ketuanya itu bertanya.

"Bukan kerana takut tuan, tetapi saya selalu sahaja sakit-sakit," jawabnya dengan bersungguh-sungguh hati.

Tetapi tidak juga dibenarkan. Setelah berulang-ulang sampai lima enam hari.

"Baiklah," kata Jepun ketuanya itu kemudian, "kalau berhenti kerana sakit dapat saya benarkan. Nanti sesudah baik datang kembali dan jangan takut-takut kami boleh memberi perlindungan yang secukup-cukupnya."

Zainal telah dibenarkan berhenti dan kepadanya diberikan sekeping surat yang panjang.

Waktu akan berpisah dengan kawan-kawannya ia sudah tidak dapat menahan air matanya lagi. Apakah mereka itu akan bertemu lagi ataupun tidak, kerana dalam keadaan perang yang serupa itu orang tidak dapat mengetahui akan ajal yang setiap detik berada di sampingnya. Ada juga antara kawannya yang ia tidak dapat bertemu.

Ia pulang ke rumah memberitahu anak-anaknya bahawa ia sudah dibenarkan berhenti. Mulai saat itu mereka pun mengemaskan barang-barangnya. Barang-barang yang berat akan ditinggalkan dalam jagaan Zaharah dan suaminya kerana mereka akan terus tinggal di Singapura, sedangkan buku-buku yang dibawa ke Singapura dahulu dibungkus dalam bungkusan kecil-kecil ada kira-kira 50 buah bungkusan kesemuanya.

"Kalau ada jalan nanti buku-buku ini dikirimkan ke Kuala Lumpur, kalau engkau berdua akan lari, tumpangkanlah di mana-mana yang selamat, barang-barang lain boleh ditinggalkan. Buku-buku ini sangat susah hendak mendapatnya lagi, kalau hendak terbakar apa boleh buat," demikian Zainal Abidin berpesan kepada anaknya.

Sedang mereka berkemas-kemas itu, tiba-tiba muncul seorang Jepun dari Johor. Orang Jepun yang menjadi kepala polis di Johor itu pada suatu waktu dahulu, sebelum ditukar ke Johor menjadi *Asst. Superintendent Police Training School*

dan pernah belajar bahasa Melayu daripadanya.

"Mahu pergi ke mana?" ia bertanya dengan hairan.

"Saya sudah berhenti tuan, dan sekarang mahu balik ke Kuala Lumpur." Zainal Abidin mengunjukkan surat yang diterima dari ketuanya untuk meyakinkan Jepun itu bahawa ia benar-benar sudah berhenti.

Jepun itu membaca surat itu.

"Bagus," katanya. "Surat ini bagus sekali. Dalam surat ini ada mengatakan Zainal Abidin ada ikut dalam membina Dairi Toa Koaikan – kemakmuran bersama Asia Timur Raya." Surat itu diserahkan kembali kepada Zainal Abidin.

"Bagaimana mahu bawa barang-barang begini banyak, nanti sentri tahan?" Jepun itu bertanya lagi setelah dilihatnya bungkusan barang-barang yang berselerak di dalam rumah itu.

"Barang-barang ini saya tinggalkan di sini dalam jagaan anak perempuan saya, anaknya yang kecil itu saya bawa."

Zaharah dan Adnan sudah mendapat seorang anak perempuan.

"Bagaimana mahu berangkat, kereta api sekarang sangat susah mendapat tempat. Nanti mesti tidur di stesen kereta api beberapa hari. Kalau datang ke Johor saya boleh tolong, kalau mahu bawa barang-barang ini ke Johor Bahru saya boleh tolong angkut dengan van."

"Baiklah tuan," ujar Zainal Abidin. "Nanti saya datang ke Johor Bahru menjumpai tuan untuk meminta tolong mengangkat barang-barang yang perlu saya bawa ke Kuala Lumpur."

Bersama-sama dengan Redza anaknya, Zainal Abidin pergi ke Johor Bahru pada 9 Julai 1945. Waktu diperiksa oleh sentri di Tambak Johor, Redza yang pandai bercakap Jepun itu dengan mudah dapat melepaskan ia dan bapanya ke seberang. Hari itu hujan sangat lebat. Mereka menelefon Hasegawa dan Jepun itu telah mengirimitkan keretanya untuk menjemput mereka ke rumahnya. Di rumah Jepun kepala polis itu mereka dijamu nasi dengan ikan mentah.

"Sekarang ini mahu bawa barang-barangkah?"

"Saya mahu bawa barang-barang yang perlu sahaja. Yang lain-lain saya tinggalkan di Syonan, kalau tuan boleh hantar van mengambil barang-barang itu."

"Tetapi orang saya tidak tahu di mana tempatnya?"

"Anak saya turun balik ke Syonan besok pagi. Dia boleh ikut van itu. Anak-anak yang lain naik bas ke mari."

Jepun itu pun menghantar vannya ke Singapura dan barang-barang itu telah dibawa ke Johor Bahru dan ditumpangkan di rumah Encik Ilyas seorang pegawai kastam yang menjadi kawan karibnya. Rumah Encik Ilyas itu berhampiran dengan stesen kereta api. Kira-kira pukul 3.00 petang semua keluarganya sampai dari Singapura dan Zainal Abidin pun meminta izin daripada Jepun itu untuk pergi tinggal bersama-sama anak dan isterinya. Beberapa orang kawan lain mengajak ia tinggal di rumahnya.

Kereta api yang berangkat malam ke Kuala Lumpur itu selalu penuh sesak. Hanya tiga orang sahaja dari keluarga Zainal Abidin yang dibenarkan membeli tiket pada sekali jalan, oleh sebab itu anak-anaknya yang lelaki berangkat dahulu. Satu malam tiga orang. Akhirnya tinggallah Zainal Abidin, dengan anak-anaknya Zamrud dan Zaiton yang berangkat penghabisan sekali. Isterinya telah berangkat dalam rombongan anak-anaknya.

Kereta api yang berjalan pada malam hari itu tidak berlampu takut kalau-kalau dibom oleh musuh. Tempat duduknya bersesak-sesak, kotor dan jambannya pun bukan lagi tempat untuk membuang kotor melainkan tempat menyimpan segala macam kekotoran. Setelah keluarganya sampai kesemuanya dengan selamat barulah Redza pulang ke Kuala Lumpur sendirian. Ia mendapat tempat kelas satu bersama-sama dengan Jepun. Kereta api yang ditumpangnya itu sepatutnya sampai di Kuala Lumpur pada pukul 6.00 pagi, tetapi setelah ditunggu-tunggu tidak juga sampai. Zainal Abidin dan keluarganya sudah menjadi cemas, lebih-lebih lagi ketika mereka mendapat khabar bahawa kereta api yang ditumpangi anaknya itu telah berlanggar di Tampin.

Mereka bertanya di stesen tetapi pegawai-pegawai di stesen itu juga tidak tahu. Zainal Abidin kemudian menghubungi Encik Abdul Malik yang menjadi Pegawai Daerah di Tampin. Ia meminta supaya temannya itu dapat mencari keterangan siapa-siapa yang menjadi korban dalam perlanggaran itu, kerana anaknya juga menumpang kereta api tersebut. Encik Abdul Malik memberitahu bahawa ia tidak

dapat memeriksanya, kerana orang lain selain daripada Jepun tidak dibenarkan menghampiri tempat kejadian itu.

Berita-berita yang mereka dengar mengatakan banyak orang yang mati dalam kemalangan tersebut. Zainal Abidin dan isterinya menangis mengenangkan anaknya. Tetapi kira-kira pukul tiga petang itu Redza pun sampai dengan selamat.

Satu minggu kemudian Zaharah pula datang dengan kereta api untuk melihat anaknya dan ia kembali ke Singapura pada hari itu juga.

Dengan usaha Zaharah buku-buku bapanya sudah mulai sampai satu atau dua bungkus sekali jalan yang dibawa oleh orang Jepun dan tidak lama kemudian buku-buku itu pun sampailah kesemuanya sekali.

Zainal Abidin sampai di Kuala Lumpur pada 16 hari bulan Julai, dan ia pun mulai hidup seperti orang biasa.

Mereka menjual kain dan jam tangan untuk belanja hidupnya. Jam tangan isterinya telah dijual dengan harga Y7000 ribu Jepun kira-kira \$7 sekarang ini. Untuk membaiki atap rumahnya yang sudah bocor mereka menjual 10 helai kain. Mereka makan apa yang dapat. Untunglah beberapa orang antara anak-anaknya sudah besar, sudah boleh menolong mencari duit untuk belanja sehari-hari. Anak-anak lelaki menjual rokok Koa dan tembakau.

Pada 24 Ogos khabar-khabar angin sudah mulai bertiup mengatakan Jepun telah kalah. Tetapi khabar-khabar itu disampaikan dengan jalan berbisik-bisik ke sana ke mari. Kapal-kapal terbang Amerika B24 pun telah mulai terbang di angkasa Kuala Lumpur, menggugurkan surat-surat siaran yang mengatakan bahawa Jepun sudah kalah, tetapi orang tidak berani bercakap terang-terang tentang berita kekalahan itu, sebab Jepun masih ada lagi.

Dua minggu kemudian semua orang Jepun pun dikumpulkan dan dibawa ke Singapura dan pada 1 September 1945 perjanjian penyerahan pun ditandatangani.

Semua orang berasa lega kerana sudah terselamat daripada bahaya peperangan yang berlanjutan. Pengeboman seperti yang dikatakan oleh Jepun di sebelah rumahnya di Singapura dahulu pun tidak terjadi.

Walaupun demikian, perhubungan Zainal Abidin dengan beberapa orang Jepun semasa di Singapura dahulu masih

terus sampai sekarang ini. Ishikawa kawannya yang sama-sama bekerja di Radio Syonan-to dulu selalu juga mengirim buku dan surat kepadanya. Ketika Zainal Abidin pergi ke Tokyo dalam tahun 1955 dia membawanya melawat berbagai-bagai tempat dan menjadi jurubahasanya. Ia juga membawa menjumpai kawan-kawan Zainal Abidin yang masih bekerja di Radio Tokyo. Tentang Yoshikawa ia tidak tahu apakah masih hidup ataupun sudah mati, tetapi dia ada meng-hadiahkan sebatang pen pilot.

Pada 12 September tentera Inggeris pun mendarat di Morib. Pasukan tentera itu diikuti dengan pegawai-pegawai Pentadbiran Tentera British – *British Military Administration* (BMA) yang akan memulakan pentadbiran di negeri ini. Pegawai-pegawai itu menjadikan Pejabat Sekretariat sebagai markasnya.

Antara pegawai-pegawai tempatan yang datang hendak meminta bekerja semula di Pejabat Sekretariat itu terdapatlah Zainal Abidin. Ia mula-mula datang untuk mengintai barangkali ada pekerjaan untuknya. Setelah beberapa hari berulang-alik serupa itu, maka pada suatu hari semua pegawai lokal yang ada di Kuala Lumpur telah dipanggil ke Sekretariat itu, dan mereka diberikan berbagai-bagai pekerjaan.

"Orang yang pandai berbahasa Melayu dan Inggeris seperti tuan ini dikehendaki duduk di Mahkamah Tinggi," demikian kata Sinadurai, yang bekerja sebagai Kerani Besar di Sekretariat itu.

Zainal Abidin pun pergi ke Mahkamah Tinggi dan berjumpa dengan orang putih. kepadanya diberikan tugas menterjemah semua pengumuman, perintah dan peraturan yang merupakan undang-undang untuk disiarkan kepada orang ramai.

Selain daripada membuat terjemahan-terjemahan di Mahkamah Tinggi itu, ia juga termasuk seorang dari beberapa orang yang ditugaskan bekerja dalam bahagian kebajikan untuk memberi makan kepada orang miskin di salah sebuah pusat yang terletak di belakang *Federal Bakery* di Jalan Melaka. Setelah satu bulan lamanya ia pun dipindahkan ke Pejabat Tanah. Antara teman-teman yang bekerja bersama-sama dengannya di pejabat yang baharu ini ialah

Encik Zaiton Ibrahim dan Encik Aziz. Pekerjaannya ialah mengisi borang-borang.

Mulai tahun 1946 iaitu setelah ia bekerja selama setengah bulan di Pejabat Tanah itu, ia pun dipanggil bekerja di *Public Relations Office* yang pada waktu itu diketuai oleh J.N. MacHuge.

Ketika J.N. MacHuge ini berhenti maka tempatnya telah diambil alih oleh Tuan Sheppard.² Pada masa itulah Zainal Abidin mulai merasa sakit kembali.

Pada masa itu orang Melayu mulai gelisah terhadap Malayan Union yang mahu dipaksakan oleh Inggeris sebagai perlembagaan baharu untuk Tanah Melayu. Perlembagaan baharu ini akan mengubah seluruh organisasi politik dan undang-undang dasar di Tanah Melayu menjadi satu "kesatuan" dan Raja Melayu kehilangan hampir seluruh kuasa mereka.

Orang Melayu di Kuala Lumpur melalui Persatuan Melayu Selangor telah membentuk sebuah jawatankuasa bertindak dan melantik Zainal Abidin sebagai pengerusinya. Tugas jawatankuasa ini ialah memanggil semua Persatuan Melayu dari negeri-negeri yang ada persatuannya, Raja-raja, pemimpin Melayu yang terkemuka untuk menyatukan tenaga menentang Malayan Union.

Sedang ia mengerjakan tugas ini, iaitu sesudah mesyuarat yang pertama dan sesudah semua bersetuju mendirikan suatu persatuan ia sudah diserang sakit kembali.

Keadaan politik pada waktu itu sudah mulai panas. Orang Melayu di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar telah membuat bantahan-bantahan yang keras terhadap kerajaan Inggeris. Masyarakat Melayu telah melancarkan protes secara simbolis dengan berkabung pada 1 April dan memulaukan pelantikan Gabenor yang pertama bagi Malayan Union, iaitu Sir Edward Gent.

Sesudah mesyuarat agung, Zainal Abidin pun menarik diri. Ia menyedari bahawa politik bukan lapangannya. Kerana ia tidak cenderung dengan slogan-slogan besar, tetapi ia ikut serta bersama-sama dengan masyarakat Melayu seluruhnya berkabung waktu Gabenor Gent itu datang.

² Tuan Haji Mubin Sheppard.

Penyakitnya itu datang lagi pada pertengahan bulan Mei dan dua minggu kemudian ia pun masuk ke Rumah Sakit Bangsar. Doktor-doktor mencurigai ada batu dalam ginjalnya dan waktu digambarkan dengan *X-ray* ternyatalah bahawa ada sebiji batu dalam ginjalnya yang di sebelah kiri. Ubat tidak ada, dan kalau dipotong badan Zainal Abidin yang lemah itu, tidak akan dapat menahannya. Dia dinasihatkan supaya tinggal di rumah sakit sampai hilang penyakit itu kemudian ambil cuti dua atau tiga bulan. Setelah berubat, penyakitnya itu pun sembuh. Ia pun keluar dari rumah sakit itu.

Dalam bulan Julai tahun 1946 iaitu ketika ia masih bekerja dalam *Public Relation Office* lagi ia telah mendapat sakit. Ia dimasukkan ke dalam rumah sakit, tetapi masih belum dapat dipotong kerana badannya belum kuat. Kerana itu doktor menasihatinya supaya mengambil cuti, ke salah satu tempat, makan benda yang sedap-sedap dan senangkan hati. Kalau sakit segera pergi berjumpa dengan doktor.

Maka Zainal Abidin pun meminta cuti selama dua bulan. Ia bersama-sama isterinya, anaknya Zaiton dan cucunya iaitu anak Zaharah yang kecil telah pergi beristirahat ke Pulau Langkawi. Satu bulan lamanya ia di Pulau Mahsuri itu, badannya pun menjadi sihat, tegap. Kerana selama itu ia hanya menyukakan hatinya sahaja tanpa sesuatu kerja. Akhirnya ia pun pulang semula ke Kuala Lumpur setelah singgah di Pulau Pinang seminggu lamanya.

Setelah habis cutinya ia pun kembali bekerja di Pejabat Pelajaran sebagai penterjemah. Pejabatnya itu kemudian pindah ke Batu Road pada akhir bulan September. Bulan November setelah sihat beberapa bulan lamanya, ia mendapat sakit semula dan masuk ke rumah sakit.

"Sekarang boleh potong, badan sudah kuat," kata Dr. Hardy, *Medical Officer*.

Pada waktu itu Dr. Campbell menjadi doktor bedah nombor satu, pembantunya Dr. C.M. Jumaux seorang Serani. Dr. Campbell tinggal di bangunan rumah sakit.

Dr. Hardy menyuruh dengar apa yang dikatakan oleh Dr. Campbell ketika dia datang nanti dan beritahu kepadanya. Dia sendiri telah memberitahu kepada Dr. Campbell.

Waktu Dr. Campbell datang ia mengatakan, "Dr. Hardy

suruh potong. Saya fikir tidak payah potong. Saya tahu beberapa orang yang mendapat penyakit serupa ini tidak payah potong. Setiap kali sakit mereka diberi ubat dan sakitnya itu pun baik. Tidak payah potong. Tidak ada susah mengapa mahu cari susah? Kadang-kadang batu itu hilang, hancur keluar dari kencing. Kadang-kadang sampai 5, 6 tahun tidak sakit."

Zainal Abidin memberitahu Dr. Hardy apa yang telah dikatakan oleh Dr. Campbell itu. "Katanya tidak payah potong, ubat sahaja boleh baik. Kadang-kadang nasib baik batu itu boleh hilang."

"Saya fikir tidak begitu, mesti potong."

Tetapi setelah diberi ubat penyakitnya itu pun baik.

Pada suatu hari Dr. Hardy berkata, "Sekarang ada dua fikiran. Saya fikir dipotong supaya tidak sakit-sakit lagi. Dr. Campbell kata tiap kali sakit diberi ubat, tetapi itu nanti sakit lagi. Kalau begitu kau pergi tanya semua doktor bedah yang terkenal di sini, yang masyhur. Siapa yang benar?"

Zainal Abidin pun pergi mencari Dr. Jumaux di Rumah Sakit Besar.

"Kalau saya, ini jam saya bedah. Ini kerja bukan susah, saya sudah biasa buat. Tetapi saya orang yang nombor dua di sini, apa yang dikatakan oleh Dr. Campbell saya mesti turut. Sebab pun saya katakan mesti dibedah ialah tiap-tiap kali tuan sakit batu itu mahu keluar dan ini merosakkan ginjal tuan," kata Dr. Jumaux.

Setelah mendengar keterangan Dr. Jumaux serupa itu, lalu ditanya ahli-ahli perubatan yang lain pula, antaranya Dr. Munro, *Professor of Surgery* di Singapura, bersama-sama surat itu dikembalikan gambar *X-ray*nya. Dalam suratnya ia menceritakan pendapat daripada 3 orang doktor yang telah ditanyakan olehnya lebih dahulu.

Seminggu kemudian datanglah jawapannya.

"Zainal Abidin, sekiranya tuan mahu dibedah. Bolehlah. Jangan tanyakan orang lain. Kalau terjadi sesuatu hal tuan sendiri yang menanggungnya."

Sekarang dua macam fikiran telah diperolehnya. Fikiran Dr. Jumaux itulah yang tegas. Banyak orang menganggap Dr. Jumaux itu doktor yang sakti, tangannya lembut dan sejuk, dipegang sahaja sudah baik.

Siapa lagi yang akan ditanya?

Pada masa itu di Taiping ada seorang doktor bedah yang terkenal, Dr. Chelvam namanya. Ia sangat masyhur. Dahulunya bekerja di Rumah Sakit Batu Gajah. Tiap-tiap orang putih mengatakan doktor ini *a great surgeon*. Zainal Abidin pun menulis surat untuk menemuinya. Setelah diperoleh jawab, maka pada penghujung bulan Disember ia pun berangkat bersama-sama isterinya ke Taiping.

Pada fikiran Zainal Abidin setelah diperiksa oleh doktor itu nanti, tentulah dia akan dibedah. Itu sebabnya isterinya juga ikut bersama-sama dan itulah pula sebabnya maka anak-anaknya menangis waktu akan melepaskannya pergi. Mereka juga menyangka bapanya dibedah di tempat yang jauh, kerana doktor itu seorang doktor yang pandai.

Setelah tidur satu malam, besoknya ia pun berjumpa Dr. Chelvam. Setelah memperkenalkan diri, memperlihatkan gambar *X-ray* yang dibawanya dan menerangkan pendapat-pendapat Dr. Hardy, Dr. Campbell, Dr. Jumaux dan Prof. Munro, maka ia pun bertanya, "Apa fikiran tuan?"

Sebagai seorang doktor yang pandai ia menjawab, "Zainal Abidin, tiap-tiap orang itu mempunyai pendapatnya masing-masing. Dan pendapatnya itu ada alasan-alasannya yang cukup. Pendapat Dr. Jumaux ada alasannya, pendapat Dr. Campbell ada alasannya, demikian juga pendapat Dr. Hardy. Tetapi tuan tentu faham apa yang dikatakan oleh Prof. Munro, tuan boleh fikir sendiri. Kalau mahu bedah, bedah. Sekarang tuan mahu tahu fikiran saya? Saya sudah banyak membedah orang. Bedah besar dan kecil. Pendapat saya tuan boleh pulang dahulu, ambil ubat yang saya berikan ini. Kalau nasib baik batu yang ada dalam gambar ini akan lulus keluar, kerana air ini seperti lendir. Kalau batu itu sudah turun ke dalam pundi-pundi kencing maka itu pekerjaan sudah senang, tidak payah bedah lagi. Boleh dihancurkan dengan suatu alat lain. Kalau nasib tuan tidak baik, setelah tiga bulan makan ubat itu batu itu tidak juga turun, pada bulan Mac datanglah ke mari. Saya sendiri akan bedah."

Zainal Abidin dan isterinya pun pulang ke Kuala Lumpur. Dalam kereta api itu secara kebetulan ia bertemu dengan seorang Melayu yang menjadi kapten motobot yang ditumpanginya dari Alor Setar ke Langkawi dahulu. Kapten

ini yang oleh orang putih dipanggil Capt. Davy, dahulunya lama tinggal di England, setelah ikut belayar kapal dan kahwin dengan orang putih.

"Saya juga mahu pergi ke England," kata Zainal Abidin kepada Capt. Davy itu. "Tetapi kalau sakit juga sudah tentu saya tidak dapat pergi." Pada waktu itu Zainal Abidin telah mendapat tawaran untuk bekerja di England.

Mendengar itu Capt. Davy memberikan alamat anaknya yang tinggal di Soho. "Carilah alamat ini," katanya.

Apabila sampai di Kuala Lumpur mereka pun berpisah dan tidak bertemu-temu lagi.

Dalam menghadapi penyakitnya itu Zainal Abidin menyerah sahaja kepada keputusan doktor, walaupun anak-anaknya tidak suka ia dibedah. Mereka menyuruh cari ubat Melayu. Zainal Abidin tidak berapa percaya kepada ubat-ubat Melayu itu. Ia memakan ubat yang diberikan Dr. Chelvam dan juga ubat yang dicarikan oleh isterinya dari dukun. Penyakitnya sudah baik dan ia masuk semula bekerja.

"Ada surat panggilan dari London," kata Tuan Cheeseman yang menjadi Pengarah Pejabat Pelajaran. "Sudah tentu mesti pergi."

"Kalau kesihatan saya tidak baik bagaimana mahu pergi?" tanya Zainal Abidin.

"Ini bukan sakit di badan. Batu itu mesti dibuang."

"Saya baru balik dari Taiping menemui Dr. Chelvam. Dia memberi ubat."

"Dr. Chelvam sangat masyhur. Tetapi kalau mahu potong mengapa mesti dipotong di Malaya. Di England doktor lebih pandai dan alat-alat kelengkapan kedokteran pun cukup."

Ini pendapat baharu pula, fikir Zainal Abidin.

"Kalau begitu kata tuan, mahulah saya potong di England. Tetapi bayar atau tidak?"

"Bayar. Tetapi kerajaan boleh tanggung."

"Kalau begitu tidak payah saya jumpa Dr. Chelvam lagi."

"Tidak payahlah."

Akhirnya sampai hujung bulan Mac, Zainal Abidin pun tidak pergi berjumpa dengan Dr. Chelvam lagi. Selama tiga bulan itu ia tidak sakit-sakit.

Dari London diterima surat yang meminta surat-surat keterangan yang menyatakan ia cukup sihat dan layak

bekerja. Tidak sakit-sakit.

"Pergilah minta surat kesihatan dari doktor. Ini sudah satu kebiasaan di mana-mana sahaja," kata Tuan Cheeseman.

"Doktor tentu tidak dapat memberikan surat kesihatan itu kerana saya ada batu."

"Mintalah pada Dr. Hardy."

Pada masa itu badan Zainal Abidin sudah gemuk.

"Apa mahu?" tanya Dr. Hardy ketika ia pergi menjumpainya.

"Saya mahu surat keterangan kesihatan." Serta menyerahkan surat dari London.

"Sudah keluarkah batu itu?"

"Belum. Saya sudah berjumpa Dr. Chelvam....," ujar Zainal Abidin dan menceritakan apa yang telah dikatakan oleh doktor itu.

"Sudah pergi jumpa Dr. Chelvam sekali lagi?"

"Tidak!"

"Apa sebab?"

Zainal Abidin pun menceritakan pula tentang kata-kata Tuan Cheeseman.

"Itu tidak boleh. Kerana kalau sakit besok bagaimana? Sampai di sana tuan sakit, sudah potong tuan mati. Siapa yang akan membayar tambang dan belanja doktor? Tuan Cheeseman?"

"Saya percaya doktor-doktor di London pandai saya suka mahu dipotong," ujar Zainal Abidin mengangkat sedikit.

Dia diam kira-kira lima minit lamanya.

"Baik. Kalau tuan mahu janji betul-betul, sampai di London tuan terus berjumpa dengan doktor. Bawa surat saya ini. Kalau tuan dipotong dan baik tuan bekerja."

"Kalau begitu biarlah saya tanya Tuan Cheeseman dulu," ujar Zainal Abidin dan kembali menjumpai Tuan Cheeseman semula.

"Macam mana pun baik," jawab Tuan Cheeseman. "Saya dapat uruskan supaya kerajaan membayarnya."

Waktu Zainal Abidin datang menjumpai Dr. Hardy sekali lagi. Ia telah mengambil pen dan kertas untuk menulis surat kepada doktor di London.

"Pergi ke London jumpa doktor ini. Kalau boleh tuan bedah." Dia lalu menulis. "Orang ini tidak sakit, tetapi dia

mahu dibedah. Tolong jumpakan dia dengan doktor di Middlesex."

Tiba-tiba dia berhenti dari menulis itu.

"Tuan tahu di London kalau mahu belah kena bayar?" katanya seolah-olah mahu menakutkan sahaja.

"Kalau bayar juga saya bayar," jawab Zainal Abidin memberanikan dirinya.

Dia tidak juga menulis. Tetapi dia berfikir, kemudian:

"Ini rahsia doktor. Potong itu ada dua macam. Potong kecil yang biasanya tidak mati dan potong besar seperti potong otak, jantung, paru-paru, ginjal dan ini tidak dapat ditentukan. Pekerjaannya susah dan lama, tidak boleh disiapkan cepat. Potong kecil tentu selamat tetapi potong besar biar bagaimana pandai sekalipun doktor itu, biar bagaimana lengkap perkakasnya pun tidak seorang dapat menjamin. Barangkali tidak selamat. Sekarang kalau tuan mahu mati, di mana tuan pilih di sini atau di tempat jauh?"

"Kalau saya hendak mati biarlah di hadapan anak dan isteri saya."

"Bagus!" Dr. Hardy menepuk-nepuk belakang Zainal Abidin. "Sekarang tuan boleh pergi berjumpa dengan Dr. Cameron. Dr. Campbell sudah tidak ada lagi."

Sebenarnya Zainal Abidin tidak pernah berfikir seperti itu. Dia ikut apa yang dikatakan oleh Tuan Cheeseman sahaja. Tetapi sekarang kalau sekiranya dia akan mati, maka biarlah dia mati di sini di hadapan anak dan isterinya.

Dr. Cameron tersenyum melihatnya. Agaknya apa yang telah dipercakapkan oleh Dr. Hardy kepadanya itu telah diketahuinya belaka.

"Tuan dikirim oleh Dr. Hardy?" tanyanya.

"Ya!"

"Tuan boleh masuk ke dalam wad dahulu. Saya sekarang sudah tidak ada kesempatan untuk periksa tuan. Nanti dalam dua tiga hari selesai dengan perkara-perkara yang ada di dalam tangan saya, saya akan urus tuan pula."

27 Jun 1947 Zainal Abidin pun masuk hospital. Pada 1 Julai ia pun dibawa ke dalam bilik operasi. Anak-anak dan isterinya melihat dari jauh. Hatinya sudah nekad dan dia pun sudah berpesan kepada anak-anak dan isterinya seperti orang yang akan mati.

Setengah jam kemudian, iaitu kira-kira pukul 8.30 pagi doktor-doktor pun datang. Dari rambut sampai ke hidung ditutup dan ia disuruh menghitung 1, 2, 3. Sampai 17 ia masih ingat. Kemudian segala benda sudah menari-nari, dinding, jam dan barang-barang yang terletak di atas meja sudah terangkat-angkat. Ia dibius. Dr. Jumaux dan Dr. Cameron ada di situ.

Pukul 11.30 barulah anak-anaknya melihat ia dibawa dengan tandu keluar. Pada hari itu ia tidak sedarkan dirinya.

Kira-kira pukul 5.00 petang ia terjaga sebentar, ia melihat anak-anaknya meninjau-ninjau melihatnya dari tingkap. Setelah itu ia terlelap balik. Besoknya pukul 12.00 tengah hari barulah ia sedar semula. Tangannya terikat dan ia tidak boleh bergerak-gerak. Terasa sakitnya dan setelah jururawat datang memberikan ubat, ia pun tertidur lagi sampai ke petang.

Tiga hari kemudian ia pun bertambah kuat. Lima hari ia sudah boleh berjalan ke jamban. Badannya sudah boleh dilap dengan air. Hari yang kesepuluh Dr. Cameron datang, sesudah melihat lukanya, lalu dibenarkan membuang benang-benang yang terlepas. 12 Julai ia dibenarkan pulang dan diberi cuti selama satu bulan. Tetapi ia dinasihatkan tidak boleh bekerja kuat, tidak boleh berlari-lari, memanjat dan berenang. Habis cuti badannya pun kuat semula.

Dari London telah datang panggilan supaya ia berangkat segera dan mesti bekerja pada 1 September. Surat itu dijawabnya dengan mengatakan ia tidak boleh sampai pada waktu itu sebab ia baru sahaja sembuh dari sakit kerana dipotong perutnya.

Sejak keluar dari rumah sakit itu ia dan isterinya telah mulai bersiap-siap untuk keberangkatan itu. Tiba pada waktunya mereka pun meninggalkan Kuala Lumpur menuju ke Singapura, setelah tiga hari di situ iaitu pada 26 September ia pun menaiki kapal.

Dalam pelayaran, kapal itu singgah di Colombo, Bombay, Karachi, Aden, Port Sudan, untuk mengambil tentera-tentera yang akan dibawa pulang ke England. Port Said tidak dapat disinggahi kerana pada masa itu terdapat wabak kolera.

Waktu melewati Gibraltar, kapal itu telah senget di sebelah kanan sebab semua penumpang menjerpa ke sebelah itu

untuk melihat pelabuhan Gibraltar yang tidak disinggahinya. Dalam pelayaran itu selain daripada lima orang yang sama-sama naik di Singapura yang akan belajar di England, maka ada enam orang Ceylon pula yang menjadi temannya.

31 Oktober kapal itu pun sampailah di London.

"Zainal Abidin?" tanya pegawai kastam Inggeris yang membuka dan memeriksa peti barang-barang kepunyaan Zainal Abidin di pelabuhan Southampton itu. Pada mulanya ia tidak terperanjat dengan pertanyaan yang serupa itu kerana di atas petinya memang ada tertulis nama yang penuh.

"Zainal Abidin," pegawai kastam itu mengulangi menyebut namanya. "Tidak ingat kepada saya?"

Waktu itu barulah Zainal Abidin betul-betul terperanjat dan memerhatikan muka pegawai kastam yang bertanya itu. Ia mencuba mengingat akan orang itu dengan bersungguh-sungguh.

"Waktu pembentukan UMNO di Kuala Lumpur dahulu saya ada di sana. Saya selalu datang bertanyakan berita kepada tuan."

Sekarang barulah ia teringat. Orang Inggeris itu dahulunya menjadi pegawai akhbar tentera di Kuala Lumpur.

"Mengapa tuan menjadi pegawai kastam pula sekarang?"

"Setelah habis tugas saya dalam tentera saya kembali ke London dan memasuki jabatan kastam," katanya.

Kemudian dari keterangan pegawai kastam itu sendiri, barulah Zainal teringat bahawa nama pegawai kastam itu ialah Mr. Rabbits dan waktu di Malaya pada masa BMA dahulu ia bekerja sebagai wartawan *Army Public Relations*. Waktu itu Zainal Abidin sedang mengusahakan pembentukan UMNO dan Mr. Rabbits selalu datang bertanya kepadanya mengenai perkembangan baharu yang timbul dari ura-ura tersebut. Apabila pulang ke England ia terus bekerja sebagai pegawai kastam kerana dahulu pun ia menjawat pekerjaan itu juga.

Peti-peti kepunyaan Zainal tidak diperiksanya lagi.

Dari Southampton ia berangkat ke London dengan menumpang kereta api. Dalam kereta api itu ia duduk berdekatan dengan dua orang perempuan dengan dua orang anak kembar yang kecil dan seorang lelaki. Salah seorang perempuan itu sedang memakan buah pir dan diberinya sebiji

kepada Zainal Abidin.

"Cuba rasa buah pir Inggeris," katanya. "Tuan dari mana?"

"Saya datang dari Malaya,"

"Saya dari Kalimantan Utara. Ini kakak saya, ia datang menjemput kami kerana saya ada membawa dua orang anak kecil yang kembar dan kakak saya menolong saya mengurus anak-anak ini. Ini suami saya."

"Nyonya tinggal di London?"

"Tidak, saya tidak tinggal di London, tetapi di sebuah desa," ujar perempuan yang dikatakan kakak oleh nyonya dari Kalimantan Utara itu.

Kira-kira satu jam kemudian sampailah kereta api itu di Stesen Waterloo. Manusia terlalu banyak, sehingga kawan-kawan yang sama-sama sekapal dahulu sudah tidak dapat berjumpa lagi. Apatah pula kereta api itu sendiri terlalu panjang hampir dua kali panjangnya dari kereta api Tanah Melayu. Masing-masing sibuk mencari beg barang-barangnya.

Setelah Zainal Abidin mengambil barang-barangnya ia pun mencari teksi di luar stesen itu.

"Tolong hantar saya ke hotel yang dekat dengan Universiti London. Saya akan bekerja di situ," katanya kepada drebar teksi itu.

Teksi itu lalu membawanya ke sebuah hotel, bernama Hotel National. Tetapi pengurus hotel itu mengatakan kepadanya tidak ada bilik kosong lagi, semuanya telah berisi.

Masakan tidak ada bilik kosong, fikir Zainal Abidin. Hotelnya begitu besar. Barangkali ia tidak dapat diterima di hotel itu kerana ia bukan orang putih.

Ia kembali ke teksinya dan menyuruh membawanya ke sebuah hotel yang lebih murah. Di hotel ini ia mendapat bilik dengan sewa lima *shilling* semalam. Ia tidak tahu tentang aturan teksi-teksi di London yang mesti diberikan *tip* selain daripada tambangnya dan Zainal Abidin memang tidak memberikan *tip* tersebut dan sesudah itu barulah ia sedar tentang kesalahannya.

Waktu di dalam kapal dahulu ia pernah terima sepucuk surat dari temannya yang tinggal di luar London yang mengatakan bahawa ia akan menjemputnya apabila mereka tiba di London kelak. Andai kata temannya tidak dapat

datang menjemputnya, ia diminta supaya menghubungi Encik Sufian Hashim. Alamat dan nombor telefon Encik Sufian juga diberikan oleh temannya itu, dan Encik Sufian sendiri ialah Sekretaris Persekutuan Melayu di Great Britain pada waktu itu.

Zainal tidak tahu bagaimana akan menggunakan telefon yang ada di hotel itu, lalu bertanyalah ia kepada perempuan yang menjaganya. Perempuan itu memberitahunya bahawa ia harus angkat dahulu gagang telefon itu dan tunggu sehingga ditanya oleh operator telefon daerah mana yang ia sedang menelefon. Ia harus memberitahu daerahnya dan kemudian barulah ia memutar nombor yang hendak dimintanya. Cara menelefon di sini tidak seperti di Malaya yang boleh diangkat gagangnya dan terus sahaja memutar nombor yang hendak ditunjukkan itu.

Pagi-pagi besoknya tibalah Encik Taib Andak dan Cik Saleha. Setelah bercerita tentang berbagai-bagai hal, bertanyanya khabar tentang Malaya, Zainal Abidin pun dibawa oleh Encik Taib Andak ke Universiti London dan memperkenalkannya dengan guru-guru dan pegawai-pegawai universiti itu.

"Tempat tinggal tuan telah disediakan di Hotel Meiers yang tidak jauh dari universiti," kata pegawai universiti itu setelah mengetahui Zainal Abidin telah menginap di sebuah hotel yang lain.

Hotel Meiers ialah sebuah hotel Swiss yang sedia menerima pelajar-pelajar asing dan di situ juga terdapat pelajar dan doktor dari Malaya dan India, dan juga dari Hong Kong. Tempat untuk Zainal Abidin telah disediakan sejak sebulan yang lalu. Zainal Abidin telah sampai ke London terlewat dua bulan dari penggal persekolahan universiti tersebut.

Sekarang barulah jelas baginya bahawa hotel-hotel ini yang besar-besar tidak menerima orang kulit berwarna. Orang kulit berwarna yang datang ke London tinggal berkelompok-kelompok di hotel-hotel yang mahu menerima mereka. Hanyalah orang besar kulit berwarna sahaja yang tinggal di hotel yang besar-besar. Para pelajar umumnya mencari hotel-hotel yang kecil dan murah sewanya, Zainal Abidin membayar £5 seminggu untuk hotelnya itu.

Zainal Abidin mulai mengajar di universiti itu pada

1 November. Kerjanya tidak begitu banyak hanya dua atau tiga jam sehari. Kadang-kadang ia tidak mengajar sama sekali. Kebanyakan pelajar yang diajar olehnya di universiti itu terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan ialah pemuda-pemuda Inggeris yang baru lulus dari Universiti Cambridge yang akan dihantar menjadi pegawai di Malaya, Sabah, Sarawak dan Brunei. Mereka itu belajar bahasa Melayu selama enam bulan. Golongan mereka inilah lebih banyak daripada golongan yang mahu mengambil ijazah sarjana yang mesti mendalami pelajaran-pelajaran dalam Sastera Melayu, Bahasa, Nahu dan sebagainya yang akan memakan masa selama tiga tahun.

Kerana Zainal Abidin mempunyai banyak masa lapang, maka bercita-citalah ia akan mengambil kursus untuk ijazah sarjananya sendiri. Tetapi setelah ditanya keterangan kepada pegawai universiti itu, ia mendapat jawapan bahawa ia mesti memasuki *Entrance Examination* terlebih dahulu, kerana dalam peperiksaan Cambridge dahulu ia hanya mendapat Gred 3 dan hasil peperiksaannya itu telah pun dicek dari *Cambridge Syndicate*. Ternyata bahawa keputusan dalam peperiksaan Cambridge yang diikuti oleh Zainal Abidin dalam bulan Disember tahun 1915 tidak membolehkan ia masuk mengambil kursus sarjana dengan begitu sahaja dan ia baru dibolehkan mengikuti kursus itu dengan syarat bahawa ia lulus dalam *Entrance Examination*. Hanyalah calon-calon yang mendapat Gred 1 dengan memperoleh kepujian dalam lima mata pelajaran sahaja yang boleh mengikuti kursus sarjana tanpa menempuh peperiksaan *Entrance Examination* terlebih dahulu.

Sesudah dua bulan di London, iaitu ketika cuti Krismas bulan Disember 1947 Zainal Abidin dibawa oleh salah seorang muridnya ke kampungnya. Ia tinggal bersama-sama muridnya itu di Stockport dekat Manchester selama satu minggu.

Setelah satu tahun di London barulah ia mengambil diploma dalam bahasa Arab. Ia memasuki peperiksaan matrikulasi dan diploma itu diperolehnya dalam peperiksaan tahun 1949. Sesudah lulus dalam peperiksaan ini barulah Zainal Abidin mulai mengambil peperiksaan *Inter Arts* pula tetapi masanya untuk mengambil ijazah B.A. di London

sudah tidak ada lagi kerana ia mesti pulang ke Malaya. Setelah dua tahun di Malaya, barulah ia mengambil ijazah B.A. dalam *External Examination* kerana ia harus mengajar di Universiti Malaya dan ia merasa kurang enak kalau ia sendiri tidak mempunyai ijazah apa-apa.

Selama di London, terutama dalam masa cutinya ia banyak menggunakan kesempatan untuk melawat beberapa buah tempat. Sukan Olimpik yang berlangsung di London dalam tahun 1948 itu bertepatan benar dengan masa cuti panjangnya *Summer Holidays* iaitu dalam bulan Jun, Julai dan Ogos dalam tahun yang sama. Jadi ia menggunakan kesempatan ini dengan sebaik-baiknya untuk menyaksikan pertandingan-pertandingan dalam Sukan Olimpik tersebut.

Pada masa cuti pendeknya, iaitu cuti Easter dalam bulan April sebelum Sukan Olimpik diadakan ia telah pergi ke Cardiff. Dari berita-berita yang didengarnya di Cardiff itu banyak terdapat orang Islam. Tentang orang Melayu yang bermastautin di sini juga telah banyak dibaca dalam surat-surat khabar tempatan. Sesudah ia mendengar siaran *Al Mustami'un* dalam bahasa Arab melalui BBC maka keinginannya untuk pergi ke Cardiff makin bertambah kuat. Ia pun berhubung dengan Sekretaris Persekutuan Melayu di sana mengatakan ia akan datang melawat ke tempat tersebut. Pagi-pagi lagi ia telah menaiki bas dari London dan kira-kira pukul 5.00 petang sampailah ke tempat tujuannya.

Memang benarlah, di kota pelabuhan tersebut terdapat banyak orang Islam, antara mereka itu terdapatlah orang dari Malaya, Sumatera, Sulawesi yang dahulunya menjadi kelasi kapal. Mereka itu sekarang kebanyakannya bekerja sebagai buruh dan berkahwin dengan wanita-wanita Inggeris yang tidak terpelajar.

Di Cardiff juga ada sebuah masjid, Nur ul-Islam namanya. Imamnya bernama Syeikh Abdullah. Selain daripada orang keturunan Melayu maka terdapat pula orang Islam dari negeri-negeri Arab, Algeria dan Afrika. Imam masjid itu yang berasal dari Algeria telah menyatakan kesalnya kepada Zainal Abidin di atas sikap kebanyakan orang Melayu yang tidak pernah datang sembahyang.

"Tolong beritahukan mereka suruh datang sembahyang. Kalau mereka tidak tahu, kita boleh ajar," kata imam itu.

Walaupun demikian, orang-orang dari Malaya itu sangat suka menolong saudara-saudara seagamanya dalam sesuatu pekerjaan jika diminta. Beberapa keluarga telah pun menjemput Zainal Abidin makan di rumah mereka.

Ketika ia mengunjungi rumah Pak Mat, seorang Melayu dari Deli yang sudah tua dan berusia kira-kira 80 tahun, Zainal Abidin telah diperkenalkan kepada anak-anaknya lelaki dan perempuan yang sudah besar-besar. Mereka itu tidak ubah seperti anak-anak Serani di Tanah Melayu tentang warna kulit dan rupa parasnya. Pak Mat telah memanggil anak-anaknya itu untuk mendengar percakapan dalam bahasa Melayu yang akan ia cakapkan dengan Zainal Abidin.

"Mari sini semua," dia memanggil anak-anaknya. "Datang dengar kami bercakap Melayu."

"Tidak inginkah Pak Mat pulang ke tanah air?" tanya Zainal Abidin.

"Ingin juga tetapi bagaimana? Nak pulang duit tidak ada, anak-anak pun sudah besar."

Selama satu minggu di Cardiff itu Zainal Abidin telah dapat menyaksikan perkahwinan dan kematian yang berlaku dalam kalangan orang Islam di situ. Yang mati waktu ia di Cardiff itu ialah seorang Melayu dari Melaka. Mayatnya telah dikebumikan di sebuah tanah perkuburan kira-kira 5 batu jauhnya dari kota Cardiff. Cara mengebumikan mayat tersebut dilakukan menurut cara Islam dan ramai orang dari masjid yang menolong membawa mayat ke perkuburan dengan menggunakan sebuah kereta mayat.

Ia tinggal selama dua minggu di sana dan menghabiskan satu minggu lagi dari cutinya itu untuk meninjau tempat-tempat yang menarik sebelum ia pulang ke London.

Dalam perjalanan pulang ke London, Zainal Abidin telah menaiki kereta api, kerana ia bermaksud akan singgah di Somerset untuk menjumpai bekas guru besar *Malay College* Kuala Kangsar, Tuan C. Bazell namanya. Ia telah menulis surat kepada tuan itu memberitahukan tentang kedatangannya dan Tuan C. Bazell pun datang menjemputnya di stesen kereta api. Mereka menaiki bas kira-kira tiga batu dari stesen ke rumah Tuan Bazell yang terletak di dalam sebuah kampung, di Kennington di daerah Somerset. Tuan Bazell yang sudah berumur 60 tahun itu masih belum kahwin,

tetapi ia tinggal di rumah itu dengan seorang perempuan yang sebaya dengannya dan yang juga tidak berkahwin. Perempuan tua ini bernama Miss Mable dan pernah menjadi guru di *Raffles Girls' School*, Singapura. Rumah itu terdiri dari empat kamar dan satu ruang yang besar. Tuan Bazell dan Miss Mable menempati kamar yang bertentangan dan masing-masing menggunakan dua kamar seorang dan ruang yang besar tadi dijadikan ruang tamu dan juga tempat makan. Zainal Abidin tinggal dalam kamar tamu Tuan Bazell dan menurut Tuan Bazell rumah itu dibelinya setibanya kembali di England dahulu.

Pekerjaan Tuan Bazell itu setiap hari ialah berkebun sayur. Makanan mereka tidak dibeli. Walaupun kehidupan Tuan Bazell dan Miss Mable itu agak sumbang, namun demikian, antara mereka itu telah terjalin satu perjanjian yang menarik. Seorang berkebun sayur dan yang seorang lagi memasak.

Salah satu kegemaran Tuan Bazell ialah berjalan kaki dan walaupun usianya sudah agak lanjut tetapi ia sangat kuat berjalan kaki. Pada pagi Zainal Abidin tidur di rumahnya, ia mengajak Zainal Abidin berjalan kaki, menaiki bukit yang bernama *Quantock Hills*. Mereka lebih dahulu menaiki bas lalu turun di kaki bukit tersebut. Dari situ mulailah mereka mendaki bukit itu sampai ke puncaknya. Di atas bukit itu tidak ada tumbuhan apa-apa hanya batu biasa dan sesudah memakan roti dan menikmati pemandangan di sekelilingnya maka mereka pun mulai turun sesudah berada lebih kurang satu jam di sana. Waktu pulang mereka tidak menaiki bas lagi tetapi mengambil jalan dekat dengan berjalan di pinggir sebuah parit yang besar, dan sesudah berjalan kira-kira satu batu, barulah mereka tiba di rumah.

Setelah tiga hari di situ, Zainal Abidin pun meminta diri untuk pulang. Dalam perjalanan pulangnya ia singgah di Salisbury untuk melihat gereja besar yang terkenal di seluruh dunia dan Stonehenge (batu-batu besar yang berlonggok-longgok) peninggalan zaman dahulu kala yang terletak di sudut sebuah padang rumput, tempat tentera berlatih dan belajar berkawat.

Agak sukar juga ia mendapat hotel di Salisbury ini kerana warna kulitnya. Orang Inggeris tidak mahu menerimanya menumpang di hotel itu, mereka mengatakan hotelnya sudah

penuh. Akhirnya ia telah ditunjuk oleh kuli yang membawa barang-barangnya ke Hotel White Horse, barangkali juga kepunyaan orang Swiss dekat perhentian bas.

Gereja besar itu tidak jauh dari hotelnya. Di dalam gereja itulah ia membaca sebuah tulisan pada sebuah batu tentang kisah seorang Inggeris yang masih muda yang telah mati di Kelantan pada ketika perayaan menyambut hari jadi Sultan. Orang putih itu bekerja sebagai Pegawai Daerah dan ia telah memegang bunga api yang disangkanya tidak meletup, tetapi kemudian bunga api itu meletup dan ia pun menjadi korban. Pegawai Daerah Inggeris itu bernama Mr. Farrer.

Stonehenge yang terletak di Stoneplain itu adalah di luar kota dan Zainal Abidin terpaksa menaiki bas untuk pergi ke sana. Sesudah satu jam, barulah ia tiba di tempat itu, kerana jarak antara Stonehenge dan Salisbury adalah kira-kira 10 batu. Batu-batu itu besar-besar semuanya, bagai ada orang yang melonggokkannya ke dalam bentuk rumah berhala yang belum siap.

Menurut cerita bahawa batu-batu ini sudah ada sebelum orang Inggeris memeluk agama Kristian dan di sini juga dijadikan tempat pemujaan bagi penduduk di sekitarnya yang pada waktu itu menganut animisme. Pendek kata Stonehenge yang terletak di Stoneplain itu seolah-olah suatu gereja yang tidak beratap tetapi bertembok dan orang yang pergi ke sana untuk memuja memasuki celah-celah batu yang seakan-akan ruang yang gelap itu dan di sanalah mereka memuja sesuai dengan kepercayaan mereka tentang animisme.

Dua malam kemudian Zainal Abidin pun pulang ke London.

Menjelang cuti Krismas tahun 1948, Zainal Abidin bersama-sama dengan dua orang pensyarah bahasa Arab, iaitu seorang Scot Islam bernama David Cowan dan nama Islamnya Daud yang beristerikan seorang perempuan Mesir, dan seorang lagi bangsa Iraq bernama Dr. Safaaddin Khalari, pengarang berbagai-bagai buku dalam bahasa Arab, telah bermuafakat akan melawat Sepanyol. Pada awal cuti itu mereka telah membuat persiapan untuk keberangkatannya. Pasport, visa, tiket, tempat tinggal dan wang bekalan perjalanan semuanya diurus oleh sebuah syarikat pelancongan. Setelah semuanya selesai maka pada minggu ketiga

bulan Disember, mereka pun berangkat menuju ke Paris. Belum ada seorang pun antara mereka bertiga itu yang pernah ke Sepanyol, tetapi ke Paris ada yang sudah biasa pergi. Dengan kapal mereka menyeberang ke negeri Perancis dan untuk menjimatkan belanja seberapa yang dapat, mereka membawa beg sendiri-sendiri dengan berjalan kaki menuju ke Hotel Calais yang letaknya kira-kira setengah batu.

Malam itu mereka menginap di Hotel Calais. Pagi-pagi pukul 6.00 mereka menyambung perjalanan dengan kereta api. Kapal terbang walaupun ada tetapi belum banyak digunakan oleh orang awam, hanya tentera dan pembesar-pembesar sahaja yang biasa membuat perjalanan dengan kapal terbang pada masa itu. Dalam kereta api itu mereka bertiga mendapat teman tiga orang gadis dari Paris yang akan pulang ke Sepanyol kerana cuti sekolah, juga seorang lelaki Sepanyol yang agak berumur, yang mahu pulang ke negerinya. Setelah sehari-harian dalam kereta api, maka kira-kira pukul 6.00 petang sampailah mereka ke sempadan dan dari situ semalam-malaman pula tidur di dalam kereta api sebelum mereka sampai ke Madrid pada pukul 6.00 pagi esoknya.

Apabila sampai di Madrid, Zainal Abidin mahu menurunkan barang-barangnya, sebuah beg kecil kemudian terjatuh dan menimpa salah seorang gadis itu. Agaknya kerana terlalu sakit, gadis itu seperti mahu menangis.

Zainal Abidin meminta maaf dalam bahasa Inggeris. Tetapi mereka itu, juga orang lelaki Sepanyol yang bersama-sama mereka hanya bercakap dalam bahasa Sepanyol sahaja. Seorang temannya yang mengerti berseloroh, "Tuan belum sampai ke negeri Sepanyol, sudah mahu bunuh perempuan Sepanyol."

Dari stesen kereta api mereka menaiki kereta di bawah tanah dan keluar betul di hadapan hotel yang telah disediakan untuk mereka.

Zainal Abidin telah merancang-rancang sejak dalam perjalanan kereta api itu untuk mandi apabila sahaja mereka sampai di Madrid nanti. Selama satu hari satu malam ia tidak mandi-mandi. Sebagai seorang yang tidak pernah meninggalkan mandi, walaupun dalam musim sejuk bulan Disember di London, ia akan mandi air panas.

Ia naik radang demi diketahuinya di hotel itu tidak ada air mandi, rupanya orang di Madrid tidak mandi.

"Air mandi tidak ada," kata pengurus hotel tempat mereka menginap itu. "Kalau mahu mandi kena bayar ongkos masak air panas."

"Bayar-bayarlah," jawab Zainal Abidin.

Dia dikenakan membayar 3 *peseta* kerana air panas itu. Tetapi setelah mandi barulah sedap rasa badannya. Hotel hanyalah tempat mereka tidur sahaja, makan cari sendiri dan mereka mencari tempat makan yang paling murah. Di Paris kerana ada kawan-kawannya yang sudah biasa, senanglah mereka mencari tempat makan yang serupa itu. Apatah pula di sana banyak tempat makan yang murah dan sedap-sedap pula masakannya.

Pada masa mereka bermalam di Paris dahulu kawan-kawannya mengajak ia ke kelab malam. Tiap-tiap tempat dihidangkan makanan, walaupun perut sudah kenyang tetapi dibagi makan juga. Kawan-kawannya berdansa dengan perempuan-perempuan yang berpakaian setengah telanjang. Perempuan-perempuan yang setengah telanjang itu kemudian datang di celah-celah meja dan orang menyelitkan duit di celah-celah baju colinya. Ada orang yang mahu menunjukkan kekayaannya menyelit sampai 10 *franc*. Zainal Abidin dan kawan-kawannya pun ikut menyelit duit juga.

Lepas makan mereka berjalan-jalan melihat bandar Madrid. Mereka pergi berjumpa dengan seorang Arab yang bekerja di Radio Madrid.

Seorang Arab yang menjadi pengarang sebuah surat khabar di Paris telah memberikan nama dan alamat orang Arab tersebut. Kawan-kawan Zainal Abidin bercakap-cakap dengan orang itu dalam bahasa Arab, sedangkan dia kerana kurang fasih hanya menjadi pendengarnya sahaja.

Mereka melawat kebun bunga yang lebar dan cantik, yang dihiasi dengan pancutan air dan bangku-bangku tempat orang melepaskan lelahnya. Sayang, pada masa itu pokok-pokok bunganya bogel-bogel belaka kerana musim sejuk.

Mereka mengunjungi rumah Prof. Lopez, profesor yang mengajar bahasa Arab, ia pernah belajar bahasa Arab di Mesir. Dengan profesor itu mereka berbicara dalam bahasa Arab juga. Kebanyakan orang Sepanyol selain daripada bahasanya

sendiri mereka pandai pula berbahasa Perancis dan Arab.

Setelah tiga hari di bandar itu mereka pun bertolak ke Cordova dengan kereta api pukul 9.00 malam. Orang yang menaiki kereta api itu terlalu ramai, beg Zainal Abidin yang diletakkan di serambi kereta api itu telah dijadikan tempat duduk orang-orang itu sehingga habis remuk, piut-piut, untungnya beg itu tidak terbuka. Kira-kira pukul 5.00 pagi mereka pun sampai. Mereka singgah di stesen itu untuk minum kopi. Orang Sepanyol sangat suka minum kopi. Di mana-mana sahaja ada kedai kopi. Mereka pun ikut minum kopi. Gelasnya seperti gelas Arab lurus seperti ruas buluh. Mungkin peninggalan pengaruh Arab, fikir Zainal di dalam hatinya. Hawa semakin ke selatan dari Madrid sudah berkurang sejuknya, hampir menyerupai hawa musim panas di England. Orang Sepanyol di sebelah selatan itu seperti orang Arab, mata dan rambutnya hitam-hitam.

Setelah siang mereka pun menuju ke tempat yang telah disediakan oleh syarikat pelancongan *Thomas Cook & Son*. Mereka ditempatkan di sebuah rumah seorang perempuan janda yang sudah separuh umurnya, ia ada seorang anak perempuan. Selama dua hari mereka di Cordova, bilik rumah itulah yang disewakan untuk mereka. Makan minum juga disediakan. Di Cordova, Zainal Abidin telah mendapat demam sejuk sehingga masa dua hari di sana dia tidak dapat turut bersama-sama dengan kawan-kawannya berjalan. Ia tinggal di rumah tumpangan itu dan tidur sahaja. Untunglah ia ada membawa bekalan ubat, sehingga hari kedua ia sudah sembuh sedikit dan boleh ikut berjalan dengan kawan-kawannya, tetapi ia tidak dapat melihat apa-apa yang menarik hati.

Tengah hari mereka menaiki kereta api ke Seville. Kira-kira tiga jam sampailah ke tempat itu, tetapi mereka mesti menaiki bas pula menuju ke hotel yang sudah disediakan. Keadaan basnya tidak ubah seperti bas di Malaya dalam zaman Jepun. Penumpang-penumpangannya ramai bergayut-gayutan. Zainal Abidin juga ikut bergayut walaupun begnya sudah lepas ke dalam bersama-sama dengan salah seorang temannya. Dalam masa bergayut-gayut itu tangannya terlepas dari tempat pegangan dan ia pun jatuh, untunglah tidak mendapat cedera apa-apa. Salah seorang kawannya turun

di sebuah perhentian yang di hadapan dan datang untuk menemaninya. Mereka lalu menaiki bas yang kedua. Waktu sampai ke hotel itu kawannya yang seorang lagi telah sedia menunggu dengan barang-barangnya.

Di Seville ini mereka telah melawat bekas istana raja Arab dahulu. Kubur-kubur orang Arab yang sudah tidak ada lagi, sudah digali oleh orang Sepanyol dan dibuang ke laut, kerana marahnya. Nama-nama jalan masih banyak yang menggunakan nama-nama Arab. Mereka pergi melihat istana menara yang tersebut dalam cerita-cerita Arab.

Pagi-pagi besoknya mereka meneruskan lagi perjalanannya dengan kereta api ke Granada. Kira-kira pukul 2.00 mereka sampai ke kota itu. Di Granada ini mereka telah menggunakan waktunya untuk pergi melihat Istana Alhambra, benteng dan istana raja Arab (1231-1491), yang terletak kira-kira 1 batu dari kota. Mereka berjalan kaki melintas bukit untuk pergi melihat istana yang masyhur itu. Istana Alhambra ini tidak ada orang yang menunggunya. Istana itu dipelihara dan dijaga seperti sebuah muzium, di dalamnya ada berbagai-bagai bilik. Dindingnya dihiasi dengan lapis plastrian dan ubin-ubin yang dilukis dengan arabes sangat indah. Di dalam istana itu banyak terdapat hasil-hasil seni tempa logam mulia dan barang-barang pecah belah yang sangat berharga. Ukiran-ukiran istana itu yang diperbuat daripada batu merah sangat cantiknya. Kira-kira tiga jam mereka berkeliling di istana itu dan kemudian pulang melalui jalan di lereng sebuah bukit.

Di Granada juga mereka pergi melihat sebuah masjid. Masjid Alumawi namanya. Sekarang ini masjid yang besar itu telah dijadikan gereja, ditempati oleh paderi-paderi. Tulisan-tulisan Arab dahulu masih ada lagi. Pada tiang-tiangnya masih ada ayat-ayat al-Qur'an dan di sebelahnya pula ada ukiran dalam bahasa Latin tentang agama Kristian dan gambar Mariam mendukung Isa. Masjid itu dibahagi dua, satu tempat pelawat-pelawat. Mereka pergi ke masjid ini melalui sebatang jalan yang kecil dan sempit, kira-kira dua atau tiga kaki sahaja lebarnya. Jalan-jalan yang sempit serupa itu sangat banyak, nama sahaja di hadapan dan di belakang rumah-rumah di dalam kota itu.

Tidak jauh dari masjid itu ada sebuah jambatan besar

yang menyeberangi Sungai Tabus. Sungai itu melalui negeri Portugal dan dari tempat itu ke kualitasnya ada kira-kira 100 batu lebih. Lebarnya pada tempat jambatan itu hampir serupa dengan Sungai Muar tempat feri Seri Penambang dahulu. Jambatan sungai itu ialah jambatan batu zaman dahulu, apakah jambatan itu dibina oleh orang Islam atau orang Sepanyol tidaklah diketahui oleh Zainal Abidin tetapi jambatan itu bukan seperti jambatan moden sekarang ini. Barangkali ada delapan atau sembilan tiangnya yang diperbuat daripada batu juga.

Satu perkara yang sangat menarik hatinya dalam masa lawatan ke Sepanyol ini ialah jalan-jalannya dengan pohon-pohon limau manis beratus-ratus batang banyaknya. Buahnya sangat lebat, buah yang masak jatuh ke bumi dipungut oleh kuli-kuli munisipal, kerana pokok-pokok limau itu menjadi milik jabatan munisipal kota-kota tersebut. Di Seville ada sedikit-sedikit pohon limau di tengah-tengah jalan serupa ini tetapi di Madrid tidak ada. Di kedai-kedai juga sangat banyak dijual buah limau yang benar-benar manis. Di Granada inilah juga mereka melihat orang Gipsi, suatu kaum hanyut yang suka berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Mereka melihat orang itu menyanyi dan menari.

Mereka kemudian melawat sebuah kebun bunga yang telah dibina kira-kira 700 atau 800 tahun dahulu. Pokok-pokok bunga yang sudah tua dipotong dan diganti dengan yang baharu, dan demikianlah dikerjakan dari satu masa ke satu masa untuk memelihara kebun itu sehingga sekarang ini.

Dari Granada mereka terus pulang dengan menaiki kereta api. Dalam perjalanan kereta api antara Granada - Toledo itulah mereka menyambut tahun baharu 1949, mereka tidak lagi singgah di Seville tetapi terus ke suatu tempat yang bernama Toledo. Pensyarah orang putih yang bersama-sama mereka itu tidak mahu singgah lagi, maka mereka berdua sahajalah yang singgah untuk melihat sebuah istana lama yang sudah runtuh. Sementara menunggu kereta api mereka pergi ke kelab minum kopi dan ke padang tempat orang kota itu berkumpul. Mereka singgah di tempat itu selama enam jam sahaja dan pada pukul 10.00 malam meneruskan semula perjalanannya ke Madrid. Mereka kembali semula ke situ kerana mereka bermaksud akan mengunjungi El Escorial

sebuah kotapraja Sepanyol yang terletak kira-kira 30 batu di sebelah barat laut kota Madrid, di lereng selatan pergunungan Sierre de Guadarrama. Kotapraja El Escorial ini masyhur kerana di sana terletak istana San Lorenzo el Real yang juga biasa disebut El Escorial, yang didirikan pada tahun-tahun 1563-1584 oleh J.E. de Toledo dan J. de Herrera atas perintah Raja Philips II. Bentuk istana ini menyerupai biara besar; kubah gerejanya menyerupai kubah gereja San Petro di Rom.

Besoknya mereka pun melawat El Escorial. Istana San Lorenzo el Real ini dibahagi-bahagikan ke dalam beberapa bahagian. Ada sebuah perpustakaan yang besar. Ada sebuah tempat latihan paderi-paderi. El Escorial terkenal kerana kumpulan besar lukisan yang tersimpan di ruang-ruangnya. Mula-mula sekali mereka pergi ke perpustakaan itu. Di situ mereka bertemu dengan seorang paderi tua yang tahu bahasa Perancis, kawan Zainal Abidin yang juga tahu bahasa Perancis telah bercakap-cakap dengan paderi itu. "Tahukah tuan bercakap Arab?" tanya kawan Zainal Abidin. Paderi itu menunjukkan kepada seorang yang sedang duduk di suatu sudut yang mula-mulanya mereka menyangka orang Sepanyol.

"Tahukah tuan bercakap Arab?" tanya Zainal Abidin kepada orang itu.

"Tahu. Saya orang Arab dari Mesir," jawab orang itu.

"Saya Zainal Abidin dari London."

"Saya Abdul Aziz Al Wahdi. Saya sudah enam bulan di sini membuat penyelidikan apa yang sudah berlaku di Sepanyol ketika pemerintahan Arab."

Mereka telah bercakap berjam-jam lamanya dan kemudian diajak pula makan. Kemudian mereka pergi melihat kubur raja-raja di bawah altar tengah El Escorial itu. Sudah petang barulah ia minta izin pulang. Kepadanya ditunjukkan surat-surat dan buku-buku Arab yang masih ada sedikit-sedikit lagi, kerana waktu Sepanyol berperang dengan Arab dahulu semua buku Arab telah dibakar, malah kubur-kubur orang Arab juga telah dibongkar dan dibuang ke laut.

Mungkin buku-buku yang tinggal itu telah terlepas daripada perbuatan itu lalu dikumpulkan dan disimpan. Zainal Abidin pulang ke Madrid dengan menaiki kereta api, kerana El Escorial itu terletak jauh dari kota.

Dalam tiap-tiap kota di Sepanyol, menurut penglihatan

Zainal Abidin, ada universiti dan banyak pelajar dari Afrika yang belajar dalam berbagai-bagai ilmu.

Dalam masa lawatannya ke Sepanyol itu beberapa hal telah menjadi kenang-kenangan yang tidak dapat dilupakannya. Pada suatu hari pada masa ia duduk minum di suatu bangku yang tinggi, belikatnya telah dicucuk oleh orang di sebelahnya. Waktu dia berpaling orang yang menyucuknya itu memberikan kepadanya sekeping gambar lukisan yang dilukis di atas sekeping kertas. Gambar itu telah dilukis oleh orang yang paling hujung sekali, yang pada waktu itu sedang memandang kepada Zainal Abidin dengan ketawanya. Untuk menyampaikan gambar itu dia menyucuk orang yang di dekatnya dan orang itu menyucuk orang yang di sebelahnya pula, cucuk-menyucuk akhirnya sampailah kepada Zainal yang dimaksudkan.

Orang Sepanyol terlalu ramah, mereka mahu bercakap tetapi mereka tidak tahu bercakap bahasa lain dan kalau di kedai kopi kesemuanya bercakap belaka, siapa yang mendengar tidak tahu, kalau ada orang yang mahu bercakap dia bersiul dan setelah orang semua diam barulah dia bercakap, setelah itu riuh kembali. Berbeza dengan orang Inggeris yang diam sahaja, tidak mahu bercakap.

Orang Perancis juga peramah tetapi tidak mahu bercakap dengan menggunakan bahasa lain selain daripada bahasanya sendiri.

Di Sepanyol itu Zainal Abidin disangka orang Jepun. Ke mana pergi dia selalu dihadapkan pertanyaan 'Happon?' dan Zainal Abidin pun mengaku 'ya'.

Pada suatu hari ketika dia sedang minum kopi, tiba-tiba masuk seorang perempuan muda yang berumur kira-kira 25 tahun. Orangnyanya tidak cantik, tetapi yang menarik perhatian Zainal Abidin ialah matanya, matanya itu sangat cantik. Ia belum pernah melihat mata seperti itu sebelumnya dan juga selepas itu. Pada fikirannya perempuan itu pekerja pejabat yang datang minum sebentar sahaja di kedai itu. Dan perempuan itu telah menjadi sahabatnya. Itulah antara kenang-kenangan yang tidak dapat dilupakan olehnya.

Kira-kira pukul 6.00 malam mereka pun sampai di Paris. Dr. Safaiddin terus pulang ke London, sementara Zainal Abidin dan David Cowan singgah di Paris. Besoknya Zainal

Abidin melanjutkan perjalanannya kembali ke London sendirian sahaja. David masih tinggal lagi di Paris untuk beberapa hari lamanya.

Dalam cuti *Easter* tahun 1949, suatu persidangan orientalis telah diadakan di *Durham University*, yang terletak kira-kira 100 batu di sebelah utara kota London. Persidangan ini diadakan setahun sekali oleh semua ahli bahasa Timur dan setiap tahun tempat persidangan diadakan bergilir-gilir di merata-rata tempat. Zainal Abidin menghadiri persidangan tersebut bersama-sama dengan dua orang pensyarah bahasa Cina, salah seorang antaranya beberapa tahun kemudian pernah menjadi mata-mata gelap di Singapura, sedangkan yang seorang lagi ialah Mr. Forrest. Setiausaha persidangan tahun itu ialah Prof. Gibbs. Setiap orang yang menyertai persidangan ini membayar sebanyak £1 dan boleh mengikutinya setiap hari selama seminggu persidangan itu diadakan. Tiap-tiap peserta boleh mengemukakan fikirannya, menambah atau menokok tentang sesuatu perkara yang dikemukakan, tetapi kebanyakan yang hadir hanyalah menjadi pendengar sahaja. Zainal Abidin juga ikut menjadi pendengar. Hanya dua orang sahaja yang ahli dalam bahasa Melayu yang ada dalam persidangan waktu itu, selain daripada Zainal Abidin sendiri ialah Tuan C.C. Brown, pada satu masa dahulu pernah menjadi Residen Pahang. Seorang lagi yang pandai berbahasa Melayu ialah Prof. Firth, tetapi ia ahli sosiologi. Ia ikut berbicara panjang dalam persidangan itu tetapi tidak mengemukakan sesuatu kertas kerja.

Prof. Dodd seorang profesor bahasa Cina di Oxford bertanya kepada Zainal Abidin. "Tuan datang dari mana?"

"Dari Malaya."

"Dari Malaya? Kita hormat Malaya kerana getah dan bijih. Malaya buat duit sahaja," katanya lagi. "Tuan baca *paper* apa?"

"Saya tidak baca *paper* apa-apa, belum pandai dan bahasa Melayu pun belum banyak yang tahu," jawab Zainal Abidin.

"Tidak apa. Malaya banyak getah dan bijih," katanya dengan ketawa berjenaka.

Dalam persidangan itu banyak ahli-ahli yang pandai dalam berbagai-bagai bahasa. Melihat suasana persidangan pada waktu itu Zainal Abidin insaf akan kedudukan bahasa

Melayu yang belum mendapat tempat, belum terkenal dalam kalangan orientalis. Bahasa-bahasa yang terkemuka ialah bahasa-bahasa Cina, Arab dan Sanskerta sahaja. Di Barat bahasa Melayu hanya baru diajar di universiti-universiti di Negeri Belanda, di Paris dan di London. Di Oxford tidak ada. Di London pun belum ada profesor lagi, hanya pensyarahnya sahaja.

Setelah satu minggu lamanya maka persidangan itu pun selesailah. Zainal Abidin pulang ke London bersiap untuk melawat Edinburgh. Ia bertolak pagi-pagi dari London dan sampai di tempat tujuannya pada pukul 6.00 petang. Hostel tempat tumpangnya tidak jauh dari stesen kereta api. Di hostel itu telah berkumpul orang dari Eropah, Afrika dan Asia, kira-kira 45 orang. Semuanya pelajar yang datang di bawah anjuran *British Council*. Mereka mengadakan lawatan di Scotland selama satu minggu.

Mereka telah dibawa melawat istana yang telah berumur 600 – 700 tahun, melawat tempat Sir Walter Scott, melihat jambatan yang panjang, pergi ke Loch Ness yang terkenal kerana *monster* yang bersarang di dalamnya.

Tetapi *monsternya* tidak ada pada hari itu.

Mereka juga dibawa melihat tempat membuat kain bulu, tempat percetakan dan tempat membuat kapal.

Dalam rombongan itu ada tiga orang Cina yang sudah tua, tiga empat orang Arab, tiga empat orang Belanda yang belajar bahasa Inggeris. Seorang di antaranya sudah fasih seperti orang Inggeris tetapi yang lain masih pelat-pelat lagi.

Dua minggu sebelum pergi ke Edinburgh itu Zainal Abidin telah menulis surat kepada seorang Scott bernama Tuan Alexander yang sudah bersara, mengatakan bahawa ia akan datang mengunjunginya. Dia menyangka Tuan Alexander itu tinggal berhampiran dengan Edinburgh, sebab setiap orang putih yang bersara dari Malaya menggunakan alamat *Colonial Office*. Surat-surat untuk mereka dialamatkan ke sana dan dari sana akan diteruskan kepada yang bersangkutan. Tetapi sampai hari ia berangkat, Zainal Abidin tidak menerima apa-apa jawapannya pun. Selama satu minggu dia di Edinburgh juga tidak ada berita tentang orang putih itu. Zainal Abidin kemudian bermaksud akan melawat ke *Lake District*, sebuah daerah yang sangat cantik paman-

dangannya. Maka ia pun berangkatlah bersama-sama dengan beberapa orang lain dengan menumpang sebuah bas ke Grassmere. Dalam bas itu ada seorang gadis bernama Hobbs, ibunya orang Inggeris, bapanya orang Perancis.

"Tuan mahu ke mana?" tanya gadis itu.

"Saya mahu ke *Lake District*," jawab Zainal Abidin.

"Saya juga mahu ke sana," katanya.

"Kalau begitu bersama-samalah kita."

Hampir petang barulah mereka sampai di tempat yang dituju, tetapi Zainal Abidin tidak tahu di mana ia mesti turun. Untunglah Miss Hobbs itu tahu.

"Kita patut turun di sana," katanya. "Kita sudah terlajak."

Mereka turun di suatu tempat. Miss Hobbs telah menelefon dari sebuah pondok telefon dan tidak lama menelefon kemudian datanglah orang menjemputnya.

Di tempat tumpangnya itu telah ramai orang dari berbagai-bagai bangsa. Pada malam itu mereka tidak pergi ke mana-mana, seorang Jerman yang berbadan besar tinggi sangat hairan melihat dia memakai kain sarung.

"*Dressing-gown* tuan bagus sekali, di mana tuan beli?"

"Ini bukan *dressing-gown*, ini kain sarung."

Pegawai perhubungannya telah membuat rencana perjalanan. Kerana mereka itu banyak maka dibahagilah ke dalam rombongan-rombongan. Tiap-tiap rombongan itu bertukar-tukar tempat tujuannya. Pada suatu hari mereka pergi mendaki gunung. Kebanyakan anggota rombongan itu ialah pelajar dan Zainal Abidin yang paling tua antara mereka. Ia cepat merasa letih waktu mendaki gunung itu tetapi pelajar itu menunggunya. Ada seorang India yang lebih muda daripadanya telah disuruh pulang oleh pegawai yang memimpin rombongan itu. Mereka berjalan melalui kampung, ladang-ladang penternakan, naik gunung turun gunung. Cuaca hari itu sangat baik, tidak ada hujan. Menyeberangi sungai dan melihat tempat orang membuat bir, hampir pukul 6.00 petang mereka pun sampai kembali di Grassmere, melalui jalan dari arah yang lain setelah berjalan kira-kira 15 batu jauhnya.

Besoknya mereka melawat pula ke rumah penyair W. Wordsworth. Rumah itu telah dipelihara dengan baik. Segala barang kepunyaannya sejak kalam, dakwat, kertas-

kertas tulisannya, tempat tidur, pinggan mangkuk disimpan dengan rapi untuk pelawat-pelawat melihatnya.

Waktu mereka pergi mengelilingi daerah itu dengan bas mereka telah bertemu dengan suatu kemalangan di jalan raya. Sepasang suami isteri yang telah tua dalam sebuah kereta kecil telah berlanggar dengan sebuah bas. Di tempat itu tidak ada telefon. Mereka semua diturunkan di situ dan bas itu pun meneruskan perjalanannya ke kota yang letaknya kira-kira 10 batu untuk menelefon polis dan mendatangkan bas yang lain.

Pada malam penghabisan di Grassmere itu telah diadakan satu temasya tari-menari. Anak-anak gadis dari tempat-tempat yang berhampiran telah datang meramaikan temasya tersebut dan paderi-paderi pun ikut menari dengan gadis-gadis itu.

Seorang telah bertanya kepada Zainal Abidin. "Mengapa tuan tidak menari?"

"Badan tidak berapa sedap," jawabnya.

Besok pagi kesemuanya pun berpisahlah. Masing-masing pulang ke tempatnya. Zainal Abidin menaiki kereta api ke Manchester. Sebelum itu dia telah menulis surat kepada bapa salah seorang muridnya yang sekarang sudah berangkat ke Malaya mengatakan ia akan datang ke Stockport untuk mengunjunginya. Di sana ia bermalam satu malam. Kemudian ia meneruskan pula perjalanannya ke Isle of Man, menyeberangi selat dengan kapal kecil kira-kira tiga jam lamanya.

Di Isle of Man ada seorang kenalannya bernama Ela M. Stowell, dahulu pernah menjadi guru di *High School* Bukit Mertajam dan Ketua Pelajaran di Negeri Kedah. Tuan Stowell telah memesankan bilik untuknya di sebuah hotel, kerana di rumahnya hanya ada tiga buah bilik sahaja yang masing-masing telah ditempati olehnya, ibu dan abangnya yang baru pulang dari India kerana cuti. Dari pelabuhan kapal ia menaiki sebuah kereta api kecil menuju ke Ramsey yang letaknya kira-kira 6 batu dari pelabuhan itu. Dia menaiki teksi menuju ke hotelnya. Di hotel itu ada seorang Inggeris dari Malaya, Tuan Forst namanya. Dengan orang putih inilah dia berteman sementara Tuan Stowell datang menjemputnya. Petang itu datanglah Tuan Stowell dengan kereta Roll-

Roycena yang dibawa pulang dari Malaya. Abangnya juga ikut serta. Mereka bersiar-siar melihat orang di pulau itu, yang bahasanya sedikit berlainan daripada bahasa Inggeris. Di hotel itu juga ada menginap tiga orang perempuan, seorang daripadanya isteri seorang Mesir dengan seorang anaknya. Menurut keterangan perempuan itu, ia sudah berpisah dengan suaminya dan setiap bulan suaminya itu mengirimkan belanja untuknya.

Setelah tiga hari di Isle of Man itu ia pun pulang melalui Liverpool. Sementara menunggu kapal ke Dublin ia bersiar-siar di kota itu. Pukul 7.00 malam berangkatlah ia dengan kapal dan sampai di Dublin pada pukul 7.00 pagi. Sebelum berangkat dia telah menulis surat kepada seorang pemuda Cina tentang kedatangannya itu. Pemuda Cina itu telah menyediakan sebuah tempat untuknya di York House. Di Dublin ia telah melihat jambatan Sungai Liffey yang terkenal. Jambatan itu panjang dan lebih besar daripada sungainya. Di dalam Muzium Dublin dia melihat mayat seorang yang telah mati berpuasa selama 63 hari kerana menuntut kemerdekaan Ireland dari Inggeris. Orang itu kurus kering, kalau tidak kerana kulit maka tulangnya sudah berkecai. Ia seorang paderi. Seorang pemuda dari Kenya yang beragama Islam mazhab Syiah telah bertemu dengannya di hostel tempat ia menumpang. Pemuda ini telah membawanya melawat *Trinity College*, universiti yang termasyhur di Ireland. Bangunannya hanya sebuah sahaja tetapi besar dan panjang. Di situlah berkumpul semua fakulti. Pelajar lepasan daripada universiti ini sangat bangga dengan gelaran TCD yang dipakai pada hujung ijazahnya. Zainal Abidin juga telah melawat Rotanda Hospital, sebuah tempat belajar tentang ilmu-ilmu kedokteran yang berkenaan dengan anak-anak, perempuan dan ilmu-ilmu yang berhubungan dengannya.

Setelah tiga hari ia pun berangkat pulang dihantar sampai ke stesen kereta api oleh pemuda Kenya itu. Perjalanan pulang ini lebih cepat lagi. Pukul 7.00 malam ia menaiki kapal, pukul 12.00 malam sudah sampai di Hollyhead dan di sana telah ada kereta api yang akan berangkat ke London. Pukul 6.00 pagi ia pun sampai di London.

Cuti panjang *midsummer* tahun 1949 dimulai sejak bulan Julai sampai September. Dalam masa cuti ini Zainal Abidin

bermaksud akan melawat beberapa negara Eropah. Kerana ia akan berangkat sendirian sahaja maka ia pun mencari perhubungan dengan orang yang dapat membantunya di negara-negara yang akan dikunjunginya itu. Pada masa itu Des Alwi, anak angkat Sutan Sjahrir, bekas Perdana Menteri Indonesia sedang belajar di London bersama-sama dengan kakaknya Mimi Sjahrir. Des belajar dalam bahagian radio sedangkan Mimi belajar bahasa Inggeris.

Di London pada waktu itu belum ada perwakilan Indonesia, hanya sebuah Kantor Penerangan Indonesia sahaja yang diketuai oleh Dr. Subandrio, sebab Indonesia belum lagi diakui secara *de jure* oleh negara-negara besar. Perhubungan antara pelajar Indonesia dan Malaya sangat rapat dan mereka sering mengadakan pertemuan. Des Alwi dan kakaknya tinggal dengan Dr. Subandrio bersama-sama dengan seorang gadis Indonesia lagi.

Setiap kali cuti Des Alwi pergi ke negeri Belanda, kerana di sana masih banyak terdapat pemuda-pemuda Indonesia yang menuntut ilmu. Zainal Abidin pun menghubungi Des Alwi, dan membuat persediaan untuk perjalanan yang akan memakan masa kira-kira tiga bulan itu. Des Alwi berangkat lebih dulu, tetapi ia telah memberikan alamat hostel pelajar di Amsterdam kepada Zainal Abidin.

Sebelum berangkat Zainal Abidin telah menjumpai Mimi bertanyakan apakah ia akan ke negeri Belanda atau tidak. "Kalau mahu boleh pergi bersama-sama dengan bapa," katanya. Tetapi Mimi tidak pergi. Maka berangkatlah ia seorang diri.

Ia menaiki kapal dari Inggeris pada petang hari dan pagi besoknya sampailah ia di pelabuhan negeri Belanda. Dari pelabuhan itu ia menaiki kereta api ke Amsterdam.

Zainal Abidin bertanyakan kepada penumpang yang bersama-sama dengannya tentang letak tempat yang akan ditujunya dan bagaimana caranya dia boleh sampai ke tempat itu. Orang yang ditanyanya itu telah memberikan arahan kepadanya. Setelah sampai di stesen kereta api Amsterdam, ia pun menaiki bas. Ia memberitahukan kepada konduktor bas itu tempat tujuannya.

Des Alwi telah pergi ke Paris dan akan pulang kira-kira satu minggu lagi. "Tetapi nama tuan ada di sini," kata

pengurus hostel itu. "Tuan boleh tinggal di sini."

Hostel itu sangat murah dan banyak pelajar yang tinggal di situ. Setelah pelajar itu mengetahui akan kedatangannya maka banyakkah yang datang bertemu dengannya, antaranya Syed Hussein Alatas. Menurut keterangannya, ia berasal dari Johor Bahru dan berkeluarga dengan Datuk Onn Jaafar.

"Kenapa belajar di negeri Belanda?" Zainal Abidin bertanya.

"Saya ini orang dua negeri. Orang Malaya dan orang Indonesia. Bapa saya orang Indonesia, saya belajar bahasa Inggeris di Johor Bahru dan tinggal bersama-sama dengan bapa saudara saya Datuk Onn Jaafar. Setelah itu saya pergi ke Indonesia dan sekarang mendapat biasiswa Indonesia untuk belajar di sini."

Waktu itu Syed Hussein masih kurus dan belum berjanggut seperti sekarang ini kerana kebetulan Hari Raya Haji maka Zainal Abidin pun dibawa oleh Syed Hussein Alatas menghadiri satu pertemuan Hari Raya Haji yang diadakan oleh pelajar Indonesia. Des membawanya menaiki motobot bersiar-siar di laut dan memasuki parit-parit besar yang merupakan sebahagian daripada kota Amsterdam, bersama-sama mereka ada seorang dari Tanah Melayu, Raja Abdul Jalil namanya yang ikut dalam motobot itu. Zainal Abidin kemudian melawat Leiden pusat pengajian bahasa Timur yang masyhur, sedangkan Amsterdam terkenal dengan pengajian undang-undang dan antropologi.

Semasa di negeri Belanda itu Zainal Abidin teringat kepada Prof. J.G.W. Drewes yang pernah ditemuinya waktu ia melawat Betawi dalam tahun 1931 dahulu, ketika itu Drewes menjadi Ketua Balai Pustaka. Ia banyak membaca buku karangannya. Sekembalinya ke negeri Belanda ia mula-mula menjadi profesor bahasa Arab di Universiti Leiden. Waktu melawat ke universiti itu Zainal Abidin tidak dapat bertemu dengannya, maka ia pun menelefon ke rumahnya.

"Saya Zainal Abidin dari Malaya. Kita pernah berjumpa di Betawi kira-kira 17 tahun dulu," kata Zainal Abidin waktu memperkenalkan dirinya. "Saya ingin mahu datang ke rumah tuan, bersama-sama seorang teman Des Alwi namanya."

"Boleh."

Mereka pun membuat perjanjian akan bertemu pada

pukul 5.00 petang itu.

"Kita mahu bercakap dalam bahasa apa? Melayu, Inggeris atau Belanda?" tanya profesor itu setelah Zainal Abidin dan Des Alwi sampai di rumahnya.

"Saya cuma tahu bahasa Belanda sepatih dua patah sahaja," jawab Zainal Abidin.

"Orang Belanda tahu lima enam bahasa," kata profesor itu.

"Biarlah kita bercakap dalam bahasa Inggeris sahaja," jawab Zainal Abidin.

Pada masa itu Prof. Drewes sedang mengusahakan sebuah edisi *Kasidah Burdah* satu kumpulan buku-buku nyanyian memuji nabi. Semua kitab berzanji dikumpulkan dan dibuat terjemahan dalam bahasa Belanda. Beberapa buah antaranya telah diperolehi dari Inggeris, Berlin, Paris dan dua dari Leiden. Kitab-kitab yang isinya terdapat perselisihan antara satu naskhah dengan naskhah yang lain itu dibuat catatan dan anotasi dan diberi nama *Kasidah Burdah*. Di Leiden itu juga mereka bertemu dengan seorang Ambon Islam, Hassan Tan namanya. Ia belajar ilmu kedoktoran.

Kerana ia tidak tahu berapa lama akan tinggal di negeri Belanda, dan takut barangkali ia tidak jadi berangkat ke negeri-negeri lain maka ia tidak membeli tiket untuk ke Denmark. Pada sangkaannya, dia dengan mudah boleh membeli tiket dari negeri Belanda itu, tetapi pengurus pejabat perjalanan mengatakan kepadanya bahawa dia mesti ada visa lebih dahulu dan pasportnya mesti dicap oleh pejabat pasport barulah tiket itu boleh diberikan kepadanya.

"Di London tidak payah visa," jawab Zainal Abidin kepadanya.

"Dari London boleh tetapi dari negeri Belanda tidak boleh."

Ia pun terpaksa pergi ke Pejabat Pasport di Leiden. Di sana ia terpaksa tunggu berjam-jam lamanya sebab orang terlalu ramai.

"Tuan bukan orang Belanda," kata pegawai pejabat pasport itu setelah tiba gilirannya. "Tidak payah pakai visa."

Masa selama setengah hari telah habis dengan percuma sahaja. Tanggal 5 hari bulan Ogos pagi-pagi pukul 9.00 ia pun menaiki kereta api dari Amsterdam menuju ke Denmark.

Orang yang akan menaiki kereta api di Stesen Amsterdam itu terlalu ramai sekali dan di dalam orang banyak itu ada seorang pemuda yang berumur kira-kira 20 tahun, dihantar oleh ibu dan bapanya masuk sebilik dengan Zainal Abidin. Rupa pemuda itu seakan-akan orang Indonesia dan Zainal Abidin yakin benar bahawa dia bukan orang putih. Setelah ibu bapa pemuda itu pergi, maka pandang-memandanglah Zainal Abidin dengan pemuda itu, barangkali juga satu sama lain tertarik kerana melihat kulitnya yang serupa dan berlainan daripada orang banyak. Setelah pandang-memandang serupa itu, Zainal Abidin pun bangkit dan duduk di tempat yang kosong di sebelah pemuda itu.

"Tuan orang mana?" Zainal Abidin bertanya kepada pemuda itu dalam bahasa Inggeris.

"Saya orang Indonesia," jawabnya. "Bapa saya orang Belanda tetapi ibu saya orang Menado Kristian. Bapa saya dahulu bekerja sebagai pegawai polis Indonesia setelah bersara ia balik ke Belanda."

"Siapa nama tuan?"

"Nama saya Hagmann," jawabnya. "Dan tuan dari mana?"

"Saya dari Malaya."

"Kalau begitu sama sahajalah. Siapa nama tuan?"

"Zainal Abidin."

"Tuan mahu ke mana?" tanyanya lagi.

"Saya mahu ke Denmark."

Mereka berdua pun menjadi kawan. Zainal Abidin sangat berharap akan mendapat kawan dalam perjalanan itu. Waktu ke Sepanyol dahulu ada dua orang temannya, dan waktu di negeri Belanda pula Des Alwi menjadi temannya.

Mereka bercakap-cakap sampai kereta api itu berhenti di sebuah stesen di perbatasan negeri Jerman. Semua penumpang turun membawa barang-barangnya untuk diperiksa oleh kastam. Kira-kira satu jam lamanya pemeriksaan itu pun selesai dan kesemua penumpang naik kembali ke dalam kereta api.

Setelah makan malam, mereka berbual-bual lagi sampai pukul 11.00 lalu tidur hanya sambil duduk sahaja, sebab tidak mendapat tempat tidur.

Kira-kira pukul dua atau tiga waktu dinihari, Zainal

Abidin terbangun dari tidurnya. Dia terperanjat besar ketika melihat tidak seorang pun yang ada di dalam gerabaknya itu. Tadi ada kira-kira 60 orang yang bersama-sama dengannya. Sekarang dia tinggal seorang diri sahaja. Hai ke mana pergi orang ini? Akan ditanya tidak ada orang. Hagmann juga tidak ada. Tetapi dia ada mendengar bunyi seperti kereta api itu sedang berjalan dan Zainal Abidin yakin kereta api itu tidak bergerak. Akhirnya ia pun menjenguk keluar dari jendela. Dilihatnya, di sekelilingnya laut sahaja. Ketika itu barulah ia insaf, bahawa kereta api itu ada di atas sebuah feri, menyeberang dari satu pulau ke satu pulau, kerana Denmark terjadi daripada pulau-pulau yang banyak.

Zainal Abidin pun bangun dan berhampiran dengan pintu kereta api itu ada sebuah tangga ke atas. Rupa-rupanya semua penumpang kereta api itu telah naik ke atas dek feri itu untuk mengambil angin laut, sementara kereta api yang ditumpangi mereka dibawa menyeberang. Barulah Zainal Abidin tahu bahawa sudah tiga kali kereta api itu menyeberang dengan feri sejak ia tertidur tadi sampai ia terjaga sekarang ini. Tetapi ia tidak lama ikut duduk di atas dek itu, kerana tidak tertahankan sejuk, lalu ia pun turun kembali. Ada dua tiga batu di daratan lalu menyeberang lagi dengan feri.

Di sebelah tempat duduk Zainal Abidin itu ada dua orang suami isteri bangsa Denmark. Yang lelaki berjanggut. Dari tadi mereka tidak bercakap-cakap dalam bahasa Inggeris. Mereka mendengar Zainal Abidin dan Hagmann bercakap-cakap dalam bahasa Inggeris.

"Tuan sudah pernah datang ke Denmark ini?"

"Tidak. Inilah kali yang pertama."

"Saya juga belum pernah datang, tetapi ada kawan saya yang menunggu," jawab Hagmann.

"Sudah memesan hotel?" orang lelaki Denmark itu bertanya kepada Zainal Abidin.

"Belum."

"Kalau begitu susah sedikit. Sebaik-baiknya mestilah tuan urus dengan pejabat-pejabat pelancongan lebih dahulu. Barangkali kalau sampai di sana nanti tidak ada hotel atau orang tidak mahu memberi hotel. Kalau begitu baiklah saya tolong carikan," kata orang itu. Mereka itu dari Perancis,

dan si suami itu menjadi pengarang dari salah sebuah surat khabar. "Nanti setelah sampai di Copenhagen ikutlah saya. Akan saya bawa tuan ke rumah saya pun, rumah saya kecil sahaja."

Dalam bercakap-cakap itu mereka pun sampai di Copenhagen. Hagmann telah ikut kawan-kawannya dan mereka tidak bertemu lagi sesudah itu. Zainal Abidin berasa bernasib baik, ketika Hagmann meninggalkannya, ia mendapat kawan baharu pula, kalau tidak akan hanyutlah ia tidak tentu arah. Mula-mula tadi ia hanya bertawakal sahaja. Hanya yang menguntungkannya ialah di dalam 2 atau 3 orang Denmark itu ada yang tahu berbahasa Inggeris. Stesen Copenhagen itu kira-kira dua kali lebih besar daripada Stesen Kuala Lumpur. Dalam stesen itu lapang sekali.

Pengarang surat khabar itu mengajak Zainal Abidin makan pagi di kantin stesen itu. Di situ ada jual bermacam-macam makanan. Orang itu tidak membiarkan Zainal Abidin membayarnya, kerana dia dianggap sebagai tamu.

"Lebih baik tuan letakkan beg tuan di stesen ini dahulu," kata pengarang Denmark itu. Beg itu pun diletakkan di tempat menyimpan barang-barang dengan bayaran kira-kira 20 sen wang Malaya. Setelah itu mereka pun berjalan bersama-sama, mula-mula sekali ke pejabat pelancongan yang banyak terdapat di kota-kota besar.

Pegawai di pejabat perjalanan itu menyuruh datang lagi kira-kira satu jam kemudian. Maka Zainal Abidin pun dibawa berjalan melihat tempat-tempat yang dekat di situ. Mula-mula Tivoli. Tempat itu ditutup pada waktu siang.

Kemudian dia diajak oleh pengarang itu pergi ke rumahnya. Dalam rumah yang besar itu mereka hanya menyewa satu bilik sahaja.

Kerana sudah makan dan berjalan-jalan itu maka badannya pun terasa radang. "Bolehkah saya tumpang mandi di sini?" tanya Zainal Abidin kepada temannya itu.

"Orang di sini tidak mandi, hanya gosok-gosok badan sahaja. Kalau hendak mandi ada tempat khas yang mesti dibayar," kata kawannya itu.

Setelah satu jam ia bertamu itu maka ia pun meminta izin untuk balik ke pejabat pelancongan bertanyakan tentang hotelnya.

"Lebih baik telefon sahaja dari sini," kata temannya.

Zainal Abidin pun menelefon. Dia mendapat khabar ada sebuah bilik tidak jauh dari stesen kereta api itu. Lalu ia pun meminta izin dan mengucapkan terima kasih kepada pengarang itu suami isteri atas kebaikan hati mereka dan berangkat ke pejabat pelancongan. kepadanya diberikan alamat sebuah rumah yang letaknya tidak jauh dari situ. Di rumah itu ada sebuah bilik yang disewakan dengan bayaran satu setengah *kroner* satu hari. Bilik yang diberikan kepadanya itu pada penglihatannya baru sahaja ditempati orang, walaupun kain cadar dan sarung bantalnya baru diganti tetapi barang-barang lain banyak terdapat di dalam bilik itu. Pemiliknya seorang perempuan yang masih muda.

Setelah meletakkan barang-barangnya dan bersalin pakaian, ia pun bermaksud akan mandi. Ia sudah tidak tertahan lagi.

"Adakah tempat mandi di sini?" ia bertanya kepada pemilik rumah tumpangan itu, ia menyangka tentulah ada bilik mandi di dalam rumah itu.

"Di sini orang tidak mandi. Kalau ada tuala gosok-gosok sahaja badan tuan," katanya.

"Gosok-gosok sahaja tidak cukup," jawab Zainal Abidin. "Saya mesti mandi dengan betul-betul."

"Kalau mahu mandi yang serupa itu pergilah ke tempat mandi umum. Di situ tuan boleh mandi."

Zainal Abidin pun keluar dan berjalan mencari tempat mandi umum itu. Setelah bertemu ia pun masuk dan mandi dengan sepuas-puasnya di bawah pancuran air hujan.

Pulang ke tempat tumpangannya ia menulis surat kepada seorang teman yang telah diperkenalkan oleh Dr. Pearson kawannya di London. Isteri Dr. Pearson ini orang Denmark. Sebelum berangkat dahulu ia mengatakan kepada doktor itu bahawa ia bermaksud akan ke Denmark. "Kalau tuan pergi ke sana berjumpalah dengan abang ipar saya," katanya.

Setelah itu ia pun keluar berjalan-jalan. Malam itu ia pergi makan di kantin kereta api, kerana selain daripada di sana ada dijual bermacam-macam makanan, pun harganya juga jauh lebih murah daripada restoran-restoran. Lepas makan ia mengunjungi Tivoli. Berjalan-jalan melihat itu dan ini, tetapi ia tidak ambil bahagian dalam berbagai-bagai hiburan

yang ada di situ. Waktu akan pulang ia bertemu dengan seorang lelaki yang rupanya seperti orang Timur. Kulitnya hitam seperti kulit orang Melayu, setelah pandang-memandang satu sama lain, mereka pun angguk-mengangguk.

Zainal Abidin menegurnya dalam bahasa Inggeris.

Orang itu menerangkan bahawa ia orang Cina dari Indonesia, walaupun rupa Cinanya sudah tidak ketara lagi. Ia juga seorang diri di ibu kota negeri Denmark itu, dalam perjalanan ke Stockholm membawa sepasukan pemain bola.

Orang Cina itu bernama Tjoo Lian Teik, berasal dari Surabaya. Harta bendanya masih banyak lagi di Surabaya dan dia buat sementara tinggal di negeri Belanda kerana menguruskan perusahaannya. Kepada Zainal Abidin diberikannya alamatnya di Surabaya dan menyuruh ia singgah ke alamat tersebut sekiranya ia sampai di sana.

(Waktu mengunjungi Indonesia dalam tahun 1955, Zainal Abidin menelefon rumah temannya itu. Tetapi ia mendapat khabar daripada anaknya yang menyambut telefon itu, bahawa bapanya masih di negeri Belanda lagi dan belum balik sejak mereka berjumpa dahulu).

Dua hari kemudian ia pun menerima surat dari Tuan Walters, abang ipar Dr. Pearson yang mengatakan bahawa ia akan datang kira-kira pukul tiga petang itu dan menyuruhnya menunggu. Tepat pada waktu yang dijanjikan ia pun datang dengan motokarnya dan mengajak Zainal Abidin berjalan-jalan. Zainal Abidin meminta supaya temannya Tjoo Lian Teik itu juga dibawa bersama-sama. Maka bersiar-siarlah mereka itu bertiga ke merata-rata tempat yang patut dilawat, melihat istana raja, muzium dan lain-lain lagi. Kira-kira pukul 6.00 petang mereka pergi ke sebuah hotel besar yang terletak di tepi laut.

Setelah makan Tuan Walters itu pun berkata. "Dari sini tuan-tuan boleh pulang dengan kapal, walaupun saya boleh menghantar balik dengan motokar tetapi tuan-tuan akan dapat melihat pemandangan yang lebih menarik lagi kalau dengan kapal."

Mereka pun menurut nasihat kawannya itu, dan pulang ke Copenhagen dengan menumpang kapal.

Malam akhir di Copenhagen Zainal Abidin dengan kawannya orang Cina Surabaya itu berjalan sampai pukul 11.00

malam. Ketika akan berpisah ia memberitahukan kawannya itu bahawa ia akan berangkat ke Sweden pada pagi-pagi besoknya dan mereka harus tidak akan berjumpa lagi.

"Selamat jalan," kata orang Cina itu. "Kalau tuan datang ke Indonesia jangan lupa singgah di rumah saya di Surabaya."

Zainal Abidin mengucapkan terima kasihnya dan pulang ke hotel.

Waktu di London Zainal Abidin mempunyai seorang teman pemuda Turki yang sama-sama tinggal dalam sebuah hotel. Pemuda Turki itu, Arkhan namanya datang ke Inggeris untuk belajar bahasa Inggeris. Apabila ia telah menetapkan niatnya untuk melawat ke negeri-negeri Eropah dalam cutinya itu, maka ia pun menulis surat kepada Arkhan, menyatakan maksudnya akan melawat Stockholm. Bapa Arkhan berniaga di kota itu dan Arkhan membantunya. Waktu di Denmark ia menyurat lagi kepada temannya itu, minta tunggu di stesen kereta api.

Seperti kereta api dari negeri Belanda dahulu, maka kereta api ke Stockholm ini pun ramai pula orangnya. Kebanyakan penumpang berebut-rebutan mencari tempat duduk. Nasib Zainal Abidin baik, kerana dia telah mendapat tempat duduk lebih cepat daripada orang lain. Tetapi belum pun sempat dia duduk dengan selesa, dilihatnya ada seorang perempuan yang masih berdiri, dan orang lelaki lain yang sudah ada tempat duduk tidak ada yang mahu memberikan tempatnya kepada perempuan itu. Zainal Abidin pun bangun dan mempersilakan perempuan itu duduk.

"Tuan mahu ke mana?" tanya perempuan itu setelah ia mengucapkan terima kasih kepada Zainal Abidin.

"Saya mahu ke Stockholm," jawab Zainal Abidin.

"Saya juga mahu ke sana," kata perempuan itu.

Orang lelaki yang duduk di sebelah perempuan itu mendengar percakapan mereka. Ia lalu bangun dan berkata kepada Zainal Abidin. "Saya mahu pergi dekat sahaja, ambillah tempat saya."

Zainal Abidin pun mengucapkan terima kasih kepadanya dan lebih lagi terima kasihnya, kerana tempat itu berhampiran dengan jendela.

Kira-kira setengah jam kemudian seorang yang duduk di hadapan Zainal Abidin pula bangun dan kawan yang

memberikan tempat kepada Zainal Abidin itu pula duduk.

Perempuan yang duduk di sebelah Zainal Abidin itu seorang Belanda yang pandai bercakap Inggeris, ia bekerja sebagai apotekar dan sekarang dalam cuti musim panas, ia mahu pergi melihat matahari terbit waktu malam.

Kira-kira pukul 6.00 petang mereka pun sampai di Stockholm. Kawan-kawan Zainal Abidin dalam kereta api itu pun berpisah kerana temannya masing-masing telah menunggu di stesen itu. Arkhan kawan Zainal Abidin juga ada menunggu dengan keretanya.

"Di mana hotel tuan?" tanya Arkhan.

"Tidak ada." Jawab Zainal. "Bolehkah tuan tolong cari sebuah hotel yang murah?"

"Sekarang sudah hampir malam," jawab Arkhan. "Sudah sukar mahu mencari hotel. Kalau siang hari barangkali juga mudah."

Mereka telah mencari hotel di mana-mana sahaja, tetapi semuanya sudah penuh. Pada waktu itu barulah Zainal Abidin insaf akan kesilapan yang besar waktu berjalan di Eropah. Sebelum membuat perjalanan dia seharusnya mesti lebih dahulu menempah hotel melalui pejabat-pejabat pelancongan.

Sampai pukul 8.00 malam mereka berputar-putar mencari hotel tanpa ada hasilnya. Zainal Abidin pun berkata kepada Arkhan, "Bagaimana kalau saya menumpang di rumah tuan untuk malam ini sahaja?"

"Tidak dapat. Tempat saya terlalu kecil. Kami menyewa di atas loteng, di situlah ibu dan bapa serta adik-adik saya dan saya tinggal," jawab Arkhan. "Sekarang pada fikiran saya lebih baik kita pergi ke pejabat pelancongan."

Waktu mereka sampai pejabat itu sudah mahu ditutup, kerana sudah pukul 9.00 lewat. Mula-mula pegawai di pejabat itu menolak kerana tidak mungkin lagi mendapat hotel pada waktu itu, tetapi setelah mereka merayu kepadanya dengan bersungguh-sungguh benar, maka ia pun cuba menelefon ke beberapa hotel. Akhirnya dia mendapat sebuah hotel di luar bandar, kira-kira setengah jam perjalanan dari kota. Sewanya 12 *kroner*.

Mereka pun pergi ke sana.

"Besok tuan pergi ke rumah saya," kata Arkhan ketika

akan berpisah. "Saya akan memperkenalkan tuan dengan bapa saya."

Makanan di hotel itu telah habis. Tetapi mereka dapat menyediakan makanan yang istimewa dengan bayaran yang istimewa pula. Sedang Zainal Abidin makan, ia melihat ada seorang lelaki memerhatikannya, dan orang itu datang menghampirinya, setelah selesai makan.

"Tuan datang dari mana?" tanyanya.

"Saya datang dari London, tetapi sudah beberapa minggu di dalam perjalanan."

"Saya pengarang *Reader's Digest* dalam bahasa Norway. Apakah ada maksud tuan ke Norway?" orang itu memperkenalkan dirinya.

"Ada juga, tetapi setelah saya balik dari Helsinki nanti baru saya akan singgah."

Zainal Abidin menceritakan kepada orang itu tentang kesusahan mencari hotel. Orang itu menasihatinya supaya lain kali menempah hotel lebih dahulu sebelum membuat perjalanan. "Sekiranya tuan mahu ke Norway," kata pengarang itu, "beritahulah kepada saya lebih dahulu supaya saya boleh memesan hotel yang murah untuk tuan."

Walaupun negeri-negeri di bahagian utara itu sedang mengalami musim panas, tetapi udara sejuk masih terasa juga. Zainal Abidin dengan kebiasaannya tidak dapat meninggalkan mandi. Maka ia pun meminta hendak mandi dan kerana itu ia mesti membayar tiga *kroner* - di Denmark dipanggil *kroner* dan wang itu dapat digunakan dalam semua negara-negara Scandinavia.

Pagi-pagi esoknya setelah berpesan kepada orang hotel itu tentang kawannya Arkhan, maka ia pun turun ke kota dengan menumpangi bas dan pergi ke pejabat pelancongan.

"Tolong carikan tempat untuk saya yang murah, kira-kira satu atau satu setengah *kroner* sewanya. Tidur sahaja," ia meminta kepada pegawai pejabat itu.

"Kalau lekas tidak boleh dapat, tetapi kalau tuan mahu tunggu sampai pukul 10.00 dapat kami carikan," jawab orang itu.

Zainal Abidin pun berjalan sendirian ke sana ke mari. Arkhan tidak dapat datang kerana ia banyak kerja. Pukul 10.00 ia kembali ke tempat pejabat pelancongan itu, tetapi

tempat masih belum diperoleh. Pegawai itu memberi kepadanya beberapa buah alamat. Ia pun pergi ke alamat-alamat tersebut, pada suatu tempat setelah ia menaiki lif pada sebuah bangunan, dia mendapati tempat itu kosong sahaja, setelah ditunggu sampai setengah jam tidak seorang pun yang keluar maka ia pun pergi pula kepada alamat yang lain. Pukul 3.00 petang ia kembali lagi ke pejabat pelancongan itu. Pegawai itu memberitahunya bahawa ada sebuah rumah yang mahu menyewakan biliknya. Rumah itu kepunyaan seorang perempuan tua, kalau mahu boleh pergi melihatnya lebih dahulu. Zainal Abidin pun pergi ke tempat itu dengan menumpang teksi. Perempuan yang punya rumah itu berumur kira-kira 50 tahun lebih, tidak tahu berbahasa Inggeris, dia cuma main tunjuk-tunjuk sahaja. Bilik yang akan disewakannya itu sangat sempit, tempat duduk tidak ada, kerusinya cuma sebuah, sewanya satu malam satu setengah *kroner*.

Pukul 5.00 petang Arkhan, pemuda Turki itu pun datang dengan keretanya, Zainal Abidin pun pindah ke rumah perempuan tua itu. Arkhan yang pandai berbahasa Swedish itu menjadi jurubahasa memperkenalkan Zainal Abidin sebagai kawannya. Tidak lama kemudian ia pun pulang ke rumahnya.

Malam itu Zainal Abidin bertanya kepada perempuan itu tentang tempat makan. Tetapi lain yang ditanya lain pula yang dijawabnya. Akhirnya ia mengangakan mulutnya dan menunjuk-nunjukkan dengan jarinya, maka perempuan itu pun mengangguk-anggukkan kepalanya. Ia menunjuk ke salah satu tempat kira-kira setengah batu dari rumahnya itu. Zainal Abidin pun keluar dan bertanya kian ke mari. Kebanyakan orang Sweden tidak tahu bahasa Inggeris maka agak sukar juga ia mencari tempat tujuannya, akhirnya bertemulah ia dengan orang yang tahu bahasa Inggeris sedikit-sedikit dan dapatlah ia mencari sebuah restoran besar. Orang yang sedang makan di dalam restoran itu semuanya orang Eropah belaka dan tidak seorang pun orang Asia. Setelah makan hari pun sudah mulai gelap, ia pun lalu berjalan pulang ke rumah tumpangnya mengikut jalan yang ditempuh tadinya.

Di rumah tumpangan itu tidak ada tempat mandi. Cuma

di sana ada sebuah besen kecil tempat mencuci muka. Ia pun membasahkan kain dan baju-baju yang agak kotor lalu dilapkan ke badannya. Air-air yang jatuh dari kain itu berselerak di atas lantai. Jadi satu kerja pula kepadanya sesudah itu untuk mengeringkan lantai itu. Malam itu ia tidak ke mana-mana.

Pagi berikutnya ia menelefon Arkhan. Arkhan memberikan arahan kepadanya bagaimana dia boleh sampai ke kedainya. Kota Stockholm itu amat besar, maka dengan arahan itu dapatlah dia mencari kedai temannya itu. Mereka berniaga permaidani dan baju-baju dari kain bulu. Arkhan memberitahukan kepadanya bahawa besok tengah hari ia diundang makan tengah hari di rumahnya.

Pada petang itu setelah menutup kedainya, Arkhan pun datang membawa Zainal Abidin bersiar-siar melihat kota. Tetapi pada pagi berikutnya ia terpaksa berjalan sendirian lagi, maka pergilah ia mengunjungi tempat-tempat yang patut dilihat, menaiki motobot dan menara dan hampir pukul 12.00 barulah ia kembali ke rumah tumpangnya menunggu Arkhan datang menjemputnya.

Arkhan telah membawa ia ke rumahnya, bertemu dengan ibu dan bapanya serta dua orang adik perempuannya. Bapanya itu masih muda dan tahu pula berbahasa Inggeris. Zainal Abidin dijamu makan menurut cara Eropah.

Waktu Zainal Abidin bercerita bahawa ia akan ke Helsinki, bapa Arkhan berkata, "Di sana banyak orang Turki. Tetapi mereka itu Turki dari Rusia yang berhijrah ke Finland. Mereka dari *Central Russia* dan bahasanya juga agak berlainan sedikit. Mereka ada masjid sebab mereka ramai di sana."

Lalu diberinya alamat imam Masjid Turki di Finland itu serta alamat beberapa orang guru sekolah.

Bapa Arkhan bercerita kepada Zainal Abidin tentang kelebihan bangsanya sekarang ini sejak Mustafa Kamal Atatürk membangunkan Gerakan Turki Muda.

"Dahulu orang Turki menjadi mangsa orang Inggeris, Jerman dan Perancis. Tetapi sekarang orang Turkilah bangsa Eropah yang berani mengatakan tidak kepada orang Inggeris."

Sebelum berangkat dari London dahulu, ada seorang Eropah yang menjadi pensyarah bahasa Cina telah meminta

Zainal Abidin membelikan sebuah buku dalam bahasa Sweden tentang bahasa Cina yang dikarangkan oleh seorang Sweden yang menjadi profesor bahasa Cina. Buku itu tidak dapat diperoleh di London. Zainal Abidin meminta Arkhan membawanya ke kedai buku dan dia meminta supaya buku itu dikirimkan kepada temannya di London itu.

Dalam rancangannya ke Finland itu telah timbul satu kesulitan, wangnya sudah tidak cukup. Wang yang dibawanya dahulu hanya £50 sahaja, cukup untuk perjalanan di Negeri Belanda, Sweden, Norway dan Denmark. Perjalanan ke Finland itu hanya timbul waktu ia sudah meninggalkan London sahaja.

Tetapi dalam seluar dalamnya ada wang *pound* Inggeris sebanyak £4 yang sengaja disembunyikan untuk keperluan-keperluan yang mendesak.

Zainal Abidin kemudian pergi ke pejabat pelancongan dan menceritakan tentang maksudnya akan ke Helsinki itu.

"Saya tidak ada wang Finland," katanya. "Jadi apa ikhtiar saya boleh mendapatnya?"

"Tuan boleh menukar *Traveller's Cheque* tuan di sini kemudian tuan beli wang Finland," kata pegawai pejabat pelancongan itu.

"Kalau wang *pound* Inggeris bagaimana?"

"Tuan ada *pound*? Kami boleh menerima *pound*," jawab orang itu. Zainal Abidin pun menukar £2 dan mendapat 2400 *mark* wang Finland. Setelah itu dia pun meminta pejabat pelancongan itu mengurus tempat penginapannya di Helsinki.

Pagi-pagi berikutnya kira-kira pukul 11.00 ia pun menaiki kapal di Stockholm dan di dalam kapal itu dengan mudah pula ia mendapat tiga orang kawan. Seorang lelaki dari Paris yang berumur kira-kira 35 tahun, seorang lelaki Sweden yang berumur kira-kira 30 tahun dan seorang perempuan Perancis yang berumur kira-kira 40 tahun, yang bekerja sebagai guru di negeri Jerman. Mereka bertiga itu telah menjadi kawan sebelum berkenalan dengan Zainal Abidin dan kesemuanya pandai berbahasa Inggeris.

Persahabatan mereka berempat sangat ikrab sekali. Pada waktu malam mereka tidur bersama-sama di atas dek. Tempat mereka tidur itu pada waktu siang ialah tempat orang

minum-minum. Setelah malam kerusi dan meja di tempat itu telah dipindahkan ke tepi dan dijadikan tempat tidur. Lampu dipasang terus-menerus. Maka bergelimpanganlah mereka itu dengan berbagai-bagai caranya. Orang yang sejuk memasukkan dirinya dalam karung bulu. Ketika terjaga waktu tengah malam Zainal Abidin mendengar berbagai-bagai bunyi yang keluar dari orang yang sedang tidur itu.

Ketiga-tiga orang teman Zainal Abidin itu tidak banyak membawa barang. Mereka membawa seperlunya sahaja, tetapi Zainal Abidin membawa sebuah beg besar. Sehingga ketika sampai di Helsinki ketiga-tiga orang temannya itu ikut menolong membawanya berganti-ganti. Dari kapal mereka itu berjalan kaki untuk menjimatkan belanja. Kawannya yang bertiga itu tidak menempah hotel lebih dahulu, tetapi mereka mengikut juga Zainal Abidin ke pejabat YMCA, kerana di hostel itulah pejabat pelancongan di Stockholm menyediakan tempat untuknya. Dari pejabat itu mereka diarahkan ke hostel yang terletak di sebuah jalan lain. Maka kawan-kawannya yang bertiga itu pun menolong membawa begnya berganti-ganti.

"Saya Zainal Abidin dari Stockholm, adakah tempat untuk saya?" tanya Zainal Abidin kepada pengurus hostel YMCA itu.

"Tempat untuk tuan telah kami sediakan," jawab orang itu.

"Bagaimana pula dengan kawan saya bertiga ini. Tidak adakah tempat untuk mereka?"

"Tidak ada kerana mereka tidak memesannya, tetapi tempat kosong ada," jawab orang itu.

Kawan-kawannya yang bertiga itu meminta kepada pengurus hostel itu supaya memberikan tempat kosong yang dikatakannya itu kepada mereka. Maka mereka berempat pun dapatlah tempat penginapan yang sama.

Waktu dalam kapal ke Helsinki itu Zainal Abidin telah berkenalan dengan dua orang. Seorang lelaki yang berjanggal bersama-sama dengan seorang perempuan. Kerana ia tersenyum melihat Zainal Abidin maka mereka pun lalu berkenalan. Orang itu memperkenalkan dirinya dengan nama Somersalov, seorang pelukis dan dalam perjalanan pulang ke Helsinki dari Itali.

"Sudah pernahkah tuan datang ke Helsinki?" tanya pelukis itu.

"Belum," jawab Zainal Abidin.

Apabila mereka itu mendengar namanya dan negeri asalnya, mereka pun tertarik. Somersalov menceritakan tentang abangnya yang bekerja sebagai doktor dan tentang bapanya. Dia mahu memperkenalkan Zainal Abidin dengan bapanya yang sudah tentu akan gembira mendengar cerita-cerita dari negeri timur.

"Kalau tuan susah soal wang," kata Somersalov, "dan tuan ada *pound* datanglah kepada saya," Ia memberikan alamat dan nombor telefonnya.

Pukul 1.00 mereka berempat pun keluar mencari tempat makan. Setelah makan, jumlah bayaran yang mesti mereka keluarkan untuk empat orang ialah 1200 *mark*. Zainal Abidin menghitung-hitung di dalam hatinya. Ini bererti 300 *mark* seorang sekali makan. Kalau tiga hari sudah berapa dan sudah pasti wangnya tidak cukup.

Sampai semula ke biliknya ia pun menelefon Somersalov, meminta ia datang ke biliknya. Tidak lama kemudian kawan itu pun datang dan Zainal Abidin pun bercakap tentang wangnya.

"Tuan ada *pound* Inggeris?"

"Ada. Berapa cukup kira-kira tiga hari?"

"Tuan tukar lagi satu *pound*."

Dia menukar wangnya sebanyak £1 lagi dan mendapat 1000 *mark*. Dua ratus lebih murah dari di Stockholm.

Somersalov telah membawanya ke tempat orang Turki menurut alamat yang diberikan oleh bapa Arkhan. Pada hari Jumaat ia pergi sembahyang di masjid orang Turki itu, setelah lebih dahulu mengambil air sembahyang di sebuah kedai di sebelahnya. Sesudah sembahyang ia diminta untuk bersyarah tentang negerinya dan diterjemahkan oleh seorang Turki yang bernama Ali yang tahu bahasa Inggeris.

Somersalov telah berjanji akan datang menjemputnya setelah selesai sembahyang Jumaat nanti, tetapi setelah ditunggu-tunggunya beberapa lama, maka yang datang hanyalah seorang doktor perempuan untuk mengambilnya atas suruhan Doktor Somersalov. Ia dipanggil makan oleh abang Somersalov. Setelah makan ia dibawa berjalan melihat

rumah sakit kanak-kanak dan kemudian pergi mandi ke suatu tempat mandi serupa *Turkish Bath*. Di Finland dikenal dengan nama *savana*. Dr. Somersalov dan seorang kawannya lelaki, doktor juga, yang ikut bersama-sama telah bertelanjang bogel masuk ke dalam sebuah bilik, Zainal Abidin masih terasa segan, ia masih mengikat kain basah pada pinggangnya.

"Buat apa tuan bawa kain itu?" tanya Dr. Somersalov. "Buangkan kain itu dan buat macam kami ini. Kalau tidak bagaimana mahu berpeluh?"

Mahu tidak mahu Zainal Abidin pun ikut seperti mereka itu. Bertiga mereka berbogel dalam sebuah bilik.

Setengah jam kemudian terasalah panasnya, dan mereka diberi kipas dengan sejenis daun *birch*. Waktu diberikan daun itu masih segar, tetapi sejeurus kemudian daun itu terus kecut dan layu.

Setelah itu mereka mandi pula dengan air sejuk. Doktor Somersalov menerangkan kepada Zainal Abidin bahawa orang-orang Finland, seminggu sekali mesti mandi *savana* ini, biar betapa pun miskinnya seseorang itu tetapi di rumahnya ada tempat mandi serupa ini.

Zainal Abidin merasa ganjil melihat perhubungan antara Dr. Somersalov itu dengan adiknya pelukis itu. Kalau dia dibawa oleh doktor itu adiknya tidak kelihatan tetapi apabila lepas daripada doktor itu ia dibawa oleh adiknya pula.

Kemudian bapa Dr. Somersalov pula menjemput Zainal Abidin makan di rumahnya. Bapanya itu pandai berbahasa Inggeris. Kebanyakan orang-orang Finland pandai beberapa bahasa selain daripada bahasa ibunya. Hampir pukul 10.00 malam barulah ia dihantar pulang. Kalau begini wangnya tentu cukup, fikir Zainal Abidin. Sebab ia selalu sahaja dibawa makan.

Kawan-kawannya merasa hairan melihat orang-orang yang datang menjemput dan menghantar Zainal Abidin itu.

"Di mana kau kenal?" tanya seorang.

"Di dalam kapal," jawab Zainal Abidin.

"Kalau begitu bagus sekali."

Malamnya Dr. Somersalov pula membawanya makan di sebuah restoran bersama-sama dengan doktor perempuan dan doktor lelaki yang sama-sama mandi *savana* dahulu.

Doktor lelaki itu membawa isterinya bersama-sama. Mereka semua pandai berbahasa Inggeris. Malam itu mereka makan udang sahaja.

Tengah hari besoknya Dr. Somersalov membawa dia makan lagi.

Setelah tiga hari ia pun mengatakan kepada doktor itu dan keluarganya bahawa ia akan pulang dengan kapal pagi-pagi hari berikutnya. Mereka memesan kepadanya kalau dia datang lagi ke Finland supaya jangan lupa datang menjumpainya.

Kawannya yang bertiga itu sudah berpisah. Pemuda Perancis itu kerana ia belajar ilmu kehutanan, ia telah pergi untuk melihat hutan-hutan pokok *pine* yang banyak di Finland, setelah dua hari tinggal di hotel itu. Pemuda Sweden itu pun telah pulang ke negerinya.

Cuma yang tinggal hanyalah perempuan Perancis yang menjadi guru di Jerman itu sahaja. Ia bermaksud akan pergi ke utara untuk melihat matahari terbit waktu tengah malam.

Pemandangan yang serupa itu juga ada di Sweden tetapi dia mahu pergi melihatnya di bahagian utara Finland pula, kerana perjalanan ke tempat itu melalui tempat-tempat yang sangat indah pemandangannya, tasik-tasik dan gunung-ganang yang menarik hati.

Perempuan itu yang bernama M.A. Arnould mengajak Zainal Abidin pergi bersama-sama, kerana ia tidak punya kawan. Zainal Abidin berfikir di dalam hatinya.

Dia tidak dapat pergi kerana dua alasan yang besar. Pertama wangnya tidak ada; kedua, dia seorang lelaki dan yang mengajaknya itu seorang perempuan. Bagi orang Eropah hal itu tidak menjadi hal, tetapi aku orang Timur, kalaulah terlintas hasutan syaitan maka akan terjadilah sesuatu hal yang tidak diingini. Perempuan itu tidak cantik, tetapi biar bagaimanapun ia orang perempuan.

Dia yakin kalau soal wang itu dikatakan kepada perempuan itu mungkin dia akan membantunya, tetapi soal kedua itulah yang paling berat baginya. Dia mencari jalan mengelaknya dan akhirnya ia pun pulang juga. Perempuan itu kemudian meneruskan perjalanannya sendirian ke utara.

Malam itu di atas kapal ia tidak mempunyai kawan lagi.

Lampu di atas dek padam, bulan terang-benderang tetapi ada awan. Orang-orang yang menumpang di dalam kapal itu tidak ada yang mahu berkenalan. Maka pergilah ia ke tepi kapal itu berdiri di tepi terali memandang air laut.

Pukul 11.00 pagi sampailah mereka di Stockholm. Dia terperanjat besar ketika di tempat pemeriksaan pasport ia diberitahukan tidak boleh masuk ke Sweden, kerana dia sudah keluar.

Tetapi kerani pasport itu kemudian mengatakan kepadanya jangan susah. Dia menolong mengurusnya di Pejabat Pasport dan dibenarkan tinggal selama 24 jam lagi. Malam itu dia menginap di sebuah rumah '*pension*' yang terletak berhampiran dengan stesen kereta api. Dia kemudian pergi ke tempat Arkhan, dan menceritakan pengalamannya di Helsinki.

Zainal Abidin menceritakan kepada Arkhan bahawa ia telah berjumpa dengan semua orang Turki yang ada di Helsinki dan juga tentang mandi *savananya*.

"Di Turki juga ada mandi serupa itu," kata Arkhan. "Cuma tidak pakai kipas daun dan tidak bertelanjang." Kemudian Arkhan mengatakan kepada Zainal Abidin bahawa tidak lama lagi dia akan pulang ke Turki memasuki tentera kerana telah cukup umurnya sebagai seorang pemuda.

Setelah bertanyakan tentang perjalanan kereta api ke Norway, maka berjalanlah ia sendiri melihat tempat yang belum dilihatnya. Ia telah melihat tiga buah muzium yang besar, muzium peperangan, muzium barang-barang lama dan muzium barang-barang galian (geologi), kemudian melihat-lihat kota dengan menaiki kereta api dan bas dari hujung ke hujung, kira-kira sepuluh buah bas yang dinaiki semuanya. Tidak jauh dari gedung Parlimen ada sebuah bangunan yang di atasnya ada sebuah menara yang tinggi, menara itu juga dinaikinya.

Kereta api berangkat ke Oslo pukul 8.30 pagi. Kereta api itu tidaklah secantik kereta api di negeri-negeri lain yang pernah ditumpanginya, bunyinya bising. Kira-kira pukul 3.00 sampailah di Oslo, ibu negeri Norway. Sebelum berangkat dahulu ia telah diberitahukan oleh pengarang *Reader's Digest* yang diketemuinya di Stockholm dahulu tentang hotel yang dipesankan untuknya. Hotel itu terletak tidak jauh dari

stesen kereta api dan murah pula bayarannya. Setelah sampai ke biliknya, ia sangat berhajat hendak mandi. Dia tidak tahu apakah di kota itu ada tempat mandi umum seperti di Sweden, kerana ia lupa menanyakan kepada temannya. Tetapi ia sudah belajar untuk mandi dengan mengelapkan badannya sahaja. Maka dengan pengalamannya yang telah diperoleh di Stockholm itu, ia pun mulai mengelap badannya dan kerana sudah ada pengalaman tidaklah lagi ada air yang jatuh di atas lantai. Setelah selesai mandi cara Eropah itu ia pun menelefon kepada pengarang itu, menyatakan ia telah sampai di ibu negerinya. Pengarang itu menyuruh ia datang ke pejabatnya dan ia memberikan arah yang dilalui olehnya.

Pengarang itu telah memperlihatkan kepadanya surat-surat khabar terjemahan daripada *Reader's Digest* dan kemudian ia memberitahukan Zainal Abidin tentang tempat-tempat yang mesti dikunjungi olehnya selama ia berada di Oslo.

Besoknya ia pun pergi menaiki kereta api bukit, yang melalui terowongan dan kira-kira ½ jam perjalanan sampailah ke puncaknya. Di atas puncak bukit itu ada restoran dan hotel. Turun dari kereta api itu Zainal Abidin pun berjalan menuju ke restoran tersebut, ia tidak mempunyai teman. Dalam masa berjalan itu ia melihat seorang lelaki memandang kepadanya, ia mengangguk dan setelah balas-membalas senyum, orang itu pun menegurnya.

"Tuan tahu bercakap Inggeris?" tanya Zainal Abidin.

"Saya tahu," jawab orang itu.

Mereka pun lalu saling kenal memperkenalkan dirinya masing-masing. Zainal Abidin menerangkan bahawa ia datang dari London, tetapi negeri asalnya ialah Malaya.

"Saya pernah bekerja di Burma," jawab orang itu pula. "Saya sangka tadi tuan seorang Burma, sebab itulah saya bercakap dalam bahasa itu." Ia datang ke Oslo kerana menghabiskan cutinya.

Mereka berdua lalu pergi ke restoran itu bersama-sama. Di restoran itu terlalu banyak orang, kerusi dan meja diletakkan di tempat terbuka. Setelah minum, orang itu meminta mahu membayarnya, tetapi Zainal Abidin tidak mengizinkannya.

"Nanti kalau saya ke England, saya akan mencari tuan," kata orang itu ketika mereka akan berpisah.

Malam itu Zainal Abidin makan di hotelnya. Dia tidak begitu suka dengan makanan itu kerana tidak bergaram dan garamnya mesti ditaruh kemudian. Makanannya ditinggalkan sahaja.

Pagi-pagi besoknya ketika ia akan minum kopi di hotel itu lagi, pelayannya sedikit pun tidak mengendahkannya, malah pandang pun tidak. Ia memanggil beberapa kali, tetapi pelayan itu acuh tidak acuh sahaja. Maka ia pun keluar dan pergi minum di tempat lain.

Tengah harinya ia dijamu makan oleh pengarang temannya di sebuah hotel yang besar. Setelah makan ia pun pergi menyeberang ke suatu tempat untuk melihat sebuah kawasan rumah orang-orang asli yang dijaga dengan baik.

Waktu dia sedang minum teh pada sebuah restoran terbuka, dia melihat ada beberapa orang perempuan datang bercakap-cakap dalam bahasa Inggeris, begitu besar keinginannya untuk bercakap dengan bahasa yang ia faham maka ia pun pergi ke tempat perempuan-perempuan itu duduk.

"Maafkan saya. Puan-puan ini datang dari London?"

"Ya," jawab salah seorangnya. "Tuan datang dari mana?"

"Saya dari London juga, tetapi negeri asal saya Malaya."

"Ya, kami juga melihat tuan bukan orang dari Inggeris."

Dia kembali dengan menaiki bas dan pada petang itu ia berfikir di mana ia akan makan malam. Mahu makan di hotel tidak lalu, di restoran terlalu mahal. Akhirnya dia mencari tempat duduk di hotel itu. Dia memberitahu pelayannya dia mahu makan, tetapi pelayan itu sedikit pun tidak mengacuhkannya. Dia hairan memikirkannya, dia pernah memberikan tip, mengapa pula pelayan itu tidak menghiraukannya. Di Denmark dahulu sebelum masuk restoran, pelayannya lebih dahulu mengatakan di tempat itu kena diberikan tip sebanyak 15 peratus daripada harga yang dibayar. Di Sweden tidak ada.

Akhirnya Zainal Abidin pun keluar dan pergi ke sebuah restoran tempat ia makan bersama-sama pengarang temannya dahulu. Perutnya sudah lapar, dia pun memesan makanan dan daging ayam yang diletakkan di depannya itu pun dimakannya dengan lahap tanpa mengira disembelih atau tidak.

Waktu makan itu ia melihat ada *sausage*. "Ada babi?" tanyanya.

Demi didengarnya tidak ada babi, maka ia pun makan dan sedap pula rasanya.

Sedang ia makan itu ia melihat ada seorang sedang memerhatikannya. Orang itu datang mendekatinya apabila sahaja ia selesai makan.

"Sendirian?" tanyanya.

"Ya, sendirian," jawab Zainal Abidin.

"Mahukah tuan berjalan-jalan melihat kota?"

"Ya, kalau tuan sudi berjalan bersama-sama," jawab Zainal Abidin.

Setelah berjalan sejauh lamanya, orang itu pun berkata, "Sekarang kita sudah berkenalan. Marilah kita mencari teman wanita."

"Saya tidak ada wang," jawab Zainal Abidin.

"Itu tidak usah tuan khuatir. Tuan tunggu di sini dan saya pergi cari wang," katanya dan meninggalkannya pada sebuah taman.

Di dalam taman itu banyak orang duduk-duduk. Maka Zainal Abidin pun menunggu di situ, sambil memikirkan betapa caranya teman yang baru dikenalnya itu mahu mencari wang. Setelah setengah jam berlalu ia pun bermaksud akan pulang sahaja, kerana disangkanya temannya itu tidak akan datang lagi. Sedang dia berura-ura hendak pulang itu, tiba-tiba datang dua orang perempuan.

"Hello!" kata salah seorang antaranya.

"Hello!" sahut Zainal Abidin.

Kedua-dua perempuan itu lalu duduk di kiri kanannya. Tempat itu tidak berapa gelap, tetapi ia tidak dapat melihat muka kedua-dua wanita itu. Dia tidak tahu bagaimanakah wajah mereka yang sebenarnya, bopeng atau berkerut-kerut.

"Apa tuan buat di sini?" bertanya salah seorang daripadanya dalam bahasa Inggeris telur Norway.

Zainal Abidin yakin bahawa perempuan-perempuan itu telah disuruh oleh orang yang baru meninggalkannya tadi. Pada waktu itu terfikir olehnya, kalau aku usik perempuan ini tidak dapat tidak aku akan dibawa ke salah satu tempat dan sampai di sana mereka akan melakukan sesuatu ke atas diriku atau paling tidak aku akan dirompaknya.

"Tidak ada apa-apa," jawabnya dengan tidak menunjukkan tanda-tanda bahawa ia menaruh perhatian kepada salah seorangnya.

"Puan ini tinggal di mana dan kerja apa?" Zainal Abidin bertanya.

"Saya tinggal di sana dan bekerja sebagai jurutaip."

Setelah mereka itu lama menunggu dan tidak ada sesuatu gerakan pertama daripadanya yang memberi tanda bahawa ia ada menaruh perhatian kepada mereka, maka mereka pun pergi.

Pagi-pagi berikutnya setelah minum ia pun pergi ke Pejabat Pos mengirim surat ke London dan ke Holland memberitahukan hari ia akan kembali. Waktu akan keluar dari Pejabat Pos itu, seorang pemuda menegurnya.

"Hello! Tuan sahabat?"

"Sahabat," jawab Zainal Abidin dan mereka pun bersalaman. Dia tahu pemuda itu menegurnya kerana melihat ia memakai lencana *International Friendship League* di dadanya. Sejak dalam perjalanan itulah baru pertama kali ia ditegur secara itu walaupun lencana tersebut telah dipakainya di mana-mana sahaja.

"Tuan dari mana?" tanya pemuda itu.

"Saya dari London berjalan-jalan," jawab Zainal Abidin.

"Marilah kita berjalan-jalan," kata pemuda itu lagi. "Saya mahu bawa tuan ke rumah saya berjumpa dengan isteri saya, anak saya, ibu dan bapa saya. Sekarang ini saya pulang dahulu dan petang nanti tuan datang."

Petang itu Zainal Abidin pun pergi ke rumah pemuda itu, ia ialah setiausaha IFL di bandar Oslo. Pemuda itu menungguinya di tempat perhentian bas.

Di rumahnya, Zainal Abidin diperkenalkan dengan ibu dan bapanya, dan isterinya. Mereka menjamunya teh dan kuih-kuih.

"Siapa yang membuat kuih ini?" tanya Zainal Abidin.

"Isteri saya," jawab pemuda itu dengan bangganya.

Selama satu jam ia bertamu di rumah itu, lalu ia pun meminta diri.

"Saya sudah telefon kepada Tuan Daal, presiden IFL kota ini tentang kedatangan tuan," kata pemuda itu. "Dia akan membawa tuan makan." Kemudian kepada Zainal Abidin

diberinya alamat Tuan Daal itu dan juga sekeping wang Amerika yang berharga satu ringgit.

Malam itu Zainal Abidin tidak ke mana-mana. Pagi-pagi besoknya ia pergi minum di luar dan setelah menanyakan jam keberangkatan kereta api ke Copenhagen ia pun berjalan-jalan untuk menunggu waktu ke rumah Tuan Daal. Tengah hari kira-kira pukul 1.30 ia mesti sampai di rumah tuan itu.

Pukul 12.00 ia pun menaiki bas menuju ke tempat yang telah diarahkan oleh pemuda setiausaha itu. Ia memberitahukan kepada drebar bas itu tempat yang ditujunya. Tiga suku jam kemudian ia pun sampailah. Tuan Daal telah menunggunya di perhentian bas.

"Abidin?" ia bertanya ketika Zainal Abidin turun.

"Ya," jawabnya. Mereka pun bersalaman.

Lalu dibawalah ia ke rumahnya. Sementara menanti waktu makan Tuan Daal itu menyuruh ia bercerita tentang perjalanannya. Dan dia berjanji akan membawa Zainal Abidin ke tempat orang bermain ski, permainan yang sangat digemari orang-orang Norway. Tetapi kerana masanya sudah terlalu suntuk maka Zainal Abidin telah meminta maaf sahaja.

Masakan yang dijamu kepada Zainal Abidin pada tengah hari itu sangat istimewa sekali. Masakannya memakai rempah dan lawannya nasi pula.

Waktu sedang makan itu Zainal Abidin bertanya, "Pandai masak Timur?"

"Ya, saya lama di Timur tetapi bukan di Malaya. Saya duduk di Indonesia," katanya. "Makanlah ini. Ini sangat susah mendapatnya, hari ini kami baru mendapat *pork* ini dan kami masak pakai rempah untuk menjamu tuan."

Mendengar *pork* itu Zainal Abidin telah tidak bernaflu lagi untuk makan. Tadi dia sudah makan benda itu, kerana tidak diketahuinya. Haramnya sama juga dengan minum arak, fikirnya walaupun benda itu banyak orang memakannya dibandingkan dengan orang-orang yang minum arak.

"Tambah lagi," kata Tuan Daal.

"Sudah cukup," jawab Zainal Abidin, dia menolak dengan hormat.

Setelah selesai makan Tuan Daal pun membawanya melihat tempat-tempat yang termasyhur. Istana raja yang mereka

lihat dari jauh, menaiki motobot dan melihat-lihat kota. Kota Oslo itu tidak berapa besar seperti kota Stockholm, stesennya juga besar tetapi tidak ada pejabat pos atau restoran.

Hari akhir Zainal Abidin di kota itu, ia telah pergi menyaksikan kapal FAM yang terletak pada suatu kawasan di seberang suatu tempat. Kapal FAM inilah yang membawa tiga orang ahli sains ke Kutub Utara. Perjalanan mereka itu telah memakan masa satu tahun, semua barang-barang di dalam kapal itu telah disimpan dengan baik, juga pegawai kapal itu dibuat patungnya daripada batu.

Waktu ia sampai di hotelnya, badannya sudah letih sekali. Barang-barangnya telah dibawa keluar, kerana sudah lebih harinya. Sebenarnya mula-mula dahulu dia hanya bermaksud akan tinggal selama tiga hari sahaja, tetapi sekarang sudah satu hari lebih. Waktu diperiksa begnya ternyata tali lehernya dan sebuah tongkatnya tidak ada. Dia masuk ke dalam biliknya semula, yang sudah pun ditempati oleh dua orang lelaki, untuk mengambil barang-barangnya itu.

Sedang menunggu kereta api di stesen itu, datang seorang lelaki yang telah berumur kira-kira 50 tahun duduk di sebelahnya. Setelah pandang-memandang orang itu pun menegurnya.

"Tuan dari mana?"

"Saya dari Malaya," jawab Zainal Abidin.

"Oh, saya dahulu bekerja kelasi kapal. Sekarang saya sudah bersara, saya pernah pergi ke Pulau Pinang, Singapura," dan dia pun bercerita panjang tentang perjalanannya. Zainal Abidin juga sebaliknya bercerita tentang pengalamannya.

"Malang, kita berjumpa sudah suntuk masanya. Kalau tidak saya boleh bawa tuan berjalan-jalan," bersungut orang tua itu.

Pukul 9.30 malam ia pun menaiki kereta api dan sampai di sempadan Norway dan Denmark pada pukul 6.00 pagi. Kesemua penumpang menyeberang dengan feri dan menaiki kereta api lain pula di seberang sana.

Dalam kereta api itu Zainal Abidin duduk berhadapan dengan seorang perempuan yang memegang seekor kucing Siam yang cantik.

"Dari mana?" tanya Zainal Abidin.

"Dari seberang," jawab perempuan itu. "Di seberang sana itu Norway dan di sini Denmark."

"Anak kucing itu dari mana?"

"Kakak saya," jawab perempuan itu.

Sedang mereka bercakap-cakap itu sampailah ke Copenhagen. Dia lalu turun dan pergi mencari hotelnya yang dahulu.

Kerana belum ada tempat yang kosong, maka ditinggalkannya begnya di situ dan dia pergi berjalan-jalan. Kira-kira pukul 10.00 barulah ia kembali lagi. Setelah mendapat bilik, mula-mula sekali ia pergi mandi dan kemudian keluar berjalan-jalan. Ia bertemu kembali dengan orang lelaki yang berjanggut bersama-sama dengan isterinya, yang pernah diketemuinya dalam kereta api dari negeri Belanda dahulu. Mereka lalu bercakap-cakap menceritakan halnya masing-masing di sebuah restoran. Orang itu tidak dapat berjalan bersama-sama dengannya. Maka ia pun berjalan sendirian, menaiki bas dari hujung ke hujung dan masuk ke Tivoli. Kemudian ia pergi duduk-duduk di Koningplein tempat orang ramai duduk-duduk. Makan di stesen sahaja. Setelah dua hari di Copenhagen ia pun menaiki kereta api malam pulang ke negeri Belanda. Setelah dua malam satu hari dalam perjalanan, ia pun sampai ke Amsterdam. Dia meninggalkan begnya di stesen lalu pergi mencari makanan. Restoran Indonesia yang biasa dikunjunginya dahulu sudah ditutup kerana sudah hampir pukul 9.00 malam, perutnya lapar, lalu ia pun mencari tempat makan yang lain yang letaknya jauh sedikit, akhirnya sampailah di Restoran Asia, yang diselenggarakan oleh orang Cina Indonesia. Hampir pukul 10.00 ia balik mengambil begnya dan pergi ke Asrama Pelajar.

Nasibnya baik di situ masih ada dua buah tempat kosong. Pagi-pagi besoknya ia menelefon Syed Hussain Alatas mengatakan ia sudah sampai kembali di negeri Belanda. Syed Hussain menyuruhnya datang ke rumahnya. Di rumah Syed Hussain itu ia berjumpa dengan orang Jerman Islam bernama Abdul Rahman Kok pandai berbahasa Arab. Petang itu diajak pula oleh Syed Hussain pergi ke rumah Hassan Tan di Leiden.

Waktu mereka sampai, Hassan Tan tidak ada di rumah kerana ia telah pergi ke Amsterdam membuat pidato di radio.

Mereka pun berjalan-jalan dahulu menunggunya pulang. Setelah satu malam di rumah Hassan Tan maka pada kesokan harinya mereka beramai-ramai pergi ke Den Haag untuk menyaksikan perlawanan angkat berat. Walaupun Zainal Abidin tidak tertarik dengan perlawanan itu, tetapi ia ikut juga bersama-sama. Di Den Haag mereka menumpang di sebuah rumah seorang Indonesia yang dipanggil "Oom", mereka membeli bahan-bahan makanan dan memasaknya sendiri di rumah itu. Orang yang dipanggilkan "Oom" itu terlalu baik hampir setiap orang Indonesia yang datang ke kota itu akan menginap di rumahnya. Mereka membentang tikar dan tidur bergelimpangan di atas lantai.

Zainal Abidin sudah mulai ketagih dengan mandi lagi. Waktu di Leiden dia telah dibawa ke kolam renang, tetapi di sini sekarang soal mandi sudah merupakan soal yang sulit. Orang-orang hanya merasa puas dengan mengelapkan badannya sahaja.

Pada pagi 6 September Zainal Abidin pun menaiki kapal di *Hook of Holland* tetapi waktu sampai di atas kapal itu barulah ia sedar bahawa tiketnya sudah hilang.

"Tidak boleh naik kalau tidak ada tiket," kata pegawai kapal itu.

Zainal Abidin menerangkan kepadanya bahawa ia mempunyai tiket, tiket itu dibelinya bersama-sama dengan tiket yang lain, "Tetapi sekarang sudah hilang."

Mula-mula ia menyangka tiket itu telah tersilap diambil oleh pegawai kereta api, lalu ia pun pergi bertanya ke stesen itu. Tetapi setelah diperiksa dengan saksama tiket itu tidak diketemuinya.

Akhirnya ia terpaksa membayar £5 untuk membeli tiket baharu dan ia pun belayar kembali ke London.

Sesampainya di London ia pun menulis surat kepada pejabat perjalanan yang mengurus perjalanannya dulu, mengatakan tiketnya telah hilang, sedangkan tunggul tiket itu ada padanya. Kira-kira sebulan kemudian kepadanya telah diberikan ganti rugi.

Sebulan setelah Zainal Abidin balik ke London dari pelancongan ke negara-negara Belanda, Sweden, Denmark, Norway dan Finland, maka Cik Fatimah isterinya pun sampai dari Tanah Melayu.

Zainal Abidin bersama-sama seorang temannya, Encik Tahir, jurutera kerajaan dari Seremban yang juga mahu menunggu kedatangan isteri dan anaknya telah pergi ke pelabuhan Tilway, sebuah pelabuhan yang terletak di sebelah timur kota London, kira-kira setengah jam perjalanan dengan kereta api di bawah tanah. Encik Tahir sedang belajar di Brighton.

Mereka menunggu sejak dari pukul 10.00 pagi tetapi ternyata kapal itu telah terlambat masuk, sehingga waktu tengah hari mereka telah mengalami kesukaran mencari makanan sebab pelabuhan itu sebuah pelabuhan yang kecil, tidak ada kedai makanan di sekitarnya kecuali rumah-rumah kuli dan gudang-gudang sahaja. Mereka kemudian terpaksa mengisi perutnya dengan biskut dan apa-apa sahaja.

Kira-kira pukul 3.30 petang barulah kelihatan kapal itu dari jauh dan satu jam kemudian kapal itu pun berlabuhlah. Para penumpang naik ke darat kira-kira pukul 6.00 petang. Dalam kapal itu juga ikut menumpang Encik Yaakub A. Latiff yang akan belajar di London.

Dalam kesibukan itu Zainal Abidin telah berpisah dengan Encik Tahir yang datang bersama-sama dengannya. Setelah mengurus barang-barang isterinya, maka pada pukul 7.00 barulah mereka menaiki kereta api menuju ke London. Mereka sampai di Stesen Liverpool Street hari sudah malam.

Zainal Abidin telah meminta sebuah bilik yang lebih besar di hotel tempat menginapnya, dan ia terpaksa menambah £5 lagi untuk sewa tiap-tiap minggu. Doktor Megat Khas yang juga menumpang di hotel itu telah menjadi doktor kapal haji setelah ia lulus dalam peperiksaannya dan yang tinggal lagi hanyalah Dr. Said sahaja kerana ia masih belum lulus lagi dalam peperiksaannya, mereka berdua mendapat *fellowship* untuk belajar di London.

Sebelum Cik Fatimah sampai, ada seorang Cina dari Tanah Melayu Encik Ng namanya menginap di Hotel Meiers itu. Ia dihantar oleh perusahaannya untuk melawat sambil belajar hal-hal yang mengenai kejuruteraan elektrik di ibu pejabat perusahaan tempat ia bekerja itu di London dan di kota-kota besar di England. Selama dua minggu ia tinggal di Hotel Meiers itu ia telah menjadi sahabat baik Zainal Abidin, mereka keluar berjalan bersama-sama melihat tempat-tempat

yang perlu dilihat dan sebegitu mesranya sehingga Encik Ng menyebut tentang kebaikan Zainal Abidin itu dalam surat-surat kepada isterinya yang bekerja sebagai *matron* di rumah sakit di Kuala Lumpur.

Encik Ng kemudian berangkat ke Yorkshire. Kira-kira seminggu kemudian Zainal Abidin mendapat khabar daripada wakil perusahaan Encik Ng itu, bahawa Encik Ng telah terjatuh sewaktu mahu menaiki kereta api, dia terus tidak dapat bercakap dan juga tidak dapat menulis. Orang-orang yang menolongnya itu mendapat kartu keterangan dan memberitahukan kepada perusahaan tempatnya bekerja, ia kemudian dibawa ke Hospital Rothampton. Perusahaan itu kemudian mengirim kawat kepada isterinya supaya datang ke England.

Puan Ng mengirim kawat kepada Zainal Abidin mengatakan ia akan datang dan minta disediakan tempat untuknya, kerana ia mengetahui Zainal Abidin daripada surat-surat suaminya kepadanya. Dua hari kemudian Puan Ng pun sampai dengan kapal terbang dan menginap di Hotel Meiers. Besoknya mereka bersama-sama pergi ke Hospital Rothampton untuk melihat Encik Ng yang sudah beransur sembuh tetapi masih belum boleh bercakap. Selama di London, Puan Ng ditemani oleh Cik Fatimah, seperti suaminya dahulu ditemani oleh Zainal Abidin, ke mana sahaja mereka berjalan bersama-sama.

Setelah beberapa bulan di Hospital Rothampton itu, Encik Ng pun dibawa ke hospital di London dan apabila di sana juga tidak dapat diubati maka ia pun dibawa pulang ke Malaya dengan menaiki kapal dari pelabuhan Liverpool. Waktu akan berangkat pulang itu Zainal Abidin dan isterinya telah menghantar sampai ke stesen kereta api.

Waktu pulang ke Tanah Melayu kemudiannya Zainal Abidin pernah pergi melawat Encik Ng yang masih juga belum sembuh di rumah keluarganya di Tampin, sedangkan isterinya tinggal bekerja di Kuala Lumpur. Pada waktu itu Zainal Abidin sedang menempuh peperiksaan *Intermediate* setelah ia lulus dalam peperiksaan bahasa Arab yang diadakan dalam bulan April tahun 1949, enam bulan kemudian ia memasuki peperiksaan *Matriculation* pula dan kalau lulus dalam peperiksaan ini barulah ia belajar untuk mengambil

ijazah. Ia mengambil mata pelajaran Bahasa Inggeris, Logika Sejarah Eropah (1800–1914) dan Bahasa Belanda dalam peperiksaan itu. Mata pelajaran Logika diambil sebagai ganti Matematik. Untuk mengambil ijazah BA dalam bahasa Melayu harus ada bahasa Arab dan Belanda. Dalam peperiksaan *Inter-Art* boleh juga diambil semua bahasa: Melayu, Arab dan Belanda. Sebulan setelah peperiksaan itu, ia mendapat khabar tentang kelulusannya dalam semua mata pelajaran, walaupun bahasa Belanda nyaris-nyaris lagi tidak lulus. Kerana peperiksaan itu selesai dalam bulan Julai maka ia pun sudah tidak dapat mengambil ijazah sarjananya di London lagi, ia bermaksud akan mengambil peperiksaan itu di Malaya sahaja. Tiap-tiap calon yang lulus *Matric* diberi tempoh selama dua tahun untuk menduduki peperiksaan ijazah sarjananya dan tempoh itu diperpanjang dua tahun lagi kalau tidak dapat dipenuhi juga. Apabila tempoh ini habis maka calon-calon itu mestilah memasuki peperiksaan *Inter-Art* semula. (Zainal Abidin mengambil peperiksaan untuk ijazah BA-nya pada bulan Jun dalam tahun 1953 waktu sudah berada di Malaya dengan bahasa Melayu dan bahasa Arab sebagai bahasa tambahannya).

Setelah selesai peperiksaannya ia terus juga mengajar, waktu tidak mengajar ia dan isterinya berjalan-jalan mengunjungi rumah kawan kenalan, di antaranya rumah Tuan R.O. Winstedt, Dr. Pearson dan rumah Ungku Aziz, bekas Menteri Besar Johor. Rumah Tuan C. Skinner yang masih menjadi pelajar lagi juga mereka kunjungi, kerana isteri Tuan Skinner ialah seorang Melayu.

Tidak lama setelah selesai peperiksaan *Inter-Art* itu maka menjelanglah pula cuti panjang. Zainal Abidin pun sudah tidak bekerja lagi. Tiga empat bulan sebelum pulang ia sudah menempah tiket kapal, kerana kalau tidak, mereka tidak akan mendapat tempat. Mereka mendapat kapal Oranje tetapi kerana mereka akan singgah di Mesir, Makkah dan Madinah maka mereka akan menaiki kapal *Strathmore* yang akan belayar ke Australia dan singgah di Mesir lebih dahulu dan dari sana mereka menyambung dengan kapal *Oranje* yang sudah ditemahnya itu. Sesudah tiket kapal ditempah dan segala urusan untuk pulang itu selesai diuruskan semuanya, maka Zainal Abidin pun membuat rancangan akan melawat

Eropah mengunjungi tempat-tempat yang belum dikunjungi, bersama-sama dengan isterinya selama dua minggu sebelum mereka menaiki kapal.

Sebelum berangkat Zainal Abidin telah menulis surat kepada kawannya orang Perancis yang bertemu dengannya di Finland dulu, mengatakan ia akan singgah di tempat kawan itu di Basle, sempadan Switzerland dan Perancis. Dalam perjalanan itu mereka tidak singgah di Paris tetapi apabila sampai di Basle kawan yang disuruh tunggu itu tidak datang, maka mereka pun menaiki kereta api sampai ke Lucerne.

Waktu sampai di Hotel Alpine yang telah dipesan dari London lagi, pengurus hotel itu mengatakan tidak ada bilik yang disediakan untuk mereka.

"Tetapi bilik itu sudah dipesan dari London," kata Zainal Abidin dengan kehairanan.

Memang waktu diperiksa ternyata namanya ada tertulis, hanyalah kerana pengurus hotel itu melihat ia dan isterinya bukan orang putih maka ia mengatakan tidak ada. Kedatangan mereka itu mahu ditolakny.

Di Lucerne itu mereka tinggal selama tiga hari. Mereka pergi melihat tempat orang-orang membuat jem, menaiki lori masuk ke dalam tasik, berkeliling dengan menaiki bas, menaiki gunung bersama-sama dengan para pelancong yang lain. Masing-masing membawa bekal makanan sendiri, melihat tempat membuat susu dan melihat air terjun. Dari Lucerne dengan kereta api mereka pergi ke Interlaken sebuah tempat pertemuan beberapa buah tasik. Mereka menginap di Hotel Angkor yang terletak kira-kira setengah batu dari stesen kereta api, mereka ke hotel itu dengan menaiki kereta kuda. Di pekan kecil ini mereka menaiki kereta api yang digantung pada kawat dari gunung ke gunung, antara orang-orang pelancongan yang banyak itu mereka melihat ada dua orang Indonesia tetapi mereka tidak bertegur sapa hanya pandang-memandang sahaja. Mereka menaiki Gunung Jungfraujoch yang tingginya 11 000 kaki, di atasnya ada sebuah restoran. Dalam perjalanan ke gunung itu mereka menaiki kereta api memasuki terowong melalui gaung dan menyaksikan keindahan gunung-ganang dan padang rumput dengan lembu-lembu yang digembalakan di situ.

Turun dari kereta api itu mereka menaiki lif bergilir-gilir 5 atau 10 orang sekali naik. Kira-kira setengah jam sampai di puncaknya, keluar dari lif itu terus masuk ke dalam sebuah bilik besar yang berhawa panas. Orang-orang dapat melihat keluar melalui jendela kaca. Di luarnya banyak orang bermain salji. Kira-kira jam tiga petang mereka pun turun dari puncak gunung itu melalui lif juga dan kemudian menaiki kereta api kembali ke hotelnya.

Selama dalam perjalanan di Switzerland ini Zainal Abidin juga menghadapi masalah mandi. Tetapi ia tidak lagi perlu mencari bilik mandi atau mengupah orang memasak air panas. Ia telah pandai menggunakan tuala dan mengelap-lapkan sahaja tubuhnya.

Mereka kemudian berangkat ke Berne ibu kota Switzerland. Sebelum berangkat perempuan penjaga Hotel Angkor itu memberikan kepada mereka alamat sebuah hotel di kota itu, tetapi mereka tidak bermalam. Sementara menunggu kereta api mereka berjalan-jalan melihat kota, setelah penat berjalan mereka duduk-duduk di kebun bunga. Pukul 7.00 malam setelah makan barulah mereka mengambil beg dari hotel tempat mereka menumpangkan beg dan berjalan ke stesen kereta api.

Dalam kereta api itu banyak terdapat tempat kosong dan di tempat mereka itu duduk terdapat seorang lelaki dan seorang perempuan. Zainal Abidin bercakap-cakap dengan mereka itu, sementara isterinya yang tidak tahu berbahasa Inggeris diam sahaja mendengar dan bertanya apa yang tidak diketahuinya. Selama di London Cik Fatimah sudah juga mengetahui beberapa patah perkataan seperti *fish*, *bread*, *cabbage* dan perkataan-perkataan yang serupa itu.

Kereta itu laju benar. Berangkat dari Berne waktu malam sampai di Paris pukul 6.30 pagi. Zainal Abidin dan isterinya tidur sambil duduk sahaja. Kereta api yang datang dari Rom itu terlalu panjang. Waktu sampai di Stesen Paris yang besar itu, Zainal Abidin yang duduk di sebelah belakang terpaksa berjalan kira-kira sesuku jam baru bertemu dengan kepala kereta api itu. Dari situ baru mereka mendapat pintu masuk stesen. Mereka tidak minum di restoran kereta api itu kerana takut sukar mahu membuang air besar. Setelah duduk sebentar berhentikan lelah, maka ia pun keluar

menuju ke hotel yang sudah ditempah.

"Mahu makan di mana?" penjaga hotel itu bertanya.

"Di sini. Tetapi kami tidak boleh makan babi. Boleh?"

"Boleh," jawab penjaga hotel itu.

Mereka pun makan pagi di hotel itu. Makanan di Paris terkenal enaknyanya. *Beefsteak* dan rotinya sangat baik. Roti di Paris panjang-panjang, orang yang membeli roti itu membawanya dengan mengepit di bawah ketiaknyanya seperti payung. Setelah makan mereka tidur sebentar. Kemudian mereka pun membuat rencana untuk berjalan melihat kota Paris. Mereka pergi melihat tempat-tempat yang indah, dengan menaiki kereta api di bawah tanah. Kereta api di bawah tanah kota Paris tidak secantik kereta api di London, kotor dengan kertas bersepah-sepah. Terowongnya besar tidak seperti terowong kereta api London yang secukup dilalui oleh kereta api itu sahaja. Mereka menaiki *Eiffel Tower*. Dari atas *Eiffel Tower* itu mereka dapat melihat kota Paris seluruhnya, bangunan-bangunan besar, kebun-kebun bunga, jalan-jalan raya yang lebar dan lurus-lurus. Mereka melalui *Champ Élysées* dan setelah tidak berdaya berjalan lagi lalu duduk berhentian lelah di kebun bunga. Sepagi-pagi itu mereka berjalan sahaja. Melihat masjid yang dijaga oleh seorang bangsa Maghribi. Penjaga itu marah kepada Zainal Abidin kerana tidak mahu memberi duit kepadanya.

"Apa sebab mahu beri duit, ini masjid?" katanya kepada penjaga itu.

Mereka kemudian mengunjungi Istana Louvre di seberang Sungai Seine, berjalan melewati Universiti Sorbonne. Tetapi mereka tidak dapat memasuki istana itu kerana hari minggu. Mereka kemudian mencari stesen kereta api di bawah tanah. Tiap-tiap lubang yang mereka masuk semuanya tertutup belaka.

"Cari teksilah," kata isterinya yang sudah tidak sanggup berjalan lagi. Waktu itu ia melihat Stesen Metro dan mereka pun menaiki kereta api di bawah tanah itu kembali ke hotelnya.

Mereka juga mengunjungi Istana Versailles tetapi tidak dapat masuk kerana pintunya ditutup. Di Istana itu khabarnya ada tersimpan sebuah jam buatan orang Arab yang dihadiahkan oleh Sultan Harun Aminurrasyid kepada

Raja Charlemagne.

Pada sebuah kebun bunga, di bangku tempat mereka duduk itu Zainal Abidin berjumpa dengan sebuah buku kecil yang berisi gambar-gambar lucu, setelah puas ia melihatnya ditunjukkanlah kepada isterinya. Isterinya tidak mahu melihatnya. Gambar-gambar itu disimpannya sebagai satu kenang-kenangan yang istimewa dari kota Paris.

Sungai Seine di sebelah Istana Louvre itu lebarnya dan keruh airnya serupa sahaja dengan Sungai Thames di London, jauh berbeza dengan air sungai-sungai di Switzerland, walaupun mengalir di tengah-tengah kota tetapi airnya jernih dan hijau seperti air laut. Air sungai di negeri Swiss itu turun dari bukit-bukit dan mengalir ke dalam tasik, tetapi anehnya tasik itu tidak pernah penuh-penuh airnya.

Dalam Sungai Seine banyak kapal kecil belayar ke hulu dan ke hilir. Di sebatang jalan di belakang Istana Louvre banyak pelukis-pelukis dengan rambutnya yang panjang, berderet-deret melukis dan menggantungkan lukisan-lukisannya. Ada antara para pelukis itu yang telah berjaya sebagai pelukis dan ada pula yang tidak.

Pada tanggal 15 Ogos mereka pun berangkat pulang ke London. Sebelum berangkat melawat ke Eropah dahulu mereka telah mengemaskan barang-barangnya, sebahagianya dikirim melalui Encik Zain Abu yang mahu pulang setelah belajar di negeri Inggeris. Radio yang dibelinya semasa di London dahulu dia sendiri yang mengurus mengirimbanya kembali ke Malaya. Radio itu berharga £27 walaupun di Malaya dia boleh mendapat lebih murah lagi harganya. Waktu Zainal Abidin dan isterinya sampai di Tanah Melayu, barang-barang yang dikirimbanya itu belum lagi sampai.

Sebelum berangkat meninggalkan London, Zainal Abidin telah membuat hubungan dengan pelajar-pelajar Melayu di Mesir dan salah seorang antaranya ialah Zulkifli Muhammad yang pada waktu itu menjadi ketua persatuan pelajar-pelajar Melayu di sana. Setelah 8 hari belayar dengan kapal SS Strathmore dari London, maka kapal itu pun sampai di Port Said. Kapal itu banyak membawa penumpang Australia yang mahu balik dari England. Zainal Abidin dan isterinya menumpang di kelas dua. Mereka berdua sahaja orang Asia di dalam kapal itu. Kapal itu tidak singgah di

Singapura. Mereka melewati Gibraltar pada waktu malam. Hanya cahaya apinya sahaja yang kelihatan. Setelah kapal itu berlabuh naiklah seorang Mesir yang pandai berbahasa Melayu, Muhammad Sultan namanya, mencari Zainal Abidin. Muhammad Sultan telah diminta oleh pelajar-pelajar Melayu di Mesir untuk mengurus ketibaan Zainal Abidin dan isterinya itu. Ia mengurus menurunkan barang-barang Zainal Abidin dan mengecap pasportnya.

Malam itu mereka menginap di rumah Muhammad Sultan kerana tidak mendapat hotel. Puas mereka berpusing-pusing mencari hotel di kota Port Said itu, akhirnya Muhammad Sultan membawa mereka ke rumahnya di tingkat ketiga pada sebuah bangunan kedai. Ia memberikan biliknya sendiri kepada Zainal Abidin dan isterinya.

Pukul 2.00 petang Zainal Abidin dan isterinya menaiki kereta api menuju ke Kaherah. Kereta api itu berdebu sahaja dan udara panas padang pasir sudah mulai terasa. Pukul 6.30 petang mereka pun sampai dan di stesen kereta api Kaherah telah menunggu Zulkifli dengan beberapa orang pelajar-pelajar Melayu yang lain.

"Tempat Cikgu sudah disiapkan," kata Zulkifli. "Tetapi untuk dua hari sahaja. Sudah itu kita pindah ke rumah Tuan Idris Marbawi."

Zulkifli menerangkan bahawa rumah yang akan mereka tempatkan Zainal Abidin dan isterinya itu dahulunya disewa oleh seorang dari Kelantan. Dia menyewanya untuk dua minggu tetapi sebelum cukup masa dua minggu itu ia telah berangkat ke Makkah. Dia lalu memesankan kepada pelajar-pelajar itu, supaya menyerahkan kepada sesiapa sahaja yang perlukan tempat tanpa bayaran apa-apa lagi. Di rumah itu cukup lengkap dengan perkakas, air lampu semuanya cukup.

Zainal Abidin pun membeli barang-barang makanan dan memasak sendiri, malam itu mereka menjamu pelajar-pelajar Melayu itu. Setelah dua hari di situ mereka pun pindah ke rumah Tuan Haji Idris Al-Marbawi, pengarang Kamus Arab-Melayu yang sudah tinggal bermastautin di Mesir dan bekerja dengan sebuah toko buku. Pada waktu itu isterinya masih ada bersama-sama dengannya, isterinya itu pandai berbahasa Arab dan seorang anak perempuannya tidak tahu berbahasa Melayu.

Selama tiga hari di Kaherah itu, Zainal Abidin dan isterinya telah dibawa oleh isteri Tuan Haji Idris dan Encik Ghazali yang kemudian menjadi menantu Tuan Haji Idris, melihat tempat-tempat yang bersejarah di Mesir. Mereka mengunjungi piramid dan sphinx yang letaknya kira-kira lima batu di luar kota Kaherah. Sungai Nil serupa juga dengan Sungai Thames, airnya kotor. Kota Kaherah itu terbahagi dua, satu kota lama dan satu lagi kota baharu. Kota lama penuh dengan bangunan-bangunan tua, jalan-jalan yang sempit dan tempat orang-orang miskin, sedangkan kota yang baharu penuh dengan bangunan-bangunan moden yang bertingkat-tingkat menjadi tempat tumpuan dan tempat tinggal orang-orang hartawan.

Zainal Abidin kemudian sembahyang Jumaat di Masjid Al-Azhar. Masjid itu juga menjadi pusat pengajian Islam yang tertua dan terbesar di dunia ini. Selain daripada fakulti-fakulti yang berselerak di dalam kota itu yang menjadi bahagian dari Universiti Al-Azhar, di masjid ini juga ada tempat orang mengajar dan di situlah pusat Pentadbiran Universiti Al-Azhar seluruhnya. Mereka kemudian melawat Masjid Zainab dan Masjid Hussain.

Orang-orang Mesir yang bodoh-bodoh banyak yang datang ke masjid itu memeluk-meluk tiangnya, menyembah macam mereka menyembah berhala, meminta sesuatu. Mereka melawat makam Imam Syafie. Makam itu dipagar dan di sampingnya ada sebuah masjid yang senantiasa ada orang yang membaca Qur'an. Dalam pagar makam itu terdapat banyak surat-surat kiriman yang dikirim oleh orang-orang jahil.

"Setiap hari sampai lima enam belas pucuk surat yang serupa itu," kata penjaga makam itu. Mereka meminta bermacam-macam hal kepada Imam Syafie itu di dalam surat-suratnya itu. Ada yang meminta sembuh dari penyakitnya, minta anak, minta kaya dan sebagainya. Kalau permintaannya dimakbulkan, maka kepada si peminta itu akan diberi jawab dengan perantaraan mimpi."

Seminggu sekali surat-surat itu dipungut dan dibuang ke laut, tetapi surat-surat serupa itu akan datang terus-menerus. *Adat yang serupa ini bukan sahaja terdapat di negeri kita, tetapi terdapat di mana juga lebih-lebih lagi di tempat-tempat*

yang banyak orang-orang alimnya. Pendeknya yang jahil itu tetap jahil juga di mana-mana selagi kejahilan itu belum dihapuskan. Ganjilnya orang-orang alim atau tuan-tuan guru yang dihormati orang kerana ilmunya membenarkan perbuatan yang serupa itu, mereka mengatakan boleh, seperti juga dengan orang-orang alim Melayu kita di sini, yang membiarkan segala macam kejahatan berlaku dengan leluasa, yang membiarkan segala macam karut-marut dilakukan oleh umat Islam.

Di muzium, Zainal Abidin dan isterinya telah melihat alat perkakas peninggalan Raja Firaun. Segala alat perkakas yang digali dari kubur itu terbuat daripada emas belaka. Rajaraja Firaun yang mati dibekali dengan segala alat kemudahan seolah-olah mereka itu hidup serupa dengan di dunia ini. Seperti orang Cina yang mengirinkan motokar dan duit kertas yang dibakar kepada kaum keluarganya yang telah mati, untuk menyenangkan mereka itu di dalam kuburnya.

Pada suatu malam Zainal Abidin dan isterinya telah dibawa makan oleh pelajar-pelajar Melayu ke sebuah restoran. Biasanya mereka makan di rumah Tuan Haji Idris, membeli makanan dan masak bersama-sama. Pelajar-pelajar yang menghantar mereka ke restoran itu ramai, tetapi yang makan hanya berempat sahaja, Zainal Abidin dan isterinya, Zulkifli dan seorang pelajar lagi. Pelajar-pelajar yang lain pulang setelah mereka sampai ke sana.

Mereka makan begitu banyak tetapi bayarannya hanya kira-kira \$10 sahaja, kalau makanan yang serupa itu di London tentulah dua kali ganda bayarannya.

Semasa di Mesir itu telah timbul satu masalah tentang maksud Zainal Abidin dan isterinya mahu ke Makkah. Sebab setiap orang yang akan ke Makkah harus ada syekh hajinya, kalau tidak perjalanannya menjadi sukar. Tempat tinggal, makan minum dan boleh jadi sesat di dalam kumpulan manusia yang beratus-ratus ribu itu.

Waktu di London dahulu Zainal Abidin telah menulis surat kepada A. Rahim Tahir dari Singapura, bertanya tentang syekh haji ini, A. Rahim menjawab dari Makkah. "Tidak payah ambil syekh, duduk sahaja di rumah saya. Saya sediakan tempat, makan dan minum saya jaga."

Kerana mendapat pengakuan yang serupa itu, Zainal Abidin menyangka tidaklah payah mencari syekh haji lagi,

walaupun ia tidak mendapat balasan suratnya yang dikirim ke Makkah sebelum ia meninggalkan London. Zainal Abidin kuat menyangka jaminan yang diberikan oleh A. Rahim Tahir itu masih berlaku.

Sekarang soal itu timbul kembali, ketika ia mendapat khabar bahawa A. Rahim Tahir sudah tidak ada lagi di Makkah, ia sudah pulang ke Tanah Melayu setelah mengidap penyakit batuk kering. Pelajar-pelajar di Mesir itu menyatakan kepadanya ia mesti berjanji dengan pegawai haji yang baharu lebih dahulu, kalau tidak dia akan menghadapi kesukaran di Makkah.

Setelah menerangkan kedudukannya, pelajar-pelajar itu telah berusaha menolongnya. Mereka pergi bertanya kepada Tuan Syeikh Hussain Fatani yang pada waktu itu tinggal di Mesir sebagai pegawai tinggi Kedutaan Arab Saudi. Tuan Syeikh Hussain telah menghubungi adiknya Syeikh Jamil Fatani untuk menerima Zainal Abidin dan isterinya sebagai jemaahnya.

Waktu akan berangkat ke Makkah itu, Zainal Abidin dan isterinya telah dihantar ke Suez dengan sebuah teksi oleh Ustaz Muhammad dari Rembau dan Encik Hussain dari Kelantan. Mereka membawa dua buah beg kecil yang berisi beberapa helai pakaian yang perlu-perlu sahaja, sedangkan sebahagian pakaiannya yang lain ditumpangkan di rumah Tuan Haji Idris Al-Marbawi.

Di Suez itu mereka dibawa ke rumah seorang Mesir, bekas kelasi kapal yang pandai berbahasa Melayu. Ia sekarang sudah kaya dan terkenal di kota kecil itu terutama sekali kepada orang Malaya dan Indonesia kerana sifatnya yang suka menolong. Orang Mesir itulah yang membawa Zainal Abidin dan isterinya ke pejabat pasport, membawa melihat tempat-tempat yang perlu dilihat dan menolong segala-galanya, anehnya ia tidak mahu dibayar.

Zainal Abidin dan isterinya hampir sahaja membatalkan maksudnya akan pergi ke Tanah Suci itu, kerana kesukaran-kesukaran mendapat izin dari pegawai imigresen Mesir. Pada waktu itu Mesir dan Inggeris sedang bermusuhan-musuhan dan Mesir dan Arab Saudi juga tidak berapa baik perhubungannya.

Kesukaran itu timbul kerana dia dan isterinya meng-

gunakan pasport Inggeris dan menurut anggapan orang-orang Mesir, setiap orang yang pergi ke negeri Inggeris dan menggunakan pasport Inggeris itu ialah orang-orang yang sukakan politik Inggeris.

"Saya orang Islam dan saya tidak suka dengan politik," jawab Zainal Abidin terhadap tuduhan pegawai imigresen itu.

Tetapi pegawai itu masih juga berkeras tidak mahu membenarkan ia dan isterinya berangkat ke Makkah. Ia disuruh pulang terus ke Tanah Melayu.

"Tuan orang dari Singapura, jajahan Inggeris mengapa singgah di Mesir, mengapa tidak terus sahaja ke Jeddah?" kata pegawai itu. Cik Fatimah sudah menangis terisak-isak. Zainal Abidin hampir sahaja mahu mengambil kapal dan terus pulang ke Singapura.

Waktu itulah orang Mesir yang pandai berbahasa Melayu itu masuk mencelah. Ia memberitahukan pegawai imigresen itu bahawa Zainal Abidin dan isterinya ialah orang baik-baik, orang yang jujur dan tidak tahu-menahu tentang politik.

Akhirnya mereka pun dibenarkan menaiki kapal. Kapal Zamalik yang akan mereka tumpangi itu ialah sebuah kapal kecil kepunyaan Mesir, selain daripada mereka berdua ada kira-kira lima enam belas orang penumpang lagi. Orang-orang Mesir semuanya. Barang-barang mereka yang sedikit itu telah diperiksa dengan kasarnya oleh Pegawai Kastam Mesir, dibongkar segala kain-kain yang telah dilipatkan itu. Kuli-kulinya pula berebut-rebut mahu mengangkat barang-barang yang sedikit itu, dengan sumpah-seranahnya.

Jarak antara Port Said dengan Jeddah itu tidak jauh menurut anggapan satu hari satu malam sudah sampai. Tetapi kapal Zamalik itu mengambil masa selama tiga hari tiga malam. Laut Merah itu terlalu panas, kipas yang dipasang tidak mencukupi, apatah pula kipas itu tidak berpusing-pusing tetap pada satu arah sahaja. Zainal Abidin dan isterinya menumpang di kelas dua dan setiap ada kesempatan mereka naik bersiar-siar mencari angin di atas dek. Kadang-kadang waktu sembahyang mereka naik berjemaah di atas dek itu sahaja, Cik Fatimah satu-satunya wanita dalam pelayaran itu dan dia ikut sembahyang di belakang orang-orang lelaki yang lain.

Mereka mendapat teman seorang Arab yang telah lama tinggal di Kuala Kangsar, Perak, orang itu setiap tahun datang ke Makkah dan Mesir untuk bertemu dengan kaum keluarganya. Ia pandai berbahasa Melayu tetapi lidahnya masih berat telor Arab.

Tengah hari yang ketiga pelayaran itu mereka pun sampai di Jeddah. Kapal itu berhenti di tengah laut dan semua penumpang turun ke darat dengan menumpang sampan. Di darat telah berderet-deret orang dari tiap-tiap syeikh datang menunggu dan para penumpang kapal itu masing-masing mencari syeikhnya dengan memberitahu nama syeikh itu. Zainal Abidin dan isterinya dibawa ke rumah Syeikh Jamil Fatani oleh dua orang yang datang membawa begnya. Mereka mengikut kedua-dua orang itu dengan berjalan kaki, masuk lorong keluar lorong dan akhirnya sampai di sebuah bangunan yang bertingkat-tingkat. Zainal Abidin dan isterinya mendapat tempat di tingkat yang paling bawah. Pada tingkat-tingkat yang lain terdapat orang-orang dari Kelantan, Perak dan lain-lain negeri.

"Tuan mahu ke Makkah dahulu atau ke Madinah?" tanya Tuan Syeikh Jamil ketika ia sampai dari Makkah hari berikutnya. Pakaianya cantik seperti pakaian orang Arab.

Masa haji masih lama lagi. Zainal Abidin bermaksud akan ke Madinah dahulu dan setelah selesai haji ia akan terus pulang ke Tanah Melayu.

"Malam lusa ada sebuah bas yang akan ke Madinah dan ada juga orang-orang lain yang akan pergi bersama-sama dengan bas itu," ujar Tuan Syeikh Jamil. "Tuan boleh ikut dalam bas tersebut. Selama tuan di sini dan di Makkah tuan adalah di dalam jagaan saya."

Malam pertama Zainal keluar mencari selipar yang akan dipakai ketika mengerjakan haji, sebab pada waktu itu tidak boleh memakai kasut yang menutup kaki. Di London pernah dicarinya tetapi tidak ada. Selain daripada itu tidaklah pernah ia keluar ke mana-mana lagi, ia takut tersesat sebab jalan dan lorong-lorong di Jeddah itu tidak bernama. Malam ketiga kira-kira pukul 12.00 tengah malam mereka pun dibawa ke tempat bas yang akan berangkat ke Madinah itu. Dalam bas itu hanyalah Zainal Abidin dan isterinya sahaja orang Melayu, selebihnya ialah orang India, masing-masing dengan

pasangannya. Tua dan muda, serta anak-anak. Bas itu penuh sesak dengan beg pakaian, tikar bantal dan perkakas-perkakas lain. Antara mereka itu hanya dua orang sahaja yang tahu berbahasa Inggeris. Seorang bernama Abdul Haq mengajar di *Presidency College*, Madras. Ia pernah belajar selama dua tahun di *School of Oriental and African Studies*, London, untuk mengambil ijazah Ph.D. Umurnya kira-kira 50 tahun dengan dia sahajalah Zainal Abidin berbual-bual, tertawa ketika menceritakan tentang orang-orang yang mereka kenal ketika di London.

"Barangkali tidak ada orang yang mahu menceritakan hal-hal yang ganjil yang berlaku pada dirinya ketika menunaikan fardu haji itu," kata Zainal Abidin. Tetapi bagi dirinya sendiri dan isterinya ada beberapa perkara kejadian yang berlaku dalam masa mereka membuat perjalanan dari Jeddah ke Madinah itu, yang dianggap luar biasa walaupun tidak dapat dikatakan lucu.

Jalan raya ke Madinah pada waktu itu belum ada lagi. Setiap kenderaan mencari jalannya sendiri di atas padang pasir yang luas itu dengan hanya berpedomankan arahnya sahaja. Drebar bas yang Zainal Abidin tumpangi juga merabara mencari jalan menuju ke Madinah. Sebentar-sebentar bas itu terbenam di dalam pasir dan drebarnya menyumpah-nyumpah. Kemudian kesemua penumpang lelaki turun menolaknya beramai-ramai.

Malam pertama perjalanan itu, mereka berhenti pada suatu tempat untuk sembahyang subuh. Zainal Abidin dan isterinya tidak membawa bekalan air, untuk air sembahyang. Mereka mendapat air setengah cerek dari orang India teman di dalam perjalanan itu. Setelah sembahyang perutnya pun sakit dan dia mencuci beraknya itu hanya dengan merabara dengan pasir sahaja, tidak dapat dibuat tayamum kerana pasir itu halus-halus dan berperoi. Apatah pula dia cirit-cirit sahaja sampai tiga empat kali. Kerana makanan yang tidak teratur. Maka setiap hari ia mendapat sakit perut.

Siang harinya panas membakar kulit dan malam harinya pula sejuk menggigit tulang. Kira-kira pukul 12.00 tengah hari mereka berhenti makan. Tempat perhentian mereka yang pertama itu adalah khemah-khemah tempat orang tinggal, di situ terdapat ayam, kucing dan anjing yang

dipelihara. Binatang-binatang itu kurus-kurus dan panjang-panjang tetapi sihat kelihatannya. Di tempat itu ada dijual nasi. Ikan gorengnya bertimbun-timbun dilonggok di dalam satu dulang, penuh dikerubungi lalat. Melihat lalat yang begitu banyak Zainal Abidin takut untuk memakannya walaupun orang-orang lain memakannya tanpa menghiraukan lalat-lalat itu. Zainal Abidin dan isterinya hanya memakan buah-buahan dan telur sahaja.

Dia melihat tuan kedai itu rupanya seakan-akan Melayu, memakai seluar dan kain samping.

"Tuan dari mana?" tanyanya dalam bahasa Melayu.

Orang itu tersengih sahaja tidak menjawab apa-apa. Melihat itu tahulah Zainal Abidin bahawa orang itu bukan orang Melayu.

Waktu mereka sampai di tempat itu di sana telah ada sebuah bas lain yang lebih dahulu tiba, antara penumpang-penumpang di dalam bas itu terdapat dua kelamin orang Pakistan. Kedua-dua orang perempuan itu memakai purdah, yang kelihatan hanya biji matanya sahaja. Mereka membuka tutup mukanya kalau tidak ada orang lelaki lain di situ. Ganjilnya pada orang Pakistan ini ialah mereka hanya bercakap-cakap antara lelaki sama lelaki dan perempuan sama perempuan, sedangkan si suami yang satu tidak bercakap dengan si isteri kawannya.

Kemudian Zainal Abidin melihat kedua orang lelaki itu merentang sehelai kain tabir panjang di suatu tempat tidak jauh dari khemah itu, hujung tabir itu dipegang seorang sebelah dan menghadap ke khemah. Setelah itu kedua-dua perempuan itu pun pergilah ke sebalik tabir itu, menurut dugaan Zainal Abidin tentulah mereka itu membuang air besarnya. Betapa kalau ada orang lewat di sebalik sana tabir itu? Dia merasa geli memikirkan hal itu.

Pukul 4.00 petang mereka bertolak semula dan berhenti sembahyang waktu maghrib di salah satu tempat dan sekali ini Zainal Abidin ada membawa air dari tempat perhentian mereka tengah hari tadi.

Mereka selalu berhenti berteduh pada waktu tengah hari di tempat-tempat yang ada tumbuh-tumbuhan. Di tempat-tempat itu biasanya ada air. Pada suatu tempat perhentian mereka telah dikerumuni oleh orang-orang Badwi yang

meminta sedekah yang keluar dari celah-celah bukit yang berhampiran, muka orang-orang perempuannya tidak bertutup, pakaiannya compang-camping dan berwarna hitam. Perempuan-perempuan Badwi itu membuat perhiasan daripada duit-duit syiling, yang mungkin daripada duit-duit sedekah yang diterimanya, digantung berderet-deret di sekeliling mukanya dan di tengah-tengah dahinya, terjumbai bertepatan dengan hidungnya. Anak-anak kecil mereka bertelanjang bogel mungkin tidak bersekolah. Hampir setiap tempat ada peminta-peminta sedekah serupa ini dan banyak pula, tidak dapat diketahui apakah mereka itu juga yang datang berulang-ulang ataupun orangnya memang banyak.

Selama empat hari dalam perjalanan itu, entah berapa kali Zainal Abidin dan isterinya ikut sembahyang tanpa wuduk. Akan minta air daripada orang-orang India teman seperjalanannya itu mereka merasa segan, lalu sembahyanglah mereka dengan tidak berwuduk bersama-sama dengan teman-temannya itu, dan hanya mereka berdua sahaja yang mengetahui hal ini.

"Tetapi sembahyang betul, bacaannya, niatnya semuanya seperti sembahyang biasa," kata Zainal Abidin. "Cuma air sembahyangnya sahaja tidak ada." Dia tidak tahu berapa banyak orang yang berbuat serupa itu, kerana kebanyakan orang yang pergi ke Makkah tidak pernah menceritakan hal-hal yang tidak baik, kecuali hal-hal yang baik-baik dan mulia-mulia sahaja. Dia yakin Tuhan dapat memberi pertimbangannya dalam keadaan yang serupa itu.

Kira-kira pada pukul 11.00 malam yang keempatnya mereka pun sampai di Kota Madinah.

Satu hal yang menyenangkan sekali dalam perjalanan ini ialah minuman teh yang begitu enak dirasa. Hampir pada tiap-tiap tempat perhentian Zainal Abidin akan meminta air teh. Dia tidak tahu apakah memang masakannya yang menyebabkan teh itu enak dirasa ataupun kerana mereka terlalu haus kerana tekanan matahari yang terik itu.

Pada suatu tempat Zainal Abidin bertanya kepada penjual teh itu bagaimana memasaknya maka menjadi demikian sedap.

"Masak airnya, sudah panas diangkat masukkan teh, tunggu sampai hilang kelatnya, masak lagi sesudah itu

baru masuk gula.”

Tetapi dia tidak pernah mencubanya.

Di tempat perhentian bas itu di Madinah telah ada yang menunggu. Tiap-tiap orang ditanya siapa syeikhnya. Setelah diberitahu mereka dari Syeikh Jamil, maka dua orang khadam telah memikul beg pakaian mereka yang berat itu dan membawa berjalan masuk lorong keluar lorong kira-kira setengah batu ke tempat tumpangan. Tempat perhentian bas itu di dalam kota, tetapi pada waktu itu mereka tidak dapat melihat apa-apa, lampu-lampu hanya kelihatan berkelip di sana dan berkelip-kelip di sini. Banyak orang yang tidur bergelimpangan di kaki lima. Mereka kemudian sampai di sebuah rumah yang tidak berlampu, waktu diketuk seorang budak bangun membuka pintunya. Mereka dibawa naik ke tingkat dua yang juga gelap tidak berlampu. Setelah ditunjuk biliknya, khadam yang dua orang itu pun turun.

Zainal Abidin masuk ke dalam bilik itu meraba-raba berkeliling, lantainya simen, dinding, pintu. Sampah-sarap bersepah-sepah seperti kandang kambing. Waktu dalam perjalanan itu ia telah berangan-angan akan mandi sepuas-puasnya ketika telah sampai di Madinah nanti, tetapi sekarang dia tidak tahu di mana dia harus bertanya, kerana mereka berdua dicampak sahaja di dalam bilik yang gelap di bangunan yang asing itu.

Subuh itu mereka tidak dapat sembahyang kerana tidak ada air untuk wuduk. Setelah hari siang, barulah mereka dapat melihat bentuk rumah tumpangan mereka itu sebenarnya. Bilik yang mereka tempati itu seolah-olah baru sahaja ditinggalkan orang sebelum mereka sampai. Di sebuah anjung terdapat orang-orang dari Pahang dan Siam, tetapi orang-orang itu lain syeikhnya. Mereka sudah satu minggu di Madinah.

Pukul 9.00 pagi barulah wakil Syeikh Jamil itu datang membawa tikar dan lampu. “Minta maaf,” katanya. “Sebab tuan sampai ke mari sudah tengah malam, maka kami tidak dapat menyediakan tempat. Lampu-lampu di sini hanya dipasang pada rumah-rumah yang ada penghuninya sahaja.”

Makan yang pertama sesudah mereka sampai di Madinah itu dijamu oleh syeikh. Setelah itu mereka sendirilah yang mengurus makanannya. Air diupah khadam mengangkatnya

dan dimasukkan ke dalam tempayan. Sekali angkat satu rial. Pakaian-pakaian yang kotor disimpan sahaja di dalam beg kerana tidak ada tempat untuk menyucinya.

Rumah tumpangan itu letaknya berhampiran dengan Masjid Madinah maka Zainal Abidin dan isterinya pun pergi sembahyang berjemaah di masjid itu pada tiap-tiap waktu. Masjid itu cantik dan sederhana besarnya, panjangnya hampir sama dengan Masjid Abu Bakar di Johor Bahru tetapi sempit sedikit. Masjid itu ialah masjid Nabi dahulu yang kemudian diperbesar oleh orang-orang Turki. Tiap-tiap waktu ada dua orang dan kadangkala sampai empat orang muazin yang bang dari atas tiap-tiap menara memanggil orang beribadat. Tempat sembahyang antara lelaki dan perempuan dipisahkan.

Mereka kemudian dibawa oleh anak wakil syeikh itu mengunjungi makam Nabi Muhammad, makam sahabat-sahabat nabi.

Makam Nabi Muhammad terletak di tengah-tengah dan di sekelilingnya dibuat masjid. Di makam itu dilarang orang-orang melakukan hal-hal yang khurafat, kerana ada antara orang-orang yang datang ke sana mencium-cium dan menangis-nangis, pada waktu itu mata-mata Wahabi akan menariknya dan berkata, "Kita beribadat kepada Tuhan bukan kepada Nabi."

Mereka melawat sebuah masjid yang terkenal sebagai Masjid Cincin. Di masjid itu ada sebuah kolam tempat orang-orang mencampak cincinnya dan memasang niat, kata orang kalau berniat di situ niatnya itu selalu makbul.

"Kalau sudah habis musim haji nanti tentulah orang-orang di situ akan menyelamnya mengambil cincin itu dan dijual semula," fikirnya.

"Saya hanya meminta doa kepada Tuhan sahaja," katanya waktu didesak supaya mencampakkan cincin ke dalam kolam itu. Orang yang mendesaknya itu menuduhnya kafir kerana ia tidak percaya. Mereka kemudian pergi ke tempat perang Khandak.

Waktu itu di Madinah hanya padang pasir sahaja, di bukit-bukit tidak ada pokok-pokok kayu yang tumbuh. Air hanya diperoleh pada tempat-tempat yang kelihatan hijau dengan tumbuh-tumbuhan sahaja. Di tempat Perang

Khandak itu terdapat sebuah sungai di bawah tanah, di situ telah ditebuk sebuah lubang yang beberapa kaki luasnya dan orang-orang boleh turun masuk ke dalam air menerusi lubang itu. Airnya sejuk sekali dan ada ikan-ikan. Sungai di bawah tanah itu dapat dikesan tempat mengalirnya dengan melihat tumbuh-tumbuhan yang menghiju di tanah di atasnya yang bengkok-bengkok. Zainal Abidin tidak tahu dari mana air itu berasal dan di mana pula muaranya.

Mereka sampai kembali ke Madinah waktu asar, setelah sembahyang Zainal Abidin telah kehilangan seliparnya. Kasut orang-orang yang bersembahyang beribu-ribu banyaknya yang diletakkan di tepi-tepi masjid itu. Selipar isterinya masih ada di tempatnya. Setelah dicari ke sana ke mari maka kelihatanlah seliparnya itu tercampak jauh di satu tempat. Ia kenal kerana seliparnya itu berwarna hijau. Sejak itu seliparnya dan selipar isterinya dibungkus dengan kertas.

Anak wakil syeikh yang membawa mereka itu berjalan, tahu berbahasa Melayu maka mudahlah bagi mereka untuk bertanyakan sesuatu yang tidak diketahuinya. Sesudah sembahyang Zainal Abidin pun berjalan lagi untuk melihat kota Madinah, isterinya tidak ikut kerana sudah terlalu penat.

"Ada seorang Syed mahu berjumpa dengan tuan," kata anak wakil syeikh itu kepada Zainal Abidin.

"Siapa?"

"Namanya Syed Alwi, dia itu keramat, Tuan boleh meminta apa-apa kepadanya," kata anak syeikh itu lagi.

Zainal Abidin tidak percaya dengan keramat-keramat yang serupa ini. Dua tiga kali dipanggil tetapi tidak juga mahu pergi menjumpai orang yang bernama Syed Alwi itu.

"Kalau dia mahu berjumpa dengan saya dialah yang mesti datang. Mengapa pula saya mesti pergi?" jawabnya. "Saya tidak percaya dengan keramat."

Anak syeikh itu marah kepadanya.

Zainal Abidin telah pergi ke pejabat pos untuk mengirim surat. Pejabat pos itu pada waktu itu hanya sebuah bangunan kayu sahaja. Kerani-keraninya tidak ada membuat kerja apa, hanya bercakap-cakap sahaja. Dimintanya setem kepada salah seorang pegawainya, tetapi sebaliknya pegawai itu meminta surat itu dan wang untuk harga setemnya sekali. Baki duit yang diberikan itu tidak dikembalikan, lalu ia meminta setem

lagi tetapi orang itu meminta duit yang lain pula.

Pada suatu hari ia telah pergi ke kedai tukang untuk menampal cereknya. Waktu ditanya harga tampalan itu, si tukang tidak mahu memberitahunya.

"Buat kerja dahulu baru bayar," katanya. Cerek itu pun diinggalkan di situ dan dia datang semula untuk mengambilnya pada waktu petang.

"Satu setengah rial," kata tukang itu.

Zainal Abidin memberikan wang dua rial kepadanya. Ditunggu-tunggu wang bakinya tetapi tidak juga dikembalikan.

"Mana baki duitnya?" ia bertanya.

"*Alallah*," jawabnya dengan menunjukkan kedua-dua belah tapak tangannya.

Kebanyakan kedai di bandar Madinah hanya satu tingkat sahaja. Barang-barang jualan banyak yang diletakkan bersepah di kaki lima dan barang-barang itu ditutup pada waktu malam dijaga oleh penjajanya yang tidur di situ juga. Bandar Madinah yang dikunjunginya itu kira-kira sebesar bandar Seremban sahaja.

Rumah-rumah di Madinah tidak beratap, tingkat di atas terbuka begitu sahaja, yang dikenal dengan nama *sutuh*. Orang-orang boleh naik mengambil angin di atasnya itu. Ada juga rumah-rumah yang dua, bahkan empat tingkat, tetapi letak rumah-rumah itu tidak seragam, ada yang terhulur ke hadapan ke atas jalan dan ada yang tersorok ke belakang, tinggi rendah tidak ubahnya seperti bentuk kota lama di Kaherah.

Pada suatu hari Zainal Abidin sembahyang di luar masjid. Orang terlalu ramai, segala macam bangsa manusia lelaki dan perempuan. Orang-orang Melayu yang bermazhab Syafie sangat keras aturannya, orang perempuan bersentuh dengan orang lelaki batal air sembahyangnya. Orang perempuan mazhab lain tidak pakai telekung, baju dan seluar sahaja. "Aturan Syafie itu aturan *lawyer*. Tidak ada disebut dalam Qur'an."

Mazhab lain mengambil air sembahyang amat mudah. Sapu kepala sedikit dan basuh kaki. Sudah ada air sembahyang. Ini ada batal pula.

Cik Fatimah yang bersentuh dengan lelaki, mahu pulang

mengambil air sembahyang lagi.

Selesai sembahyang, ketika sedang duduk-duduk, seorang Benggali menghampiri Zainal Abidin.

"Encik dari Tanah Melayu?" Benggali itu bertanya.

Zainal Abidin mengangguk.

"Saya tinggal lama di Setapak dan selalu jual roti di Kampung Baru. Ibu saya mati saya pulang ke India. Sekarang saya di Burma, jual roti juga," kata Benggali itu.

"Bagaimana Encik tahu saya dari Tanah Melayu?"

"Saya kenal kerana encik pakai songkok."

Pendeknya ketika naik haji itu kita akan berjumpa dengan bermacam-macam pengalaman. Kadang-kadang kita bertemu dengan orang-orang baharu dan lama, yang kita tidak kenal. Walaupun orang-orang Melayu dan Indonesia itu berpuluh-puluh ribu banyaknya, tetapi mereka hilang dalam lautan manusia yang beratus-ratus ribu pula jumlahnya. Mereka hilang di sana satu di sini satu.

Pada hari yang keenam wakil syeikhnya memberitahukan bahawa bas mereka kembali ke Jeddah akan berangkat pada pukul 9.00 waktu Arab, iaitu kira-kira pukul 3.00 petang kita di sini. Orang-orang Arab mengira waktunya dari pukul 6.00 pagi yang dikira sebagai pukul 1.00 siang. Setelah sembahyang asar mereka pun menaiki bas itu menuju ke Jeddah.

Perjalanan kembali dari Madinah ke Jeddah hanya memakan masa dua hari dua malam sahaja. Bas yang akan mereka tumpangi itu berhenti di suatu tempat kira-kira sesuku batu di luar dari daerah Masjid Madinah. Bas itu lebih besar daripada bas yang lalu. Antara para penumpang, yang duduk berdekatan dengan Zainal Abidin dan isterinya terdapat tiga orang lelaki bangsa Turki yang sudah tua benar, empat orang lelaki dan empat orang perempuan serta seorang anak bangsa Kemboja. Orang-orang Kemboja itu berpakaian daripada kain hitam. Mungkin untuk mengelakkan kotor. Seorang daripadanya yang tahu berbahasa Melayu bernama Haji Yusuf.

Sebelum meninggalkan rumah tumpangannya, wakil syeikh di Madinah itu telah meminta wang kepadanya.

"Saya tidak tahu hal itu," jawab Zainal Abidin. "Saya sudah bayar semuanya di Makkah dan tuan tentu menerimanya dari sana."

"Minta izin," kata wakil syeikh itu dan diam.

Apabila panas mula terik perjalanan diberhentikan. Tempat perhentian itu sudah tetap sahaja, walau daripada mana juga orang mengambil jalannya, mereka akan sampai di tempat perhentian yang sama. Biasanya mereka sampai di tiap-tiap tempat perhentian itu tepat pada waktu sembahyang. Malam pertama di dalam bas itu kesemua penumpang hanya tidur-tidur ayam sahaja. Dalam perjalanan pulang ke Jeddah ini keadaan Zainal Abidin dan isterinya agak lebih memuaskan lagi, perutnya sudah tidak sakit-sakit lagi, makanan sudah biasa walaupun barang-barang yang dimakan itu yang ringan-ringan sahaja. Air sembahyang dibeli di tiap-tiap tempat perhentian dengan harga 50 sen demikian juga dengan teh untuk diminum.

Malam kedua mereka sampai di suatu tempat perhentian tepat pada waktu maghrib, hari sudah gelap. Semua orang turun untuk bersembahyang, tetapi salah seorang Turki itu tidak turun, ia tinggal di dalam bas. Orang Turki ini sejak dalam perjalanan selalu sahaja sakit kepala, ia ditolong oleh rakan-rakannya yang dua orang lagi dan Zainal Abidin sendiri ikut memberikan minyak ubat untuk sapu di kepalanya itu, mereka membalas pemberian itu dengan buah-buahan.

Apabila penumpang-penumpang sudah selesai sembahyang, mereka dapati orang tua Turki itu sudah tidak bernafas lagi. Kematianannya itu telah dilaporkan kepada polis dan kerana tidak seorang pun antara kedua-dua orang Turki yang tinggal itu yang tahu berbahasa Arab maka terpaksa polis itu menahan bas itu buat sementara waktu untuk mencari orang-orang yang dapat menjadi jurubahasa dari bas-bas yang datang dari Madinah dan Makkah. Tiap-tiap penumpang bas yang datang ditanya kalau-kalau ada yang tahu berbahasa Turki dan Arab. Akhirnya dapatlah seorang Turki yang datang dari Madinah, yang tahu bahasa Arab. Ia disuruh turun untuk menjadi jurubahasa. Semua barang-barang kepunyaan si mati telah dikumpulkan, pakaian dan wangnya ditulis di dalam satu daftar setelah itu barulah dibenarkan bas itu berangkat sesudah tertahan satu jam lebih. Mayat orang Turki itu telah diturunkan di tempat perhentian itu untuk dikebumikan. Kerana di dalam bas itu ada sebuah tempat kosong lagi, maka orang Turki yang menjadi juru-

bahasa itu pun ikut menumpang bersama-sama. Orang Turki yang berdua itu kembali mendapat teman pengganti kawannya yang meninggalkan dunia itu.

Bas itu telah berjalan tidak berhenti-henti lagi sampai waktu sembahyang subuh di suatu tempat perhentian yang lain pula. Drebar bas ini lebih pendiam orangnya daripada drebar bas dari Jeddah ke Madinah dahulu. Menurut yang didengar oleh Zainal Abidin, drebar bas yang dahulu itu sengaja membuat bising supaya para penumpang memberikan wang kepadanya, kalau ketika ia bising-bising itu diberi wang maka akan diamlah ia.

Sampai di suatu tempat mereka berhenti mengambil minyak petrol. Tempat itu letaknya tidak jauh dari Jeddah, Zainal Abidin telah dimarahi oleh drebar bas itu dengan kata-kata '*Majnun*'. Zainal Abidin tidak menjawab kerana ia mengetahui dirinya yang bersalah, sebab menghisap rokok ketika bas itu sedang diisi dengan minyak petrol. Drebar itu menyuruhnya membuang rokoknya itu jauh-jauh di pinggir padang.

Cik Fatimah merasa gusar mendengar maki hamun orang Arab itu, kerana suatu kesalahan yang tidak disengaja. "Kalau datang orang Arab ke Tanah Melayu dan meminta air di rumahku, tidak akan kuberi," katanya merungut.

Kecuali dengan Haji Yusuf orang Kemboja itu, tidaklah ada orang lain yang dapat mereka lawan bercakap. Semuanya menggunakan isyarat tangan belaka. Walaupun Haji Yusuf bercakap dalam bahasa Melayu tetapi loghat bahasanya agak berlainan.

Tempat mereka berhenti di Jeddah ialah suatu tempat yang merupakan satu khemah besar. Segala macam bangsa terdapat di situ. Mereka tidur di atas suatu pangkin panjang beramai-ramai. Makan serta minum dapat dibeli di situ. Di atas pangkin tempat tidur itulah mereka sembahyang dan makan.

Setelah beberapa hari tinggal di situ, maka pada suatu hari lepas sembahyang asar mereka pun berangkat menuju ke Makkah yang letaknya kira-kira 45 kilometer dari situ. Ada kira-kira lima batu sebelum memasuki kota Makkah terdapat suatu tiang sebagai isyarat 'pintu' masuk ke kota suci itu. Dari sini orang-orang yang bukan Islam tidak

dibenarkan masuk, walaupun ada juga orang-orang yang menyeludup terutama sekali orang-orang Jerman dan dalam sejarah Islam di Indonesia terdapat Prof. Snouck Hugronje, seorang Belanda yang menyamar dirinya sebagai orang Islam, namun kalau mereka itu diketemui akan diusir keluar oleh pihak yang berkuasa kota Makkah.

Mereka sampai ke kota Makkah pada waktu maghrib, di tempat perhentian bus itu telah ada khadam-khadam yang menunggu untuk mengangkat barang-barang ke tempat syeikh masing-masing yang letaknya kira-kira suku batu pula. Kebanyakan motokar di dalam kota Makkah itu besar-besar belaka, walaupun jalannya kalau dikumpul seluruhnya tidak sampai 10 batu. Jalan-jalannya penuh dengan debu.

Syeikh Jamil yang sudah berkenalan dengan Zainal Abidin waktu mula-mula sampai ke Jeddah dahulu, telah memberikan tempat di tingkat atas sekali di bangunan tempat tinggalnya yang tiga tingkat itu. Malam itu kepada Zainal Abidin dan isterinya diberi jamuan makan malam dan juga sarapan pada pagi berikutnya atas tanggungannya sendiri. Sungguhpun tempat yang diberikan kepada mereka itu elok, tetapi kotor, penuh dengan habuk, kibasnya dua tiga ekor naik sampai ke tingkat atas, di tangga penuh dengan berak kibas-kibas itu. Penumpang-penumpang di rumah itu tidak dapat berbuat apa-apa, kecuali kalau kibas itu masuk ke dalam biliknya, maka diusir keluar sahaja. Air untuk mandi dan mencuci pakaian diangkat, jamban di tingkat atas disalurkan ke tanah, tetapi kerana saluran itu dibuat daripada zink serta tidak licin pula maka tiap-tiap kali orang membuang air besar, akan kedengaranlah bunyinya jatuh ke bawah. Kadang-kadang saluran itu tersumbat pula.

Dalam musim haji itu, bapa dan ibu mentua Zainal Abidin juga ada di Makkah. Mereka itu mengambil syeikh lain. Demi mereka mendengar Zainal Abidin dan isterinya sudah sampai maka banyaklah orang-orang Negeri Sembilan yang datang bertemu. Selama di Makkah itu Zainal Abidin dan isterinya membayar makan kepada Syeikh Jamil, tidak seperti bapa dan ibu mentuanya serta orang-orang yang lain itu yang masak sendiri kerana ada tempat masak di rumah tumpangannya, kalau Zainal Abidin dan isterinya ingin makan masakan sendiri maka pergilah mereka tumpang memasak

di rumah tumpangan itu.

Udara di Makkah terlalu panas, menurut hitungan bulan Kamariah peredaran musim tidak tetap, kerana kiraan bulan Islam mengikut peredaran bulan tidak seperti kiraan bulan Masihi yang menurut peredaran matahari, sehingga tiap-tiap musim itu jatuh tetap pada waktu yang sama setiap tahun. Di tempat teduh, seperti dalam rumah tumpangan itu sahaja hawa panasnya sampai 120° F. Sejak berangkat dahulu Zainal Abidin telah berangan-angan akan melawat beberapa tempat yang bersejarah, ia ingin mengunjungi Jabal Qubis, Gua Hira. Isterinya juga mahu ikut sama. Tetapi bila terasa panas yang serupa itu sehingga tidak berdaya untuk bergerak, maka maksudnya itu pun diurungkan sahaja. *Macam mana mahu berjalan kalau begini?*

Waktu akan memasuki kota Makkah dahulu orang semua dimestikan memakai pakaian ihram, pakaian-pakaian lain disimpan dahulu. Setelah tawaf dan bercukur barulah pakaian ihram itu ditanggalkan diganti dengan pakaian biasa. Orang lelaki memakai pakaian ihram dengan kain putih yang tidak berjahit yang dililitkan ditubuhnya dan membuka kepalanya, sedangkan orang perempuan menutup seluruh mukanya.

Malam pertama mereka sampai di Makkah itu, setelah selesai sembahyang maghrib, mereka terus pergi tawaf ke Masjid Al-Haram dibawa oleh seorang pesuruh. Orang terlalu ramai dan masjid suci itu terang-benderang dengan lampu elektrik. Zainal Abidin sudah lupa semua bacaan-bacaan yang mesti dibaca ketika mengerjakan tiap-tiap upacara tawaf itu, oleh yang demikian ia ikut sahaja apa yang dibaca oleh pesuruh yang membawanya itu, lepas tawaf pergi pula sai. Berlari tujuh kali pergi balik. Isterinya tidak dapat berlari kerana kakinya sakit, lalu disewalah kereta dan dibayar kepada orang yang membawa kereta itu sebanyak satu rial. Kemudian bercukur dengan syarat dan setelah itu barulah bersalin kepada pakaian biasa, sehingga sampai musim haji.

Isteri Zainal Abidin makan bersama-sama dengan orang-orang perempuan di rumah Syeikh Jamil itu. Orang-orang perempuan di rumah itu kalau dia sesama sendiri membuka mukanya, tetapi kalau ada lelaki masuk ke tempat itu mereka terus berlari dan menutup mukanya. Suatu adat yang tidak

adil kata Zainal Abidin. Kita tidak nampak mukanya, sedangkan dia nampak muka kita. Kalau kita tidak boleh maka mereka juga patutnya tidak boleh. Di dalam Qur'an tidaklah dilarang sehingga begitu sekali, dilarang tengok sahaja dan tidaklah perlu ditutup seluruh mukanya.

Abdul Malik (Datuk) juga ikut haji tahun tersebut. Zainal Abidin telah mengunjungi ke tempat tinggalnya dan mereka berdua telah diminta oleh pelajar-pelajar Melayu di Makkah untuk bergambar bersama-sama dengan memakai pakaian Arab. Kepada Zainal Abidin telah dipinjamkan pakaian Arab lengkap dengan igalnya sekali.

Pada suatu hari Zainal Abidin telah keluar berjalan-jalan mengedari kota Makkah dengan kawan sekolahnya. Abdullah dari Negeri Sembilan, dan dengan Hashim seorang muridnya tahun 1916 dari Johor. Dari salah sebuah pintu di Masjid Al-Haram itu mereka keluar. Pintu tempat mereka keluar itu penuh dengan orang-orang Benggali dan tiap-tiap pintu yang banyak itu masing-masing ada namanya belaka.

Mereka keluar berjalan dan akhirnya telah tersesat. Puas mereka mencari-cari tetapi tidak juga bertemu dengan jalan yang mereka ketahui. Kira-kira setengah jam berputar-putar itu, mereka pun sampai pada suatu tempat bas banyak berhenti, Zainal Abidin terus teringat akan tempat itu sebagai tempat mula-mula ia sampai di Makkah dari Jeddah dahulu, maka taulah ia arah tempat syeikhnya.

Selama di Makkah itu Zainal Abidin telah mendapat demam dan dua hari masuk hospital. Doktor dan jururawat dari Tanah Melayu tinggal pada sebuah bangunan bersama-sama dengan Pejabat Haji Tanah Melayu, di situ juga ada beberapa orang bakal haji yang menumpang.

Kota Makkah dibahagi dalam beberapa bahagian dan tiap-tiap bahagian itu diberi namanya masing-masing. Di dalam bahagian-bahagian itulah terdapat lorong-lorong yang tidak sama dengan jalan-jalan di kota-kota kita di sini. Lorong-lorong itu tidak bernama. Agak sukar juga bagi orang untuk mencari sesuatu alamat, kecuali bagi mereka yang telah biasa dengan keadaan di kota tersebut.

Di Makkah sekarang sudah ada jalan raya yang baik, yang boleh dilalui oleh kenderaan dengan cepat. Sudah ada jalan kembar. Sudah ada bas. Tidak payah menunggang unta lagi

seperti dahulu, waktu itu apabila sampai di Makkah sudah tidak ada rupa manusia lagi. Walaupun dahulu perjalanan ke Makkah itu menempuh berbagai-bagai kesukaran, tetapi kerana mahu menyempurnakan rukun Islam yang kelima, maka segala kesukaran itu, biarpun sampai mengorbankan nyawa sendiri ditempuh juga.

"Macam saya yang sudah pernah merasa kehidupan yang senang, naik motokar dan naik bas, sampai di Makkah dengan tempat tidur yang tidak sempurna, terasa benar. Orang-orang yang datangnya dari tempat sejuk juga agak menderita dengan udara di Makkah yang panasnya sampai 120° F, di Tanah Melayu kita paling tinggi 80° F sahaja. Bagi orang-orang miskin kesukaran tempat tinggal memang sudah tidak menjadi soal lagi," kata Zainal Abidin. "Ketika di Makkah, saya ingin benar hendak melihat berbagai-bagai tempat, tetapi kerana terlalu panas maka saya tidak dapat pergi ke mana-mana."

Selama di Makkah, kecuali demam yang disebutkan di atas, Zainal Abidin merasa dirinya cukup sihat. Hanya yang agak mengganggu sedikit ialah kudis di kakinya. Mula-mula kudis itu berpunca dari kakinya yang melecet. Waktu di Padang Arafah, padang rata yang lebar luas itu, ia masih boleh berjalan-jalan lagi. Di Padang Arafah itu telah ada khemah lengkap dengan jambannya. Satu syeikh ada kira-kira 30 atau 40 orang. Sekhemah dengan Zainal Abidin dan isterinya ada empat orang lagi, seorang daripadanya berasal dari Kelantan dan isterinya pun orang Kelantan juga tetapi sudah lama bermastautin di Makkah. Si suami itu datang ke Makkah melalui jalan darat, ia telah berjalan melintasi India, Parsi dan Iraq. Tiga tahun lamanya barulah sampai di Makkah. Kedua-dua suami isteri ini pandai mengaji Qur'an dan mereka telah menjadi kawan baik Zainal Abidin dan isterinya.

Mereka di Arafah hanya semalam sahaja. Di sana mereka sembahyang, bersemadi dan membaca wirid. Orang-orang Syeikh Jamil telah menyediakan makanan untuk jemaahnya, kadang-kadang nasi yang mereka sediakan itu bercampur pasir. Zainal Abidin melihat air terlalu mewah di tempat ini, tetapi ia tidak tahu dari mana air itu datang.

Hari kedua mereka meninggalkan Arafah. Semua

khemah dibongkar dan mereka kembali menuju ke Makkah dengan bas. Ketika bas yang mereka tumpangi itu akan bergerak, angin pun bertiup dengan kencangnya bersamasama hujun batu. Ada kira-kira lima minit barulah batu itu cair menjadi air. Ada dua orang yang mendapat kemalangan kerana ditimpa tiang khemahnya ketika angin kuat itu bertiup.

Perjalanan pulang ke Makkah tidak begitu lancar. Basnya terlalu banyak dan jalan yang ditempuhnya hanya satu sahaja, maka merangkaklah bas-bas itu seperti semut.

Mereka singgah sebentar di Muzdalifah. Di sana mereka mengumpul anak-anak batu yang akan dilontar di Mina. Semua orang turun dari bas untuk mengutip batu dan sembahyang sunat. Tetapi Zainal Abidin dengan kudis di kakinya sudah agak payah mahu berjalan, ia tidak ikut sembahyang kerana sudah tidak ada air sembahyang lagi. Batu-batu yang akan dikutip juga sudah tidak ada.

Di Mina, ia mendapat batu dari seorang Melayu Patani, Haji Ahmad namanya, dia banyak membawa batu. Batu-batu itu mesti dilontar sebanyak tujuh kali di Jamratul Aqabah, dengan niat melempar syaitan, sambil membaca takbir. Batu-batu itu mesti dilempar pada waktu malam dan mesti diselesaikan dalam masa tiga malam tinggal di situ. Zainal kerana kudis di kakinya terpaksa diseret.

Hari yang ketiga dilakukan korban. Pada waktu menyembelih binatang korban itu di dalam hati dipasang niat memotong segala tabiat kebinatangan yang ada di dalam diri kita. Di dalam diri kita ada sifat-sifat malaikat dan binatang. Selalu ada suara kecil yang menarik kita kepada kebaikan dan ada pula suara kecil yang menarik kita kepada kejahatan. Mana yang menang akan mendapat balasan.

Daging korban terlalu banyak, kebanyakan daging itu terbuang begitu sahaja. Hari kedua ia di Mina, ia telah mendapat demam. Di Mina juga ia telah bertemu dengan Abdullah Hassan, kawannya berjalan waktu di Makkah. Bapa mentuanya juga telah bertemu dengannya sekali, tetapi kemudian telah hilang dalam lautan manusia.

Dari Mina ke Makkah ada kira-kira lima batu jaraknya. Ketika sampai kembali di Makkah Zainal Abidin sudah tidak dapat bangun lagi. Demam dan sakit kudis. Kudisnya itu

tidak boleh kena air. Menurut nasihat Dr. Abdul Ghani yang merawatnya, ia mesti tinggal di hospital. Tetapi Zainal Abidin terpaksa menolaknya kerana ia mesti kembali ke Mesir, sebab kapal yang akan ditumpanginya kembali ke Malaya akan sampai di sana.

Belanjanya selama sebulan, sejak dari Jeddah sampai selesai haji telah berjumlah £20 lebih. Kerana wangnya sudah tidak ada, maka ia pindah tinggal di rumah syeikh mentuanya. Untuk tawaf terakhir ia telah diusung mengelilingi Kaabah. Manusia terlalu ramai, maka dari jauh sahaja ia melakukan tawaf itu dengan niat.

Zainal Abidin dan isterinya telah berangkat ke Jeddah bersama-sama mentuanya. Di Jeddah ia menumpang di rumah syeikh haji mentuanya itu selama dua malam. Makan dan minum sudah tidak teratur lagi, sehingga Cik Fatimah juga mendapat sakit walaupun tidak berat. Mentuanya berangkat pulang dengan kapal laut yang berangkat pada waktu tengah malam. Hari itu ada sebuah kapal terbang ke Kaherah, tetapi ia sudah tidak punya wang lagi. Wang £50 yang dibenarkan bawa keluar dari England itu sudah habis. Zainal menjadi runsing bukan kepalang, orang yang dikenali tidak ada. Semua perkara tidak teratur. Akhirnya ia cuba meminta pinjam dari Pejabat Konsul Inggeris sebanyak £50 lagi. Ali Ghause dan Datuk A. Malik menjadi penjaminnya.

Haji Jamil seorang kenalannya dari Perak telah menghantarnya ke padang kapal terbang. Waktu sampai di sana, kepadanya diberitahu bahawa kapal terbang yang dikatakan itu belum ada lagi. Orang yang menunggu terlalu banyak dan mereka semua lalu sembahyang di padang itu sahaja. Sembahyang maghrib selesai, kapal terbang masih belum tiba. Waktu isyak telah berlalu. Akhirnya pada pukul 3.00 pagi barulah kapal terbang yang ditunggu itu sampai. Kapal terbang itu tidak bertangga pula. Orang memanjat naik bergilir-gilir. Pukul 6.00 pagi mereka sampai di Tur berhampiran dengan Suez.

Semua orang dipaksa turun di situ dan dikenakan kuarantin selama tiga hari tiga malam. Waktu itu barulah ia mendapat rawatan yang baik dari doktor Arab dan jururawat Mesir.

Sehingga di sini sahaja yang dapat kami membuat interviu secara langsung dengan Pendeta Za'ba, sebab sesudah itu beliau sudah selalu sahaja sakit-sakit. Senantiasa berulang-alik dari rumahnya ke rumah sakit. Pada masa kami membuat interviu itu pun, iaitu dalam tahun 1965, (interviu terakhir pada 11 Disember 1965), beliau hanya bercakap sambil berbaring di atas kerusi panjang di ruang tamu rumahnya. Beliau akan memakai kaca mata hitam, lalu bercerita kira-kira satu jam lamanya. Adakalanya beliau mengulangi kisah yang sudah diceritanya dan kami mendengarnya tanpa membantah.

Kisahannya sesudah ini adalah hasil penyelidikan dan interviu kami dengan orang-orang perseorangan dan kawan kenalan beliau dan juga dari hasil karya beliau sendiri.

Tidak berapa lama sesudah kembali ke Tanah Melayu, Zainal Abidin pun bersara daripada Pejabat Pelajaran. Pada waktu itu ia telah menjadi pensyarah di Universiti Malaya Singapura.

Keperluan kepada sebuah jabatan yang khusus untuk pengajian Melayu telah dianggap begitu mendesak, demi melihat perkembangan-perkembangan bahasa Melayu di rantau ini, maka berita pelantikan Zainal Abidin sebagai pensyarah kanan telah menjadi satu berita yang paling mengembirakan dan disambut dengan hangat oleh masyarakat Melayu terutamanya.

Majalah *Qalam* dalam keluarannya yang ke-31, bulan Februari 1953 telah menulis dalam tajuk rencananya berkenaan dengan pelantikan Zainal Abidin sebagai pensyarah kanan di Universiti Malaya Bahagian Melayu sebagai berikut:

Suatu berita yang patut disambut dengan gembira oleh ahli-ahli persuratan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu khasnya dan di Gugusan Pulau-pulau Melayu amnya, ialah lantikan Encik Zainal Abidin Ahmad yang lebih terkenal dengan nama Za'ba menjadi seorang pensyarah yang kanan dalam Universiti Malaya Bahagian Melayu. Lantikan itu berserta pula dengan lantikan Dr. Edward dengan Josselin de Jong.

Apabila Universiti Malaya dibuka pada beberapa tahun yang lalu maka masalah kerusi bahasa Melayu di dalam

universiti itu telah berbangkit dan bagi mereka yang mengikuti keadaan-keadaan dan perjalanan bahasa Melayu mereka yakin bahawa orang Melayu yang sangat layak dan cukup berpengalaman dalam bahasa Melayu di Semenanjung ini tidak lain ialah Za'ba dan sebab itu mereka berkeyakinan bahawa ialah orangnya yang tepat untuk menduduki kerusi itu dengan taraf duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dan lain-lain orang dan itulah juga syarat yang kita ketahui dikehendaki oleh Encik Za'ba tatkala diminta duduk di sana kerana boleh jadi ia telah jemu semata-mata terletak di bawah 'orang lain' yang sebahagiannya pula 'orang lain' itu berkelayakannya lebih rendah di dalam bahasa Melayu.

Tetapi ada pula sebahagian daripada 'orang-orang yang masih mewah di dalam bahasa Melayu' telah membidas menyatakan bahawa Encik Za'ba tidak layak menduduki kerusi itu ataupun yang di bawah daripadanya. Kita hairan mendengar fikiran ini kerana sebenarnya sebagai ahli bahasa Melayu Encik Za'ba adalah diakui memang ahlinya dan pengakuan itu bukannya sahaja diberikan oleh orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu ini tetapi juga di lain-lain tempat terutamanya di Indonesia. Di sana ia terkenal sebagai pujangga Melayu yang utama dijunjung tinggi oleh mereka itu.

Sekarang Encik Za'ba yang telah berpengalaman menjadi pensyarah bahasa Melayu di sekolah tinggi bahasa-bahasa Timur di London telah dilantik menjadi pensyarah di Universiti Malaya dan akan menjawat jawatan itu pada bulan April hadapan sedang jawatan profesor bahasa Melayu di universiti itu belum lagi diadakan sementara ini. Yang demikian adalah menjadi suatu pertanyaan bagi orang-orang Melayu, adakah pengalaman dan pengetahuan Encik Za'ba dalam bahasa Melayu itu tidak boleh melayakkannya menjadi profesor? Padahal menurut pendapat dan keyakinan kita bahawa kebolehan dan kelayakan Encik Za'ba dalam bahagian ini tidak kurang daripada profesor-profesor bahasa Melayu di Indonesia yang terdiri daripada bangsa-bangsa Indonesia sendiri. Yang demikian ini adalah menjadi suatu tanda tanya yang besar kepada kita, iaitu adakah yang demikian itu kerana kulit, padahal seorang yang seumpamanya itu tentulah ia lebih faham tentang bahasanya daripada orang lain, iaitu baik tentang penyelidikan dan pengetahuan serta petah tutur katanya? Atau adakah kerana ketiadaan sekeping kertas yang dipanggil *degree*, yang tidak dapat mengubah atau mencacat kebolehan dan kelayakan seseorang yang sememang-

memangnya layak? Tetapi di dalam apa-apa hal pun kita wajib bersyukur atas lantikan itu kerana adalah ia menjadi salah satu yang boleh kita megahkan bahawa ada bangsa kita Melayu yang berkelayakan memegang jawatan tersebut, yang boleh duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan orang-orang lain.

Mudah-mudahan Encik Za'ba yang dikasihi akan dapat menyemai bahasa kita itu dengan suatu binaan yang akan menghidupkan bahasa Melayu jati dengan subur dalam alam persuratan Melayu yang akan datang.

Dalam suratnya kepada kami yang bertarikh London, 6 Ogos 1965, R.O. Winstedt berkata:

'Tatkala beta telah mendapat pekerjaan *Asst. Director of Education* bagi membaiki pelajaran di sekolah-sekolah Melayu, adalah diterbitkan dalam warta Utusan Melayu karangan yang panjang mengatakan jawatan itu patut diberi kepada anak Melayu. Pada penglihatan beta pengarang itu seorang ahli bahasa Melayu, lalu disiasat didapati ia seorang guru Zainal Abidin. Kemudian dengan syor beta itu ia diangkat menjadi guru Melayu di *Malay College* Kuala Kangsar, lepas itu dengan syor beta juga didirikan oleh kerajaan *Sultan Idris Training College* di Tanjung Malim. Pada masa itu beta menjadi *Director of Education* lalu dipindahkan Zainal Abidin menjadi guru Melayu yang besar di Tanjung Malim itu. akhirnya bila ia sudah mendapat pangkat di *London University* kerajaan bertanyakan beta adakah ia layak menjadi pensyarah di Universiti Singapura, jawab beta, beruntung universiti kalau ia sudi menerima pekerjaan itu. Demikianlah ingatan beta fasal sahabat beta yang lama itu.'

Dalam satu majlis jamuan teh yang telah diadakan oleh Penerbit-penerbit Melayu Singapura (Qalam, Mibs, Melayu Raya dan Hiburan) dengan kerjasama Lembaga Bahasa Melayu Singapura yang telah diadakan di Hotel Sea View bagi meraikan pelantikannya sebagai pensyarah kanan itu, Zainal Abidin dalam ucapan terima kasihnya antara lain telah berkata, "Bahawa saya merasa diri saya tidak cukup layak bagi menerima jawatan yang telah diberikan kepada saya ini, kerana saya tidak mempunyai kelulusan universiti dan sebagainya. Sungguhpun begitu saya ini bolehlah diumpamakan kepada pepatah Melayu, sebelum dapat rotan,

akar pun memadailah.”

Sir Sydney Kent, Naib Canselor Universiti Malaya pada waktu itu, yang juga ikut hadir dalam majlis jamuan tersebut, Za'ba sangat merendahkan dirinya tentang kebolehan dan kelayakannya, padahal ia bukanlah orang baharu dalam pekerjaan seperti ini, ia pernah menjadi pensyarah di Sekolah Pelajaran Timur di United Kingdom. Tuan Za'ba bukan sahaja akan menjadi pensyarah yang kanan dalam Jabatan Melayu Universiti Malaya tetapi ia juga yang akan mengetuai jabatan tersebut. Sungguhpun Tuan Za'ba mengumpamakan dirinya sebagai akar, tetapi akar itu akan berguna juga dan akan digunakan sekalipun sudah ada rotan yang dikehendaki itu.”

Zainal Abidin telah mengambil ujian ijazah kesarjanaan-nya dari Universiti London dalam tahun 1953 itu juga, ketika ia telah mencapai usia 58 tahun dan telah pun menduduki kerusi Pengetua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura. Dia mendapat ijazah kelas dua.

Antara tahun 1951 dan tahun 1955, hampir setiap bulan orang dapat membaca karangannya di dalam majalah *Qalam* yang diterbitkan di Singapura. Selain daripada empat buah terjemahan syair, maka yang lain-lainnya ialah artikel-artikel panjang, yang disiarkan bersambung-sambung di dalam majalah tersebut. Artikel-artikel itu kebanyakannya mengenai bahasa dan agama. Di bawah tajuk artikelnya itu selalu diiringi dengan satu maklumat: 'Boleh disalin oleh mana-mana surat khabar yang suka', sebab ia ingin pengetahuannya itu tersebar luas di mana-mana sahaja dan ia pun tidak pernah menerima atau meminta bayaran daripada karangan-karangannya itu.

Waktu menjadi Ketua Jabatan itu yang menjadi setiausaha peribadinya ialah Abdul Rahman Abdul Rasyid. Betapa telitinya ia dalam surat-menyurat telah diceritakan oleh Abdul Rahman kepada iparnya, Mahmud Ahmad.

Pada suatu hari sesudah surat yang ditaip olehnya ditandatangani oleh Zainal Abidin, maka surat itu pun dimasukkan ke dalam sampul dan kemudian dimasukkan ke dalam peti surat universiti itu.

Petangnya Zainal Abidin bertanya kepada Abdul Rahman: "Mana surat tadi?"

"Saya sudah masukkan ke dalam peti surat," jawab Abdul

Rahman dengan hairan.

"Tolong ambilkan," katanya. "Ada salah sedikit."

Abdul Rahman menyangka tentulah kesalahan yang dikatakannya itu amat besar, ia pun merasa khuatir dan serba salah. Mungkin surat itu telah dibawa ke pejabat pos. Ia lalu berkejar mencari orang yang memegang kuncinya. Surat itu masih ada, lalu dibawalah kepada ketuanya. Zainal Abidin membuka sampul surat itu dengan hati-hati, sesudah dibacanya sekali lalu, ia pun menambah sebuah koma yang teringgal dan menyerahkan surat itu kembali ke Abdul Rahman untuk diposkan.

Azah Aziz mulai bertugas sebagai setiausaha Zainal Abidin di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Singapura dalam tahun 1953. Ia telah dianjurkan oleh Zainal Abidin mempelajari huruf Jawi dan kemudian belajar menaip dengan huruf itu. Tugasnya ialah mengumpul naskhah-naskhah tulisan tangan yang dibeli, dipinjam atau dihadiahkan untuk dibuat mikrofilem dan disimpan di jabatan tersebut.

Menurut Azah Aziz perkembangan Jabatan Pengajian Melayu di universiti itu ialah hasil ketekunan dan ketelitian Zainal Abidin, yang sangat halus terhadap kerjanya. Ia tidak pernah mengenal lelah dan jemu mencari naskhah-naskhah tulisan tangan dari koleksi peribadi orang perseorangan ataupun dari istana raja-raja Melayu. Pada pendapat Azah Aziz dia adalah seorang *born teacher* yang diterima dengan baik di mana-mana sahaja, baik oleh pelajar-pelajar mahupun guru, penuh dengan humor. Seorang yang amat hauskan ilmu pengetahuan, tidak pernah ketinggalan mengikut ceramah tamu-tamu pensyarah dan cendekiawan dari luar negeri. Ia sangat teliti ketika menulis dan membaca.

Ketelitian ini terus ada sampai ketika kami membuat interviu dengannya dalam tahun 1965. Pada hari kedua ia meminta kami membaca kembali apa yang telah kami tulis tentang interviu yang pertama minggu lalu. Ketika kami menyebut ayat: ... Lima tahun kemudian iaitu pada 16 hari bulan September 1895, lahirlah seorang *putera* bagi keluarga ini. *Putera* itu diberi nama Zainal Abidin.

Ia membuat isyarat dengan tangannya supaya kami berhenti di situ: "Nanti dahulu," katanya. "Perkataan *putera*

itu ganti sahaja dengan anak lelaki. Putera itu hanya layak bagi anak-anak raja sahaja.”

Maka kami pun menggantikan perkataan itu menurut usulannya.

Zainal Abidin terlalu cermat terutama yang bersangkutan dengan bahasa. Menurut kawan kenalannya yang dekat, kebanyakan surat yang mereka kirimkan kepadanya selalu dikembalikan dengan pembetulan-pembetulan yang dibuatnya dalam surat tersebut. Hal ini terutama dilakukan ketika ia tinggal di rumah dalam masa persaraannya dan ketika ia masih lagi dapat membaca dan menulis.

Waktu ia sudah tidak dapat menulis dan membaca lagi, Anis Sabirin dalam satu kunjungan ke rumahnya, telah menyarankan supaya ia mencari seorang setiausaha peribadi. Secara berseloroh Zainal Abidin berkata: “Kau mahu? Kalau cantik macam kau mahulah saya. Kalau tidak, tidak usah.”

Semua orang ketawa mendengarnya. Dan dia juga ikut ketawa ketika menceritakan hal itu kepada kami.

Dalam masa Zainal Abidin menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya itu, beliau telah merekomenkan beberapa orang penulis Melayu untuk mengajar sastera Melayu (tambahan) kepada mahasiswa-mahasiswa universiti itu sebagai penolongnya.

Antara orang yang mendapat kesempatan itu ialah Mahmud Ahmad. Menurut cerita Mahmud Ahmad kadangkadangkang pada masa ia mahu mengajar, Zainal Abidin datang dan berkata: “Biarlah saya mengajar dahulu, nanti separuh waktu kamu pula.”

Dia pun mulailah mengajar tanpa persediaan apa-apa. Apa sahaja masalah sastera dari sastera lama – Seri Rama, Sejarah Melayu, Amir Hamzah, Bayan Budiman dan lain-lain semuanya dihafalnya di luar kepala.

Kalau dia terlupa, maka diangkat-angkatnya pinggang seluarnya yang melorot ke bawah lalu ia berjenaka. Dengan jenakanya itu maka ia pun mengingat kembali akan sambungan cerita yang telah lupa. Cara Zainal Abidin mengajar menurut Mahmud Ahmad sangat seronok, tidak sahaja kepada mahasiswa yang mendengar syarahannya tetapi juga kepada orang luar.

Sesudah setengah jalan ia mengajar, ia pun menoleh

kepada saya, kata Mahmud Ahmad, lalu ia berkata: "Kamu duduklah, biar saya mengajar sampai habis."

Dalam masa menjawat Ketua Jabatan Pengajian Melayu itu juga Zainal Abidin telah mendapat kesempatan melawat Amerika Syarikat selama sepuluh minggu. Selain daripada melawat universiti-universiti Stamford, Columbia, Yale, Pennsylvania, Princeton, Harvard, Horsford, Chicago dan Ohio, ia juga melawat pusat-pusat Pengajian Timur. Sebelum pulang ke Tanah Melayu ia telah melawat tempat-tempat yang terkenal di negara itu. Selama sepuluh hari dari lawatannya itu ia ikut menghadiri kolokium kebudayaan Islam di Princeton dan Washington, bertemu dengan pemimpin-pemimpin Islam dari seluruh dunia.

Dalam perjalanan pulang ia telah singgah di Honolulu, Manila dan Tokyo. Sebagai seorang ahli bahasa dan sastera ia telah mengambil kesempatan melawat universiti-universiti di Jepun dan di Filipina, termasuk dua buah sekolah bahasa-bahasa asing di Tokyo yang mengajar bahasa Melayu.

Waktu ia kembali ke Singapura, penggal pertama universiti itu telah pun bermula. Jabatan itu yang berada di bawah kelolaan Dr. P.E. de Josselin de Jong, seorang sarjana bahasa Melayu bangsa Belanda dari Universiti Leiden telah mengajar 22 orang mahasiswa yang pertama.

Tiga tahun kemudian iaitu dalam tahun 1956, rombongan pertama siswazah yang mendapat ijazah am (*general degree*) dari Pengajian Melayu pun mulai keluar dari universiti tersebut.

Pada akhir tahun 1953 Zainal Abidin terpaksa menjalani pembedahan mata kanannya kerana bular (*cataract*). Pembedahan mata itu telah menyebabkan ia tidak dapat membaca selama enam minggu lamanya.

Bulan Ogos dan September tahun 1955, ia telah melawat Bali dan Ujung Padang (pada waktu itu masih bernama Makasar) dan dalam tahun 1956 pula ia ikut menghadiri seminar Ekonomi dan Pendidikan (anjuran UNESCO) di Universiti Gajah Mada, Jogjakarta.

Waktu Kongres Bahasa Indonesia yang Ke-II akan berlangsung di Medan, nama Zainal Abidin telah disebut-sebut oleh ahli-ahli bahasa sebagai wakil yang layak dari Tanah Melayu untuk menghadiri kongres tersebut, tetapi entah

bagaimana, dia tidak dapat ikut serta dalam rombongan yang berangkat ke Medan pada 23 Oktober 1954 itu, dia hanya datang ke Lapangan Terbang Kallang untuk mengucapkan selamat jalan kepada rombongan itu sahaja.

Ketiadaan Zainal Abidin dalam rombongan utusan itu hampir timbul kekecohan kecil dalam pemilihan ketua yang akan menjadi jurubicara dan yang akan memberi prasaran dalam kongres tersebut. Sebab kebanyakan anggota rombongan ialah wartawan dan penulis kreatif, bukan ahli bahasa.

Inilah kongres yang pertama di Indonesia yang telah membuka kesempatan kepada Tanah Melayu untuk ikut serta, membicarakan soal bahasa, yang juga menjadi bahasanya. Walaupun rombongan utusan dari Tanah Melayu tidak mendapat hak untuk mengundi, tetapi diberi peluang untuk mengemukakan fikiran dan pendapatnya. Ketiadaan Zainal Abidin sungguh-sungguh dikesalkan, sebab ia adalah orang yang sepatutnya ada pada waktu itu.

Kira-kira sebulan sebelum Jabatan Pengajian Melayu itu menghasilkan siswazahnya yang pertama, iaitu sebelum menjelang cuti panjang universiti itu, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya yang ketiga pun diadakan di Singapura dan di Johor Bahru (dari 16 hingga 21 September 1956). Zainal Abidin sesuai dengan kedudukannya sebagai Ketua Jabatan Pengajian Melayu telah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pusat Kongres itu.

Setiap malam, beberapa bulan sebelum Kongres itu berlangsung, ahli-ahli dan pencinta bahasa Melayu dari Singapura dan Johor Bahru telah mengadakan mesyuarat di Universiti Malaya. Mesyuarat itu kadang-kadang berakhir pada pukul 1.00 dan kadang-kadang sampai pukul 2.00 atau 3.00 pagi.

Para perwakilan daripada 51 buah persatuan dan badan-badan yang menjadi kerabat Kongres, termasuk para jemputan khas telah ikut menghadiri Kongres tersebut. Ahli-ahli bahasa dari Indonesia untuk pertama kalinya datang sebagai peserta, mereka terdiri dari Prof. Prijono, Hamka, St. Mohd. Zain, Nur St. Iskandar dan Zahari dari Medan.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang ketiga itu merupakan kongres yang paling besar dan penting yang pernah diadakan di Tanah Melayu, sebagai lanjutan daripada Kongres Bahasa yang pertama yang telah diadakan di

Singapura dalam tahun 1952, dan Kongres Bahasa yang kedua yang telah berlangsung di Seremban dalam tahun 1954.

Peranan Zainal Abidin Ahmad sebagai Pengerusi Jawatankuasa Besar dan sebagai peserta yang aktif banyak memberikan impak kepada kelancaran dan kejayaan Kongres ini.

Kongres ini telah membincangkan kertas-kertas kerja mengenai bahasa dan sastera, muzik dan seni lukis, filem dan sandiwara.

Zainal Abidin sendiri sebagai orang bahasa di universiti ikut memberi fikiran dan pendapat kepada kertas kerja yang dikemukakan oleh Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya yang berjudul 'Laporan tentang Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia'.

Keputusan Kongres ini telah diserahkan olehnya sebagai ketua kepada Datuk Abdul Razak yang pada masa itu menjawat Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, dalam satu upacara penutup yang gilang-gemilang yang telah diadakan di Istana Besar Johor Bahru.

Salah satu keputusan yang paling menarik pada akhir persidangan itu, yang diadakan secara tertutup dan rahsia antara para perwakilan, ialah untuk memberikan gelaran 'pendeta' kepada Zainal Abidin Ahmad. Keputusan ini telah dirahsiakan sedemikian rupa sehingga tidak sahaja Zainal Abidin secara peribadi tidak mengetahuinya tetapi juga para hadirin dan hadirat yang hadir dalam upacara penutup.

Teks anugerah kehormatan Kongres yang dimeterai di Istana Besar Johor Bahru pada 21 September 1956 bersamaan 6 Safar 1376 itu berbunyi:

Di saat kita menutup Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang bersejarah ini, bertemulah kita dengan titik baharu dalam sejarah perkembangan bahasa dan persuratan Melayu. Dengan Kongres ini sampailah kita kepada suatu kemuncak dari perjuangan yang dimulakan oleh nenek moyang kita, sejak zaman Tun Seri Lanang membawa kepada zaman Abdul Kadir Munsyi dan lalulah kepada zaman Syed Syeikh Al-Hadi, menjelang pula kepada zaman Abdul Rahim Kajai.

Sekalian mereka ini merupakan lambang perjuangan bahasa dan persuratan Melayu di tanah air kita yang amat kita junjung tinggi ini.

Sekarang ini bermulalah kita dengan suatu zaman baharu – zaman bahasa dan kesusasteraan Melayu bertumbuh dan berpadu, berdaulat dan dijunjung tinggi pula oleh lapan puluh juta saudara dua sebaya kita bangsa Indonesia dari Sabang sampailah ke Mareuke.

Setelah melalui zaman-zaman ini, lambang itu tumbuh semula membawa semangat dan perjuangan yang sudah didukung oleh pahlawan-pahlawan bangsa kita yang sudah hilang itu. Lambang itu kita dirikan pada hari ini, di tengah-tengah semangat seluruh bangsa Melayu yang menghendaki bahasa dan kesusasteraannya tinggi dan berdaulat. Dan ini sesuai pula dengan kebulatan azam bangsa Melayu untuk berdiri sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Di antara deruan angin di Selat Melaka, di antara kocakan ombak dan air yang memisahkan kita dengan Kepulauan Indonesia, maka dengan ini Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya yang ketiga menganugerahkan kehormatan dengan meletakkan lambang dan tonggak bahasa dan kesusasteraan Melayu kepada Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). Bahawa dengan ini diisytiharkan gelaran PENDETA kepada yang mulia Tuan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba).

Sebuah songkok khas, 'songkok pendeta' telah disediakan dan ketika isytihar anugerah kehormatan itu dibaca, ketika Zainal Abidin dijemput naik ke atas pentas untuk dimahkotakan oleh Cikgu Mohd. Noor Ahmad yang menjadi wakil Kongres, suasana pada upacara penutup itu secara tiba-tiba telah menjadi begitu khidmat, seluruh para hadirin telah dipeluk oleh perasaan keharuan sehingga sudah tidak ada yang segan-segan lagi mengeluarkan air matanya pada waktu itu. Pendeta Za'ba sendiri sudah tidak dapat berkata-kata lagi, sehingga timbullah menjadi kenyataan upacara yang telah diucapkan oleh Prof. Prijono dalam salah satu sidang Kongres itu, 'bahawa apabila perasaan cinta sudah memuncak, maka kata-kata sudah tidak perlu lagi'.

Cinta antara para hadirin dengan Zainal Abidin dan antara Zainal Abidin dengan hadirin telah mencapai klimaksnya.

Sebagai sebuah majalah yang banyak menyiarkan hasil karya Zainal Abidin sejak ia diterbitkan, maka *Qalam* dalam rencana pengarang bilangan 75 keluaran bulan Oktober 1956, telah mengalu-alukan gelaran pendeta yang telah diberikan kepada Zainal Abidin oleh Kongres Bahasa dan

Persuratan Melayu yang ketiga itu sebagai berikut:

Penulis rencana ini menyatakan setinggi-tinggi syukur atas akuan rakyat kepada ahli bahasa kita Haji Zainal Abidin bin Ahmad yang terkenal dengan Za'ba. Penulis telah menamakan beliau sejak 20 tahun yang lalu sebagai pendeta bahasa Melayu dan demikianlah seterusnya sehingga di dalam majalan *Qalam* dan juga *Warta* panggilan dan gelaran itu tetap berjalan. Pada masa itu akuan yang demikian diejek-ejek oleh setengah bahagian terutamanya di dalam masa ribut-ribut hendak menghantar rombongan bahasa ke Indonesia dahulu. Tetapi alhamdulillah sesudah Kongres Ketiga Bahasa Melayu, sesudah mereka bercampur dan mengetahui bahawa beliau patut dan mestinya mendapat gelaran pendeta dalam bahasa Melayu. Kerana itu kita terasa tidak ada satu pihak yang lebih bersyukur merasa gembira dan bersyukur agar dapatlah terus berkhidmat kepada bahasa yang sangat besar ertinya dengan kebangkitan bangsa pada masa yang akan datang. Inilah kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pemberian gelaran Kongres yang bermakna rakyat meletakkan seseorang itu pada tempatnya yang sebenar.

Dalam Kongres itu juga Zainal Abidin telah dilantik dengan sebulat suara menjadi pengerusi tetap Lembaga Tetap Kongres.

Minggu berikutnya, sesudah bekerja dengan tidak mengenal lelah dan jerih, Zainal Abidin pun mendapat serangan penyakit jantung yang agak berat. Serangan penyakit itu telah berlaku ketika ia sedang memberi kuliah. Dia terpaksa meringkuk di rumah sakit selama satu bulan. Tetapi setelah dibenarkan pulang, dia telah disusuli pula dengan penyakit saraf yang menyebabkan ia sekali lagi tidak dapat menjalankan tugasnya selama dua bulan.

Kali ini ia telah dinasihatkan supaya beralih udara dan menjauhkan diri dari kesibukan pekerjaan ke suatu tempat peranginan yang baik. Ia memilih Bukit Fraser. Tetapi setelah dua minggu tinggal di bukit itu, kesihatannya masih belum pulih juga. Akhirnya ia pun pergi ke Taman Negara di Pahang pula. Dua minggu di taman itu kesihatannya kembali baik seperti sedia kala dan pada pertengahan bulan Januari 1957 dapatlah kembali menjalankan tugasnya semula.

Dua tahun kemudian iaitu dalam bulan Januari 1959, ketika ia mencapai umur 64 tahun, ia pun mohon bersara dari jawatannya kerana keadaan kesihatannya yang semakin lama semakin mengganggu pekerjaannya.

Pada 17 April 1959 tercapailah suatu perjanjian sahabat antara Malaysia (dahulu Persekutuan Tanah Melayu) dengan negara Republik Indonesia. Sebagai tindakan dari perjanjian ini, satu perjumpaan antara Jawatankuasa Ejaan Rumi Malaysia (dahulu Persekutuan Tanah Melayu) yang diketuai oleh Tuan Syed Nasir dengan Panitia Pelaksanaan Kerjasama Bahasa Melayu-Bahasa Indonesia yang dipimpin oleh Dr. Slamet Mulyono, telah diadakan di Jakarta antara 4 hingga 7 hari bulan Disember 1959. Hasil dari pertemuan ini kedua-dua pihak telah mengumumkan satu persetujuan mengenai ejaan baharu yang diberi nama *Ejaan Malindo*. Menurut pengumuman itu *Ejaan Malindo* itu akan dirasmikan selewat-lewatnya pada bulan Januari 1962. Kerajaan Malaysia (dahulu Persekutuan Tanah Melayu) telah mengesahkan penerimaan ejaan baharu itu, tetapi tidak dapat dilaksanakan terus kerana menunggu pengesahan dari Pemerintah Indonesia.

Kemudian timbullah 'konfrontasi' dan soal ejaan itu senyap begitu sahaja. Apabila konfrontasi tamat (setelah tiga tahun lamanya) Malaysia dan Indonesia kembali berbaik-baik. Peluang untuk menghidupkan semula soal *Ejaan Malindo* terbuka. Kerajaan Malaysia terus membentuk sebuah Jawatankuasa Bahasa/Ejaan diketuai oleh Tuan Syed Nasir Ismail. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk:

Mengadakan rundingan langsung dengan Jawatankuasa Bahasa Pemerintah Indonesia dengan maksud bagi mencapai persetujuan yang seluas-luasnya di dalam penggunaan dan perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia, dan untuk memenuhi maksud tersebut supaya mendapat persetujuan dalam lapangan:

- (a) Bahasa dalam jangka panjang.
- (b) Pertukaran bahan-bahan berkenaan dengan bahasa dan sastera.
- (c) Soal pemakaian istilah-istilah.

Tidak lama sesudah itu Zainal Abidin pun ikut dalam

rombongan Jawatankuasa Ejaan Malaya yang berkunjung ke Indonesia untuk merundingkan penyeragaman ejaan antara kedua-dua buah negara. Rombongan ini bersama-sama dengan Duta Besar Malaya ke Indonesia, Encik Senu Abdul Rahman telah diterima oleh Presiden Sukarno di Istana Merdeka.

Dalam rombongan yang terdiri dari sembilan orang itu, Zainal Abidin duduk sebagai penasihat. Di antara yang ikut termasuklah Aminuddin Baki, Zainal Abidin Ali, Mahmud Ahmad, Muhammad Noor Ahmad, Ramli Abdul Hadi, Buyung Adil dan Suffian Sahuri sebagai setiausaha. Sementara perwakilan di pihak Panitia Ejaan/Indonesia pula terdiri dari Prof. Dr. Slamet Mulyono, sebagai ketua; E. Katoppo, N. Sutan Iskandar, Imrad Idris dan Hadi sebagai setiausaha.

Perundingan pertama antara Jawatankuasa Ejaan Malaya dan Panitia Ejaan Indonesia ini telah diadakan di Gedung Proklamasi, Pegangsaan Timur, tempat sang saka merah putih pertama kali dikibarkan oleh Bung Karno ketika memproklamasikan Indonesia merdeka pada 17 Ogos 1945 dulu.

Dalam bulan September tahun itu juga, sebelum ikut dalam rombongan Jawatankuasa Ejaan Malaya ke Jakarta, Zainal Abidin telah dianugerahkan ijazah kehormat *Doctor of Letters (D.Litt.)* oleh Universiti Malaya sebagai mengenang jasa dan baktinya kepada bahasa dan persuratan Melayu yang tidak ada tolok bandingnya.

Zainal Abidin kemudian dianugerahkan bintang kehormatan PMN oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan membawa gelaran 'Datuk' dan kemudian meningkat menjadi 'Tan Sri' dalam tahun 1962.

Di atas anugerah itu Abdul Rahman Talib, Menteri Pelajaran pada waktu itu, juga salah seorang daripada muridnya telah berkata: "Anugerah itu diberikan kepadanya kerana baktinya yang luar biasa dalam mengangkat status bahasa Melayu daripada tiada kepada keadaannya sekarang ini."

Lembaga Tetap Kongres dan para ahli bahasa Melayu serta kawan-kawannya telah mengadakan satu jamuan bagi meraikannya kerana mendapat anugerah tersebut. Dalam jamuan tersebut Zainal Abidin secara jujur telah bercakap

tentang bahasa yang telah diperjuangkannya selama ini. "Saya dahulu," katanya, "tidak suka akan kemasukan bahasa Indonesia ke dalam bahasa Melayu. Tetapi sekarang ini saya telah sedar bahawa perkembangan bahasa itu tidak boleh disekat-sekat, seperti kita tidak dapat menyekat cahaya yang memancar. Sekarang saya sendiri, dalam ucapan saya ini pun telah menggunakan perkataan Indonesia yang saya tidak suka dahulu. Kalau ada orang yang bertanya mengapa saya memakai perkataan-perkataan organisasi, situasi, demarkasi dan lain-lain lagi, tidak *organization*, *situation* dan *demarkation*. Saya akan menjawab kita mengambil perkataan-perkataan ini dari Indonesia bukan dari Inggeris dan kita tidak mahu tahu dari mana pula mereka mengambil perkataan-perkataan tersebut.

Ucapannya yang begitu berharga pada waktu itu tidak ada yang mencatatnya, tidak pula ada wartawan yang menulisnya dalam surat khabar.

Walaupun ia akhirnya telah memperoleh apa yang sangat-sangat dihajatnya, iaitu dapat bersara dan berehat, untuk menumpahkan perhatiannya yang lebih banyak pada mengarang dan menulis, tetapi tenaganya masih diperlukan lagi di tempat lain.

Zainal Abidin ikut duduk dalam berbagai-bagai badan, sebagai Pengerusi Tetap Lembaga Tetap Kongres ia menjadi anggota Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan bertindak sebagai timbalan pengerusi, pernah pada suatu waktu ia memangku jawatan pengarah ketika Tun Syed Nasir Ismail, pengarahnya, berkunjung ke Amerika Syarikat selama tiga bulan.

Selama lima tahun ia berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengelola, iaitu dari tahun 1959 sampai tahun 1963, ia banyak meninggalkan kesan yang baik tidak sahaja kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri tetapi juga kepada koleganya. Ia terkenal sebagai seorang yang tegas, saksama dan berperaturan. Membuat sesuatu keputusan yang mengenai dengan pekerjaan tanpa memilih kasih dan sangat objektif. Seorang sahabat yang jujur dan juga seorang musuh yang bertimbang rasa. Walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka masih memerlukan tenaga dan fikirannya tetapi Zainal Abidin telah memohon meletakkan jawatannya kerana

usianya telah lanjut, kesihatannya terganggu dan dia sangat bercinta untuk menulis rencana-rencana yang telah dirancang olehnya selama ini.

Zainal Abidin juga duduk dalam *Film Censorship Appeal Board* beberapa tahun lamanya dan ia pernah mengambil tempat Tuan T.H. Tan sebagai pengerusi apabila yang kemudian ini berhalangan hadir.

Zainal Abidin telah menarik diri daripada hidup yang aktif ialah setelah keadaan kesihatannya sudah tidak mengizinkan lagi. Ia terus tinggal di rumah bersama-sama isterinya, hanya sekali-sekali sahaja keluar menghadiri sesuatu pesta atau perayaan yang dianggap mustahak sahaja, dan ini pun akhirnya terpaksa dihentikan apabila ia sudah tidak dapat bergerak ke mana-mana lagi.

Pada 13 Mac 1964 isterinya yang setia dan yang amat dikasihinya, Datin Hajah Fatimah tiba-tiba meninggalkannya dalam usia 62 tahun. Kehilangan isterinya itu merupakan satu pukulan yang teruk bagi dirinya, yang memang sudah dalam keadaan uzur. Ketika bercerita tentang kematian isterinya itu kepada kami, ia terus mencucurkan air matanya, lebih-lebih lagi apabila ia mengenangkan satu peristiwa yang katanya terus terang menjadi semacam seketul batu yang berat di dalam dadanya.

Isterinya itu juga mempunyai sejenis penyakit yang serupa dengan salah satu daripada penyakit yang sedang dihidapinya. Pada malam itu isterinya telah diserang oleh penyakit tersebut dan dia tidak sanggup untuk melit at penderitaannya, sedangkan ubat sudah habis, ia lalu mengambil ubatnya dan diberikan kepada isterinya. Kemudian barulah ia teringat bahawa walaupun penyakit sama dan ubatnya mungkin sama, tetapi *nature* penyakit isterinya tentulah tidak sama dengan *nature* penyakitnya sendiri.

Waktu kecil Hajah Fatimah (yang kemudian dikenali oleh kawan-kawannya dengan nama Kak Teh) tidak pernah bersekolah kerana pada zaman itu anak-anak perempuan tidak dibenarkan oleh orang tuanya menuntut ilmu selain daripada ilmu agama, tetapi ketika ia menjadi seorang ibu ia sangat kuat menggalakkan anak-anak perempuannya bersekolah dan mencari ilmu.

Kerana mengingatkan taat setia isterinya itu, maka satu

biasiswa yang dinamakan Biasiswa Datin Hajah Fatimah Za'ba telah diberikan oleh Zainal Abidin kepada Kolej Perempuan Tengku Kursiah Seremban. Biasiswa itu berjumlah \$15 000. (Dua belas ribu ringgit dikhaskan menjadi modal dan dilaburkan dalam perusahaan yang difikirkan baik oleh Lembaga Pentadbiran Kolej itu dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan, dan dari keuntungannya dijadikan biasiswa bagi membantu penuntut-penuntut yang ada kelayakan tetapi kurang mampu untuk membeli buku-buku pelajaran. Bakinya yang \$3000 untuk menambah buku-buku di dalam perpustakaan kolej tersebut).

Zainal Abidin berkata, ia mengeluarkan derma itu kerana mengenangkan kematian isterinya. Ia ada sedikit wang, ia tidak lagi berhajat mahu beli tanah dan rumah. Anak-anaknya sudah dapat kerja yang baik-baik dan tidak perlukan bantuannya lagi.

Ia memberi biasiswa kepada Kolej Tengku Kursiah itu kerana Tengku Puan Besar Kursiah ialah kawan sepermainan isterinya pada masa kecil dan ia pun orang Negeri Sembilan pula. Sekolah-sekolah lain banyak orang lain yang dapat memberikannya, dan ia memulakan dengan sekolah itu. Ia memberikan derma itu bukan kerana inginkan nama tetapi kerana faedahnya, sebab kalau wang diberikan kepada sekolah amat besar gunanya.

Zainal Abidin juga telah membuat satu sumbangan yang paling besar kepada pelajaran dan penyelidikan ilmiah di Malaysia ini, ketika pada 16 Oktober 1965 ia menyerahkan sekeping cek berharga RM10 000 dan 4000 naskhah buku kepada Universiti Malaya. Wang itu untuk dijadikan *research fellowship* yang akan diberi nama *Za'ba Research Fellowship*. *Fellowship* ini terbuka bagi siswazah Sarjana Sastera di dalam jurusan Pengajian Melayu dan Pengajian Islam sebanyak \$500 setahun.

Ucapan balas Zainal Abidin, terhadap ucapan terima kasih yang diucapkan oleh Prof. R.L. Huang, Pemangku Naib Canselor, Universiti Malaya ketika penyerahan cek dan buku-buku tersebut amat menarik. Kami siarkan ucapannya yang dibuat dalam bahasa Inggeris dari transkripsi yang kami buat dari pita suara Radio Malaysia:

Prof. Huang and gentlemen,

I must thank you for all you have said about me in introducing me to my old friends here most of whom I have known from the time when I was in Singapore. I feel very greatly honoured by your presence here. It has turned out to be the opposite of what ought to have been. Properly speaking, to make the presentation, I should myself have gone to the university, but instead of that the university has come to me with all these paraphernalia of tea-party reception and so on.

This reminds me of the anecdote about Muhammad and the mountain, the gist of which has been crystalized in the popular saying which runs.

'And if the mountain cannot come to Muhammad, then Muhammad will go to the mountain'.

Similar things have happened in this case, in any case, I am very happy that my small contribution has been or is being accepted by the university, very graciously accepted by the university. It has been my wish and my desire for some time, to do something or to have somethings, some sort of a service to the university in the way of furthering higher studies and furthering its pursuit of higher learning. It is now being fulfilled that desire and wish of mine and I hope it will be of some use to the university, small thought it is. It is in fact small enough, only \$10 000 but the intention in the giving is I can assure you large. This again reminds me of another anecdote about King Solomon, the great ancient king of the Hebrews and the hookoo bird. (Hookoo bird is a kind of woodpecker).

The hookoo bird was supposed to be a very great favourite of King Solomon. So one day, during a review of the troops on the occasion of the celebration of his majesty's birthday, all the gaieties of the ministers, the great people were giving presents to the king in honour of his birthday. The hookoo bird came with a grasshopper in its beak and King Solomon was supposed to be able to understand the language of beasts and birds. So the hookoo probably spoke or probably showed by his manners saying that, gifts are given in the measure of its giver's worth, not in the measure of its receiver's. For if gifts are given in the measure of the worth of the man, to whom it is given, then for you, O great king the only suitable gift would be the whole world and all it contains.'

I am in the same position today, as it was between King Solomon and the hookoo bird. My gift is very small indeed

and I hope small as it is, it does express some of the feelings I have in giving it and I hope, it will go in some way to help as I intended further the work of research in the two departments. I am mostly interested in the Department of Malay Studies and the Department of Islamic Studies, and the relations to Malays and Malaysia.

Turning to the books, you can see my house, my room here is surrounded with books, and here are samples or specimens typical of the rest of the books which are to be seen in my bookcases. There is another large bookcase inside, three outside here and there are several bookcases at the back, books of less value, but there are books and books and books. Not to say that I am a great reader or a great scholar and a great student, but I am a collector. I am a lover of books and collect all these books. I never throw them away and that is why over forty or even more than forty years, the books have been accumulated and I don't know where to keep them. Many of them I have read and but many also I have never read but I keep them and now I have come to a decision that the best place where to keep the books or to hand over the books is to the university.

This proposal was made some time ago to the former Vice Chancellor, Sir Alexander Openheim, and he readily accepted my offer. The original arrangement was that these books were to be kept separately because it was not possible to incorporate it or to integrate it to the main library and I did want it to have its own identity. So it was agreed that the books will have to be kept separately, probably in the Dean's Office or somewhere in the university.

But now I have second thought. Then I have thought over the difficulties of overlapping administration by bibliographing administration. It might cause difficulty in looking after the books or giving it proper care if placed elsewhere outside the main library of the university, and if that is true, then I feel there is no objection. I don't mind if the books are to be integrated into the main library with the special condition which was suggested by Prof. Openheim himself. But at that time, I declined to accept it, but now I am willing to accept with that condition that the books are to be marked with some sort of plate of with some sort of stamp to indicate that they come from my library or they come from my donation. Every single copy should have the stamp or mark or plate, which shows that it is from my

collection and then from that condition, I am quite willing to have these books integrated into the main library.

I know many of these books are already available at the university, in the university's library, but many too, those old books probably are not available. They are out of print and they are valuable books. Books for example like, "The Development of Muslim Theology, Jurisprudence and Constitutional Theory, The History of Philosophy in Islam, Islam and Modernism in Egypt" and many other books. As far as I know they are no longer available and they are out of print and these books are with me and they are among those which I am going to present to the university.

Coming back to the story of King Solomon and the hookoo bird, this applies also in the case of the book I am presenting. The books are of varying standards. They are not of high standard or university standard all through. Some or them are mere text books, school text books, arithmetic, reading and so on. But as I have been a collector as I said just now, I collect all these books, big books, advanced books, high standard books and low standard books. They are all here. If you are willing to accept, I will give them all to you whatever standard they are whatever class, whatever kind of books. But if you care to do otherwise, you select only those suitable for the university library from the university standard, you can do so and leave the rest here.

I think that is about all I remember what I have to say and I hope as I have hoped with a sum of \$10 000 I am giving, I hope in this case the books also will be of use to students both in the Malay Department and in the Islamic Department. In addition, I would like to add the bulk of the books I have collected are not concerned with Malay Studies or Islamic Studies. They are books of general reading, nothing connected with Malay Studies and Islamic Studies but they are books of general interest. I have books on linguistics, even on mathematics which is not my subject at all and so on. So in handing over the books which I will do later presently, I do so with every hope that the books will be properly taken care of and the time of handing over, it is very difficult to decide.

Originally, I have hoped to have it handed over after I am no more, but since my health is not very good and I am not in a position to use the books myself at present. I don't know, I may recover become healthy and vigorous again, I

may require the books, that I don't know. But in my present state of health, I am unable to sit or even to write; to say nothing about reading of books, references and so on. In a way I am inclined to stick to the original plan, and that is the books will be handed over by my heir after my death which may be soon which may be quite long still. I may live another twenty years the most. In any case, it will be decided later whether to hand it before my death or after my death.

And now, I have the pleasant duty of handing over first of all the cheque to Prof. Huang, Vice Chancellor, this \$10 000 and a list of these books and this statement of the nature of the collection I have already, I have sent some time back to the Registrar through my son since I am not able to deal with these matters and there is a copy of the list which I sent before and again as a token, I hand over this list to the Ag. Vice Chancellor who is the one to receive these books as a token as a symbol of what is to come. Thank you.

Di dalam satu temu ramah dengan seorang juruhebah dari Radio Malaysia pula mengenai derma yang diberikannya itu, Zainal Abidin berkata bahawa kebanyakan penuntut Melayu di universiti, apabila tamat pengajian mereka tidak mahu memasuki lapangan akademik, mereka jarang mahu mengambil tahu tentang pelajaran sesudah mendapat ijazah sarjana, heboh dengan kehebatan masing-masing. Harapan mereka yang besar ialah pekerjaan, kebanyakan mereka akan menjawat pekerjaan pegawai MCS dan pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Dengan ini mereka akan lupa tentang lapangan akademik, walaupun di lapangan pekerjaan mereka berjaya. Berkenaan dengan mahasiswa-mahasiswa wanita pula, beliau menyatakan kebanyakan daripada mereka menjadi guru selepas tamat pengajian, tetapi beliau berasa yakin bahawa mereka akan bertambah maju di masa hadapan. Walau bagaimanapun jumlah anak-anak Melayu di universiti pada masanya sangat berkurangan, jikalau dibandingkan dengan bangsa asing, misalnya jikalau penuntut-penuntut bangsa asing 300, penuntut Melayu cuma 100. Ini adalah kerana jumlah murid yang masuk ke sekolah Inggeris sangat berkurangan kerana kebanyakan orang-orang Melayu tinggal di kampung dan kenderaan untuk pergi ke sekolah di bandar sangat susah. Tetapi

sekarang ini anak-anak Melayu sudah mulai belajar di universiti, kalau dahulu (masa di Singapura) cuma 12% tetapi sekarang sudah meningkat kepada 25% hanya dalam masa lima enam tahun sahaja, dan pada fikiran beliau jumlah ini akan bertambah lagi pada masa hadapan.

Dalam tahun 1965 iaitu dalam bulan September, Zainal Abidin telah dimasukkan ke Rumah Sakit Assunta dan tinggal di sana selama empat hari. Penyakit yang telah dihidapinya selama 15 tahun itu telah kembali semula, apabila ia di luar dari dugaannya, lupa meminum ubat seperti yang biasa dilakukannya selama ini. Ubat yang biasa diminumnya itu dibelinya dari India melalui Kedutaan Malaysia di sana.

Batu-batu telah mulai berkumpul di dalam pundi-pundinya, menurut Dr. Balasundram dan Dr. Emile yang telah memeriksa dengan teliti, batu yang di dalam pundi-pundinya itu tidak mendatangkan sakit apa-apa kepadanya dan akan tetap tinggal di dalam pundi-pundi itu. Mereka telah mendapati bahawa ada penyakit lain pula yang akan dihadapi olehnya iaitu ulas yang ketiga dan keempat dari tulang belakangnya telah menjadi tajam sehingga menyebabkan ia berasa sakit apabila lama duduk tegak atau berdiri dan dengan demikian terpaksa ia berbaring sahaja. Tulang belakang ini tidak dapat dipotong tetapi harus diubati dengan fisioterapi iaitu dengan memancarkan cahaya tepat pada ulas tulang yang bersangkutan. Mereka juga menasihatnya mengubati matanya yang sudah tua itu.

Pada 28 Januari 1970 ia telah menjalani pembedahan mata di sebuah klinik di Kuala Lumpur yang dilakukan oleh Dr. Kashmihendar Singh. Ini ialah pembedahan mata yang kedua kali yang telah dilakukan atas dirinya, kali pertama dahulu ketika ia menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, Singapura.

Bertepatan dengan Hari Konvokesyen yang pertama Universiti Kebangsaan dan pertabalan Tun Abdul Razak, Perdana Menteri sebagai Canselor pertama universiti itu pada 23 Jun 1973, Zainal Abidin sekali lagi diberi ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D.Litt)

Pemilihan terhadap dirinya sebagai seorang pejuang dan pencinta bahasa dan sastera Melayu oleh universiti yang telah didirikan dengan aspirasi kebangsaan, amat tepat sekali. Ia

ialah lambang dari perjuangan bahasa dan persuratan Melayu, lambang yang telah didirikan semula oleh Kongres Bahasa dan Persuratan yang ketiga di Johor Bahru pada 21 September 1956, 17 tahun yang lalu.

Dalam satu persidangan akhbar, Datuk Dr. Ariffin Ngah Marzuki, Naib Canselor universiti itu, berkata: "Kurnia ijazah ialah kerana mengenang jasanya tidak ada tolok bandingnya dalam memperkembang dan menghidupkan bahasa dan persuratan Melayu. Ia seorang tokoh yang tiada dua dalam negara ini dan pakar serta perintis bahasa Melayu yang telah menjadi semacam legenda. Sudah kena pada tempatnya kurniaan itu diberikan kepadanya oleh Universiti Kebangsaan kerana universiti ini merupakan universiti yang pertama di negara ini yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar."

Penganugerahan ijazah Doktor Persuratan Kehormat kepadanya telah disambut dengan gembira oleh masyarakat Melayu, terutama para penulis. Ishak Haji Muhammad yang kebetulan pula menerima ijazah yang sama dari Universiti Malaya, telah berkata: "Tidak hairan kalau ia mendapat berbagai-bagai anugerah kerana jasanya dalam meninggikan mutu bahasa Melayu. Ia adalah ahli bahasa yang tunggal dan bijak dalam segala aspek ilmu persuratan."

Sebaliknya Zainal Abidin yang dalam keadaan uzur di rumahnya berasa amat dukacita, dan kecewa kerana tidak dapat hadir untuk menerima ijazah tersebut. Dalam suatu interviu dengan Rahamah Saad, *Utusan Malaysia*, 13 Jun 1973, Zainal Abidin berkata: "Saya sungguh-sungguh menghargai dan menghormati anugerah yang sungguh berharga itu, tetapi apa boleh buat, saya tidak berdaya lagi."

Dia juga menyatakan dukacitanya kerana tidak dapat lagi memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara dan ia menganggap hal ini satu kerugian besar bagi pihak dirinya sendiri. Ia merasa begitu hampa apabila mengenangkan segala idea-idea yang hendak disampaikan kepada masyarakat sudah tidak dapat dilakukannya lagi.

"Saya sudah tidak dapat menumpukan perhatian kepada penulisan kerana fikiran saya tidak seperti muda-muda dahulu."

Dia hanya menghabiskan masanya dengan mendengar

radio kadang-kadang sampai pukul 1.00 malam. Siaran-siaran radio luar negeri semuanya diikutinya dengan teliti. Ia terus membaca, walaupun ia sudah tidak dapat melihat dengan baik. Selama ia uzur itu, ia dijaga dengan setia oleh Zaiton, anaknya.

Pada 7 hari bulan Julai 1973, Zainal Abidin telah terjatuh di dalam bilik mandi di rumahnya. Akibat dari kejatuhan itu ia tidak boleh lagi buang air kecil. Ia segera dibawa ke Rumah Sakit Besar. Doktor telah berusaha memberikan pertolongan kepadanya dan sesudah sepuluh hari ia tinggal di rumah sakit itu, maka ia pun dibenarkan pulang dan diminta datang tiap-tiap tiga minggu sekali.

Empat hari sebelum genap tiga minggu yang kedua, ia telah mendapat sakit kembali pada pangkal tiub yang diberikan kepadanya dan dibawalah sekali lagi ke rumah sakit untuk dirawat. Dalam masa merawatnya itu ia diberikan suntikan sekali seminggu dan bersama-sama dengan doktor dan jururawat yang menjaganya, maka anaknya Zamrud tidak pernah renggang dari sampingnya. Semasa di dalam rumah sakit itu anak-anaknya, dan juga sahabat handai jauh dan dekat banyak yang datang mengunjunginya, terutama pada hari Ahad. Keadaan penyakitnya semakin hari semakin teruk dan ia sudah tidak dapat bangun apalagi mahu berjalan-jalan. Ia yang begitu kuat semangatnya, telah mulai putus asa.

Akhirnya pada hari Khamis 18 Oktober 1973 ia terpaksa menjalani pembedahan. Selepas pembedahan itu ia kelihatannya bertambah tenat. Muntah-muntah dan sakit seluruh tubuh. Doktor memasukkan tiub ke dalam lubang hidungnya kerana ia tidak dapat lagi makan melalui mulutnya. Pada waktu krisis itu ia amat ingin pulang ke rumahnya, seolah-olah ia tahu masanya sudah sampai dan ia ingin benar mati di rumahnya sendiri. Pada hari Selasa 23 Oktober 1973, iaitu enam hari selepas dibedah, ia pun dibawa pulang ke rumahnya sebagai memenuhi permintaannya. Tetapi ajalnya hanya sampai di situ sahaja, ketika dalam perjalanan pulang ke rumahnya dengan ambulans rumah sakit itu, ia telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Bersama-sama dengannya ketika itu, ialah dua orang anaknya Zamrud dan Raihanah, seorang jururawat, atendan dan drebar ambulans. *Innalillah wainna ilaihi raji'un.*

Seorang patriot bangsa telah kembali menghadap Tuhan-nya dengan meninggalkan segala jasa dan baktinya yang tidak dapat dinilai dengan *material*.

Kematian Zainal Abidin telah disambut dengan perasaan dukacita oleh rakyat negeri ini, terutama oleh beribu-ribu orang muridnya yang tersebar di seluruh Semenanjung, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura.

Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia amat berdukacita dan terharu atas berpulangnya Allahyarham itu. Dalam satu kenyataan Tun Abdul Razak berkata: "Allahyarham akan senantiasa diingat sebagai seorang nasionalis ulung dan anak watan yang telah banyak berjasa dan berbakti kepada negara terhadap perkembangan bahasa dan persuratan Melayu."

Datuk Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri juga menganggap kepulangan Allahyarham itu sebagai satu kehilangan kepada bangsa Melayu akan seorang pujangga yang amat dihormati.

"Kita tidak akan jumpa orang yang sepertinya lagi, yang telah menghabiskan sepanjang hayatnya berusaha untuk kepentingan bangsa dan negara," kata Datuk Haji Asri, Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas, yang sejak kecil menganggap Zainal Abidin sebagai seorang pejuang, yang senantiasa memberi inspirasi kepadanya untuk menulis.

Surat khabar *The Straits Times* dalam tajuk rencananya yang berjudul 'Pendeta Za'ba', keluaran 24 Oktober telah menulis:

The late Pendeta (Sage) Za'ba was the first Malay pioneer of the scientific study of the Malay language. The others were English colonial scholars, such as R.J. Wilkinson and Richard Winstedt. Although Wilkinson was the first to attempt a rational system of spelling in romanised Malay, Za'ba improved upon his work. Za'ba's system, known as Sistem Ejaan Sekolah, became the standard system in Malaysia. Za'ba studied the Malay language in its totality – in the context of Malay culture, Islam and in both its forms – Jawi and Rumi.

His monumental work "Pelita Bahasa Melayu" (Lights of the Malay language) in three volumes, is a masterpiece. Za'ba showed that a study of living language must cover its original

and ascribed characteristics, especially Arabic and Islamic in the case of the Malay language. He thus made the linguistic study of Malay more comprehensible to the Malay student.

Za'ba also wrote books on Malay culture, history, and on Islam and philosophy. After the war, he was involved in politics and in the efforts to establish Umno. But Za'ba was no politician. He returned to his books and continued his studies on the Malay language. In 1956 his labours were recognised, the title of Pendeta being conferred on him. Other honours were the government and literary bodies followed. The greatest tribute that has been paid him is that the "raised the status of language from nothing to its present position."

Sementara *Utusan Melayu* keluaran 25 Oktober dengan tajuk 'Jejak Langkah Za'ba,' telah memberi *tribute* dalam tajuk rencananya sebagai berikut:

Selain dari orang yang pertama membuat kajian ilmiah tentang bahasa Melayu, Allahyarham Pendeta Za'ba adalah juga seorang nasionalis tulen yang sangat mencintai tanah air.

Beliau yang menjadi pengerusi penaja bagi menubuhkan UMNO yang bersidang di Kuala Lumpur dalam tahun 1946. Beliaulah yang bertungkus-lumus menghubungi badan-badan dan persatuan-persatuan Melayu bagi mengadakan perjumpaan menentang Malayan Union.

Kecintaan Allahyarham kepada tanah air dan juga bangsa lebih banyak disalurkan melalui hasil karya dan pemupukan bahasa ibunda. Beliau yakin bahawa bahasa harus ditegak dan diperkembangkan.

Hal tersebut difahami dan disetujui oleh ahli-ahli bahasa dan pencinta kebudayaan yang lain. Dan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga dalam tahun 1956 yang dipengerusikan oleh beliau, cogan kata 'Bahasa Jiwa Bangsa' diluluskan yang sehingga kini dipergunakan sebagai lambang perjuangan.

Kebanggaan kita tentang Za'ba ialah kegigihan beliau mengkaji dengan mendalam bahasa sendiri, dan sesudah itu mencipta pula kaedah tatabahasanya yang sesuai berdasarkan beberapa penelitian.

Buku-buku ilmu bahasa Melayu, *Pelita Bahasa Melayu* (tiga

jilid) dan *Ilmu Mengarang Melayu* adalah antara karya penting yang memberi kesan besar terhadap perkembangan bahasa Melayu kemudiannya.

Selain dari itu buku kaedah ejaan Rumi sekolah-sekolah yang dikarangnya adalah menjadi asas penting ejaan bahasa Melayu sebenarnya.

Sesungguhnya kehilangan Za'ba, yang telah dua kali dianugerahkan gelaran doktor kehormat itu akan sukar dicari gantinya. Kecintaannya kepada agama serta ketaatannya kepada Allah adalah menjadi contoh kepada kita yang tinggal.

Kecintaannya kepada agama, antara lain disalurkan kepada karya, menulis buku-buku tentang Islam, ketinggian budi dan sikap bergaul dalam masyarakat.

Pengalaman dari pelbagai jawatan yang pernah dipegang, digunakan sepenuhnya untuk memberikan sesuatu kepada masyarakat dalam bentuk karya. Penterjemahan yang beliau lakukan sejak di Maktab Perguruan Sultan Idris telah memperkayakan perbendaharaan buku dalam bahasa Melayu.

Surat khabar *Berita Minggu* keluaran 28 Oktober dalam ruangan 'Ulasan dan Fikiran', iaitu ruangan tajuk rencananya telah menulis dengan panjang lebar tentang kehilangan tokoh ulung dalam bahasa dan persuratan Melayu itu dengan judul 'Padamnya Pelita Za'ba':

Alam persuratan Melayu terasa benar kehilangan seorang tokoh yang telah banyak membuat jasa kepada perkembangan bahasa dan kesusasteraannya Tan Sri (Dr.) Haji Zainal Abidin Ahmad, atau lebih terkenal sebagai Pendeta Za'ba sekarang telah menjadi Allahyarham, dalam usia 78 tahun.

Bolehlah dikatakan tidak ada seorang pun orang Melayu yang hidup pada masa ini, yang pernah bersekolah, yang tidak kena-mengena dengan penulisan-penulisan Pendeta Za'ba terutama sekali mereka yang telah dewasa. Kalau sekalipun mereka tidak pernah membaca buku-buku karyanya, terutama buku-buku pelajaran, sekurang-kurangnya mereka diajar mengeja menurut sistem Za'ba, sistem yang telah digunakan di sekolah-sekolah hingga akhir-akhir ini.

Barangkali tidak silap kalau dikatakan Allahyarham Pendeta ialah orang yang pertama mengangkat darjah bahasa Melayu dengan kajiannya yang 'sistematik' terhadap bahasa itu. Beliau juga mahir dalam adat istiadat dan kebudayaan

Melayu dan agama Islam.

Tidak ramai orang Melayu yang bersekolah yang tidak pernah membaca buku-buku karangannya seperti *Pelita Bahasa* dan *Ilmu Mengarang Melayu*. Kedua-dua buku ini, antara lain-lain, telah banyak memberi sumbangan kepada kemajuan bahasa dan persuratan Melayu.

Kerana jasanya itulah maka Allahyarham telah diberi gelaran 'Pendeta' dalam Kongres Bahasa Ketiga yang telah diadakan di Universiti Malaya, waktu di Singapura, dalam tahun 1956.

Allahyarham bukan tidak pernah berjuang dalam politik, tetapi politik bukanlah darah dagingnya. Beliau pernah menyertai kegiatan-kegiatan UMNO pada awal-awalnya tetapi jiwanya lebih tertarik kepada bidang bahasa dan persuratan Melayu. Walaupun bukunya yang terakhir, 'Kalong Bunga' lahir dalam tahun 1964, tetapi beliau tetap cergas dalam bidang perkembangan bahasa Melayu hingga mulai uzur pertengahan tahun lalu.

Dalam tahun 1959, Universiti Malaya, kali ini di Kuala Lumpur, sekali lagi memberi penghargaan dan penghormatan kepadanya dengan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dan baru pada 23 Jun lalu dihormati begitu jua oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengurniaan darjah Panglima Mangku Negara dalam tahun 1959 adalah satu lagi tanda penghargaan jasanya yang tidak syak lagi akan termaktub dalam sejarah bahasa dan sastera kita untuk kenang-kenangan masa depan.

Zainal Abidin telah tiada lagi, tetapi satu perkara yang paling penting, ialah ia telah meninggalkan pusaka yang tidak akan hilang dek zaman.

Masih ada beberapa buah manuskripnya yang belum sampai ke percetakan. Ada yang mengenai bahasa, kebudayaan dan agama. Ada antara manuskrip itu yang hampir siap, ada pula yang baru dalam rangkanya sahaja. Semuanya ini ialah pusakanya.

Zainal Abidin terkenal sebagai seorang yang jimat, sifat jimat cermatnya itu tidak ada tolok bandingnya, patut amat dicontohi. Ketika mengemasi meja tulisnya, Zaharah anaknya, telah menemui baki-baki getah pepadam, pensel-pensel pendek, penanya yang dijaga dengan baik, *envelope* yang sudah dipakai amat banyak dalam berbagai-bagai saiz,

yang sudah dibalikkan kulitnya dan masih boleh digunakan. Agak hairan bagaimana dia membuka *envelope-envelope* itu sehingga tidak rosak sedikit pun.

Ia seorang yang tegas, walaupun dengan anaknya sendiri, dalam soal hutang piutang misalnya, kalau anak-anaknya tidak membayar dengan teratur ia tidak segan-segan menuntutnya. Kalau mahu meminjam wang daripadanya untuk membeli barang-barang *luxury* janganlah harap akan diperoleh, tetapi kalau meminjam untuk pelajaran, membeli tanah atau rumah maka ia dengan suka hati memberinya. Walaupun demikian ia akan berkata, menurut Zaharah dalam salah satu surat kepadanya, "Kalau aku tidak mampu untuk memiliki sesuatu, kerana tidak sanggup membelinya, maka biarlah aku tidak memilikinya terus." Tetapi katanya lagi, "*your way is not my way and my way is not your way.*" Ia juga selalu memberikan hadiah wang kepada cucu-cucunya yang berjaya dalam peperiksaan.

Tulisannya lima puluh tahun yang lalu, yang menegur dan mengkritik bangsa Melayu, bangsa yang dicintainya, masih terus hidup dan masih terus dapat dijadikan motivasi kepada bangsa ini sekiranya ingin hidup sebagai satu bangsa yang duduk sama rendah, tegak sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain. Teguran dan kritikan kepada bangsanya setengah abad yang lalu itu, masih terus dapat dijadikan ubat penawar bagi penyakit-penyakit yang masih ada sekarang ini.

"Maka tiadalah sekali-kali manis dan elok dipandang orang jika kita senantiasa menjadikan diri kita 'peminta sedekah' pada semua perkara yang kewajiban kita sendiri, melainkan hendaklah kita tunjukkan yang kita boleh hidup sendiri dan berjalan dengan kaki sendiri, ada daya upaya dan kuat kudrat sendiri serta tahu berikhtiar dan akal fikiran dan keledar sendiri", demikian antara kata-katanya yang kami anggap sebagai satu pesanan, yang dapat dibaca dalam artikelnya yang berjudul 'Jalan Keselamatan bagi Orang-orang Melayu', yang kami siarkan sepenuhnya dalam buku ini.

III

ARTIKEL-ARTIKELNYA YANG PENTING

I

Jalan Keselamatan bagi Orang-orang Melayu

"BAHAWASANYA keselamatan orang-orang Melayu ini pada pihak jalan kehidupannya (pencariannya) dan pada pihak perangai-perangainya yang kekurangan itu hanyalah boleh didapati pada satu jalan sahaja, iaitu diubati kemiskinannya yang pada pihak otak itu yakni kemiskinan pengetahuannya dengan jalan diberikan mereka itu pelajaran-pelajaran daripada jenis yang betul. Maka di situlah, dan di situlah sahaja boleh didapati keselamatan itu, tiada pada lainnya."

Demikianlah bunyilah fikiran yang telah diketengahkan oleh penulis ini dengan segala kekuatannya dan kekerasannya dalam rencana yang dahulu (tarikh 1 Disember 1927 bukan 31 Disember seperti yang disebutkan dalam *Al-Ikhwan* penggal yang ketujuh). Tetapi sekarang (21 Disember 1927) penulis telah menerima beberapa fikiran lain pula dari beberapa pihak, oleh itu terubahlah sedikit olehnya fikirannya yang mula-mula yang tersebut di atas itu dan sekarang ia berkata: "Bahawa bekerja sama-sama (bersatu dan tolong-menolong) menolong diri sendiri, dan berusaha kuat-kuat

sendiri – itulah sebenar-benarnya asas dan tapak tempat berdiri segala keselamatan bagi orang-orang Melayu ini. Sungguhpun demikian tetapi tempat yang pertama dan yang terbesar sekali hendaklah juga dikhaskan bagi pelajaran walau dalam sebarang apa pun peraturan dan usaha bagi keselamatan orang-orang Melayu itu.

Bahawasanya tiadalah siapa pun boleh menidakkan bahawa bekerja ramai-ramai atau sama-sama tolong-menolong itu (sekurang-kurangnya dengan pengertiannya yang lazim difahamkan iaitu bersatu dan bersekutu bekerja sama-sama atas kaedah berbahagi pekerjaan, masing-masing menyempurnakan bahagiannya seorang sedikit) kelak menghasilkan kebajikan umum yang sehabis-habis besar bagi orang-orang Melayu ini istimewa jika yang bersatu bekerja sama-sama itu antara bahagian-bahagian mereka yang ada berpelajaran sebanyak sedikit itu. Perkataan 'bekerja sama-sama' (*co-operation*) itu nampaknya ada satu makna khas yang dihadapkan atau diluaskan daripada makna asalnya apabila dipakaikan kepada 'pergerakan bekerja sama-sama' yang sekarang tengah berjalan dimajukan dalam negeri ini. Maka berkehendaklah kita berjinak-jinak dan beramah-ramahan sedikit dengan kitab-kitab dan karangan-karangan darihal pergerakan itu baru boleh nampaknya kita tahu dengan tentunya apa dia makna yang khas ini, dan baru boleh kita mengerti bagaimanakah pergerakan itu boleh 'mengangkat kumpulan orang yang jatuh pada pihak perangnya dan pelajarannya (otaknya)' seperti yang diserukan oleh setengah penyokong-penyokongnya itu.

Tetapi walau bagaimanapun maknanya yang khas itu, sekurang-kurangnya tidaklah juga terkeluar daripada tempatnya jika dinyatakan di sini fikiran kita darihal 'bekerja sama-sama' itu dengan makna 'bersatu dan bertolong-menolong' iaitulah maknanya yang kita biasa mengerti dan yang biasa difahamkan oleh kebanyakan orang. Biarlah makna yang kita maksudkan ini kita terangkan dengan misal-misal dan contoh-contoh yang sedia di hadapan mata kita. Anai-anai yang kita semua kenal itu 'bekerja sama-sama' dan dengan demikian dapat ia membuat sebuah busut. Tiap-tiap perkara dan bahagian-bahagian dalam alam kejadian ini 'bekerja sama-sama' yakni berkait-mengait dan sandar-

menyandar (bertolong-tolong) antara satu dengan lainnya mengikut undang-undang 'sukatan' (takdir) atau undang-undang ketetapan tabii yang telah termeterai ditetapkan pada masing-masing itu oleh Tuhan yang menjadikannya. Maka kehasilan yang jadi daripada itu ialah alam yang amat hebat dan maha besar ini. Segala bahagian-bahagian dalam pesawat peraturan perintah sebarang kerajaan manusia dalam dunia ini 'bekerja sama-sama' dan kehasilannya daripada itu ialah pemerintahan yang jaya, adil, aman dan makmur. Begitu juga segala bahagian-bahagian dalam peraturan pesawat sesuatu enjin atau jentera atau jam atau lain-lain sebagainya yang diaturkan oleh tukangnyanya.

Maka 'bekerja sama-sama' yang sedemikian itulah juga sepatutnya diperbuat oleh orang-orang Melayu ini jika mereka berhajat hendak mengangkat diri mereka ke tempat yang tinggi daripada kerendahannya dan kenyataannya (kebangsatannya) yang menggelumangi mereka sekarang ini. Pekerjaan menabur pengetahuan umum dalam perkara berjimat cermat, membela kampung halaman, menjaga kesihatan, berternak dan membela hidup-hidupan, bercucuk tanam, berjual beli dan berniaga yang kecil-kecilan dan lain-lain pengetahuan seperti itu bagi orang-orang kebanyakan, boleh dibuat dengan menjalankan propaganda (seruan-seruan dan nasihat) ramai-ramai antara mereka itu iaitu berkhotbah, bersyarah, menyeru-nyeru, menasihati, menunjukkan jalan dengan contoh-contoh dan teladan, memberi tiruan, dan mengeluarkan karangan-karangan dan risalah-risalah kecil yang senang-senang berkenaan dengan segala perkara itu. Maka sekalian itu dibuat dengan jalan 'bekerja sama-sama' yakni bersatu dan bersekutu ramai-ramai (agak seratus dua ratus orang sekurang-kurangnya), tiap-tiap seorang bekerja membuat bahagiannya. Demikian pula pekerjaan memberi pelajaran-pelajaran yang tinggi dan luas dalam cawangan-cawangan perusahaan, dan cawangan-cawangan pertukangan, cawangan-cawangan ilmu-ilmu pencarian yang khas dan lain-lain lagi kepada anak-anak muda bangsa Melayu ini mana yang cerdik dan baik otak serta boleh diharap akan menjadi - sekalian itu boleh dibuat dengan 'bekerja sama-sama' (bersatu bermuafakat bertolong-menolong) pada mengumpulkan wang kutipan antara sama

sendiri, mengadakan *scholarship* (bantuan belajar), dan menghantar orang muda-muda itu pergi menuntut ilmu ke negeri-negeri asing. Maka yang dikatakan cawangan-cawangan kepandaian itu termasuklah seperti ilmu bahasa-bahasa, ilmu kitab-kitab, ilmu karang-mengarang, ilmu tawarikh, ilmu falak, ilmu siasat kejadian, ilmu-ilmu falsafah, ilmu agama dan sebagainya, dan pada cawangan pertukangan itu adalah seperti ilmu *engineer*, ukur-mengukur dan sukat-menyukat, ilmu elektrik, ilmu jentera dan enjin-enjin, ilmu membuat barang-barang, ilmu ramuan dan sebagainya, pada cawangan perusahaan itu termasuklah seperti ilmu perniagaan, ilmu hasil makhsul dan siasat kekayaan, ilmu berkebun-kebun dan bercucuk tanam, ilmu berternak dan memelihara hidup-hidupan, ilmu pekerjaan hutan, ilmu lombong, ilmu siasat ikan, ilmu kejadian binatang-binatang, dan lain-lain lagi dan cawangan-cawangan ilmu pencarian yang khas itu adalah seperti perdukunan (dengan beberapa cawangannya pula yang khas seperti doktor gigi, doktor mata, doktor binatang dan lain-lain), ilmu pekerjaan sekolah dan siasat kaedah-kaedah pelajaran, ilmu kira-mengira wang dan sebagainya.

Tetapi walau barang ke pihak mana pun dihalakan segala usaha dan ikhtiar hendak memajukan Melayu itu melainkan pelajaran hendaklah juga dijadikan 'kalimah syahadat' yang awal pertama sekali hendak dikirakan dan dilebihkan daripada lain-lain oleh sebarang kumpulan 'bekerja sama-sama' yang demikian itu. Yakni dalam sebarang peraturan mereka bekerja dan berusaha bersama-sama hendak mengangkat dan menaikkan mutu orang-orang Melayu itu melainkan hendak pekerjaan 'memberi pelajaran' itu dijadikan haluan pedoman atau kepala – bahkan dijadikan nyawa dan asas umbi bagi pergerakan itu. Kerana bahawasannya jika tiada dengan pelajaran nescaya tiadalah jalan bagi mereka itu hendak terlepas keluar daripada kepapaan perangai dan kepapaan alat-alat otak yang telah disebutkan dahulu. Maka selagi mereka tiada terlepas daripada cengkaman kedua-kedua sifat kekurangan yang melumpuhkan segala anggota kebangsaannya itu – terutama kepapaan pihak perangai itu nescaya sentiasalah juga kita menanti-nanti, bahkan walau mengharap-harap sahaja pun, yang

mereka akan dapat keluar dengan secukupnya daripada lubuk kepapaan dan kegagahan pada pihak pencariannya, perusahaannya, perniagaannya dan pengetahuan otaknya, iaitu lubuk yang telah menelan mereka sekarang ini.

Bahkan jika lama-lama masanya dibiarkan hingga beberapa kurun dengan tiada diberi asuhan pelajaran yang cukup itu barangkali boleh juga berlaku perubahan seperti yang dicita-cita sekiranya ada syarat bahawa sekalian hal ehwal kehidupannya dan perkelilingannya dalam sepanjang-panjang masa yang lama itu berubah sekali daripada sekarang, hingga terpaksa olehnya mereka itu dengan perlahan-lahan mengubah akan segala kebiasaan dirinya dan perangai resminya yang ada sekarang. 'Cetera tawarikh sesuatu bangsa itu ialah perkara yang berlaku dalam masa beratus-ratus tahun lamanya', kata penasihat-penasihat bijaksana yang hendak menghiburkan hati kita. Penasihat-penasihat yang demikian ialah orang-orang yang telah jadi bijaksana tentang hal ehwal dunia ini kerana telah banyak perkara yang dirasanya, dilihatnya, dicamkannya, dan perkataan yang dikatakan itu ialah petikan daripada kalimah-kalimah kebenaran dalam kitab-kitab karangan ahli al-tarikh: ertinya perkataan itu ialah 'perkara-perkara jatuh bangun, naik turun, kemajuan dan kemunduran yang berlaku pada sesuatu bangsa itu bukannya boleh disempurna dalam sehari dua hari atau sepuluh dua puluh tahun melainkan tidak dapat tidak hendak mengambil masa yang lama hingga beratus-ratus tahun. Demikianlah contoh teladan yang kita lihat dalam keterangan tawarikh walau apa bangsa pun. Sebab itu kamu semua orang-orang Melayu hendaklah sabar dan jangan gopoh!' Tetapi mengapakah tiada diambil jalan dekat, jalan merentas, apabila jalan dekat itu ada dan boleh didapati? Mengapakah mahu berjalan terencot-encot mengikut jalan yang jauh dan berbelit-belit lagi semak serta dengan beberapa susah payah dan azab sengsara, pada orang-orang lain telah jauh dahulu di hadapan kita?

Sebenarnya juga kita orang-orang Melayu ini suatu bangsa yang muda dan budak mentah benar lagi jika dibandingkan dengan bangsa besar-besar yang maju dan telah tinggi kedudukannya sekarang ini. Tetapi itu tiadalah patut boleh menawarkan atau membantutkan hati kita

hendak 'mencuba' tumbuh dan bertambah besar seberapa lekasnya yang kita boleh apabila ada jalan bagi kita boleh berbuat demikian. Orang-orang yang menasihatkan kita suruh sabar dan jangan gopoh itu tentulah tiada dalam hatinya hasad menarik faedah kepada dirinya dan bangsanya dengan jalan mengekalkan kita ini dalam bodoh dan jahil (tiada diberi pelajaran yang tinggi) selama-lamanya yang boleh mereka perbuat demikian. Mereka itu tentulah sekali suka melihat akan kita bebas merdeka (terlepas) daripada cengkaman kejahilan dengan segera jika kita dapat berikhtiar melepaskan diri kita daripada itu. Akan tetapi ialah kita orang-orang Melayu sendiri tiada hirau hendak berbuat demikian (melepaskan diri) itu. Kita sekalian tiada mahu menggerakkan diri kita sama sendiri. Kita tiada suka menjalankan daya upaya dengan usaha ikhtiar diri kita sendiri. Kita tiada mahu bersatu dan bersekutu supaya bekerja bersama-sama beramai-ramai tolong-menolong, masing-masing menyempurnakan bahagiannya sedikit-sedikit seorang. Bahkan sebahagian kita tiada percaya akan sama sendiri dan tiada kepercayaan (amanah) antara sama sendiri! Demikianlah keadaan kita. Alangkah bangsatnya itu?! Allah, Allah cukuplah papanya dan rendahnya kedudukan darjah kebangsaan kita!! Adakah harapan boleh naik??

Jawapan pertanyaan ini akan datang pada bahagian yang kedua kelak.

(Al-Ikhwan) kita harapkan maaf daripada Tuan Za' ba dan pembaca-pembaca yang biasa membaca karangannya bahawa tempat cap kita yang baru ini tiada dapat kita menyempurnakan cukup bagaimana kehendak tuan yang punya karangan iaitu tiap-tiap huruf (ؤ) yang dipakai dalam tulisannya bertitik tiga sebab kita kekurangan huruf itu belum sampai lagi daripada Beirut. Insya-Allah dalam sedikit masa akan sampai tiada agaknya kelak dikerutkan muka oleh Tuan Za' ba lagi ketika membaca karangannya dalam Al-Ikhwan pada masa itu.

Kekhilafan di kepala karangan ini, tersebut Disember 1927 yang sebenarnya Disember 1923.

'Awal pertama sekali' kata penulis yang bertandatangan Pro Patria (ertinya 'bagi negeri kita') itu tatkala ia menge-

syorkan fikirannya bagi mengubat akan keadaan kita orang-orang Melayu sekarang ini (lihat suratnya dalam *Malay Mail* 11 Disember 1923) perubahan-perubahan yang benar-benar hanyalah boleh dihasilkan dengan persatuan, tetapi persatuan itu jika tiada berserta dengan pengetahuan tiadalah berguna, dan pengetahuan sahaja dengan tiada persatuan tiadalah kuasa dan kekuatan sekali-kali.

'Yang kedua' disambunganya perkataannya kemakmuran dan ketinggian sesuatu bangsa itu berasas ia atas *foundation* perangai kebangsaan yang teguh dan tegap. Maka tiadalah barang sesuatu pergerakan jua pun boleh membawakan kenyataan dan ketinggian kepada barang apa-apa bangsa yang tiada meninggikan keperangaian-keperangaian bangsanya".

Sesungguhnya tiada syak kebanyakan kita jika tidak kesemuanya tentu sangat bersetuju dengan sepenuh-penuhnya membenarkan perkataan itu dengan tiada waswas atau berbelah-belah fikiran lagi. Perkataan yang dikatakannya itu semata-matalah benar dan betul juga tiada lainnya. Oleh itu hendaklah kita bersatu, 'bekerja sama-sama' tolong-menolong antara satu dengan lain, sokong atas 'pergerakan bekerja sama-sama' yang telah dimulakan sekarang dalam perhimpunan kita dan tuntutan ilmu dan dengan jalan itu tinggikan perangai-perangai kebangsaan kaum kita.

Maka sebelum kita tunjukkan garisan-garisan pekerjaan bekerja sama-sama dan jalan-jalan berusaha dan berikhtiar sama sendiri yang kita orang-orang Melayu mesti ikut itu biarlah kita terangkan dahulu sedapat-dapatnya apa dia makna yang sebenarnya kita ikatkan kepada lafaz 'kemiskinan perangai' itu, iaitu kemiskinan yang telah menggalang semangat-semangat akan kemajuan kita selama ini. Ketahuilah bahawa yang dikatakan 'kemiskinan perangai' itu ialah kemiskinan pada sifat-sifat keperangaian dan kelakuan yang mulia-mulia yang bersatu menjadikan sesuatu kaum itu besar dan tinggi dalam dunia ini. Maka kemiskinan kita pada pihak itu bukanlah sahaja tentang satu atau dua atau tiga empat perkara daripada sifat-sifat itu, tetapi ialah tersangat banyak daripadanya yang kita kekurangan, bahkan bukan kekurangan melainkan miskin dan papa kerana sekali-sekali daripadanya. Maka antara makna-makna yang dimaksudkan apabila dikatakan 'kemiskinan perangai' itu,

yang kita dapati ada sebatu jadi darah daging pada tubuh perhimpunan kaum kita yang am adalah 'kemiskinan perangai' yang dinamakan *self reliance* iaitu perangai bergantung kepada diri sendiri, perangai sombongkan persendirian diri sendiri yang merdeka daripada bantuan orang atau naungan orang, perangai menghinakan atau tidak mahu menerima pertolongan orang, perangai suka membuat barang sesuatu dengan kuat kudrat diri sendiri, kemiskinan perangai tegas hati dan teguh cita-cita *perseverance* tiada mudah terbantut hati apabila terhadap kepada yang payah-payah sedikit, tekun dan tetap pada suatu pekerjaan hingga sampai sempurna sudah walau beberapa susah sekalipun, tiada mudah jemu atau tawar hati. Bersungguh-sungguh pada apa yang dibuat dan yang telah dimulakan, kemiskinan perangai mengenal dan menerima akan tanggungan diri sendiri *sense of responsibility*, tiada mudah meletakkan sesuatu keberatan atau tanggungan di atas bahu atau tengkuk orang lain, kemiskinan perasaan sedia menyempurnakan kerja-kerja tanggungan diri atau kewajipan-kewajipan yang patut kita menyempurnakan *sense of duty* dan secukup sempurnanya supaya jangan mensia-siakan harapan orang, kemiskinan perangai menepati masa yang ditetapkan *punctuality*, menimbang dan menyukat waktu, menghargakan dan menggunakan tiap-tiap bahagiannya dengan penggunaan yang berjasa, kemiskinan pada perangai rajin usaha dan kuat bekerja *industry*, kuat berbanting tulang dan berbanting kepala, kemiskinan sifat-sifat yang terwajib pada perniagaan dan berjual beli, kemiskinan perangai jimat cermat dan perangai mengirakan esok atau lusa, kemiskinan perangai amanah, benar, menepati janji dan menyempurnakan sanggup-sanggupan yang telah diaku (ialah kepala segala perangai baik-baik bagi kejayaan manusia), kemiskinan pada sifat-sifat keperangaian jadi pemimpin dan kepala atau ikutan orang ramai dalam sesuatu pekerjaan, (seperti berani yang berakal, pandai menimbang ini patut dibuat ini tidak pada masing-masing tempatnya, tentangnya, dan waktunya, pantas memutuskan fikiran, lekas mendapat ikhtiar apabila terhadap dengan sesuatu kesempitan, pandai meletakkan masing-masing orang yang layak bagi tempatnya, pandai mengambil hati dan bersifat timbang rasa dan lain-lain lagi),

kemiskinan pada perangai *self-sacrifice* iaitu rela mengorbankan diri dan harta dan kesenangan bagi faedah orang lain terutama faedah am (misalnya perasaan 'biarlah aku mati asalkan dia selamat!'), *perangai public spirit* yakni suka mengambil berat akan hal-hal yang mengandungi kebajikan bagi muslihat am, kemiskinan kemahuan dan cita-cita yang tinggi, kemiskinan perasaan habalwatan yang luas, kemiskinan perangai berfikir yang tinggi, kemiskinan tujuan-tujuan hidup yang layak dan mulia.

Syahadan pada sekalian yang tersebut ini, sebagaimana pada beberapa keperangai yang lain-lain lagi, kita orang-orang Melayu sekarang ini jumlah umumnya nyata benarlah suatu kaum yang sangat miskin. Jikalau hendak diperoleh keselamatan bagi kita maka awal-awal sekali hendak disembuhkan dahulu penyakit-penyakit kemiskinan perangai ini - setidak-tidaknya tiga suku daripadanya pada kebanyakan orang Melayu. Sekiranya tidak dapat disembuhkan itu nescaya '*foundation*' perangai kebangsaan' kita kelak sentiasalah berkekalan tiada tegap dan tidak teguh. Maka ubat penyembuh yang sudah tentu mustajab dan lekas sekali akan menyembuhkan itu ialah boleh didapati khasiat-khasiat penyembuh yang tiada mungkir yang terkandung dalam pelajaran-pelajaran jenis yang betul. Kerana dengan jalan membaca kitab-kitab dan karangan-karangan yang berharga, menghisap dan memesrakan ke dalam hati akan fikiran-fikiran yang baharu, mengetahui akan hal ehwal dunia ini dengan pengetahuan yang diperoleh daripada ilmu geografi dan tawarikh dan lain-lainnya itu tentulah sekali kelak menjadi pertolongan yang besar boleh membukakan dan meluaskan lingkungan 'kaki langit' yang nampak oleh hati seorang itu serta mengubah sifat-sifat keadaan dirinya. Maka sebagaimana yang boleh jadi olehnya bagi diri seorang-seorang yang tunggal begitulah juga boleh bagi diri kumpulan kaum atau bangsa yang tersusun daripada diri-diri tunggal itu. Maka oleh sebab inilah telah dikuatkan dan diberatkan perkara pelajaran ini di atas tadi. Apakah dia yang dikatakan 'pelajaran daripada jenis yang betul itu' (dan jua 'sebanyak mana yang patutnya') telah diterangkan pada masa menjawab akan surat yang bertandatangan "Melayu Betul' sedikit hari dahulu. (Lihat *Malay Mail* 11 Disember 1923) iaitu:

'Lain-lain orang lain-lain fikirannya darihal apakah yang dikatakan pelajaran jenis yang betul dan sebanyak mana sukatananya yang dikatakan cukup atau betul itu. Kepada hati penulis ini pelajaran yang membentuk dan menempura laku perangai dengan jalan diasuh dan dibawanya keluar segala sifat-sifat yang baik-baik yang tersimpan dalam benih diri seorang murid itu – iaitulah diri akan jadi orang tua (bapa-bapa dan ibu-ibu) pada masa yang ke hadapannya. Dan sifat baik-baik yang diasuh dan dibawa keluar itu bukanlah sahaja pada pihak fikiran dan akal (hati dan otak) tetapi ialah juga pada pihak kecergasan dan kesihatan tubuh badan, pihak keperangaian baik dan jahat, dan pihak kemuliaan serta kebersihan roh dan perasaan-perasaan yang bersangkutan dengan Tuhan dan sekalian itu menerima asuhan dan pembelaan yang elok keadaannya dan jalan-jalannya sekira-kira melayakkan dan melengkapkan si murid itu bagi peperangan kehidupan, dan bagi menjadi seorang manusia ('menjadi orang') dan anak negeri yang layak dan jaya dalam dunia serta mulia kehidupannya dan kematiannya. Demikian pelajaran jenis yang betul pada faham penulis. Adapun 'pelajaran yang betul' banyaknya (cukup sukatananya) itu pula bagi masa kita sekarang ini ialah kadar sebanyak yang melayakkan orang yang yang berpelajaran itu berdiri sama-sama bersaing dan pada nisbah otak dan kawasan pengetahuan dengan orang-orang yang terpelajar negeri Barat, dan pada nisbah hal yang lain-lain layak bersaing dan sanding (tiada kurang) dengan barang mana jua kaum dan orang baik-baik dalam dunia. Maka pelajaran itu tidaklah cukup bagi sesuatu bangsa atau kaum jika sekiranya terhad ia dengan pelajaran-pelajaran otak dan kepandaian-kepandaian sekolah atau kolej sahaja, istimewa pula jika yang demikian itu terlalu rendah dan tiada melebihi daripada kepandaian membaca, menulis, berkira-kira, membuat kerja-kerja kerani dan mengenal akan kesedapan karangan-karangan yang rendah dan kecil. Pelajaran yang dikatakan cukup itu hendaklah termasuk dalamnya pelajaran-pelajaran berniaga, berjual beli, pertukangan, membuat barang-barang, bercucuk tanam dan berbagai-bagai perusahaan dan pekerjaan mengeluarkan hasil. Dalam pada itu tidak pula dimaksudkan tiap-tiap seorang termesti belajar dan mengetahui kesemuanya itu'.

Pelajaran sangatlah wajib bagi membetulkan segala yang kekurangan pada perangai-perangai kebangsaan sesuatu kaum dan bagi mengubah atau membaiki tabiat-tabiat kecenderungan yang kurang baik pada diri seseorang. Kerana sesungguhnya janganlah sekali-kali dilupakan yang kita boleh mengubah barang apa tabiat kita yang rendah-rendah itu dengan pertolongan pelajaran. Kita orang-orang Melayu ini bukanlah seperti orang-orang bangsa lain yang rajin, kuat bekerja, sentiasa suka mencuba, berani berugi-rugi dan bersusah payah itu, kerana orang-orang bangsa lain itu sememang itulah perangai-perangai pusaka mereka dari selamanya hingga telah beratus dan beribu tahun mereka sudah terbiasa demikian. Adapun kita orang-orang Melayu perangai-perangai pusaka kita yang telah turun-temurun berkurun-kurun lamanya ialah perangai-perangai yang berlawanan dengan rajin, kuat bekerja dan sebagainya itu. Maka terpaksa kita melawan dan mengalahkan kekuatan perangai-perangai pusaka kita ini dahulu, kemudian barulah dapat digantikan pada tempatnya perangai-perangai yang berakas dengan itu. Maka oleh itulah tersangat wajib orang-orang kita mendapat pelajaran yang baik dahulu istimewa peringkat orang muda-muda kita yang sedang naik sekarang. Setelah itu barulah boleh diharapkan mereka akan membuka matanya dan menggerakkan dirinya bekerja bagi kemajuan kaumnya sekalian.

Sekiranya tiada berpelajaran nescaya tetaplah juga mereka (orang-orang Melayu) ini seperti keadaannya sekarang serta berkekalan lagi demikian itu dari satu keturunannya kepada satu keturunan—iaitu sebenar-benar 'katak di bawah tempurung' baik pun orang-orang alimnya atau orang-orang jahilnya serupa sahaja, tiada pernah terlintas di muka hati mereka itu apa erti kemajuan 'orang-orang alim mereka tiada pernah terfikir mengatakan ada ilmu-ilmu lain yang lebih luas daripada kulit-kulit ilmu agama yang telah kering yang diketahui oleh mereka sedikit-sedikit itu, dan orang-orang jahilnya pula tiada tersangka ada orang-orang lain yang lebih 'alim' daripada tuan-tuan guru dan tuk-tuk syeikh tarekatnya yang 'alim besar' dan 'keramat' masing-masing itu! Apalagi fikiran mengatakan orang-orang bangsa lain yang memerintah dan memegang teraju negeri mereka itu terlebih

'alim' berpuluh kali ganda daripada tuk-tuk guru dusunnya itu, dan banyak ulama-ulama orang putih itu yang telah mengharung dan membolot segala ilmu-ilmu Islam dan segala pelajaran-pelajaran bahasa Arab dan lain-lain bahasa juga, serta boleh, mengajarkan kepada tuk-tuk guru, syeikh yang 'alim besar' dan 'keramat' itu beberapa lautan ilmu yang tiada pernah didengar-dengar pun oleh mereka itu – bahawasanya tiadalah sekali-kali terlupa pada akal mereka dengan fikiran yang demikian! Maka sebandinglah mereka dengan katak kolam yang tiada pernah melihat laut dalam cerita perumpamaan itu, iaitu beberapa pun dinyatakan dan diceritakan kepadanya oleh katak laut peri kebesaran dan keluasan laut maka dibandingkannya dengan kolam kecil tempat tinggal itu juga!)

Suatu kumpulan terdiri daripada anak-anak negeri kita hendaklah diberi pelajaran yang luas dan tinggi – setengahnya pada pihak kepandaian bahasa-bahasa dan karang-mengarang, setengah pada kepandaian-kepandaian yang khas bagi pekerjaan mengambil upah dan mencari wang seperti ber*lawyer*, ber*engineer*, berdoktor dan lain-lainnya. Maka tidaklah pula dikehendaki kesemuanya berkerumun hendak menjadi *lawyer* atau menjadi doktor, *engineer*, tukang enjin, tukang elektrik atau pegawai-pegawai memerintah negeri, melainkan pilihan masing-masing ikut kecenderungan. Mana yang cenderung pada yang berniaga dan bersaudagar hantarliah belajar fasal perniagaan, peraturan berjual dan membeli barang-barang, menyimpan kira-kira, kaedah pekerjaan gudang-gudang dan toko-toko dagangan dan sebagainya. Mana yang ada kecenderungan fasal tukang-menukang dan membuat barang-barang berilah pula pelajaran pada perkara-perkara itu. Demikian pula mana yang ada cenderung fasal satu-satu cawangan perusahaan seperti bertukang jahit, bertukang kasut, bertukang kayu, membuat sabun, membuat air batu, membuat mancis, bercucuk tanam, berkebun pinang, berkebun kelapa, membela itik ayam, membela kerbau kambing, lembu, biri-biri atau lain-lain hidup-hidupan hingga beribu-ribu, menangkap ikan, melombong dan lain-lainnya yang sebagai itu. Maka sekaliannya ini ialah kewajipan yang pertama dan terutama sekali jadi modal kebangsaan orang-orang Melayu

yang bergantung kekayaan negerinya kepada hasil-hasil tanah dan sebagainya. Jika sekiranya orang-orang Melayu hendak maju bersaing dengan orang-orang bangsa lain yang maju pada berbagai-bagai medan perusahaan dan pekerjaan hidup dalam negeri ini hendaklah mereka memberatkan pelajaran-pelajaran pihak perkara-perkara yang tersebut itu.

Maka bagi menjadikan dan menjayakan cadangan ini berkehendakkan kepada wang yang amat banyak. Tetapi bukanlah sekadar wang itu sahaja. Jika ada wang sahaja tiada juga memadai melainkan hendaklah ada pula berserta kelebihan-kelebihan perangai yang sehabis-habis tinggi pada orang-orang yang mengusahakan dan mentadbirkan wang itu, iaitu ketinggian perangai tentang tulus hati, amanah, kesungguhan cita-cita, kasihkan kaum, gemarkan faedah ramai dan sebagainya. Dan lagi hendaklah mereka yang memajukan pekerjaan itu cukup siap bersedia bagi kejadian hal-hal yang tiada jaya, serta jangan takut dan gentar akan kemalangan dan kerugian. Melainkan jika tiada jaya pada satu cubaan, cuba lagi, cuba lagi pada yang lain-lain. Maka pekerjaan meringkuhkan fasal memberi pelajaran seperti yang disebutkan ini sesungguhnya nyatalah berkehendak kepada suatu tubuh peraturan yang maha besar sama seperti nazam peraturan satu-satu cawangan pejabat kerajaan, dan asasnya tiada lain melainkan bersatu, bersekutu, bekerja sama-sama dan tolong-menolong. Tetapi orang-orang Melayu yang sebenarnya bersungguh-sungguh hendak menghasilkan jalan keselamatan bagi kaum Melayu ini (jika ada orang-orang Melayu yang demikian) hendaklah jangan gentar daripada sekalian itu. Walau bagaimanapun besar dan susahnya pekerjaan itu tidak sekali-kali mustahil dapat disempurnakan jika bersatu. Cadangan-cadangan yang disyorkan ini bukannya mimpi-mimpi atau angan-angan angin yang mustahil, tetapi ialah perkara yang boleh diperbuat dan disempurnakan jika kita sekalian beramai-ramai mahu menjalankan serta bersungguh-sungguh. Kata pepatah Melayu 'hati hendak, semua jadi' dan 'orang hendak seribu daya, orang tidak hendak seribu dalih'. Oleh itu tergantunglah jadi atau tidak jadinya cadangan ini kepada hati hendak atau tiada hendak sahaja. Jadi di situlah juga tergantungnya keselamatan orang-orang Melayu.

Tetapi jikalau orang-orang Melayu tiada membuat seperti ditunjukkan ini, sekurang-kurangnya dua kurun (200 tahun) lagi bangsa Melayu ini baru dapat melayakkan dan memadamkan dirinya dengan kehendak-kehendak kemajuan. Bahkan dalam dua kurun itu entahkan alah dan terhapus langsung bangsa Melayu ini dibuat oleh bangsa-bangsa lain yang cergas, rajin, pandai berniaga dan sebagainya ini. Jika tiada terhapus pun tetapi tiadalah syak yang bangsa-bangsa lain ini pada masa itu telah sampai ke atas kemuncak bukit. Maka sia-sialah sahaja jika kita menanti-nanti mengharapakan mudah-mudahan ada keluar orang-orang ajaib yang bersifat kelebihan sendiri daripada perhimpunan kaum Melayu ini pada medan kebangsaan atau siasat negeri, atau pekerjaan atau fikiran (seperti Napoleon Bonaparte, atau Mustafa Kamal Pasya, atau Redha Khan atau Ravindranath Tagore atau lain-lainnya yang berpelajaran tinggi itu). Bangsa kita ini belum pernah didengar-dengar lagi pada zaman dahulu mengeluarkan anak-anak kandungnya yang ajaib seperti itu (belum ada baka besar), dan fasal kebersihan dan ketinggian kita yang dahulu kala pun tiada apa benar bekas-bekasnya yang hendak kita sombongkan dan tunjuk-tunjukkan kepada orang. Padahalnya sehinggakan antara bangsa-bangsa yang telah hidup kebangsaannya dua ribu tahun atau lebih pun – serta ramai orangnya ada yang 10 juta ada yang 50 juta atau 60 juta dan ada yang 100 juta orang tersangat jarang, juga kita peroleh contoh-contoh anak bangsanya yang menjadi Raffles dan Clyde (iaitu contoh orang-orang Inggeris yang menjadi besar dengan tiada cukup diberi pelajaran masa kecilnya). Oleh itu apakah yang boleh kita harapkan keluar daripada bangsa Melayu Semenanjung yang belum sampai 600 atau 700 tahun umurnya ini dan yang tiada lebih keramaiannya daripada satu juta setengah atau selebih-lebihnya 2 juta orang dihitung semua kecil besar, tua muda, lelaki perempuan !? (Bahkan boleh diharapkan jika dihitung semua 'Indonesia', kerana bangsa Jawa yang ramai itu dan juga setengah bangsa-bangsa di tanah Sumatera telah biasa juga merasa besar dan mengeluarkan anak yang besar-besar pada zaman purbakalanya).

Syahadan oleh sebab begini keadaan maka tiada lain lagi melainkan sepatutnya benarlah orang-orang kita Melayu

Semenanjung ini menggerakkan dirinya yakni berusaha dan bekerja bagi memberi pelajaran tinggi kepada umum bangsanya. Tetapi 'menggerakkan diri' itu bukanlah ertinya kita mesti meminta semua perkara daripada kerajaan. Kita hendaklah menunjukkan kelayakan diri kita dahulu, dan berapa harga kita, dan apa-apa pemberian atau pertolongan yang kita layak menerimanya. Maka tiadalah sekali-kali manis dan elok dipandang orang jika kita sentiasa menjadikan diri kita 'peminta sedekah' pada semua perkara yang kewajipan kita sendiri, melainkan hendaklah kita tunjukkan yang kita boleh hidup sendiri dan berjalan dengan kaki sendiri dan ada daya upaya dan kuat kudrat sendiri serta tahu berikhtiar dengan akal fikiran dan keledar sendiri. Setelah diperbuat demikian nescaya pertolongan itu tiada syak akan datang sendirinya menurut barang sebanyak mana yang dipatutkan oleh kelayakan kita.

Diulang lagi: kita hendaklah berkeledar sendiri seberapa bolehnya yang kita dapat bagi menolong diri kita. Keluar titik peluh kita, jalankan akal ikhtiar kita dan gunakan sehabis-habis daya upaya kita dengan tugas, tekun dan bersungguh-sungguh. Pertolongan itu hendaklah terlebih dahulu diperbuat dari sebelah dalam diri kita, kemudian barulah boleh kita mengharap-harapkan pertolongan datang dari sebelah luar diri kita. Maka nyatalah tiada berfaedah sekali-kali kita meminta doa barang sesuatu apa kepada Tuhan dan memohonkan pertolongannya jikalau kita tiada menunjukkan diri kita layak mendapat barang yang kita pinta itu – yakni jikalau kita tiada mahu beramal iaitu berusaha dan bekerja. Junjungan kita s.a.w. berkata: 'Berserah kamu kepada Allah, tetapi tambatkan untamu'. Dan Qur'an yang mulia berkata: 'Bahawasa manusia tiada akan mendapat apa-apa 'melainkan kadar sebanyak yang diusahakannya'. Apakah erti kedua-dua perkataan itu? lalah menyuruh kita berikhtiar, jangan bertawakal buta sahaja, dan menyuruh kita berusaha kerana kita akan diberi balasan hanya sukat sebanyak yang kita usahakan sahaja. Demikian pula akas daripada itu yakni kita tiada beroleh balasan ialah atas kadar sebanyak ketiadaan usaha kita. Maka tiada syak lagi ini suatu pedoman keperangaian yang maha besar. Tetapi mengapakah tiada kira beramal atasnya? Sebenarnya-benarnya kebanyakan orang-

orang bangsa kita ini tiada upaya dan tiada cukup akal hendak membuat sesuatu apa dalam hal ini dengan kepandaian dan keledar yang terbit permulaannya daripada dirinya sendiri masing-masing. Tetapi betapakah bagi orang-orang kita yang terlebih mengetahui dan berpelajaran sedikit daripada mereka yang 'kebanyakan' itu? Maka sungguhpun bilangan mereka yang lebih mengetahui ini sedikit tetapi seyogianya yang sedikit inilah menjadi pemimpin, ikutan dan pembawa jalan yang mengikhtiarkan supaya bilangan yang banyak itu mengikut dan bersatu menolong akan tujuan-tujuannya seperti yang dicadangkan di sini.

Kita hendaklah berbuat satu-satu apa yang patut lain daripada yang telah dibuat, tengah dibuat dan sentiasa akan dibuatkan bagi kita pada masa yang akan datang oleh pemerintah (kerajaan) kita, supaya dapat kita sampai ke pintu gol kita yang tunggal dan masih jauh lagi itu. Bahkan jika sekiranya tiap-tiap perkara sekalipun diperbuatkan orang bagi kita, tak dapat tiada tentulah ada juga tertinggal sesuatu bahagian yang kita mesti membuatnya sendiri bagi menolong diri bangsa kita jangan diharapkan pertolongan orang.

Sekalian orang-orang kita mana yang lebih mengetahui dan berpelajaran sedikit daripada yang lain-lain itu hendaklah tampil ke hadapan bermuafakat dan bersatu bagi pekerjaan yang maha besar ini. Dan segala orang kita mana-mana yang lebih syarat-syarat kelayakannya bagi pekerjaan ini oleh sebab lebih wang dan hartanya atau lebih pangkat darjatnya atau lebih kuasanya dan tarikan dirinya di atas. Orang-orang ramai hendaklah datang ke hadapan memberi bahagiannya dan bantuannya dalam pekerjaan ini bagi faedah kaum bangsanya yang umum.

Maka sesungguhnya inilah sahaja satu jalan jika hendakkan segera maju dengan tiada mungkir janji lagi. Kedua-dua kumpulan itu hendak berikat dan bersatu kemudian hendaklah mereka membuat bersama-sama akan ikhtiar berbanting tulang sendiri bagi mengurangkan kemiskinan bangsa kita tentang kepandaian-kepandaian otak dan ketinggian perangai (dan oleh sebab itu kemiskinan wang ringgit dan jalan-jalan kehidupan juga) yang mengelilingi kaum kita sekarang ini. Mengapakah dibiarkan diri bangsa kita diejek dan dikata-kata oleh segala dunia yang maju di

keliling kita ini, padahal negeri ini telah jadi tanah air pusaka kita sendiri lebih 600 tahun lamanya? Kita hendaklah bekerja membuat satu-satu ikhtiar sendiri supaya menunjukkan kepada dunia ini yang kita boleh dan ada rupa mendapat perkara-perkara nikmat yang lebih tinggi dan mulia daripada yang ada pada kita sekarang. Kelebihan-kelebihan yang ada pada kita sekarang ialah dapat duduk hidup dengan tiada banyak kerja, dapat membuang waktu dengan sia-sia, tiada dirusuhi oleh berbagai-bagai kesibukan yang banyak, dan mana yang berada sedikit dapat makan angin bermotokar menderu ke hulu menderu ke hilir dengan tiada sesuatu tujuan bagi kebajikan am, senang makan, senang tidur, senang berbelanja, bagi kesedapan dan kepuasan nafsu sendiri. Maka kehidupan yang demikian ini ialah kehidupan yang tiada memberi guna: Kehidupan binatang pun lebih berguna daripada itu. Oleh itu hendaklah kita tunjukkan kepada dunia ini yang kita ada rupa dan kelayakan mendapat nikmat-nikmat yang lebih mulia daripada sekalian yang tersebut itu, kerana kehidupan manusia dalam dunia ini terlebih tinggi lagi tujuannya daripada kesukaan dan kesedapan yang semata-mata hampa dan sangat sebentar demikian itu.

Lihatlah apa-apa ikhtiar yang boleh dibuat yang dikatakan menolong diri (*self-help*) dan bersekutu 'bekerja sama-sama' (*co-operation*) itu. Kedua-dua perkara ini boleh dilakukan dengan berbagai-bagai jalan yang tiada had banyaknya, yakni amat banyak jalannya yang kita boleh menolong diri dan bekerja sama-sama atau bersekutu itu. Sedikit daripadanya ialah seperti yang disebutkan di bawah ini.

(1) Bangunkan persekutuan-persekutuan, adakan pungutan wang, dan daripada wang itu beri hadiah-hadiah (*prize*) yang menggalakkan hati murid-murid Melayu dalam sekolah-sekolah Inggeris sekarang itu mengaji dan mengempaskan dirinya lebih tinggi daripada darjah *Junior Cambridge*. Ataupun adakan '*scholarship*' (belanja pertolongan belajar) bagi budak-budak Melayu yang miskin.

(2) Bangunkan persekutuan-persekutuan, kumpulan wang dengan wasitah persekutuan itu, dan dengan wang itu ambil orang muda-muda kita yang ada beratus-ratus

orang duduk dengan kemalasan dalam kampung-kampung Melayu itu, kerah mereka itu semua belajar akan kepandaian tukang-tukang ini, tukang besi, tukang emas, tukang jahit, dan menggunting seluar baju, tukang kasut, tukang kayu, dan lain-lainnya kepandaian yang berguna bagi mencari nafkah kehidupan. Maka sekalian pelajaran itu boleh didapati dengan menggaji tukang-tukang Cina yang pandai-pandai di sini suruh mengajar mereka itu. Adapun orang muda-muda kita yang tersebut itu suka hendak bekerja, tetapi mereka itu tiada tahu apakah hendak dibuatnya dan mana boleh dapat kerja lain daripada kerja menoreh getah dan menjadi kuli kerja ukur (sukat tanah).

(3) Bangunkan persekutuan-persekutuan, pungut wang seperti tadi, dan daripada wang itu adakan '*scholarship*' yang besar-besar sekurang-kurangnya seperti '*Queen's Scholarship*' dalam Negeri-Negeri Selat terkhas bagi anak-anak Melayu, kemudian pilih budak-budak kita yang dalam sekolah Inggeris sekarang ini, mana yang baik-baik otaknya dan yang boleh diharapkan akan menjadi. Apabila mereka telah pas standard-standard yang tinggi sekali di sini hantarlah mereka itu belajar pelajaran tinggi-tinggi ke negeri-negeri lain baik Eropah, Amerika atau lainnya.

(4) Bangunkan persekutuan-persekutuan - iaitu persekutuan surat-surat, kitab-kitab, dan karang-mengarang. Lengkapi persekutuan itu dengan perhimpunan kitab-kitab pengetahuan am dan bilik-bilik tempat membaca dan menelaah. Di situ adakanlah segala jenis surat, buku, kitab dan karangan yang boleh memberi pelajaran dan pengetahuan-pengetahuan umum yang berguna berkenaan dengan tawarikh (tarikh-tarikh dahulu kala, tarikh bangsa-bangsa, tarikh orang masyhur-masyhur dan lain-lain jenis tawarikh), karangan-karangan yang besar-besar dari zaman dahulu, pengajian agama berbagai-bagai bangsa falsafah, cetera-cetera, pengembaraan dan lain-lain lagi iaitu kitab-kitab yang boleh memberi pelajaran dan asuhan dan mengangkat hati kepada perasaan-perasaan yang tinggi dan luas, bukannya dongeng-dongeng yang karut (seperti '*Daqaik Al-Akhbar*' atau '*Qisas Al-Ambiya* atau Menakib Syed Abdul Kadir '*Al-Jailani*') atau karangan-karangan yang tiada

dihargakan oleh orang-orang berakal. Dalam bahasa Melayu tentulah tiada karangan-karangan tinggi demikian itu, tetapi dalam bahasa-bahasa lain yang masyhur dalam dunia ini banyak. Persekutuan-persekutuan demikian hendaklah mengadakan perkumpulan dua tiga kali sebulan kerana bercakap-cakapkan ilmu dan pengetahuan surat-surat, dan mengadakan majlis berbahas dan bersyarah supaya membiasakan ahli-ahlinya bercakap di tengah majlis. Dan lagi hendaklah juga persekutuan-persekutuan demikian itu mengarang karangan-karangan atau menterjemahkan kitab-kitab dari bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa yang ia tahu ke dalam bahasa Melayu, dan dicapkan dia bagi faedah orang-orang Melayu yang awam. (Jika tidak begitupun tentulah boleh persekutuan itu memberi hadiah tiap-tiap tahun kepada siapa-siapa pengarang bangsanya yang banyak sekali mengeluarkan karangan atau yang baik sekali karangannya dengan jalan itu menjadi galak atau terbe-rangsanglah hati orang-orang kita hendak mengarang).

(5) Masuklah persekutuan-persekutuan (pergerakan) syarikat bekerja sama-sama yang telah diadakan merata-rata tempat dalam negeri ini sekarang. Bantu dan sokonglah akan dia pada tiap-tiap pihak dan halnya yang dapat ditolong.

Maka tentang empat perkara yang mula-mula itu orang-orang kaya milyuner bangsa lain di Tanah Melayu ini tentulah rasanya sedia sahaja mahu membantu dengan suka hatinya jika kita tunjukkan kepada mereka yang kita bersungguh-sungguh dan berbanting kepala betul menjalankan usaha dan ikhtiar kerana hendak memajukan kaum bukan orang Melayu, tetapi kekayaan mereka sekaliannya telah dapat dilonggokkannya masing-masing daripada bumi tanah Melayu ini. Oleh itu bolehlah kita percaya yang mereka itu bila-bila pun tersangat suka dan siap sahaja hendak masuk memberi bahagian membantu kita dengan hadiah-hadiah dan pemberiannya yang banyak, namun ada syarat-syaratnya yang cukup dari pihak kita. Bahkan selama ini pun bila-bila ada pekerjaan-pekerjaan bagi kebajikan am seperti hendak membuka *Raffles College* dan sebagainya mereka itu sekalianlah juga yang telah membantu dengan "puluh ribu" dan "ratus ribu" ringgit seseorang. Maka tentang menghad-

kan '*scholarship*' bagi pelajaran pun mereka sekalian juga yang berlumba-lumba menolong dengan wang mereka masing-masing, istimewa pula jika *scholarship* yang khas bagi anak-anak bangsa mereka sendiri maka tiadalah siapa-siapa pun menolong melainkan mereka sama sendiri sahaja.

Adapun wang kumpulan modal yang dapat daripada pungutan atau kutipan ramai oleh persekutuan-persekutuan itu hendaklah disatukan dan diserahkan ke dalam tangan *trustee-trustee* yang terpakai dan boleh diharap, iaitu dipilih ahli-ahlinya daripada orang-orang terbilang yang gemar dan suka hendak memajukan kaum Melayu walau apa bangsa pun. Bahkan terlebih baik lagi jika diserahkan kepada kerajaan sendiri menjalankan atau memilihkan ahli-ahli *trustee* itu.

Syahadan sekalian yang disebutkan di atas ini hanyalah syor-syor percubaan sahaja. Orang-orang lain tentulah boleh menghalusi, meluaskan dan mengelokkannya lagi dengan memberi fikiran-fikirannya masing-masing pula. Tetapi walau macam mana pun hendaklah kita bangkit kiraikan (buang) ketiduran dan mengantuk kita sekarang ini.

Alangkah sedih dan dukacitanya kita melihatkan orang-orang kita yang sepatutnya jadi pemimpin dan ikutan itu leka mengirakan hal ehwal kesedapan dirinya sahaja, tiada pernah hendak mengambil tahu pun apa erti 'perasaan bagi faedah umum' (*public spirit*). Sebenarnya fasal kelab-kelab Melayu tiada syak cukup banyak kalau tidak beratus pun hampirlah beratus buah banyaknya merata-rata Semenanjung ini, 'ada yang kelab' ada yang 'persekutuan'! Tetapi sayang!! Adakah persatuan dan perasaan bersekutu di antara sekalian itu satu dengan lainnya?! Sesungguhnya inilah yang sangat kekurangan kebanyakan 'kelab-kelab' itu 'kebijakannya' tiada melampaui daripada mengadakan permainan terup 'yang tiada mudarat apa-apa' itu, atau main dam atau biliard, atau memberi tempat perkumpulan berbual-bual sepanjang hari darihal perkara-perkara yang sia-sia, atau sehabis-habis lebihnya adalah permainan tenis sekali-sekala, dan mengadakan pasukan bola sepak (*football*) yang digemari oleh semua orang Melayu itu. Adapun selain daripada itu bolehlah dikatakan kesemuanya dan tiap-tiap buahnya kelab-kelab itu 'gelap' dan tidurlah belaka: iaitu tidur yang tiada

jaga-jaga melainkan pada suatu pagi yang cerah bersinar-sinar tatkala wajib dihiasi rumah 'persekutuan' itu serta mengarangkan suatu ucapan yang besar-besar bunyi perkataannya, buat menyambut lawatan seseorang yang ternama, atau memuliakan sesuatu hari yang besar!! Itulah sahaja setinggi-tinggi persatuan dan 'kebajikan am' yang tercapai oleh kelab-kelab dan persekutuan-persekutuan itu! Apakah yang lain-lain lagi yang mereka tahu! Ada! Kalau adapun tiadalah lain daripada perkara-perkara 'mencari pahala' (konon!) seperti mengherik-herikkan suara membaca berzanji dan 'marhaban' (memuji-muji nabi dengan bersorak-sorak!) pada malam-malam yang tertentu, dan melagukan 'kasidah' dengan terjerit-jerit, memanggil guru-guru agama cara kuno, mengaji 'kitab-kitab Jawi' yang tiada berkesudahan syarat rukunnya, sah batalnya, halal haramnya, dosa pahalanya iaitu perkara-perkara yang menjadi nista kepada akal fikiran orang-orang yang berpengetahuan serta tiada munasabah sekali-kali bagi kemahuan kaum zaman ini. Bilakah boleh sampai kepada perkara-perkara yang menjadi akar umbi agama Islam seperti ilmu Al-Tafsir, ilmu Al-Hadis, ilmu Al-Tasyrik, ilmu Al-Tarikh dan lainnya jika sentiasa dengan demikian dari muda hingga ke tua?

Maka sesungguhnya tertanggunlah wajibnya membuang segala kekurangan ini dan mengganti akan dia dengan sebaik-baiknya di atas segala orang muda-muda Melayu yang berpelajaran. Maka maksud 'orang muda' itu tidaklah termesti muda pada umur, tetapi muda pada fikiran segala yang berfikiran maju atau 'kaum maju' bukan 'kaum kuno' walau tua sekalipun umurnya. Di serata-rata Tanah Melayu ini tentulah banyak juga 'orang muda-muda' Melayu yang demikian itu, yang ada berpelajaran sebanyak sedikitnya, dan yang sentiasa berharap dan mencita-cita hendak melihat orang-orang bangsanya ini terangkat naik daripada kerendahannya serta menjadi semakin maju. Maka sesungguhnya terwajiblah di atas segala 'orang muda-muda' yang demikian itu membuang perasaannya yang tiada ambil peduli selama ini, atau kegilaannya yang asyik mencari kesukaan dan kesedapan itu, kemudian menyatukan kepalanya dan hatinya sekalian bersama-sama dengan wasitah satu-satu persekutuan, dan dengan itu membuat segala yang

terkumpul dalam daya upayanya bagi keselamatan dan kelepasan orang-orang kaum kita yang dikasihi ini. Kita akan jaya dan hasil maksud jika tidak dengan sebab kelebihan pandai kita maka dengan sebab berkat usaha bersatu dan bersekutu pada menolong diri dan tolong-menolong sama sendiri.

2

Kemiskinan Orang Melayu*

[ADALAH penulis yang masyhur Tuan Za'ba telah menulis dalam surat khabar Inggeris yang bernama *Malay Mail* di Kuala Lumpur pada 31 Disember 1923 suatu karangan yang berkepalakan bagaimana di atas ini. Maka kemudian daripada telah ditulisnya beberapa rencana dalam *Al-Ikhwan* dalam tujuan kehendak yang demikian itu juga gemarlah pula ia menyalin karangannya yang dalam bahasa Inggeris itu kepada bahasanya sendiri supaya dibaca pula oleh sekalian kaumnya yang tiada mengerti membaca Inggeris. Maka oleh sebab rencana itu terlalu panjang kemudian daripada dijadikan Melayu kerana berhajat kepada tokoh tambah yang tiada keluar daripada makna hanyalah kerana hendak menerangkan susunan perkataannya dalam karangan Melayu jadi akan kita masukkan ke dalam *Al-Ikhwan* ini berapa kali dengan ditaruh yang pertama. Yang kedua akhirnya -.]

Orang-orang kita Melayu ini pada hitungan am atau jumlahnya ialah suatu kaum yang tersangat miskin. Kemiskinan itulah sifatnya yang terlebih sangat lengkap dan nyata daripada lain-lain sifat kebangsaannya dan ialah juga sebesar-

* *Al-Ikhwan*, hlm. 132, Mac 1927; hlm. 151, April 1927; hlm. 171, Mei 1927.

besar kekurangan yang menjadikan mereka kalah atau ketinggalan di belakang dalam perlumbaan kemajuan. Miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemat dan cita-cita, miskin pada pelajaran dan latihan pengetahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan otak dan pada beberapa sifat keperangaian yang tinggi dan mulia – jadilah mereka tidak dapat tiada daripada tersangkut dan ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa.

Perkataan 'miskin' atau kemiskinan seperti yang dikatakan bagi mereka itu bukanlah semata-mata dimaksudkan bermakna 'tiada berharta atau tiada kaya' sahaja, melainkan adalah iaitu bermakna beberapa banyak dan berapa ganda terlebih dahsyat daripada itu. Kemiskinan orang-orang Melayu itu ialah kemiskinan yang meliputi sertaserbinya dan mengelilingi mereka pada segala pihaknya. Fasal kemiskinan mereka tentang harta dan wang ringgit itu (dengan bandingan kepada bangsa-bangsa lain) memang sudah tentu sahajalah, tidak payah disebut lagi, kerana nyata terbentang dan semua orang pun tahu. Tetapi yang terlebih mendukacitakan dan terlebih menghancurleburkan segala hati jantung yang bernadi ialah kebenaran bahawa orang Melayu itu sangat miskin juga pada segala syarat-syarat atau alat kelengkapan yang boleh membawa kepada kejayaan dan kebesaran bangsa atau kebesaran yang sebenar (bukan kebesaran pangkat jadi raja, dapat bintang dan sebagainya!). Bahkan bukanlah pula kejadian mereka memang termateri dengan tabiat kemiskinan otak dari semula jadi, dan bukan pula memang kejadiannya tiada upaya bersifat dengan sifat-sifat keperangaian yang tinggi (segala kekurangannya itu ialah diperolehnya kemudian, yang terbit daripada perkelilingannya, bukan diperanakkan bersama-samanya dari perut ibu). Pada pihak benih dan kebolehan yang tersimpan dalam tabiat kebangsaan mereka itu, adalah mereka mempunyai sifat-sifat kelebihan otak dan ketinggian perangai yang tersebut itu sama (tiada kurang) seperti yang dipunyai oleh orang-orang bangsa lain juga, tetapi bahagian yang telah tumbuh dan zahir keluar daripada kebolehannya yang tersimpan ini pada hitungan jumlahnya masih tersangatlah miskinnya (sangat kurang, sangat sedikit) lagi hendak tahan dibandingkan dengan keadaan yang kita dapati pada lain-lain bangsa yang

maju dan mewah makmur dalam negeri ini.

Tentang syarat-syarat yang dibangsakan kepada otak orang-orang Melayu ini miskin pada pihak pengetahuannya, pada perbendaharaan atau tumbuh-tumbuhan hatinya, dan pada alat-alat yang am bagi menyuburkan hati dan fikiran dan mengisikan tanam-tanaman yang berharga ke dalamnya. Surat-surat karangan atau kumpulan kitab dan hikayat dalam bahasa mereka itu miskin dan bukan daripada jenis yang mengangkat perasaan atau meninggikan fikiran. Perkelilingan mereka di rumahnya dari masa kecil sentiasa miskin daripada asuhan-asuhan yang sempurna. Dan jarang-jarang benar keadaannya yang menghembuskan roh yang bersih, atau memberi contoh keelokan perangai, atau menanamkan perasaan-perasaan yang tinggi dan mulia. Pemandangan mereka terhadap hal hidup di dunia ini miskin daripada perasaan-perasaan yang hidup dan penuh dengan malap, muram, dan kesugulan yang jarang-jarang atau tiada pernah berasa cerah dengan sinaran riang dan sukacita. Kehidupan agamanya dan amal ibadatnya amat miskin daripada isi dan roh yang asli, dan tubuh (amalannya atau agamanya) yang tiada berisi roh itu pun beberapa banyak telah diselaputi oleh lumpur dan cemar-cemar daki air serta telah hanyut dan beralih rupa beberapa jauhnya daripada ajaran-ajaran asal yang bersih dan hening jernih yang dibawakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. (Jika seorang pergi ke kampung-kampung Melayu maka keadaan masjidnya yang jongkang-jongket dan dimakan asai serta penuh dengan habuk dan lumut-lumut itu pun cukuplah menjadi gambar bagaimana rupa agama Islam yang di dalam hati mereka penduduk kampung itu, dan bagaimana rendahnya agama Islam mereka itu telah jatuh daripada pangkatnya yang tinggi).

Pendeknya orang Melayu hanyalah menunjukkan pandangan yang buruk dan miskin sahaja rupanya pada tiap-tiap cawangan kehidupan. Orang muda-mudanya kebanyakan leka membuang-buang masa dengan kesukaan yang sia-sia, lucah dengan menjamu kesedapan syahwat dan hawa nafsu kebinatangan, tiada jimat dan cermat pada perkara wang dan belanja, dan tiada mengirakan untuk esok atau lusa, serta leka tungging balik dengan mencari jalan-jalan hendak bersedap-sedap dan bersuka-suka, orang tua-tuanya

terpasung dengan kepercayaan bodoh-bodoh dan ketakutan yang bukan-bukan akan hantu syaitan, jin afrit, pelesit menjangan. Beberapa banyak daripada orang muda-muda Melayu yang disangkakan 'berpelajaran' itu (bahkan sesetengahnya 'Pak Aji!') semata-mata menjadi keinginan sahaja kepada bangsanya, dan sungguhpun alhamdulillah orang Melayu 'yang berfikiran baharu' seperti ini nampaknya telah beransur kurang bilangannya dan makin bertambah-tambah jarang adanya antara orang muda-muda Melayu yang berpelajaran Inggeris sekarang ini jika dibandingkan dengan keadaan sepuluh lima belas tahun dahulu, tetapi demikian itulah amnya keadaan orang muda-muda Melayu yang kebanyakan.

Apa dia sebab-sebabnya yang telah menjadikan mereka sampai begini miskin pada pihak kemuliaan perangai dan sebagainya ini? Sebab-sebab itu mudah sahaja dan tiada payah kita mencari jauh. Keadaan geografi negeri ini pada pihak subur tanahnya dan tumbuh-tumbuhannya, dan senang mendapat makanan padanya, dan keadaan-keadaan hawanya dan sebagainya, telah kerap benar dibawakan orang ke hadapan jadi sebab-sebab bagi ketiduran dan ketinggalan orang-orang Melayu (yakni mereka tiada rajin dan usaha dan tiada cukup bekerja melumbai bangsa-bangsa lain yang datang dari luar itu ialah sebab mereka telah biasa tidak fardu berbuat demikian dari sediakala, kerana negeri ini sengaja mewah dengan serba jenis makanan yang boleh dapat dengan tiada bersusah payah atau dengan sedikit usaha sahaja. Oleh itu hingga telah jadi bidalan kepada mereka 'jika bergalah hilir, tertawa buaya', ertinya arus sungai itu telah menghanyutkan sepenuh, bukankah bodoh jika kamu berpenat-penat bergalah lagi? Tambahan pula hawa negeri ini bukan daripada jenis yang menggalakkan tabiat cergas dan kuat bekerja pada anak-anak buminya, kerana hawa panas memanglah membawa perasaan lesu dan mengantuk sahaja). Maka sesungguhnya sebab-sebab yang dibangsakan kepada alam geografi dan tabiat kejadian negeri ini benar juga. Akan tetapi sebab-sebab yang miskin itu tentulah tiada akan boleh menerbitkan kelemahan perangai sampai seperti yang didapati pada orang-orang kita Melayu sekarang ini jika tiada sebab-sebab yang lain telah masuk tercampur

bersama-sama. Bahawasanya kemiskinan perangai yang mulia-mulia – seperti rajin usaha, jimat, cermat, tekun, tinggi hemah, kuat kemahuan, teguh cita-cita, benar, kepercayaan, menepati janji, menghargakan waktu, ada kehormatan diri, biasa menjalankan akal dan berfikir sendiri, bergantung kepada ikhtiar diri sendiri, percayakan kudrat kebolehan diri sendiri, mereka hati, tiada tertunduk-tunduk dan bersembah-sembah, gemarkan faedah ramai, menjauhi perkara-perkara yang cemar dan merosakkan maruah dan beberapa yang lain lagi – pada kebanyakan orang-orang Melayu itu telah terjadi ia oleh beberapa sebab yang banyak, tetapi antara sebab itu dua perkara tiadalah sekali-kali boleh dibilangkan kecil: iaitu pertama dan terutama keadaan agama Islamnya dan iktikad-iktikad kepercayaannya yang telah jatuh beberapa rendahnya daripada ketinggalan dan kebersihannya yang asli, padahal iktikad-iktikad agama itulah yang memerintahkan segala jalannya dan gerak-gerinya hidup di dalam dunia ini. Kedua-dua adat kebiasaan dan keadaan hidup yang dahsyat yang telah ditanggungkan oleh datuk nenek mereka pada zaman sebelum kedatangan sinar dan panas matahari Barat dahulu terutama British, dan oleh sebab adat kebiasaan yang telah jadi pusaka itulah hingga perkataannya pun tiada kita dapati dalam bahasa Melayu bagi menamai kebanyakan daripada sifat-sifat kemuliaan perangai yang tersebut di atas dengan sepatuh kalimah tiap-tiap satunya. Yang demikian menunjukkan bahawa fikiran darihal perkara-perkara itu semua tiada pernah terlintas di hadapan mata hati Melayu!

Maka sebab yang pertama itu tidak usahlah dahulu kita bincangkan di sini, tetapi yang kedua itu boleh, persaksian tarikh ada menunjukkan dengan tiada syak lagi bahawa keadaan kehidupan Melayu pada zaman kerajaan raja-rajanya terdahulu daripada kedatangan British (Inggeris) ini sangatlah dipenuhi oleh kesempitan, azab sengsara, dan kebuasan yang tiada terderitakan, istimewa pada masa yang tiada berapa lama terdahulu daripada kedatangan yang tersebut itu. Maka keadaan kehidupan demikian itulah yang telah dipusakai oleh anak-anak Melayu sekarang, dan ialah satu daripada perkara-perkara yang terutama sekali telah menjadi acuan menempa akan orang Melayu ini kepada rupa bentuknya atau keadaannya yang ada pada hari ini, dan

menjadikan mereka waris kepada beberapa tabiat perangai dan kebiasaan yang lemah dan rendah yang telah lazim pada zaman nenek moyang dahulu kala itu, beratus-ratus tahun lamanya mereka telah kena perabdikan dan kena picit dan perah dan ramas di tangan pemerintah-pemerintahnya yang pada zaman dahulu itu iaitu pemerintah-pemerintah daripada bangsa mereka sendiri. Oleh itu tentulah berkehendakan lama juga masanya bagi menghilangkan segala kejadian keji-keji yang telah terbit daripada keadaan yang demikian itu, iaitu jika tidak sama banyak kurunnya pun sekurang-kurang tiap-tiap satu kurun yang telah membawa kerosakan itu dikehendaki sesuku kurun bagi membaikinya pada zaman semua perkara cepat dan pantas ini. Adapun kejadian yang keji-keji yang telah terbit daripada hal keabdian zaman dahulu itu telah ambil rupa ia jadi kebiasaan pada orang-orang Melayu sekarang. Maka tiap-tiap perkara yang telah jadi kebiasaan itu ialah tabiat keperangaian yang kedua pangkatnya daripada tabiat keperangaian semula jadi. Peraturan perintah British yang ada ini telah melepaskan mereka daripada kejahatan dan kebuasan tuan-tuan penghulunya seperti yang telah lalu itu, tetapi tiadalah dapat ia melepaskan mereka dengan serta-merta daripada cengkaman kebiasaan yang telah bertempa bentuknya dalam tuangan perkelilingan tatkala zaman azab sangsara dahulu itu, jikalau sekiranya tidaklah dengan sebab kedatangan British (yang dikatakan tentera Allah Taala itu) mengambil akan perintah negeri ini daripada genggamannya tuan-tuan penghulu yang buas dan tiada berperasaan manusia itu, nescaya orang-orang Melayu ini kesudahannya dalam sedikit kurun lagi tentulah kelak hapus sekali tersapu wujudnya daripada hitungan jadi suatu kaum antara kaum-kaum manusia di muka bumi ini dengan sebab kezaliman dan kekuasaan tuan-tuan penghulunya yang buas dan liar itu. Orang-orang Melayu zaman itu perlahan-lahan, tetapi tentu sekali, semakin beransur ditelan dan dihulur oleh hutan rimba belantara di kelilingnya, dan nampaknya ada sangatlah tiap-tiap tanda dan alamat yang mereka itu akan mengambil gilirannya jadi kaum Semang dan lain-lainnya bangsa orang liar pula dalam hutannya itu! Tetapi tangan masa - Alhamdulillah! Syukurlah kita kerana orang-orang British datang

- telah menahan akan gerak menggelungsur ke bawah ini, dan pada masa sekarang hanyalah tinggal lagi kerja kita mesti menghapuskan segala kehasilan keji-keji dan malang yang telah jadi daripada kesalahan-kesalahan zaman dahulu itu dan bertaubat (berpaling) serta buat 'kadha' akan pemulih dan pengganti segala taksir yang telah sudah itu.

Lain-lain sebab lagi boleh didapati pada kejahilan dan 'tiada tahu' mereka itu iaitu mereka tiada berpengetahuan, tiada berpelajaran, mereka tiada mempunyai pengetahuan-pengetahuan yang wajib darihal apa hendak buat, bagaimana membuatnya dan sebab apa dibuat akan dia dalam kesibukan pekerjaan manusia yang beribu-ribu jenis ada di kelilingnya itu. Otak-otak mereka pun tidak pula berapa tajam tentang hal perniagaan dan jalan-jalan perusahaan mencari duit, atau pada mempelajari kepandaian tukang-menukung atau ilmu-ilmu berjual beli dengan tiada diajar dan dilatih betul-betul, mereka tiada pernah biasa dengan kehidupan berusaha mengadakan dagangan atau membuat barang-barang atau berniaga dari zaman dahulu kala dan kejahilan darihal 'bagaimana' dan 'mengapa' dan yang bersangkutan dengan berbagai-bagai cawangan pekerjaan dan perusahaan manusia itu telah melekat pada mereka jadi sebahagian daripada tabiat perangnya.

Demikianlah dengan ringkas setengah daripada sebab-sebabnya yang besar-besar maka orang-orang Melayu ini miskin dengan makna-makna 'miskin' seperti yang diisyaratkan di atas tadi. Negeri mereka ini kaya dan tersangat mewah dirahmati Tuhan dengan mahsul - tetapi bukanlah mereka (orang-orang Melayu) yang beroleh untung dan faedah daripada kekayaan itu, perusahaan dan perniagaan, pekerjaan tukang kayu, tukang kasut, tukang jahit, berkedai barang-barang, berjual beli getah, berkedai kopi, berkebun sayur - iaitu sekadar menyebutkan sedikit sahaja dan yang tiada payah ilmunya antara pekerjaan-pekerjaan dan perniagaan-perniagaan yang dibuat oleh orang-orang dagang dalam negeri ini semuanya itu sentiasa dijalankan orang dengan sibuknya dalam tiap-tiap sudut dan penjuru bandar-bandar mereka itu, bahkan sehingga dalam ceruk-ceruk kampung dan hulu-hulu negeri mereka itu yang jauh-jauh pun, tetapi bukanlah mereka (orang Melayu) yang membuat

atau menjalankan segala pekerjaan-pekerjaan ini. Sekolah-sekolah Inggeris dalam tiap-tiap bandar negeri ini telah mengeluarkan beberapa banyak lelaki dan perempuan yang mempunyai kelebihan dan duduk di saf hadapan dalam perhimpunan orang-orang negeri, lagi berguna kepada bangsanya, dan berperasaan bagi faedah ramai, suka berusaha bagi kebajikan am, serta dikasihi dan dihormati oleh orang – dan jadilah mereka antara 'anak-anak negeri' yang terpakai dalam negeri orang Melayu ini, tetapi bukanlah orang-orang Melayu yang telah mengambil bahagian dengan bilangan yang sedikit pun antara 'murid-murid tua yang jaya ini, pejabat-pejabat dan gudang-gudang perniagaan semuanya penuh melimpah-limpah dengan orang yang bekerja jadi kerani, penolong-penolong ketua, tukang taip, penyimpan kira-kira wang keluar masuk (*book keeper*) penulis pendek, jadi *manager*, masuk kongsi modal, dan memegang jawatan yang besar-besar dan berat-berat tanggungannya, tetapi bukanlah orang Melayu yang terlebih ramai antara bilangan mereka itu, dikecualikan agaknya jadi peon, tambu, orang-orang suruhan dan seumpamanya yang tiada berkehendak menggunakan otak. Orang-orang dagang sentiasa keluar masuk dan pergi datang dalam negeri orang Melayu ini, menghimpunkan kekayaan dan menjadikan diri mereka tuan-tuan punya lombong yang tebekang dengan makmur pendapatannya, saudagar-saudagar perniagaan yang hebat-hebat toko gudangnya serta kaya-kaya dan berlipat ganda keuntungannya, tetapi bukanlah orang-orang Melayu yang ada kelihatan masuk tangan barang sedikit dalam segala pekerjaan dan percubaan yang besar-besar ini. Orang-orang menghantar anak-anaknya masing-masing pergi ke Oxford dan Cambridge, Edinburgh dan Glasgow, ke Amerika, ke Perancis dan ke Jerman kerana belajar ilmu undang-undang (*lawyer*) dan ilmu perdukunan (doktor), ilmu-ilmu kepandaian dan pertukangan dan ilmu-ilmu perdukunan (doktor), ilmu-ilmu kepandaian dan pertukangan dan ilmu-ilmu siasat kejadian, ilmu-ilmu falsafah dan ilmu surat-surat dan karangan-karangan, dan kerana belajar bagi mendapat *degree* (darjah khatam pengajian) dan *doctorate* (pangkat khatam pengajian yang sehabis tinggi sekali pada sesuatu cawangan-nya) – iaitu sekaliannya dengan belanja wang yang diperoleh

dalam negeri orang Melayu ini, apabila anak-anak muda itu balik ke sini jadilah mereka doktor-doktor atau *lawyer-lawyer* yang pandai serta berjaya pekerjaannya dengan menuai wang daripada orang-orang yang mengambil akan dia. Ataupun jika tidak jadi doktor atau *lawyer* atau *engineer* atau hakim atau pegawai-pegawai kerajaan yang memerintah maka jadi mereka itu pengarang-pengarang dan pendeta-pendeta yang terbilang siasatnya dan kelebihanannya, atau jadi orang-orang yang terpakai dan dihormati pada ramai dan berguna bagi negeri dan bagi awam. Akan tetapi bukanlah orang Melayu atau barang seseorang daripada bilangan mereka itu yang telah pernah berbuat atau dapat mencapai martabat itu. Negeri ini telah menjadi limpah makmur dengan melompat-lompat dan mengejut-ngejut sahaja semenjak perintah British yang sejuk dingin dan bertuah itu telah datang mengambil dan memegang tali kekangnya, tetapi bukanlah orang-orang Melayu yang telah menghasilkan segala perubahan baik-baik pada kemakmuran dan kemewahan dan keamanan dan sebagainya ini, atau yang terutamanya telah beroleh faedah daripada sekalian itu!

Demikianlah halnya 'kemiskinan' orang Melayu ini nyata kelihatan pada semua pihak dan pada segala hal, bahkan keadaan yang sedemikian sangatlah tiada kita gemar, lagi menjadi kedukaan dan kemaluan yang amat besar kepada kita sekalian. Tetapi walau bagaimanapun, sekaliannya seperti yang disebutkan itu amat benar jua. (Tidakkah begitu? Cuba perhatikan!). Apabila sekolah pertukangan yang dicadangkan hendak dibuka di Kuala Lumpur itu sudah dibuka kelak (masa menterjemah ini sudahlah mulai dibuka sungguhpun kecil lagi), adakah agaknya orang-orang Melayu kelak yang akan memberi bilangan yang terlebih ramai sekali antara penuntutnya (yang masuk belajar di situ)? Dan apabila *Raffles College* di Singapura itu telah siap dibuka kelak, adakah anak-anak Melayu agaknya yang akan memenuhi lapang yang terlebih besar sekali di dalamnya?? Di kolej ubat-ubatan ini suatu pertolongan yang besar kepada kita, boleh memberi jawab kepada soal-soal yang tersebut itu pada masa ini.

Marilah kita berpaling balik kepada kemiskinan orang-orang Melayu ini tentang perniagaan dan pekerjaan berjual beli dan tentang perusahaan dan perasaan suka mencuba

dan berani rugi dalam sesuatu pekerjaan. Adakah barang sesuatu jalan hendak keluar melepaskan diri daripada segala kekurangan ini? Pada sepanjang fikiran kecil yang terfikir oleh penulis sekarang hanya ada satu jalan sahaja jika dikehendaki segera sampai, dan jalan itu ialah: diubati segala penyakit kemiskinan pelajaran, dan jalan mengubatinya itu pula ialah dengan diberi pelajaran daripada jenis yang betul dan munasabah. Bahawa di situlah – dan di situlah sahaja tiada pada lainnya – boleh didapati jalan kelepasan dan keselamatan yang dekat bagi orang-orang Melayu ini: baik pada pihak kemiskinan wang ringgit dan jalan-jalan pencarian, dan pada pihak kemiskinan perangai atau sifat-sifat yang menjadi tabiat kepada dirinya, demikian pula pada pihak kemiskinan asuhan dan latihan anak-anaknya, kemiskinan surat-surat dan karangan-karangan dalam bahasanya, kemiskinan hayat dan roh pada agamanya dan lain-lain jenis kemiskinan lagi yang mengelilingi akan mereka itu sekarang.

Orang-orang bangsa lain sebenarnya barangkali boleh didapati berapa banyak yang menjalankan perusahaan besar-besar dan berbagai-bagai pekerjaan kehidupan dengan tiada payah diajar atau dilatih yang khas. Bahkan sesetengah mereka itu jahil dan tiada apa-apa pelajaran, tetapi tiada juga mereka ketinggalan pada medan perniagaan dan perusahaan dan sebagainya atas kadarnya, dan pandai juga mereka berikhtiar dan berkira bicara meluaskan jalan kehidupannya. Sebabnya ialah kerana bangsa mereka telah terlatih dengan perangai demikian beberapa ratus tahun, bahkan terkadang beribu tahun, hingga kelakuan itu telah tertanam jadi tabiat kepadanya. Orang-orang bangsa Cina umpamanya telah biasa terlatih beribu-ribu tahun dengan hal susah dapat makan oleh sebab ramainya, dan dengan sebab itu terpaksa bekerja kuat baru dapat makan. Maka latihan itu telah menjadi kebiasaan dan perangai resmi kepada mereka dipusakai turun-temurun dari beberapa zamannya. Tambahan pula mereka itu semata-mata bercita-cita mengumpulkan kekayaan bagi menyenangkan kehidupannya yang biasa serik dan susah itu, ataupun akan dibawanya kembali ke negerinya, kecuali mereka yang telah tetap berkediaman di negeri-negeri Melayu ini. Maka dari sebab itulah orang-orang bangsa mereka itu tersangat usaha dan kuat bekerja dengan tiada

memilih sebarang bagi pekerjaan, lagi sangat cerdik dan pintar dalam hal mengumpulkan kekayaan hingga membangkitkan hairan di hati bumiputera di negeri-negeri Melayu yang biasa berulit dengan membuang-buang waktu ini. Adapun orang-orang kita Melayu latihan yang telah beratus tahun mengasui dan mengelilingi mereka ialah akas daripada itu pula seperti yang telah lalu dibutirkan pada sebab-sebab yang membawa kehinaannya itu. Sebab itu berkehendaklah kepada pelajaran dan latihan yang khas bagi melawan latihan pusaka yang tersebut itu.

Akan tetapi bagaimanakah kita boleh mendapat pelajaran dan latihan pengetahuan daripada jenis yang betul dan munasabah dan kadar sebanyak yang sebenarnya dikehendaki (tidak terlampau kurang dan rendah seperti sekarang??). Kebanyakan orang berfikir ialah kita mesti berharap dan meminta akan dia daripada kerajaan. Bahkan sesungguhnya sangatlah senangnya (walau siapa pun boleh) menyalahkan kerajaan pada serba-serbinya: maklumlah pemerintah daripada bangsa lain! Akan tetapi mengapa tidak disalahkan diri kita sendiri dahulu?? Kerajaan memang telah membuat dan tengah membuat juga akan bahagiannya seberapa baik yang ia dapat bagi menyempurnakan tanggungannya itu. Tetapi diri kita tiada menyempurnakan bahagian kita dengan menolong akan diri kita sendiri, tiada memandang atau bergantung atau berharap kepada pertolongan orang lain. Negeri ini sungguhpun negeri Melayu dan bumiputeranya yang jati orang Melayu, tetapi didiami oleh berjenis-jenis bangsa yang telah menolong benar pada membukanya dan menjadikan kemakmurannya, dan segala hasil-hasil yang dipungut padanya itu bukanlah sekali-kali daripada titik peluh orang Melayu sahaja, tetapi bersama-samalah juga daripada titik peluh orang-orang bangsa lain yang telah meramaikan negeri ini dan mengeluarkan kekayaan. Sebab itu tiadalah hak jika semua kelapangan dan pertolongan dan perbelanjaan kerana pelajaran dilebihkan terlampau sangat bagi orang-orang Melayu sahaja. Sesungguhnya demikian perhatikanlah! Dari dahulu sampai sekarang bukankah sentiasa ada dikhaskan bagi anak-anak Melayu beberapa kelebihan (atas kadar yang patut) daripada bangsa-bangsa lain yang bukan punya negeri ini! Tetapi orang-orang bangsa

lain yang tiada bersuapkan oleh orang makanannya itu berikhtiar mereka menolong dirinya sendiri. Bekerja dan berusaha mereka mencari duit sendiri. Mereka sendiri memasak, menghidangkan dan menyuap makanannya sendiri; Yakni berentam-rentam mereka berbelanja mendirikan sekolah-sekolahnya sendiri, anak-anak mereka dihantar pergi belajar ke Eropah dan lainnya, maka ialah dengan belanja mereka sendiri. Demikian pula jika negeri ditimpa kemalangan seperti bah, gempa, terbakar dan sebagainya, mereka sekalianlah yang segera berlumba-lumba beramai-ramai mengumpulkan wang sama sendirinya tiada payah berminta atau bersuruh kerana menolong, walaupun orang-orang yang akan dapat pertolongan itu kebanyakannya bukan bangsa mereka sendiri (hanya bangsa kita! Tidakkah kita rasa malu?). Maka ketika orang-orang Melayu yang punya tanah air dan negeri ini adakah pada jumlahnya pernah barang sedikit jua pun telah menolong diri kita sendiri seperti mereka itu? Usahkan hendak menolong diri bangsa lain, tetapi pada perkara yang tertentu faedahnya dan keuntungannya bagi diri bangsa kita sendiri sahaja pun adakah kita telah berbuat apa-apa yang layak dibawa ke tengah medan, atau sedar akan bahawasanya kewajipan itu ialah tanggungan di atas tengkuk kita sendiri?

Sesungguhnya di sini kembalilah kita sekali lagi kepada masalah 'kemiskinan perangai' atau kemiskinan sifat lelaki pada orang-orang kita Melayu dengan am. Penulis ini sendiri seorang Melayu - seorang Melayu yang penuh totok darah Melayunya, bukannya Melayu Jawi Pekan atau yang berdarah campur, tetapi ialah Melayu kampung, yang sejati-jati asal Melayu, bukannya seorang telah diperanakkan dari perut ibunya 'dengan sudu perak di dalam mulutnya' (yakni biasa dengan senang-lenang dan limpah mewah dari dalam ayunannya), tetapi ialah seorang telah melalui dan merasa segala pangkat-pangkat kehidupan yang biasa dirasa oleh orang-orang Melayu kampung yang tiada tahu menulis dan membaca dan tiada pernah merdeka daripada sengsara kepapaannya itu. Oleh sebab itu penulis ada hak dan ada rupa sedikit boleh bercakap di atas hal ini dengan suara kebenaran. Iaitu:

Orang-orang Melayu ini pada hitungan amnya, tiada

mempunyai sifat keperangaian bergantung kepada diri sendiri, iaitu keperangaian merdeka yang tidak mengharapkan kasih siapa-siapa atau pertolongan siapa-siapa sesama manusia. Jika adapun perangai merdeka yang demikian itu pada orang Melayu sangat sedikit adanya pada masa ini, melainkan kebanyakan daripada mereka itu suka sahajalah kalau dapat barang sesuatu halnya atau pekerjaannya itu ditolong buatkan baginya oleh orang lain, dirinya sendiri biar terlepas daripada membuatnya atau menanggungnya. Maka sebagaimana kelakuan kanak-kanak kecil sentiasa memandang dan berharap kepada pertolongan ibu bapa pada serba-serbi halnya yang susah sedikit, begitulah pula kebanyakan orang Melayu kita sentiasa cenderung hendak memikulkan semua perkara dan keberatan di atas bahu kerajaan – iaitulah ibu bapanya. Bukanlah sahaja pada perkara yang besar-besar tetapi pada perkara yang kecil-kecil dan perkara-perkara yang tentu sekali sepatutnya dari tanggungan dirinya sendiri, ia suka meminta tahu berkehendak akan pertolongan orang lain juga. Jika memasukkan anak-anak mereka ke sekolah orang putih misalnya, hampir-hampir semua orang Melayu tersembah-sembah mengadu mengatakan dirinya tiada upaya menanggung belanja anaknya bersekolah itu, dan oleh sebab itu masing-masing semuanya mengharap hendak dapat *scholarship* (bantuan belanja belajar) kerajaan belaka, atau sekurang-kurangnya hendak masuk belajar percuma dengan tiada apa-apa bayaran. Ataupun jika ia orang berada atau berpangkat sedikit seperti sesetengah orang yang datang ke pejabat berjumpa nazir sekolah dengan motokar sendiri. Maka katanya anaknyalah yang terlebih patut mendapat belanja kerajaan sebab dia orang besar! Maka ini hanya sekadar memberi satu misal yang biasa sahaja. Dalam segala hal yang lain-lain daripada memasukkan anak-anak ke sekolah pun mereka sentiasa cenderung hendak mengelakkan tanggungan tengkuknya sendiri, dan sentiasa memandang-mandang dan mengintai-intai kalau ada peluang boleh dapat pertolongan dan kasih daripada orang besar-besar dan pegawai-pegawai atasnya, hingga sedialah mereka reda barang bila masa sahaja pergi tersembah-sembah ke sana, tertabik-tabik ke sini memohonkan 'pertolongan' bagi

hajatnya. Maka jikalau dapat 'pertolongan' itu nescaya jadi suatu kebesaran pula kepadanya seraya dipertunjukkan-tunjukkannya dan bersombong hati ia kerananya – tuan itu sayang akan dia, dan raja itu kasih akan dia! Padahal yang sepatutnya disombongkan ialah kalau perkara yang diperoleh dengan tiuk peluh sendiri atau dengan sebab kelebihan atau kelayakan kita sendiri. Bukan sebab kasih orang atau pertolongan orang. Jika sebab tolong orang sepatutnyalah membangkitkan malu, kerana orang yang tiada mendapat melainkan dengan pertolongan orang itu jatuh dalam bilangan lemah, daif, dayus dan tiada berdaya upaya, sama seperti peminta sedekah! Dan orang yang sebenarnya mengesakan Tuhan itu hanyalah Allah Taala sahaja yang dikirakannya lebih berkuasa daripadanya, segala orang yang lain itu sama seperti dirinya juga.

Maka perangai suka minta tolong tiada kuat bergantung kepada kudrat sendiri ini terutama sekali adanya pada 'Encik-encik yang ahli perkebunan' di kampung-kampung Melayu itu. Mereka itu tiada mengerti sekali-kali apa dia yang dikatakan kemerdekaan diri dan apa sebabnya wajib berperangai merdeka itu hanya yang telah terpaku mati di muka hati mereka itu ialah bidalannya yang berkata 'di manakah kutu hendak makan jika tidak di atas kepala?' Akan tetapi mengapakah mahu bahkan suka menjadikan diri 'kutu'? Bukankah iaitu aib dan hina – sentiasa makan menumpang dan bergantung nyawa kepada lelehan danur orang? Maka dengan perasaan beginilah juga mudah sangat mereka pergi 'meminta tolong wang' kepada jirannya serta sangat leceh pula membayar balik dengan tiada ia terasa malu! Atau pergi berhutang kepada ceti, dan dengan jalan itu hilang kemerdekaannya, atau kesendiriannya, dan tergadai terlelong harta kepunyaannya dan sawah ladangnya. Mereka tidak hirau hendak menolong diri sendiri melainkan pada perkara-perkara yang tidak boleh tidak benar bagi makan minumannya dan pakaian menutup auratnya supaya boleh hidup. Dari sebab itu Allah subhanahu wa taala pun tiada berapa hirau hendak menolong akan mereka itu. Nampaknya jikalau boleh satu kerja pun mereka tiada suka hendak membuat dengan berusaha dan berpenat-penat sendiri. Kehidupan yang sehabis sempurna pada angan-angan mereka itu ialah

sentiasa dapat duduk 'senang' di muka pintu rumahnya atau di kepala tangga jirannya dengan tiada membuat barang sesuatu kerja, tetapi banyak ada padi dan beras untuk makan minum, dan kesemua masa dan waktunya dapat dipakainya bagi berbual-bual angin dan bercerita-cerita kosong, umpat-mengumpat dan keji-mengeji, dan bagi memuaskan segala selera nafsunya dan syahwat kebinatangannya sepanjang-panjang tahun. Bahkan dengan cakap sindiran 'sehingga makanan pun ia mahu orang lain juga menyuapkan ke dalam mulutnya'. Pada segala kelakuannya dan gerak-gerinya mereka menunjukkan dirinya itu daif, dayus, kanak-kanak kecil, atau budak merah baharu terpancar yang masih berbalut dalam kain bedungnya. Dengan hal yang demikian sentiasalah mereka meletakkan dirinya pada kedudukan orang kena tanggung dan hamba orang. Mereka tiada pernah sanggup akan berjalan sendirinya dengan tiada berpimpin atau berpapah; apa lagi berjalan membawa bebanan. Mereka suka kakinya berkekalan lembut dan lemah (lumpuh?) selama-lamanya – tiada pernah mengambil endah hendak dapat berjalan sendiri atau mencuba hendak berjalan dengan kuat kudratnya sendiri seperti orang-orang bangsa lain-lain dalam negeri ini. Oleh itu tidakkah hairan yang mereka masih lagi belum ada upaya hendak berdiri dengan tiada berpegangan dalam dunia Tuhan yang luas ini, dan mata mereka selama-lamanya tersangat lemah hendak menentang akan gemilang cahaya matahari di pusat cakerawala khalak-nya yang maha tinggi. Tidakkah wajib beribu-ribu wajib kita berikhtiar akan menghapuskan kekurangan ini? Hai! Bangkitlah. Bangkitlah! Bersatu, kumpulkan wang antara sama sendiri. Apabila ada wang semua boleh jadi, asalkan yang layak dan terkandung dalam sempadan kebolehan manusia. Begitulah orang-orang bangsa lain menolong dirinya sendiri, dan benci bahkan malu mereka jika berjalan sentiasa dipapah, didukung atau ditandu orang. Kanak-kanak yang tiada membiasakan memakai kakinya sendiri itu tiada akan dapat berjalan selama-lamanya.

3

Guna Kekayaan*

SEKALI peristiwa berjumpa seorang guru dengan seorang muridnya yang lama. Cik guru itu orang berpelajaran dan hatinya sentiasa hendak memajukan bangsa Melayu yakni hendak menambah akan baik keadaannya daripada yang sedia ada – supaya naiklah kaum Melayu ini daripada buruk kepada elok, daripada kurang kepada lebih, dan daripada rendah kepada tinggi pada serba-serbinya. Kerana jikalau tetap atau berbalik-balik dan berbelit-belit di situ sahaja tiada bertambah-tambah baik dan elok nescaya tidaklah dinamakan 'maju'. Apalagi jika makin sehari semakin ke belakang atau ke bawah: yang demikian ialah 'mundur' (mengundur) maka perkara-perkara itulah semuanya yang sentiasa memenuhi hati cik guru itu. Tetapi ia miskin tiada berharta: oleh itulah menambah-nambahkan ia dukacita siang dan malam, kerana tiada nampak jalan bagaimana kehendaknya itu boleh dijadikan segera dalam gelap-gelita dan kekurangan, yang menyelimuti bangsa Melayu ini lamun tiada dengan pertolongan wang dan modal yang banyak.

Adapun si murid lamanya yang ia berjumpa itu ialah anak seorang kaya. Tetapi fikirannya leka hendak bersuka-suka dan bersedap-sedap sahaja iaitu samalah juga seperti kebanyakan orang-orang muda yang tiada berpelajaran atau tiada perasaan bagi kaumnya apabila ada wang.

Bapanya orang muda itu baru meninggal, banyak orang tua itu meninggalkan harta pusaka. Tanah lombong bijih ada dua tiga tempat, kebun getah dan kebun kelapa beratus ekar, rumah sewa berpuluh pintu, tanah-tanah yang lain memanglah banyak. Kesemuanya itu berpuluh ribu jugalah masuk hasilnya pada sebulan. Wang tunai banyak juga ditinggalkan masa ia mati itu. Tetapi anaknya yang tinggal seorang itulah.

* *Al-Ikhsan*, hlm. 89, Januari 1927.

Si murid itu masa kecilnya kepada cik guru itulah ia telah mengaji sekolah Melayu sampai tamat. Lepas itu dimasukkan pula oleh ayahnya sekolah orang putih. Tetapi tiada berapa lama (baru sampai separuh jalan ia mengaji) ayahnya itu pun mati. Oleh bodohnya budak itu tiadalah ia sabar hendak mengaji lagi. 'Harta banyak, apa guna mengaji?' katanya. Orang-orang lain pun menasihatkan begitu juga kerana hampir-hampir semua orang Melayu memanglah fikirannya begitu, iaitu mereka menyuruh anak-anak bersekolah ialah supaya dapat alat buat 'makan gaji' akan jadi kehidupan.

Jikalau harta sudah ada apa guna alat itu lagi? Ibunya orang muda itu seperti perempuan lain-lain juga tiada berpelajaran, sebab itu bersetuju sahajalah ia dengan fikiran yang telah dipesakai dari nenek moyang ini. Dengan hal yang demikian lalulah budak itu berhenti sekolah.

Dua tiga tahun lepas itu berbelanja besar sahajalah kerjanya, memuaskan kehendak hatinya. Ia pun sudah jadi orang muda. Kawan-kawan yang sepertinya pun berkerumunlah menolong menghabiskan harta pusaknya itu. Oleh sentiasa berkawan dengan orang-orang jahat itu pun makin bertambah-tambah jahat.

Cik guru sekolah Melayunya tadi telah lama bertukar ke tempat lain. Jadi lamalah mereka kedua itu tiada berjumpa. Setelah berjumpa itu panjanglah cakap gurunya itu menasihatkan dia jangan membuang-buang harta tiada ketahuan. Lebih baik berusaha menambahnya lagi. Dan belanjakan di atas perkara yang boleh memajukan anak-anak Melayu.

Kata cik guru, "Aku ini apa akal tiada kaya, Mat. Kalau aku banyak wang nescaya aku belanjakan seberapa adanya buat membaiki hal orang-orang kita Melayu."

Jawab Mat dengan kesal rupa mukanya, "Entahlah cikgu, saya ini tidak pandai. Saya mengaji sekolah tiada cukup. Apa boleh buat nasib saya tidak baik. Kalau ayah saya ada lagi niatnya hendak hantarkan saya belajar ke Eropah. Tetapi sudah janji (takdir) sebanyak inilah bahagian saya. Sekarang hendak mengaji pun hati tiada tetap lagi."

Kata cik guru, "Kalau engkau tidak pandai, engkau boleh beri orang lain pandai engkau ada wang dan itu suatu perkakas yang amat besar. Macam-macam perbuatan me-

nolong bangsa boleh dibuat dengan wang. Pasal 'janji' dengan 'takdir' aku tidak mahu sebut, tetapi seperti yang engkau kata itu tadi tiada betul."

Jawab Mat, "Baiklah apa-apa perkaranya yang agak boleh dibuat cikgu?"

Kata cik guru, "Banyak sangat Mat, sebab orang-orang Melayu sangat jauh lagi tertinggal di belakang pada segala perkara. Pelajarannya masih rendah. Fikirannya gelap lagi dan banyak bodoh-bodoh. Perniagaannya tidak ada. Berniaga belum tahu. Bertukang-tukang membuat barang belum tahu. Perusahaan terlampau kurang – boleh dikatakan tiada. Waktunya banyak terbuang dengan bual-bual kosong. Tanah-tanah kampungnya pun begitu juga banyak terbuang percuma sahaja tiada bertanam-tanam penuh lalang. Segala kerja mencari duit dibuat oleh bangsa lain. Banyak lagi lain-lain daripada itu. Yang kukira itu bukan seorang-seorang tetapi ambil hitungan ramai ..."

Disampuk oleh Mat, "Benar cikgu, tetapi bagaimana kita dapat menolongnya supaya sekalian itu boleh hilang?"

Kata cik guru, "Kalau ada wang semua boleh jadi Mat. Dalam cawangan pelajaran sekurang-kurangnya boleh buka peraturan *scholarship* akan belanja menghantar murid-murid yang menang pergi meninggikan pelajarannya ke negeri-negeri asing. Orang-orang yang sudah tua itu tidak usahlah dihiraukan, apabila ia mati kelak hapuslah kebodohnya itu bersama-samanya. Anak kecil-kecillah mesti dibela pelajarannya. Dalam perkara tukang-menukang boleh belanjakan anak-anak Melayu belajar kepada tukang-tukang Cina membuat kasut, membuat barang-barang emas, membuat perkakas kayu, bertukang jahit, bertukang ini bertukang besi, membaiki basikal dan motokar dan lain-lain lagi. Di kampung-kampung Melayu sentiasa ada sahaja beberapa banyak orang muda-muda pas sekolah Melayu yang tiada apa-apa kerja dan tiada tahu apa hendak dibuat bagi mencari kehidupannya lain daripada makan gaji menoreh getah dan jadi kuli ukur tanah, mereka ini boleh dipilih siapa yang layak belanjakan belajar kerja-kerja pertukangan yang tersebut itu serta diberi gaji ia belajar itu. Dalam cawangan surat-surat pula boleh upahkan orang pandai-pandai mengarang dan menyalin kitab-kitab pengetahuan dan cerita-cerita yang

berguna dan membaiki perangai dari bahasa lain kepada bahasa Melayu dan dicapkan jual dengan harga yang murah supaya orang-orang kita dapat pengetahuan dan fikiran-fikiran baharu dan beransur-ansur subur hatinya dan baik keperangaiannya tentang rajin, usaha, jimat cermat dan sebagainya. Lain daripada itu banyaklah lagi. Tetapi jika perkara ini sahaja pun kalau dapat dimulakan jadilah dahulu."

Jawab Mat, "Itu ia juga cikgu. Tetapi apakah gunanya? Kita tiada dapat sesuatu faedah pun. Membelanjakan orang dengan tiada ketahuan bukan anak kita. Bukan saudara kita. Kita berbelanja. Orang dapat untung. Itu pun masalah menjadi, kalau tidak percumalah sia-sia sahaja. Bukan seratus dua ratus atau seribu dua ribu boleh cukup."

Kata cik guru, "Engkau itulah Mat. Apa-apa dibuat loba mengirakan faedah sendiri sahaja. Tidak suka kalau orang lain dapat faedah. Selagi orang Melayu berperasaan begitu, bangsa Melayu tidak boleh maju. Orang bangsa lain tidak begitu. Cuba lihat orang Cina, berapa berani ia mengeluarkan belanja beratus ribu kerana kebajikan bagi ramai. Sekolah doktor Singapura berapa banyak modal orang Cina termasuk di situ? Sekolah *Raffles College* yang hendak dibuka itu berapa banyak pula wang orang Cina masuk? Patutlah juga jikalau anak-anak Cina sahaja yang penuh belajar di situ. Begitu pula pasal *scholarship*, berpuluh-puluh *scholarship* telah diadakan oleh orang Cina bagi anak-anak bangsanya belajar di Singapura, di Hong Kong dan lain tempat. Padahal bukan tentu anaknya sendiri atau saudara dagingnya boleh dapat *scholarship* itu. Dan lagi seperti rumah sakit Tan Tock Seng di Singapura yang mengubati orang sakit daripada segala bangsa dengan percuma itu ialah khairat orang Cina juga asalnya (Tauke Tan Tock Seng). Padahal satu faedah pun ia tiada dapat ia sudah mati berapa lama. Jasa kebajikannya berjalan juga lagi tiada putus-putus dan namanya sentiasa disebut oleh orang-orang kemudian dengan hormat, sayang dan terima kasih, serta beberapa doa baginya."

Jawab Mat "Itu semua pasal nama cikgu. Orang-orang kafir sahajakan nama itulah yang diharapkannya lain apa? Kita orang Islam. Nama dan kegagahan itu memang tidak baik pada agama kita saya sudah tanya orang alim. Semua mereka itu mengatakan tiada baik mencari nama atau meniru

kafir. Kalau membuat masjid besar pahalanya, saya sudah buat masjid. Tiga buah semuanya yang sudah saya buat masjid dalam negeri ... ini. Masjid baharu yang di kampung saya itu semua dengan belanja saya. Dan lagi saya selalu juga bersedekah kepada fakir miskin."

Kata cik guru, "Bukan pasal nama, Mat. Kita mahu pasal kebajikannya kepada ramai itu. Baik kita dapat nama atau tidak apa kita peduli? Nama tidak usah dihitung. Kita hidup mesti membuat jasa, menolong orang, membuat kebajikan kepada orang. Kalau aku tidak salah ialah nabi kita yang berkata (حَيْرَ النَّاسِ مَنْ يَنْفَعُ النَّاسَ) yakni sebaik-baik manusia itu ialah orang yang mengalir manfaat daripadanya kepada manusia. Fasal kafir atau Islam, pahala tiada pahala tidak usah dikira. Itu Tuhan punya kerja. Perkataan ayat Nabi tidak tertentu bagi orang Islam sahaja tetapi ialah bagi semua manusia (Annas). Apa erti 'kafir' itupun tidak usahlah aku sebut sungguhpun engkau tiada apa faham nampaknya, kerana itu mestilah besar dan panjang kait-mengaitnya. Memadailah diingatkan kita hidup ini mesti membuat kebajikan yang berjasa kepada orang, bukan diri sendiri. Sebaik-baiknya kebajikan kita itu biarlah yang kekal berpanjangan walau kita sudah mati pun, kerana demikian itulah (صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ) iaitu satu daripada tiga perkara yang dikatakan oleh Nabi kita tiada putus amal seseorang anak Adam daripadanya apabila ia (anak Adam itu) mati. Perkataan itu pun tiada tertentu bagi orang Islam sahaja melainkan 'anak Adam'. Adapun fasal nama itu tergantung kepada hati. Kalau membuka masjid sekalipun jika hati tiada ikhlas kerana Allah Taala melainkan kerana puji dan sebagainya nescaya termasuk dalam jumlah riak dan mencari nama juga: Tiada satu faedahnya di akhirat walau seribu masjid pun dibuat. Demikian juga bersedekah walaupun kesemua harta engkau itu engkau sedekahkan. Dan lagi fasal membuka masjid itu benar juga. Tiada siapa menidakkan. Tetapi pada zaman kita ini dengan keadaan kaum kita semacam ini bukannya itu semua yang kita lebih berkehendak. Bangsa kita tidak boleh maju dengan masjid sahaja, jikalau orang yang memenuhi masjid itu jahil dan bodoh, atau orang-orang yang tiada layak hidup di dunia, ataupun kuman-kuman cara tua yang meracun darah daging dan

sendi selorang anak-anak bangsa kita daripada kemajuan dunia zaman ini. Maka bersedekah seperti yang engkau selalu buat kepada fakir miskin itu bukannya sedekah yang kekal (sedekah jariah) yang tersebut pada hadis itu. Sedekah yang kekal itu ialah yang tiada putus kebajikannya kepada orang ramai. Buatlah perkara yang kukatakan tadi iaitu kekal faedahnya bagi ramai. Jangan kira hendak cari nama atau hendak untuk sendiri atau hendak dapat pahala. Hanya semata-mata niatkan hendak berbuat jasa atau kebajikan kepada orang-orang kita sahaja iaitu sama seperti membuka masjid tadi juga. Itulah yang terlebih sangat kita mahu zaman ini. Demikian pula jangan kira hendak dapat hasilnya esok atau lusa. Kira 100 tahun yang akan datang. Begitulah kaedah orang-orang barat maju. Cuba perhatikan."

Jawab Mat, "Baiklah cikgu!" Tetapi mukanya nyata menunjukkan 'baiklah'nya itu 'ya' tiada bertitik. Nampaknya tersayang-sayang juga ia hendak 'membuang' duit seperti yang dinasihatkan oleh cik guru itu walau satu sahaja pun daripadanya. Pengharapannya pun telah kuat nampaknya akan dapat mahligai dalam syurga kerana tiga buah masjid yang sudah dibuatnya itu. Apabila sudah ada itu hatinya pun senang akan membuat sekehendak hawa nafsunya apa yang sedap, kerana mahligai dan penunggu-penunggunya yang amat baik-baik paras sudah siap menanti di sana!

Kemudian daripada bercakap-cakap fasal lain lebih kurang sedikit. Kedua-duanya itu pun berjabat tangan dan berpecah, guru itu pulang ke rumahnya yang buruk dan kecil. Si murid lama itu memusing pesawat motokarnya yang baru lalu berjalan menuju ke tempat yang hendak dipergikannya.

Ada setahun lamanya kemudian daripada itu tiadalah berjumpa-jumpa lagi antara guru dengan muridnya yang kaya itu. Hanya cik guru itu mendengar-dengar khabar sahaja berbagai-bagai cakap mengatakan orang muda itu semakin telah bertambah-tambah asyiknya dengan 'joli' dan bersuka-suka, belanjanya semakin boros. Sekali-sekali ia kalah bertaruh lumba kuda sampai berpuluh ribu, hutangnya telah banyak, kebun-kebun dan rumah sewa pun banyak yang telah terjual dan tergadai. Berbini sudah berbelas orang, kadang-kadang sampai empat sekali dipasangnya, lepas dua tiga

bulan dibuangkannya. Ganti pula lain. Dalam pada itu kerja yang tiada betul dilakukannya juga. Kadang-kadang ke tanah Jawa, terkadang ke Eropah ia mencari perkara-perkara yang memuaskan hawa nafsunya. Pergi bertukar angin konon! Kesudahannya ia kahwin dengan seorang perempuan wayang yang tua lalu membuka suatu wayang bangsawan. Tiada berapa lama lepas itu kedengaranlah khabar pula ia telah jatuh bankrap. Wayangnya ditutup dan segala hartanya semua akan dilelong buat pembayar hutang. Ia sendiri sedang kena sakit cabuk angin perempuan, dan bininya yang tua itu telah lari daripadanya!

Cik guru tadi mendengar itu menggaru kepala. "Aku kalau kaya," katanya, "sekali-kali tiadalah aku akan meninggalkan harta kepada anakku barang satu sen pun apabila aku mati, lain daripada untuk belanja belajarnya. Selebihnya akan kuserahkan kepada kerajaan atau kepada siapa-siapa kuasa yang layak atau *trustee-trustee* yang khas suruh jalankan dalam bank dan lain-lainnya. Faedahnya sebahagian dibuat *scholarship* bagi memajukan pelajaran anak-anak Melayu di sekolah-sekolah negeri ini dan kemudiannya di negeri Eropah dan lainnya. Sebahagian buat belanja membanyakkan kitab-kitab cara baharu dalam bahasa Melayu dan membela perdirian bahasa Melayu, dan sebahagian lagi belanja mengajarkan ilmu-ilmu pertukangan yang boleh dapat dalam negeri ini kepada anak-anak Melayu. Demikianlah aku wasiatkan kelak mesti dibuat apabila aku sudah mati. Ataupun ketika hidupku lagi aku buka sekolah besar yang menghimpunkan ilmu-ilmu timur dan ilmu-ilmu barat cara sekarang seperti *Mohammadan Anglo-Oriental College* yang telah dibuka oleh Sir Syed Ahmad di Aligarh (India) itu. Selebihnya kalau ada lagi wangku nescaya kuwasiatkan suruh gunakan kemudian daripada matiku buat mengadakan suatu perhimpunan kitab-kitab (*library*) yang cukup lengkap isinya, bagi penggunaan ramai, ataupun buat membuka rumah sakit percuma bagi segala bangsa, atau di kampung-kampung Melayu supaya menjinakkan orang-orang Melayu kampung berubat memakai peraturan ilmu ubat-ubat cara sekarang. Fasal masjid-masjid dan wakaf-wakaf khairat di Makkah dan sebagainya sudah sedia banyak, tiada faedahnya diperbanyak-banyakkan lagi dengan keadaan seperti yang sudah-sudah itu."

Demikian cakap cik guru itu seorang dirinya. Tetapi sayang! Semuanya itu akhirnya jadi angan-angan sahaja, tiada satu pun yang menjadi, ialah oleh tiada alatnya iaitu 'maharaja wang'.

Cerita yang di atas ini diasaskan atas hal yang benar dalam cerita itu terhimpun beberapa perkara yang mencontohkan hal ehwal kelakuan dan fikiran yang memang biasa ada pada orang-orang kita Melayu, dan perkara yang diceritakan itu kebanyakannya memanglah selalu jadi antara orang muda-muda Melayu asalkan dia dapat harta pusaka banyak sedikit. Cik guru itu contoh daripada kaum muda yang berperasaan baharu tetapi tiada banyak antara orang Melayu sekarang. Si murid itu contoh daripada pihak yang berfikiran cara tua, baik pada kepercayaan agama (tentang masalah-masalah membuat khairat, mencari nama, pahala, takdir, kafir dan sebagainya) atau pada pihak fikirannya berkenaan dengan menggunakan wang, tamakkan faedah diri, dan tiada perasaan bagi kebajikan ramai. Pendeknya bagaimana yang berlaku bagi pihak si murid dalam cerita itu begitulah yang lazim berlaku pada kebanyakan orang Melayu sekarang. Maka nyata daripada cerita ini perbezaan antara fikiran 'kaum muda' (atau kaum maju) dengan 'kaum kuno' tentang menggunakan wang dan berbuat khairat, berbuat jasa dan mencari pahala, mencari nama dan mencari syurga. Perasaan kaum kuno itu ialah perasaan yang dilafazkan oleh si murid apabila menjawab perkataan-perkataan cik guru itu, dan demikian itulah perasaan yang am pada kebanyakan orang-orang kita Melayu sekarang baik tuanya atau mudanya.

Demikian pula apabila ada sesuatu cadangan yang hendak dibuat bagi memungut atau membelanjakan wang kerana kemajuan kaum maka ajaran-ajaran ulama cara tua yang dikatakan daripada agama Islam itu selalu digunakan buat perisai menepiskan atau menggalang akan dia: "itu haram, ini haram, itu mencari nama, ini riak, itu meniru kafir, ini menyalahi agama Islam, buat masjid, baca zikir, bilang buah 'tasbih' (musbahat) - itu lebih baik daripada *scholarship*," begitulah patinya.

Kita sangat kekurangan orang yang berperasaan gemar pada faedah-faedah ramai (orang yang ada *public spirit* kata orang putih). Barangkali yang berperasaan demikian belum

ada satu orang dalam tiap-tiap 10 000 orang Melayu melainkan kebanyakan masing-masing menilik kepada faedah diri, loba kepada tembolok sendiri, tamak ke perut sendiri 'kalau kita sendiri tak dapat faedah apa guna?' Sebab itulah apabila memungut wang kutipan kerana apa-apa hal kebajikan ramai, tiada pernah dapat bantuan banyak daripada orang Melayu (orang Cina jua yang menang!) istimewa pula jika pada perkara yang tiada memberi janji pahala atau mahligai dan bidadari dalam syurga. Kalau perkara yang tiada kebajikan bagi kaum seperti ronggeng-monggeng, tari-menari, boleh. Ada puaknya dan 'kakinya' yang membantu dengan suka hati dan berpenat-penat kerananya.

Segala cita-cita cik guru yang dalam cerita itu semuanya boleh dijayakan jika ada muafakat dan bertolong-tolongan mengumpulkan wang daripada si ramai. Tetapi jikalau hendak dipukulkan kepada seorang tentulah tiada akan terpikul. Kerana segala tujuannya itu jika hendak disempurnakan semuanya tiada boleh cukup dengan empat lima meliun ringgit. Bahkan jika sebanyak yang telah dihadiahkan oleh kerajaan negeri-negeri Melayu yang bersekutu kepada pekerjaan pangkalan kapal perang di Singapura (2 meliun *pound*, bukan ringgit!) itu barangkali harus boleh cukup buat permulaan. Tetapi sebanyak itu Tuan Henry Ford atau Rockefeller pun gentar juga hendak menyanggup seorang diri jika dikehendakkan sekali gus. Akan tetapi jika semua orang Melayu dapat dimuafatkan beramai-ramai memberi bahagiannya sedikit seorang, serta beransur-ansur hingga beberapa tahun nescaya boleh dapat sebanyak itu atau lebih berganda-ganda daripada itu. Seyogianya ikhtiar inilah dijalankan sekarang. Tidak usah harapkan pihak yang berkuasa.

Sekolah tinggi *Mohammadan Anglo-Oriental College* yang disebut oleh cik guru dalam cerita itu telah dibuka oleh Sir Syed Ahmad Khan dalam tahun 1875-77 iaitu separuh dengan belanjanya sendiri dan separuh daripada wang kutipan yang dipungutnya antara orang-orang Islam meratarata negeri India. Berapalah kesusahan yang telah ditanggungnya kerana hendak mendirikan kolej itu, dan beberapa ia menerima sumpah dan seranah dan petua-petua

kafir daripada orang-orang Islam dan ulama-ulama cara tua di India, hingga dikata ia membuat mazhab baharu (mazhab 'yangcerih' kata orang Hindustan) dan sebagainya. Tetapi lama-lama dengan sebab usahanya dapat juga terdiri kolej itu mengikut peraturan kolej-kolej dan *public school* yang besar-besar di England iaitu kemudian daripada ia telah menghabiskan masa hampir dua tahun di negeri England dan Scotland memerhatikan dan menyiasat peraturan kolej-kolej dan universiti-universiti dalam negeri-negeri itu. Tatkala mula-mula dibukanya dahulu Kolej Aligarh itu ialah keadaannya satu 'kolej' atau sekolah tinggi sahaja (sebagaimana *Raffles College* yang tengah dibuat di Singapura sekarang). Tetapi lama-kelamaan telah bertambah-tambah tumbuh dan besar hingga sekarang telah menjadi ia sebuah 'Muslim University' (perhimpunan beberapa banyak kolej) yang di dalam tadbir orang-orang Islam dan mengekhaskan pengajian-pengajian Islam dan mengajarkan bahasa-bahasa Arab, Parsi, Sanskrit, dan beberapa bahasa timur yang lain-lain dan bahasa-bahasa Eropah yang besar-besar juga, serta segala jenis pengetahuan otak yang diperoleh di Eropah dan merdeka dengan profesor-profesor yang khas bagi masing-masing cawangan itu. Dan lagi telah boleh memberi digri (pangkat-pangkat kesempurnaan pengajian seperti BA dan MA) kepada murid-muridnya sama seperti universiti-universiti yang lain-lain juga. Cerita tarikh hidup Sir Syed Ahmad ini (1817-1898) dan cerita pekerjaan besar-besar yang telah disempurnakan masa hidupnya bagi membawa masuk cahaya kemajuan dan fikiran-fikiran cara sekarang kepada anak-anak muda Islam di India itu amat lanjut dan barangkali tiada tempatnya dalam majalah *Al-Ikhwān* ini.

Teguran dan Jawapan*

TELAH kita terima teguran yang pertama dalam karangan yang dalam *Al-Ikhwan* penggal yang kedua daripada taulan kita penulis jawi yang masyhur Encik Za'ba maka kita masukkan ke dalam *Al-Ikhwan* ini tiap-tiap saat fasal yang ditegurkannya itu serta dengan jawab kita di bawah tiap-tiap satu fasal daripada teguran itu. Kerana sangka kita teguran yang demikian ini memberi guna bagi menambahkan faham kehendak-kehendak yang dalam *Al-Ikhwan* serta menerangkan lagi tujuannya kepada sekalian pembaca-pembacanya. Adapun suratnya itu demikianlah bunyinya:

*Jannabulmukaram al-habib al-labin Syed Syeikh al-Hadi
Sahibul Al-Ikhwan dengan kesejahteraannya
di Pulau Pinang*

Habib yang mulia,

Dalam bilangan Al-Ikhwan sekali ini (bulan Oktober 1926) ada beberapa perkara yang saya tiada bersetuju dan harap jua saya mengeluarkan sedikit fikiran darihal perkara-perkara itu.

Dalam "teriak yang sebenar" ayat perkataan-perkataan menyebut yang kita diperhambakan oleh bangsa lain itu tentu sekali menyemaikan perasaan benci dan tiada setia kepada pemerintah kita. Hal kita jadi hamba orang itu tiada disebut-sebut pun kebanyakan kita tahu dan terasa. Sebab itu sebaik-baiknya jangan disebut kerana kelak menumbuhkan perasaan sakit hati sahaja kepada pihak yang memperhambakan itu. Istimewa pula pada masa ini belum sekali-kali layak kita memajukan perasaan demikian. Yang patut kita kuatkan (lain daripada fasal: Pelajaran. Dan kemajuan fikiran dan perkara-perkara yang meluaskan pengetahuan ramai) ialah fasal negeri kita dipenuhi oleh orang-orang Cina dan Hindu tiap-tiap tahun beratus ribu masuk ke dalam negeri kita mencari rezeki. Padahal kita Melayu sentiasa dalam

* *Al-Ikhwan*, hlm. 50, November 1926.

kemiskinan, orang Cina dan India membuat segala kerja berkuli dan sebagainya dalam negeri kita. Kita mengapa tidak mahu (semua hendak bekerja besar sahaja padahal tidak layak). Orang Cina bekerja dari celik mata pagi-pagi sampai tengah malam. Kita mengapa tidak buat begitu? Orang Cina sampai ke ceruk-ceruk dan penghabisan hulu-hulu negeri kita berkedai berjaja membelah papan dan sebagainya. Kita mengapa tidak? Dan lain-lain yang seperti inilah yang sangat wajib diulang-ulang. Jangan sekali-kali disentuh bangsa pemerintah dan kekayaannya dan kekuatan di atas kita kerana itu semata-mata boleh memarakkan api daripada bara yang sememang ada dalam hati tiap-tiap bangsa yang kena perintah oleh bukan sebangsanya itu. Dan tiada faedahnya.

Demikian lagi tentang keperangaian – rajin, usaha, jimat cermat, benar, amanah, kecermatan diri, maruah, menepati janji. Menghargakan waktu tiap-tiap minitnya. Perasaan gemarkan faedah ramai. Dan beratus-ratus yang lain lagi – semua itu sangat kekurangan pada am kita Melayu jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Maka itulah semua perkara yang sangat patut diulangi. Ditunjukkan dan contohkan dengan suara yang nyaring. Demikian pula lawan segala sifat-sifat keperangaian yang tersebut itu. Ditunjukkan kehinaannya berulang. Dibenci dan diminta cabutkan dari akar umbinya: seperti boros, suka berhutang, leceh membayar hutang, tiada kehormatan diri, tiada kemerdekaan perangai, tiada keteguhan perangai, mudah terbantut apa-apa kerja, tiada perangai bergantung kepada diri sendiri, sentiasa menadah dan suka minta tolong, gemar tertunduk-tunduk mengharapkan rahmat dan kasih orang dari atas, suka membangsakan diri jadi kutu di atas kepala, takutkan raja-raja, tamakkan faedah diri, suka berbini banyak (tidak boleh sahaja ada wang sedikit atau ilmu sedikit!) Suka membuang-buang waktu, tamak hendak dapat laba terlonggok dengan sertamerta dan beratus-ratus pula perkara yang lain yang terbit daripada salah faham akan kehendak agama Islam seperti bawaan جُكْرِيَّة (kepercayaan kepada takdir Tuhan semata-mata) menghinakan dunia sehingga tinggal kewajipan-kewajipan hidup, sentiasa mengira-ngira dosa pahala halal haram. Sunat makruh. Syurga neraka, padahal bekerja (amal) tiada, dan lain perkara yang besar-besar bagi kemajuan dan keselamatan amat tiada diendahkan, menghitung orang dahulu sentiasa sahaja lebih daripada orang kemudian (semakin jauh kemudiannya semakin kurang kelebihan orang kemudian itu akhirnya semua orang kemudian kelak jadi

sakai!) dan lain lagi daripada itu. Itulah semua yang sangat-sangat wajib diulangi. Barang siapa telah diperanakkan di antara Melayu jati di kampung-kampung dan besar dalam perhimpunan mereka itu seperti saya, tahulah ia akan segala sifat kekurangan ini yang tiada sekali-kali melayakkan bangsa ini memerintah negeri selagi belum hilang sekurang-kurangnya } daripada sifat itu.

"Teriak" itu jika disampuk-sampukkan dalamnya perkataan yang membayangkan kita tiada suka jadi hamba orang pada masa ini nescaya jadilah racun bukan penawar, walaupun disamakan di celah-celah dengan kalimah-kalimah memuji dan menerima kasih kepada tuan penghulu itu, atau dengan kalimah-kalimah yang mengatakan tidak patut mencampuri politik kerajaan. Pada perasaan saya semua itu seolah-olah menanam tebu di bibir mulut sahaja. Dan pemerintah sangat mengerti akan tujuannya yang sebenar.

Kejatuhan kita ke tangan bangsa lain demikian pula kekalahan kita oleh bangsa Cina dan lainnya itu ialah oleh sebab kesalahan kita sendiri. Maka kesalahan itulah yang hendak dibaiki: Jangan disebut fasal kejatuhan, bila sudah hilang sebab-sebab yang membawa jatuh itu nescaya dengan sendiri kita kelak naik ke atas dengan tiada payah dibincang-bincangkan yang kita ini jatuh dan jadi hamba orang oleh sebab itu kerja! kerja!! buat kerja!!! Jangan dipadankan dengan bersedap-sedap dan berteriak-teriak terpekik-pekik.

Jawab *Al-Ikhwan* tiadalah tersangka sekali di hati kita bahawa penulis yang seumpama Tuan Za'ba itu boleh terkeliru fahamnya dalam rencana teriak sebenar itu sehingga dimasukkannya sama bangsa pemerintah kita ini ke dalam perkumpulan bangsa yang dikehendaki dalam teriak itu. Kerana sangka kita pengakuan yang telah kita akui dalam teriak itu bahawa dengan sebab pemerintahan kerajaan Inggeris yang maha besar inilah boleh terlepas kita daripada perhambaan itu memadailah rasanya bagi melepaskan kita daripada tuduhan ini. Kerana kita tiadalah gemar sekali-kali menyebutkan tiap-tiap satu bangsa itu dengan namanya yang khas. Sebab sekalian bangsa-bangsa itu tiada apa kesalahannya memang peperangan kehidupan dunia ini memberi kelebihan bagi orang yang bekerja dan berusaha dan berpengetahuan, hanyalah disebut-sebut akan dia itu supaya

